

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 52

Rabu

29 Oktober 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2009	(Halaman 26)
USUL-USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2009	(Halaman 26)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 108)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 29 Oktober 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan akan memberikan kepada 6,000 kontraktor kritikal yang terlibat menjayakan projek rakyat di bawah RMK-9 suntikan tambahan memandangkan harga bahan binaan dan harga minyak semakin naik sedangkan harga tender yang ditawarkan tidak lagi relevan dengan keadaan semasa.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:
Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kenaikan harga bahan binaan dan juga bahan minyak, maka kerajaan bersetuju untuk mengkaji perubahan harga bagi memastikan projek kerajaan tidak tergendala.

Untuk tujuan tersebut, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.3/2008 bertarikh 6 Ogos 2008 mengenai syarat dan kaedah pengiraan perubahan harga yang baru dengan membatalkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.14/1991 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/2008.

Peraturan baru ini membolehkan syarat perubahan harga khas diberikan kepada projek reka dan bina kerja mekanikal dan *electrical* di samping menambah bilangan bahan binaan bagi tujuan pengiraan perubahan harga. Kerajaan juga telah memberikan kemudahan khas kepada kontraktor.

Pertama, lanjutan masa sehingga tiga bulan bagi projek yang masih dalam pembinaan dan bayaran kemajuan interim bagi VOP dibuat dua kali sebulan mengikut nilai kerja sebenar bagi membantu aliran tunai kontraktor. Kerajaan yakin dengan adanya mekanisme tersebut boleh membantu kontraktor terutama untuk mewujudkan aliran tunai yang positif bagi kontraktor-kontraktor tersebut. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, kerajaan

telah mengumumkan sebelas item baru bahan binaan yang terkandung di dalam pelaksanaan syarat pengiraan perubahan harga ataupun *variation of order* dengan izin.

Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi senarai bahan binaan di dalam VOP tersebut supaya tidak terhad kepada hanya beberapa bahan sahaja? Ini adalah kerana seperti yang kita ketahui, bahan binaan ini hanya membabitkan 35% hingga 40% sahaja kos bahan binaan sedangkan selebihnya adalah bahan yang tidak tersenarai di dalam VOP tersebut.

Apakah langkah pemantauan dan sokongan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan projek Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dilaksanakan oleh kontraktor mengikut jadual? Adakah langkah tersebut termasuk langkah memberikan peruntukan tambahan di dalam bentuk *ex gratia* iaitu pembayaran sebanyak 20% daripada harga tender asal bagi membantu kontraktor-kontraktor kritikal yang terlibat di dalam pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, sistem VOP baru ini diperkenalkan pada 1 Januari 2008. Seperti mana kata Yang Berhormat, ia melibatkan enam item baru menjadikan sebelas daripada lima. Yang melibatkan lima item dahulu ialah besi, simen, gasolin, *fuel oil* dan bitumen. Kemudiannya, bahan-bahan tambahan iaitu *premix*, pasir, 'gregat', paip air dan paip pembedungan, gradual dan juga *fabric red reinforcement*.

Buat masa ini, kerajaan memakai sistem ini dahulu. Di samping itu kerajaan sedang mendapat *feedback* daripada agensi pelaksana, apakah perubahan-perubahan yang perlu dilakukan pada masa yang akan datang.

Dari segi pemantauan, apa yang berlaku di Kementerian Kewangan, kita mempunyai jawatankuasa peringkat tertinggi untuk memantau pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita tahu bahawa dari segi projek-projek pembangunan, agak sederhana pelaksanaannya.

Di antaranya adalah disebabkan kepada memenuhi keperluan tukar syarat tanah dan keperluan statutori yang lain. Mengenai dengan pertambahan harga dalam bentuk *ex gratia* Yang Berhormat nyatakan itu, buat masa ini kerajaan berpegang kepada sistem bahawa kerajaan bersetuju untuk membuat perubahan harga berteraskan kepada harga sebenar yang disiarkan oleh Jabatan Perangkaan. Ini akan dilakukan dan sudah tentunya dapat membantu para kontraktor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dalam usaha untuk membantu kontraktor-kontraktor khususnya dalam suasana kegawatan ekonomi, salah satu masalah kontraktor Tuan Yang di-Pertua adalah permasalahan bayaran, *delayed* ataupun *nonpayment*. Terdapat banyak kes *litigation* atau ligitasi akibat daripada perkara-perkara ini. Pada awal tahun ini, *Masters Builders Association of Malaysia* (MBAM) mengangkat isu tentang perlunya dipercepatkan Akta - *Contructions Industry Payment*

And Education Act seperti mana yang wujud di negara-negara yang maju seperti UK, New Zealand, Singapura yang ada *Building Construction Industries Securites of Payment 2004*.

Tuan Yang di-Pertua, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri ke atas perkara ini kerana khususnya dalam menangani pembinaan yang lebih besar seperti koridor-koridor dan isu pembayaran bagi membantu kontraktor dari segi aliran tunai mereka.

■1010

Apakah perkara dan akta ini dapat dipercepatkan, khususnya juga sebagaimana yang dihadapi oleh subkontraktor kerana sedikit masa dahulu kerajaan membantu terus kepada subkontraktor. Jadi, soalan ini adalah cukup penting bagi membantu kontraktor dan juga subkontraktor dalam menghadapi kegawatan ekonomi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita memantau dari segi aliran tunai kerajaan pada setiap waktu untuk memastikan bayaran dibuat dengan cepat. Antara punca mengapa bayaran lewat berlaku adalah kerana dokumen yang sepatutnya diberi oleh kontraktor kepada kerajaan tidak menepati kehendak, itu yang lewat. Biasanya dokumen yang memenuhi semua keperluan itu kita bayar dengan cepat. Di samping itu, di Kementerian Kewangan, kita ada Bahagian Kawalan dan Pemantauan yang mana saya percaya dari segi pembayaran lewat ini elok kita buat secara rasmi. Maknanya kita mempunyai satu unit aduan dari segi bayaran lewat dan kontraktor hendaklah membuat aduan di situ. Ia akan menjadi lebih mudah untuk kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita dari segi pembayaran.

2. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan mengapakah terdapat masalah dalam pelaksanaan program e-Tanah dalam Syarikat Precision Portal.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Syarikat Precision Portal tidak terlibat dalam pelaksanaan projek perintis e-Tanah di Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, projek perintis e-Tanah di Pulau Pinang telah dilaksanakan oleh Syarikat Island Sdn. Bhd. Perolehan projek ini telah dibuat secara tender terbuka dan Syarikat iLaunch Sdn. Bhd telah dilantik sebagai kontraktor dari sejumlah 41 petender yang mengemukakan cadangan kepada kerajaan.

Sistem e-Tanah adalah merupakan satu sistem yang dibangunkan berasaskan teknologi web yang bersepadu dan seragam untuk mempercepatkan dan mempertingkatkan sistem pencapaian perkhidmatan awam dalam pengurusan pentadbiran tanah di Semenanjung Malaysia. Sistem ini melibatkan sembilan modul utama iaitu pendaftaran, hasil, strata, lelong, *consent*, pembangunan, pelupusan, pengambilan dan penguatkuasaan. Sistem ini juga disokong oleh 10 modul sokongan. Ini menjadikan sistem ini agak besar dan kompleks iaitu melibatkan 845 sub-modul urusan tanah. Oleh itu sistem ini memerlukan sedikit masa untuk stabil.

Pada masa kini sistem ini menghadapi sedikit masalah yang berpunca daripada data yang tidak bersih di mana sejumlah 58,906 data daripada 297,322 hak milik di Pulau Pinang tidak dapat dipadankan. Ini adalah merupakan kesan daripada sistem lama yang diguna pakai iaitu Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer dan Sistem Pungutan Hasil Berkomputer yang tidak berintegrasi antara satu sama lain. Perkara ini sedang diatasi oleh pihak vendor.

Walau bagaimanapun beberapa modul utama seperti pendaftaran dan hasil telah diguna pakai di pejabat-pejabat tanah di Pulau Pinang. Sementara itu modul-modul lain, saya percaya sekarang ini sudah distabilkan dan dapat digunakan pada awal tahun 2009. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Masalah tanah ini kita timbulkan kerana inilah masalah yang paling sering dihadapi oleh rakyat. Yang Berhormat Menteri, saya cuma perlu mengingatkan balik bahawa sewaktu projek e-Tanah ini dilancarkan saya membaca kenyataan kementerian yang menjanjikan kalau urusan pecah hak milik tanah akan mengambil masa daripada dua tahun kepada dua bulan. Manakala bagi permohonan geran tanah kementerian berjanji boleh disiapkan dalam masa satu hari. Ini dalam *archive* berita yang dilaporkan oleh kementerian.

Hari ini saya mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa pelaksanaan projek perintis itu mempunyai masalah. Sementara itu Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa ia melibatkan sembilan modul tetapi skop kerjanya lebih 1,000. Isu yang saya hendak bangkitkan ialah mengapakah setelah kegagalan projek ini yang di tangguh dua, tiga kali, apakah bayaran projek ini yang dianggarkan mencecah hampir RM70 juta ini telah dilunaskan oleh kerajaan? Adakah ia telah dibayar atau belum? Kedua, kalau telah dibayar, memahami kegagalan projek perintis ini, apakah *roll out*nya ataupun peluasan projek ini di seluruh negara akan terus dilaksanakan juga kerana ia melibatkan dana yang cukup besar?

Yang Berhormat Menteri, serentak dengan ini, soalan saya yang terakhir ialah apakah fungsi unit komputer di pejabat-pejabat tanah dan galian di kementerian? Kerana saya fikir kalau mengenai urusan tanah ini kepakarannya ada di situ, kepakaran bukan pada di mana-mana syarikat swasta.

Jadi, itu dua, tiga perkara dasar yang saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama, Yang Berhormat telah pun membuat kesimpulan bahawa projek ini telah gagal. Ingin saya memperjelaskan di sini bahawa projek ini tidak gagal. cuma mungkin ada kelewatan sedikit tetapi saya ingin menegaskan bahawa ia tidak gagal kerana sekarang ini kita telah menggunakan dua modul iaitu modul pendaftaran dan modul kutipan hasil. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bagi tahun 2008 sebanyak 21,259 urusan telah pun berjaya dijalankan dalam urusan modul pendaftaran. Bagi kutipan hasil, kita telah berjaya mengutip sebanyak 153 juta kutipan hasil melalui sistem ini.

Saya juga telah melawat ke PTG Seberang Perai Utara dan telah menyaksikan program ini telah dijalankan dan sewaktu kita melalui satu modul iaitu pendaftaran urus niaga. Saya cukup kagum kerana sewaktu urusan ini dijalankan ia dapat disiapkan dalam masa 15 minit sedangkan kalau kita menggunakan sistem cara biasa ia memerlukan tidak kurang daripada dua jam. Ini adalah beberapa bukti yang menunjukkan bahawa program ini tidak gagal dan saya yakin pada awal tahun depan ia dapat dijalankan dengan sepenuhnya.

Kedua, mengenai keluasan kepada seluruh negara, perkara ini sedang ditimbang oleh Jabatan Perdana Menteri kerana mereka akan membuat satu penilaian sama ada projek ini akan diperluaskan ataupun tidak. Mengenai bayaran saya tidak ada angka terperinci di sini tetapi dalam perjanjian kita memang ada cara bagaimana hendak melunaskan bayaran-bayaran tertentu. Namun saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kementerian memang sentiasa memainkan peranan untuk menjaga kepentingan kerajaan dan kepentingan rakyat, maka kita tidak akan membayar sewenang-wenangnya tidak mengikut perjanjian.

Seterusnya mengenai peranan komputer, unit komputer ibu pejabat akan menjadi satu tempat di mana ia mempunyai segala data dan pusat komputer ini adalah penting. Ia tidak diketepikan walaupun sistem e-Tanah ini dijalankan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut Islam, manusia ini berasal daripada tanah. Jadi, bab tanah ini orang sanggup bergaduh jika tanahnya diceroboh, diambil alih dan sebagainya. Sebelum ini timbul isu iaitu sistem pengkomputeran di pejabat tanah diceroboh sehingga ramai pemilik asal kehilangan tanah kerana dijual kepada orang lain sebab ada pencerobohan yang dilakukan oleh orang dalam. Saya ingin tahu apakah perkara ini diperbaiki melalui satu sistem yang lebih baik supaya kes-kes orang yang kehilangan tanah kerana adanya penyelewengan oleh orang dalam ini diatasi dan apakah soal e-Tanah ini tidak mengambil kira perkara yang berkaitan tentang pertindihan hak milik terhadap geran tanah tertentu. Terima kasih.

■1020

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju dan kerajaan juga bersetuju bahawa hal ehwal tanah ini adalah begitu penting sekali. Jadi oleh sebab itu kita mengambil beberapa tindakan untuk membaiki sistem penyampaian awam kepada pengurusan-pengurusan tanah kita dan kita percaya dengan menggunakan e-Tanah ini, kita harapkan beberapa masalah yang disebutkan Yang Berhormat tadi dapat kita atasi. Walaupun tanah ini telah belum di *roll out* ke seluruh negara, kementerian mengambil berat mengenai beberapa kes penipuan yang telah pun berlaku di seluruh negara. Walaupun tidak banyak, pada tahun 2007 ada 39 kes penipuan yang berlaku.

Walaupun itu dianggap kecil kerana dalam negara kita ada 6.6 juta geran tanah tetapi penipuan ini ialah satu kes yang amat diambil berat oleh kerajaan maka kita mengambil beberapa tindakan yang sekarang kita nampak kesannya. Pertama kita kerjasama dengan pihak

polis untuk mengatur satu pasukan untuk mengawasi kegiatan-kegiatan di pejabat-pejabat tanah. Kedua, kita mungkin akan menggunakan biometrik supaya cap jari dapat digunakan untuk menentukan kesahihan seseorang apabila mengendali satu urusan dan di beberapa tempat kita mengadakan CCTV untuk kita mengawasi siapa yang datang untuk urusan dengan pejabat tanah. Itulah di antara langkah-langkah yang telah diambil dan saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini kita akan tumpu masa penuh kepada masalah-masalah tanah ini. Terima kasih.

3. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan apakah boleh projek bekalan air bersih untuk Rancangan FELDA dan Kg. Murut yang bakal dilaksanakan oleh FELDA, diperluaskan untuk menampung sekali beberapa kampung yang berhampiran.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Kalabakan saya mengucapkan terima kasih kerana senantiasa mengambil berat kepada kawasan dia terutamanya di kawasan FELDA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kampung Murut merupakan sebuah perkampungan yang terletak bersebelahan dengan ladang FELDA di Kalabakan. Pada tahun ini, Kerajaan Pusat bersetuju menyediakan peruntukan menaik taraf bekalan air untuk dibekalkan kepada penduduk kampung suku kaum Murut ini. Projek naik taraf ini dibiayai melalui peruntukan FELDA di bawah program pembasmian kemiskinan penduduk negeri Sabah.

Projek naik taraf bekalan air ini menelan kos kira-kira RM12 juta dan dijangka siap pada tahun 2010. Kerja-kerja menaik taraf bekalan air termasuklah membina *intake system*, mengadakan paip penghantaran, penapisan dan tangki simpanan. Mengenai permohonan Ahli Yang Berhormat supaya projek bekalan air ini diperluaskan kepada kampung lain yang berhampiran, difahamkan peruntukan bagi menaik taraf tersebut adalah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Justeru itu, kerajaan akan meneliti peruntukan yang telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi faedah penduduk yang tinggal di kampung yang terlibat. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih timbalan menteri. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasihlah kerana kementerian prihatin terhadap penduduk Murut di Kalabakan. Jadi persoalannya sekarang, bilakah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, seperti mana soalan asal, bilakah kampung-kampung yang berdekatan dapat menikmati bekalan air?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Sebenarnya Yang Berhormat Kalabakan, setelah kita ada mempunyai peruntukan kita salurkan kepada kerajaan negeri iaitu Kerajaan Sabah, untuk dijalankan beberapa projek-projek khusus ke arah untuk pembasmian kemiskinan dan secara kebetulan Yang Berhormat Kalabakan telah menyuarakan tentang masalah bukan sahaja di kawasan FELDA tetapi juga kawasan-kawasan yang berhampiran, jadi kita telah pun mengambil

tindakan untuk memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor untuk mengambil bahagian dalam projek pembasmian kemiskinan ini iaitu hubung kait berkenaan dengan bekalan air. Tender telah pun kita keluarkan pada bulan Jun tahun ini tetapi oleh sebab masalah kenaikan harga barang dan sebagainya, seperti mana yang pernah disebut oleh Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi, keadaan ini membuatkan kita kena buat penilaian semula dan penilaian kedua ini pun telah kita buka sekali lagi pada 11 Ogos hingga 1 September.

Jadi melalui permohonan-permohonan baru inilah kita akan mengambil keputusan dan untuk kita nilai kemampuan, kebolehan kontraktor-kontraktor untuk membuat kerja bekalan paip air ini. Kita mahu kontraktor yang akan diberikan ini nanti akan boleh, mampu menyiapkan sebab matlamat kita 2010, masalah air di kawasan sekitar Kalabakan beres dan wakil rakyat pun dapat hidup selesa. Terima kasih.

[Soalan 4- Y.B. Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu) tidak hadir]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh wakil kah ini soalan penting bagi polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

[Soalan 5- Y.B. Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) tidak hadir]

6. Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah-langkah kerajaan dalam menangani masalah saintis dan langkah-langkah menarik minat ke arah penyelidikan dan inovasi di universiti-universiti tempatan dan nyatakan sama ada langkah menghantar pensyarah tempatan ke luar negara telah menghasilkan kajian-kajian konstruktif yang boleh dibanggakan atau tidak.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teras ketiga Pelan Strategik Pengajian Tinggi negara iaitu memperteguh penyelidikan dan inovasi, telah menggariskan strategi bagi menambah bilangan penyelidik, saintis dan jurutera ataupun RSE singkatannya untuk mencapai masa kritikal dengan izin *critical mass* kepada nisbah 100 penyelidik saintis dan jurutera bagi setiap 10 ribu tenaga kerja pada tahun 2020. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, Malaysia mempunyai kira-kira 21 RSE bagi setiap 10 ribu tenaga kerja. Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mencapai matlamat ini ialah:

- (i) melaksanakan Program *My Brain 15* yang merupakan usaha untuk meningkatkan bilangan modal insan berkualiti tinggi terutama dalam bidang sains dan teknologi di peringkat PhD dengan sasaran 60 ribu penduduk kelulusan PhD atau kelayakan setaraf dalam tempoh 15 tahun yang akan datang; dan

- (ii) meneruskan program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), SKIM Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan Skim Hadiah Latihan Persekutuan untuk pensyarah politeknik dan kolej komuniti.

Selain menambah bilangan, pembudayaan aktiviti penyelidikan juga disemarakkan di institusi pengajian tinggi tempatan. Antara langkah yang diambil ialah:

- (i) memantapkan tadbir urus penyelidikan di IPTA melalui pewujudan jawatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi untuk menggalakkan aktiviti R&D dan juga pengkomersialan;
- (ii) mewujudkan pusat penyelidikan di IPTA yang berfungsi dalam melaksana, menyelaraskan dan memantau aktiviti R&D&C;
- (iii) mengenal pasti penyelidik tersohor sebagai penyelidik utama dan mentor dalam bidangnya bagi melatih penyelidik muda dan pelapis;
- (iv) menggalak dan membudayakan penyelidikan di kalangan penyelidik tempatan melalui bantuan geran Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan Skim Geran Penyelidikan Fundamental Kementerian Pengajian Tinggi;
- (v) mengiktiraf empat IPT tempatan sebagai universiti penyelidikan bagi mempergiat aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan di IPT; dan
- (vi) meningkatkan dan menambah baik prasarana serta kapasiti bagi membolehkan penyelidikan dijalankan dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghantaran pensyarah ke luar negara adalah berasaskan kepada urusan yang berkaitan dengan jalinan kerjasama yang melibatkan R&D peringkat antarabangsa mahupun pertandingan penyelidikan dan juga inovasi.

■ 1030

Justeru, di antara hasil yang diperolehi ialah memenangi pelbagai anugerah di mana di antara tahun 2001 sehingga bulan Jun 2007, sebanyak 218 pingat emas, 215 pingat perak dan 117 pingat gangsa telah dimenangi oleh IPT. Selain daripada itu produk RND IPT yang menyertai pertandingan reka cipta antarabangsa juga telah diberi anugerah khas yang merupakan pengiktirafan tertinggi terhadap produk tersebut.

Pada masa yang sama, hasil daripada usaha-usaha tersebut juga, pihak universiti telah dapat menjayakan pengkomersialan terhadap produk-produk yang telah mereka pertandingkan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri terhadap penjelasan dan langkah-langkah yang agak meyakinkan. Akan tetapi, dalam pada itu Indonesia setakat ini telah mempunyai calon untuk *nobel prize* dalam bidang fizik Indonesia. Cuma persoalan saya semalam, ketika saya mendapat peluang melihat forum semalam yang mana dihadiri oleh wakil daripada kementerian, Dr. Shahul, Profesor Rafiah Salim dan juga naib canselor yang muda, yang baru, yang amat meyakinkan, Dr. Zaini Ujang.

Apa yang saya nampak semalam, mohon penjelasan menteri, seolah-olah pelan strategik yang dibuat oleh kerajaan, yang dinyatakan tadi itu tidak difahami dan wujud semalam konflik di antara wakil kementerian dan juga pelaksana dasar iaitu Naib Canselor Universiti Malaya dan Naib Canselor UTM, yang mana antara yang saya mohon penjelasan hari ini, Naib Canselor UTM mengatakan ini isu pendidikan, satu perkara yang kompleks, tidak difahami bukan perkara korporat.

Manakala Profesor Rafiah Salim pula mengatakan bahawa ranking yang digunakan itu, *ranking times higher education*. Wakil kementerian kata, tidak perlu, kita tak perlu menggunakan. Jadi seolah-olah pelan strategik yang cuba hendak dilaksanakan itu tidak difahami malah mewujudkan kontradiksi. Ini secara *live* semalam, jadi saya mohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Saya pun tengok siaran tersebut. Terdapat beberapa perbezaan pendapat yang diberikan tetapi secara umumnya semua terima bahawa pelan strategik itu sesuatu yang amat diperlukan untuk kita melonjakkan kedudukan universiti kita ke tahap antarabangsa dan tidak ada isu atau pun masalah dari segi pelaksanaan. Yang menjadi perbezaan ialah dari segi keputusan-keputusan dalam soal memilih mana satu universiti yang berjaya dalam Program APEX dan mana satu universiti yang telah berjaya dalam pemilihan atau pun kedudukan yang ditetapkan oleh *Times Higher Education Supplement*.

Jadi, itu sebenarnya perbezaan dan kita mempunyai asas kita bahawa antara APEX itu, penilaian yang digunakan amat berbeza dengan usaha yang dilakukan oleh *Times Higher Education Supplement*. APEX, kita menggunakan penilaian melihat kepada kejayaan dahulu dan juga berasaskan kepada kemampuan pada masa yang akan datang. Ukuran untuk memilih universiti berasaskan kepada kualitatif dan juga kuantitatif *measure* atau pun usaha-usaha yang berasaskan kepada kualitatif dan juga kuantitatif.

Manakala *test*, pemilihan terhadap universiti, ranking dan sebagainya digunakan melalui *assesment*. *Assesment* yang dihantar kepada lebih kurang 200,000 pensyarah dan sebagainya yang mana pulangan daripada *assesment* itu hanya tidak lebih daripada 2%. Dia berasaskan kepada itu. Manakala APEX kita pergi dengan mendalam, membuat *interview*, menentukan audit, menentukan kewajaran atau pun keabsahan maklumat-maklumat yang diberi. Jadi, yang berbeza ialah dari segi itu. Jadi persoalannya ialah mengapa Universiti Malaya boleh berjaya kedudukan tinggi dalam *test* tetapi mengapa tidak boleh diterima dalam APEX. Jadi, itu sebenarnya. Yang lain-lain semua naib canselor semua universiti terima Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah tidak ada perancangan di pihak kerajaan dalam memberi insentif seperti status VVIP kepada saintis-saintis yang ada di negara kita dan juga meningkatkan publisiti dan imej mereka dari segi karya R&D yang mereka telah dapat dan pamerkan kerana selama ini mereka ini telah diletakkan begitu terpencil sehinggakan masyarakat

di negara kita lebih memuja artis daripada saintis yang sebenarnya boleh membawa kemajuan yang lebih baik kepada negara kita ini. *[Tepuk]*

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan yang diberikan. Sememangnya kita berharap supaya ini menjadi budaya dalam masyarakat dari segi soal untuk meletakkan para saintis ini di tempat yang sewajarnya sebagai golongan ilmunan yang mana mempunyai peranan yang besar dalam sumbangannya untuk melahirkan kekuatan kepada negara.

Atas sebab itulah kerajaan memberi penekanan dan menitikberatkan tentang soal-soal untuk kita meramaikan lagi dan menentukan bilangan yang besar di kalangan para saintis kita. Sekarang ini jumlah mereka tidaklah begitu besar, hanya dalam lingkungan dalam 8,000 orang sahaja yang khususnya mempunyai kelayakan PhD. Akan tetapi kita berharap usaha untuk meningkatkan lagi peranan mereka dan memberi publisiti kepada mereka akan dapat dilakukan khususnya apabila mereka berjaya memberikan produk yang juga dapat dikomersialkan. Ia berkait dengan soal-soal demikian. Akan tetapi soal dari segi kedudukan mereka dari segi kementerian, memang kita memberi tempat yang tinggi, penghormatan kepada mereka yang penting sekarang ialah pandangan masyarakat terhadap mereka. Di sinilah peranan yang boleh dimainkan oleh Yang Berhormat, dalam menganjurkan majlis. Jangan jemput artis-artis sahaja ke kawasan tetapi jemputlah para saintis ke kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

7. Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong] minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sama ada kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan Jabatan Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di bahagian-bahagian lain selain dari bahagian Kuching di negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia menyedari bahawa pembangunan seni dan budaya lebih mantap dan berkesan melalui jaringan perwujudan Jabatan Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara di bahagian-bahagian ataupun di daerah-daerah di seluruh Malaysia. Oleh itu Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan memang telah merancang untuk mewujudkan Pejabat JKKN atau Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri di peringkat bahagian atau zon di Sarawak. KPKKW merancang mewujudkan sekurang-kurangnya 10 Jabatan Kesenian Negeri di peringkat bahagian.

Perancangan ini sudah tentu melibatkan implikasi perjawatan dan kos. Walau bagaimanapun, KPKKW akan menyusuli perkara ini dengan agensi pusat yang terlibat mengikut kesesuaian.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa negeri Sarawak memang sebuah negeri

yang begitu luas dan besar dari segi geografinya. Selama ini yang kita perhatikan di Sarawak, kalau kita nampak kebudayaan yang dipromosikan lebih tertumpu kepada kebudayaan bangsa Melayu, Cina, Melanau, Iban, Bidayuh, dan juga Orang Ulu. Kalau kita perhatikan negeri Sarawak mempunyai kumpulan etnik begitu banyak, lebih 30. Adakah perancangan yang dibuat di pihak kementerian untuk memastikan agar kumpulan budaya etnik yang lain juga dipromosikan. Sekian terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Batang Sadong, memang Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sudah ada rancangan misalnya melalui PMS - Program Merakyatkan Seni Budaya di semua kementerian, Parlimen dan juga sedang mengadakan perancangan untuk menubuhkan lebih banyak JKKN di kawasan-kawasan yang kecil di Sarawak misalnya di kawasan dan di Semenanjung di peringkat daerah dan peringkat kawasan supaya PMS ini akan memberi kesan yang lebih luas lagi untuk mempergiatkan lagi kegiatan kebudayaan di semua peringkat.

■1040

Selama ini program-program yang dilaksanakan oleh kementerian memang berlandaskan konsep kebudayaan kebangsaan yang menitikberatkan bukan sahaja kebudayaan sesuatu kumpulan etnik sahaja akan tetapi dia juga mengambil perhatian tentang perlunya perkembangan kebudayaan setiap etnik di dalam negara ini.

Jadi, ia memang menjadi fokus dan perhatian kementerian ini supaya melalui pelbagai kegiatan kebudayaan yang di bawah PMS ini akan terlaksana, akan tercapai matlamat, supaya semua kebudayaan kumpulan etnik itu diberi pertimbangan yang sama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi. Saya mohon penjelasan yang konkrit, yang kuat, yang tegas, yang berani daripada kementerian kepada Kerajaan Pulau Pinang dan kepada ramai rakyat Malaysia yang bersifat 'kurang ajar' kepada semangat perlembagaan negara yang menentukan bahawa bahasa Malaysia itu bahasa rasmi negara apabila berura-ura hendak menggunakan pelbagai bahasa dalam papan-papan tanda jalan di negeri Pulau Pinang.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kita mintakan Kerajaan Pulau Pinang tarik balik keputusan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat tak boleh macam ini. Ya sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Teng Boon Soon: Seperti saya nyatakan tadi dalam perancangan kegiatan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tindakan Yang Berhormat, bukan perancangan. Ini soal tindakan kepada sesebuah kerajaan yang terang-terang melanggar semangat perlembagaan negara.

Tuan Teng Boon Soon: Saya rasa soal penggunaan, pandangan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak ada rasa Yang Berhormat. Tindakan. *[Ketawa] No,no...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Biar dia jawab Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: UMNO sudah buli ya. UMNO buli menteri.

Dr. Mohd. Hatta bin Othman [Kuala Krai]: UMNO buli.

Tuan Teng Boon Soon: Biar saya memberi penjelasan dahulu. Lingkungan kuasa kementerian ini ialah dengan melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Jadi, Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita amat jelas. Ia berteraskan Islam sebagai satu perkara yang penting dan juga...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan Islam, bahasa.

Tuan Teng Boon Soon: Saya tahu, penggunaan bahasa di dalam papan kenyataan itu...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tak perlu ajar menteri lah.

Tuan Teng Boon Soon: ...itu di bawah kuasa kerajaan negeri dan bawah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita boleh ajar menteri. Menteri pun manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sudah lama mahu jadi menteri tak dapat ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Sudah habis Yang Berhormat?

Tuan Teng Boon Soon: Ya. Saya rasa itu bukan di dalam lingkungan kuasa kementerian untuk menguatkuasakan penggunaan bahasa di peringkat PBT dan di peringkat kerajaan negeri...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Syabas menteri. Syabas!

Tuan Teng Boon Soon: ...itu sahaja terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kerajaan Pulau Pinang kena bertanggungjawab. Tarik balik lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini dasar apa?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Hormat perlembagaan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya sedih Batu Pahat kita.... *[Mikrofon dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, saya minta jangan buat macam itu Yang Berhormat.

9. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan untuk memperkasa dan membaik pulih surau-surau terutama yang sudah usang dan tidak mempunyai kemudahan asas yang sempurna.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan dan pembangunan sesebuah surau adalah terletak di bawah kuasa kerajaan negeri. Selaras dengan kedudukan agama yang terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Bagaimanapun, pada kebiasaannya pembinaan dan membaik pulih surau-surau adalah dibiayai oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri, Pusat Pungutan Zakat ataupun Institusi Baitulmal. Malah masyarakat Islam setempat, dermawan dan wang sumbangan orang ramai juga turut menyumbang dalam pembinaan dan pembangunan sesebuah surau berkenaan.

Kerajaan menyedari walaupun pihak berkuasa agama negeri dan umat Islam secara sukarela telah membantu pembinaan surau-surau tetapi masih juga terdapat surau yang tidak mempunyai kemudahan asas yang sempurna. Dalam mengatasi surau-surau ini, kerajaan bercadang untuk mengadakan beberapa permohonan, perbincangan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM bagi menimbang peruntukan yang sesuai.

Namun, dari segi usaha untuk memperkasakan pengisian surau-surau berkenaan pihak kerajaan melalui JAKIM ada menyediakan peruntukan untuk mengimarahkan surau-surau melalui program pendidikan iaitu kelas-kelas KAFA dan kelas-kelas Ta'mir yang dijalankan di surau-surau seluruh negara.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Soalan saya adalah mengenai surau-surau yang terbiar dan tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tentang kelas-kelas KAFA dan sebagainya. Akan tetapi, realitinya kita harus mengakui bahawa golongan belia memang kurang kehadiran mereka di surau-surau. Yang pertama, apakah perancangan kerajaan untuk menyediakan program-program untuk membantu dalam ini?

Yang keduanya, mengenai surau-surau yang terbiar ini, saya hendak mencadangkan kepada menteri agar Kerajaan Persekutuan mengadakan satu bancian bersama dengan kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan, untuk betul-betul melihat kepada surau-surau yang terbiar dan surau-surau yang memerlukan kepada kemudahan asas yang lebih kukuh lagi. Tanpa bancian ini kita tidak tahu sejauh mana surau-surau yang terbiar ini dapat dikembalikan dan dapat dipulih dengan sempurna. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Habis Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat terdapat trend yang agak meningkat terhadap kehadiran orang-orang muda ke surau-surau dan masjid. Ini mungkin disebabkan oleh kesedaran terhadap agama itu telah meningkat, di samping kelas-kelas Ta'mir yang dilakukan serta usaha-usaha dakwah yang telah berjalan serta melata begitu baik sekali. Namun demikian, tidak ada satu kaji selidik yang dilakukan terhadap jumlah sebenar

surau-surau yang terbiar. Namun usaha telah dilakukan dengan Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan Majlis Agama Islam negeri-negeri serta Pusat Pungutan Zakat untuk melakukan satu tinjauan secara menyeluruh dan terperinci terhadap surau-surau yang terbiar.

Oleh sebab permasalahan masjid dan surau ini terletak sepenuhnya kepada kerajaan negeri maka tidak mustahil JAKIM mengadakan kerjasama yang erat dengan semua Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri kerana usaha untuk melakukan pengimarahkan pada agama Islam bukan pertanggungjawaban hanya pihak kerajaan tetapi para ulama, ahli-ahli politik dan seluruh pemacu-pemacu dalam organisasi dan institusi agama keseluruhannya. Insya-Allah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sebagai soalan tambahan pada menteri. Setakat ini adakah perancangan kerajaan untuk membayar pampasan kepada mana-mana masjid atau surau yang diroboh atas sebab-sebab yang tertentu sebagai mana yang berlaku sebagai contohnya kepada masjid di Kampung Bujang di Kemaman satu masa dulu. Kalau ada pampasan ataupun ganti rugi berapakah jumlah atau cara pampasan yang dibuat kepada surau atau masjid tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya maklumkan kuasa mentadbir, membina, memperbaiki dan mengadakan pengisian kepada masjid dan surau ini adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Kerajaan negeri memberikan *empowerment* sepenuhnya dengan izin pada Majlis Agama Islam negeri dan Jabatan Agama Islam negeri jika ada surau atau masjid yang terlibat dalam perobohan. Maka pihak kerajaan negerilah yang terlibat bukan pihak kerajaan persekutuan.

■1050

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan sedikit terhadap kegiatan-kegiatan untuk mengimarahkan masjid dan surau di seluruh negara di mana dalam usaha mentak'mir dan mendaulahkan Islam, kita tidak memberikan pengasingan. Tidak melakukan segmentasi terhadap mana-mana negeri yang diperintah oleh kerajaan lain, selain daripada Barisan Nasional. Saya dapati selain dari segi peruntukan untuk imam-imam masjid dan surau, daripada RM65.1 juta, sebanyak RM29.2 juta diperuntukkan untuk negeri-negeri yang kalah. Daripada 14 negeri, lima negeri sahaja menguasai kira-kira 44.8% daripada peruntukan keseluruhannya.

Begitu juga dari segi peruntukan KAFA. Daripada RM502 juta, sebanyak RM96.6 juta diperuntukkan kepada negeri-negeri yang berkenaan atau kira-kira 48.6%. Ertinya di dalam perkara ini, kita tidak mengasingkan sama ada negeri itu diperintah oleh parti lain, yang berlainan dengan Kerajaan Pusat tetapi dalam hal keagamaan, kita tidak membuat pengasingan dari segi peruntukan dan dari segi memberikan bantuan kepada negeri-negeri berkenaan.

Seorang Ahli: Boleh kekal kelima-lima negeri untuk Pakatan Rakyat?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Boleh, boleh.

Seorang Ahli: Ini duit rakyat.

10. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah Tadika 6 tahun di sekolah yang dipenuhi oleh anak guru-guru sedangkan anak penduduk miskin tidak dapat memasuki kelas tersebut secara percuma.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Terima kasih. Sebelum itu saya nak memperbetulkan sedikit soalan ini yang menyebut bahawa masalah Tadika 6 tahun di sekolah yang dipenuhi oleh anak-anak guru, sedangkan penduduk miskin tidak dapat memasuki kelas. Saya rasa persoalan ini perlu dilunakkan, perlu disederhanakan sedikit. Kalau sekiranya soalan ini spesifik daripada Yang Berhormat Padang Terap, maka kita telah membuat tinjauan, terdapat seramai 718 orang anak-anak Tadika dan daripada jumlah itu hanya 38 orang anak-anak guru.

Untuk makluman Yang Berhormat, kemasukan anak-anak ke pra-sekolah Kementerian Pelajaran terbuka kepada semua kanak-kanak yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan untuk menyertai pra-sekolah ini disebarikan melalui iklan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran pada bulan Jun sehingga Ogos setiap tahun. Pihak sekolah yang melaksanakan kelas pra-sekolah di sekolah berkenaan akan menyebarkan maklumat tersebut. Suka disebut di sini bahawa terdapat ibu bapa yang tidak prihatin dengan iklan tersebut, selalunya terlewat untuk memohon sehingga iklan tersebut ditutup.

Perlu ditegaskan bahawa jumlah murid bagi setiap kelas pra-sekolah tidak melebihi 25 orang. Ada kelas yang tidak mencukupi bilangan ini. Maka itulah terdapatnya anak-anak guru yang menyertainya. Borang permohonan akan ditapis berdasarkan kepada merit pendapatan serta tanggungan ibu bapa atau penjaga. Proses pemilihan tersebut juga dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pra-Sekolah yang dianggotai oleh pihak pengurusan dan juga oleh wakil PIBG.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Satu jawapan yang mantap, terima kasih. Persoalan yang saya timbulkan ini bukan melibatkan Padang Terap sahaja, melibatkan tempat-tempat lain sama. Disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kelas-kelas masih tidak mencukupi. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menambah kelas-kelas ataupun bangunan tersendiri yang berasingan daripada kelas-kelas yang sedia ada di sekolah rendah untuk menampung ketidakcukupan ini?

Adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke kelas-kelas pra-sekolah ini? Apakah ia tidak bertentangan dengan tadika-tadika, PASTI, pusat-pusat tunas Islam dan sebagainya yang ada, yang dianjurkan sebahagian daripadanya oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Memang Kementerian Pelajaran mempunyai hajat untuk memperluaskan kelas-kelas pra-sekolah ini untuk memberi program latihan pembangunan modal manusia dengan sebaik-baiknya. Untuk itu sekarang ini terdapat 6641 buah pra-sekolah dengan enrolmennya seramai 148556 orang kanak-kanak daripada kira-kira 7627 buah bilangan sekolah rendah. Memang kita sedari bahawa permintaan anak-anak kita, ibu bapa untuk menyertai kelas pra-sekolah, *annex* di sekolah kebangsaan kita ini adalah terlalu tinggi. Memang pun Kementerian Pelajaran berhajat untuk memperluas dan membuka sebanyak 714 buah kelas pra-sekolah lagi menjelang tahun 2009 ini.

Tadi telah disebut bahawa kita tidak mahu bertelingkah dengan peranan yang dimainkan oleh KEMAS dan juga oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk memastikan lebih ramai lagi anak-anak kita, di kampung-kampung dapat menyertai kelas Tadika ini. Kita ada kita punya kekangan sendiri untuk *outreach* dan sampai terutama ke sekolah-sekolah pedalaman dan sebab itulah kita beri juga peluang kepada agensi-agensi lain termasuk juga sektor swasta.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang di-Pertua dan terima kasih kepada timbalan menteri. Saya ingin mengemukakan semula pertanyaan mengenai salah satu program yang dibuat di Tadika-tadika KEMAS yang akan menyediakan pemberian multivitamin kepada anak-anak pra-sekolah seramai 170,000 orang yang di bawah KEMAS, yang kita tidak diperjelaskan asas kenapa program tersebut akan diadakan. Saya nak bertanya, sama ada program tersebut akan di panjangkan kepada anak-anak yang di bawah pengawasan Kementerian Pelajaran yang ada di *annex* sekolah-sekolah rendah tersebut. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Itu adalah merupakan agenda daripada pihak Tadika KEMAS di bawah kementerian yang lain. Kementerian Pelajaran tidak ada perancangan seumpama itu. Cuma kita pastikan bahawa dari segi mutu pemakanan anak-anak kita berkhasiat, dari segi kesihatan anak-anak. Ini merupakan agenda-agenda di bawah Kementerian Pelajaran yakni perkara yang penting ialah dari segi pemakanan anak-anak kita seperti susu, bekalan yang berkhasiat, makanan seimbang. Terima kasih Yang di-Pertua.

11. Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apakah kementerian akan mewujudkan sebuah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Wilayah Persekutuan Labuan untuk kemudahan rakyat di Wilayah Persekutuan Labuan dan rakyat di kawasan sekitarnya.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, kita belum ada Maktab Rendah Sains MARA di Labuan, tetapi Majlis Amanah Rakyat (MARA) sedang membuat kajian kemungkinan untuk kita menambah bilangan Maktab Rendah Sains MARA di Sabah yang sekarang ini ada dua dan satu lagi dalam pembinaan kepada lima buah, dengan satu daripadanya di Labuan.

Perkiraan yang dibuat adalah berasaskan kepada empat faktor utama:

- (i) sejauh mana kemudahan pelajaran terdapat atau sudah terdapat di kawasan tersebut;
- (ii) tumpuan khas ataupun tumpuan khusus akan diberi kepada kawasan yang sebahagian besar adalah kaum bumiputera;
- (iii) mengenal pasti kawasan yang ada pertumbuhan ataupun perancangan pertumbuhan ekonomi yang baru; dan
- (iv) keseimbangan dari segi taburan jumlah MRSM seluruh negara.

Terima kasih.

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih sebanyak-banyaknya kerana Labuan kelihatannya di *consider* untuk diadakan sebuah Maktab Rendah Sains MARA. Ini sesuai dengan hala tuju Labuan itu sendiri yang mana akan menjadikan Pulau Labuan ini sebagai sebuah pulau pusat pendidikan yang mana pada saat ini kita sudah pun ada universiti, cabang universiti, dan juga kolej matrikulasi yang mana kolej matrikulasi adalah salah sebuah yang terbesar di Malaysia di mana memuatkan seramai 3,000 studen. Jadi di samping itu, kelihatannya di Labuan selama ini, kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh MARA agak berkurangan memandangkan saya rasa di Labuan cuma ada satu pejabat MARA.

Soalan saya, apakah perancangan-perancangan selain daripada Maktab Rendah Sains MARA yang akan diadakan oleh MARA di Labuan? Contohnya mengadakan Medan MARA yang mana di kawasan-kawasan lain terdapat Medan MARA tetapi di Labuan sudah pun hampir 25 tahun menjadi wilayah ini belum di adakan lagi.

■1100

Seterusnya diharapkan MARA dapat memfokuskan sedikit tentang Pulau Labuan kerana ini adalah salah sebuah Wilayah Persekutuan yang ada di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Soalan asal ialah tentang Maktab Rendah Sains Mara Tuan Yang di-Pertua. Namun tidak mengapalah. Saya bagi jaminan, kita MARA dan juga kementerian secara keseluruhannya tidak akan meninggalkan mana-mana kawasan khususnya di Sabah dan termasuklah di Labuan. Soal pembinaan Arked MARA ataupun kedai-kedai MARA, itu akan kita fikirkan dan kita akan seboleh-bolehnya cuba kita penuhi. Terima kasih.

12. Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta Menteri Pengangkutan menyatakan :-

- (a) apakah usaha-usaha baru bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya komuter dan LRT selepas kenaikan petrol pada 5 Jun lalu; dan
- (b) sama ada kerajaan akan menyemak semula bayaran pengangkutan awam pada masa terdekat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Deepavali kepada rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen yang menyambut Hari Deepavali.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Batu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Komuter dan sistem LRT beroperasi lebih cekap. Antara usaha-usaha penambahbaikan yang dilakukan adalah termasuk tambahan laluan bagi kedua-dua sistem LRT yang sedia ada di Lembah Klang yang akan dipanjangkan sejauh 30 kilometer iaitu masing-masing sepanjang 15 kilometer bagi aliran Kelana Jaya dan aliran Ampang.

Kedua-dua projek ini akan memanfaatkan 2.6 juta bilangan penduduk di sepanjang Koridor Subang Jaya USJ dan Koridor Kinrara - Puchong. Kedua, perolehan 35 set *train* bagi aliran Kelana Jaya telah dilaksanakan dijangka beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2010 dengan kos peruntukan sebanyak RM1.3 bilion. Dengan langkah-langkah ini kapasiti aliran Kelana Jaya akan meningkatkan lebih dua kali ganda daripada 160 ribu penumpang setiap hari pada masa kini dan kepada 350 ribu penumpang sehari. Satu laluan LRT baru sepanjang 42 kilometer yang akan dibina dari Kota Damansara hingga ke Cheras bertujuan untuk memperluaskan dengan jaringan perkhidmatan *rail* bandar di Lembah Klang. Laluan baru ini dijangka dapat menampung kapasiti lebih daripada 300 ribu penumpang sehari dan pada masa yang sama mengurangkan kesesakan di Kuala Lumpur.

Apabila siap pada tahun 2014, perkhidmatan *rail* ini akan merangkumi banyak kawasan kediaman dan juga perdagangan sepanjang Koridor Kota Damansara Cheras yang mempunyai bilangan penduduk lebih daripada 1 juta orang. Perolehan 10 *seats* 'EMU' baru dan akan membaik pulih 50 *coach* komuter yang sedia ada. Pembinaan lebih banyak kemudahan untuk orang kurang upaya atau OKU seperti *lab*, *rams*, tandas dan laluan khas di stesen-stesen KTM, LRT, Monorail dan ERL mana Rapid KL menyediakan 100 buah bas yang baru yang mesra OKU dengan melibatkan 73 laluan dan pengenalan sistem tiket bersepadu bagi bas Rapid KL dengan perkhidmatan LRT, STAR dan PUTRA dan kadar harga dan pakej yang lebih menarik.

Untuk makluman, semakan kadar tambang bagi perkhidmatan bas adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan atau LPKP Kementerian pembangunan Usahawan dan Koperasi. Bagi semakan tambang bagi pengangkutan *rail* seperti

LRT, Komuter, ERL dan Monorail pindaan kadar tambang pengangkutan *rail* adalah di bawah bidang kuasa menteri melalui Akta Kereta api 1991. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum soalan saya, saya ingin ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri atas keputusan membatalkan pembelian Eurocopter untuk menggantikan helikopter pengangkutan yang diputuskan oleh Menteri Pertahanan yang sebelum ini. Kita juga berterima kasih kerana Perdana Menteri rela dengar teguran dan kritikan daripada pihak pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Soalan saya adalah, rakyat bersyukur selepas Perdana Menteri turun padang pada 21 September untuk memeriksa dan menyaksikan sistem KTM dan LRT kita. Soalan tambahan ialah dalam Bajet 2009 kerajaan telah menyatakan bahawa kuota subsidi diesel untuk pengangkutan awam ini akan ditambah. Soalan saya adalah apakah jumlah kuota subsidi ini untuk pengangkutan awam dan apakah pembahagian kepada syarikat-syarikat pengangkutan awam yang tertentu. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Batu, subsidi ini ada dikeluarkan oleh dua kementerian. Kementerian Hal Ehwal Pengguna dan juga Kementerian saya. Bagi KTMB, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat daripada keperluan KTMB untuk diesel ialah sebanyak 2.6 juta liter setahun. Subsidi yang diberikan oleh kerajaan ialah 2.3 *million* liter setahun. Jadi selebihnya lebih kurang 400 ribu liter itu dibiayai oleh KTMB sendiri iaitu dengan harga yang *market price*. Sementara bagi pengangkutan awam bas dan sebagainya mereka adalah memohon kepada Kementerian Hal Ehwal Pengguna dan kementerian saya tidak bertanggungjawab.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Menyentuh tentang pengangkutan awam termasuk juga Kereta api Tanah Melayu. Saya hendak tanya kementerian, bilakah sebenarnya kementerian hendak mencapai sasaran atau *target* untuk mengadakan perkhidmatan kereta api laju ini antara ibu negeri kepada ibu negeri satu-satu negeri. Ini supaya dapat menyenangkan rakyat untuk berurusan sama ada dari segi perniagaan atau dari segi mendapatkan perkhidmatan awam. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ini tertakluk kepada kajian yang telah pun saya jawab di Dewan yang mulia ini bahawa akan berakhir pada Januari 2009. Hasil kajian menyeluruh itu maka kita akan mengetahui bilakah KTMB ataupun pengangkutan awam akan dapat kita perbaiki dan akan dapat memberikan keselesaan kepada rakyat yang memerlukannya terutama sekali di antara negeri-negeri ke negeri-negeri.

13. Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta Perdana Menteri menyatakan :-

- (a) bagaimanakah sambutan para peneroka terhadap pelaburan dalam Koperasi Peladang FELDA (KPF); dan
- (b) nyatakan hitung panjang nilai pelaburan setiap peneroka

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' daripada Jempol. Suka dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat pada masa ini sambutan oleh semua peneroka FELDA terhadap pemilikan saham dalam Koperasi Permodalan FELDA ataupun KPF ini adalah sangat menggalakkan. Ahli KPF adalah terdiri daripada peneroka dan ahli keluarga pertubuhan peneroka dan badan peneroka serta kakitangan FELDA. Kesemua 112, 635 peneroka menjadi ahli koperasi permodalan FELDA ini.

Sehingga 30 September 2008, bilangan keahlian peneroka dan keluarga peneroka dalam Koperasi Permodalan FELDA ialah seramai 167, 607 orang. Keahlian pertubuhan peneroka ialah sebanyak 1, 833 terdiri daripada 277 koperasi dan 1, 556 badan peneroka di tanah rancangan.

■ **1110**

Pada masa ini modal saham yang dimiliki oleh peneroka adalah berjumlah RM968.9 juta terdiri daripada keahlian secara individu berjumlah RM863.89 juta. Koperasi RM23.84 juta dan badan peneroka berjumlah RM81.19 juta. Jumlah ini adalah merupakan 73.95% dari jumlah modal saham keseluruhan KPF sebanyak RM1.31 bilion, sambutan para peneroka terhadap pelaburan KPF sentiasa menggalakkan dengan adanya dividen yang memberangsangkan, dibayar setiap tahun dan beberapa insentif yang disediakan oleh pihak FELDA sendiri.

Soalan yang kedua, purata pemilikan saham setiap peneroka ialah RM5,154 seorang manakala koperasi masing-masing memiliki purata RM86,067 dan RM52,179 untuk badan peneroka. Terima kasih

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pulangan dividen yang sangat tinggi kepada peneroka dan ini membolehkan taraf hidup peneroka dapat kita tingkatkan lagi, tetapi dari segi pemilikan syer tiap-tiap peneroka lebih kurang RM5 ribu seorang, maknanya satu angka yang sangat rendah. Apakah perancangan yang akan dibuat oleh pihak FELDA untuk meningkatkan lagi dari segi pemilikan saham-saham dari kalangan ahli-ahli peneroka supaya dapat kita tingkatkan pendapatan peneroka tiap-tiap tahun.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, koperasi-koperasi FELDA yang telah pun dimiliki oleh peneroka ini kita dapati hidup segan mati tidak mahu, adakah perancangan di pihak kerajaan untuk menggabungkan koperasi-koperasi ini supaya menjadi satu gagasan yang besar dan ianya memiliki saham di kalangan KPF sebagai badan induk dan ini sudah tentu akan melonjak pendapatan peneroka pada masa akan datang.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat Jempol, Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama tadi tentang usaha kita, pihak FELDA untuk meningkatkan balik pemilikan saham ahli peneroka dalam koperasi-koperasi yang telah disebutkan tadi. Sebenarnya beberapa usaha telah pun dibuat, yang pentingnya ialah melalui hasil keuntungan pelaburan koperasi di dalam koperasi induk itu tadi, maknanya kalau misalnya ini nanti esok memberi keuntungan yang banyak, jadi dengan sendirinya ini akan membolehkan pihak peneroka untuk melabur ataupun membeli banyak saham dalam koperasi induk itu tadi.

Jadi ini semuanya banyak bergantung kepada sikap ahli-ahli peneroka itu sendiri, bermaknanya pertamanya harus ia melihat bahawa di koperasi itu memang tempat yang paling selamat, yang paling besar pulangnya dari segi keupayaan dari segi modal misalnya, jadi kalau sikap ini dapat sama-sama kita tekankan, kita galakkan kepada peneroka ini sudah tentu saya yakin bahawa pemilikan saham mereka ini akan dapat kita tingkatkan, lain-lain promosi telah pun dan sedang kita giatkan melalui pelaburan-pelaburan lain bagi memikat mereka untuk menyimpan ataupun meletakkan duit mereka dalam koperasi-koperasi yang saya sebutkan tadi, Cuma masalah apa yang disebut koperasi-koperasi kecil yang ada ini, ini pun banyak melibatkan kepada soal kemampuan kepimpinan dalam koperasi-koperasi yang banyak tadi, ada setengah daripada koperasi yang ditubuhkan oleh FELDA itu sendiri, saya melihat kepimpinannya prihatin, berwawasan, ada cita-cita, ada ilmu untuk berekonomi melalui koperasi ini.

Saya lihat ada sebahagiannya, ia melabur membuat kerja-kerja pembangunan yang banyak kita tawarkan kepada koperasi-koperasi ini dia mengambil kesempatan ini untuk membuat kerja ini sendiri dan koperasi yang sebahagian ini nampaknya mendapat pulangan yang sangat baik, sangat menggalakkan. Cuma apa yang saya harapkan pada masa yang akan datang, kursus-kursus ini akan kita tingkatkan, peluang-peluang ini akan kita bukakan dan yang pentingnya kemampuan kebolehan mereka ini, kepimpinan koperasi ini melihat bagaimana ataupun bidang perniagaan mana yang harus mereka teroka.

Hari ini kita melihat bahawa FELDA bukan sahaja melabur untuk tujuan mendapatkan pulangan balik untuk ahlinya di dalam negeri tetapi juga di luar negara, jadi saya mengharapkan semua ini nanti akan membuka mata FELDA dan juga pimpinan-pimpinan untuk membantu kita semua ke arah apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat dari Jempol tadi. Terima kasih

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, timbalan menteri, saya melalui Lebuh Raya Utara Selatan dari 2004, tiap-tiap minggu ada sidang Parlimen, di sebelah kiri untuk pulang ke utara ini ada satu perkampungan memperbandarkan perkampungan FELDA iaitu FELDA Trolak Utara, saya dah nampak dari tahun 2004, rumahnya dah siap, saya ingin tahu apakah ini juga dibuat oleh koperasi peneroka FELDA dan kenapa ia nya sampai sekarang masih lagi belum diduduki oleh orang kerana ini sudah hampir lima tahun ia tidak diduduki dan sudah siap, saya takut nanti, anai-anai yang duduk, bukan orang. Terima kasih

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Pendang, saya ingat ini lari daripada soalan asal, sebab asalnya dengan koperasi, cuma saya ingat kalau yang apa..

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: FELDA, koperasi..

Dato' Haji Hasan bin Malek: Jawapannya bukan koperasi yang membangunkan ini kerana kita tawarkan kepada syarikat untuk membangunkan projek apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pendang tadi iaitu melalui program FELDA Jaya, jadi koperasi tidak terlibat, jadi itulah dia soalan dia, terima kasih

[Soalan no 14 – Y.B. Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) tidak hadir]

15. Dato' Razali bin Haji Ibrahim [Muar] minta Menteri Pelancongan menyatakan :-

- (a) jumlah pelancong dan kadar peratus kenaikan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 yang berakhir pada 31 Ogos 2008; dan
- (b) jumlah dana yang diperuntukkan untuk promosi dan iklan yang dilakukan di luar negara dan dalam negara sepanjang kempen TMM 2007.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Muar dah dapat Dato' Tuan Yang di-Pertua, dapat Dato' Pahang. *[Ketawa]*

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]: Assalamualaikum, Tuan Yang di-Pertua, pada tempoh sempena Tahun Melawat Malaysia iaitu pada tahun 2007 sehingga 31 Ogos 2008, seramai 35,703,259 orang ketibaan pelancong asing ke Malaysia. Peratusan kenaikan jumlah kedatangan pelancong asing bagi bulan Januari sehingga Disember 2007 jika dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2006, terdapat peningkatan sebanyak 19.5%, manakala bagi tempoh Januari hingga Ogos 2008 Malaysia telah mencatatkan seramai 14,730,437 ketibaan pelancong asing. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.9% berbanding dengan 14,407,276 orang pelancong yang datang pada tempoh yang sama pada tahun 2007.

Untuk soalan kedua, jumlah dana yang telah diperuntukkan untuk tujuan promosi dan iklan yang dilakukan di luar negara dan dalam negara adalah sebanyak RM538,423,940.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dapati kementerian pelancongan antara kementerian yang walaupun ada pelaburan dari segi perbelanjaan merupakan kementerian yang dapat membawa pendapatan kepada negara dan saya rasa dalam jumlah RM500 juta tadi yang dilaburkan, hasilnya memberangsangkan kerana terdapat peningkatan, namun begitu, soalan saya, kita dapati ada banyak produk-produk pelancongan dalam rantau ini seperti F1 malam di Singapura, SM Mall yang dikatakan ketiga terbesar di dunia di Manila, dan terbesar di rantau Asia dan Bangkok, Thailand umpamanya ada

produk-produk pelancongan yang mewah, yang dapat menarik pelancong. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah perancangan kementerian untuk memastikan pelancong-pelancong tetap datang ke negara kita dan apakah sebenarnya kelebihan Malaysia jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain di rantau ini dalam usaha menarik pelancong-pelancong untuk terus datang ke negara kita. Terima kasih.

■ 1120

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat tahu, Malaysia memang unik kalau dibandingkan dengan negara-negara di rantau *South East Asia*, dengan izin. Di Malaysia banyak *middle class*, banyak *population* kita, pandai bercakap bahasa Inggeris. Jadi kalau pelancong datang dari negara-negara lain, senang untuk mereka mengetahui dan bercakap dengan warganegara kita.

Dalam promosi Malaysia sekarang, kita melihat bahawa sektor Asia Tenggara adalah sektor yang membangun sekarang, yang paling tinggi dan meningkat ialah pelancong daripada negara Iran yang meningkat lebih kurang 50% daripada tahun lepas. Jadi kami memang mempromosikan Malaysia kepada negara-negara Asia Tenggara dan kita memang ada banyak *promotion* tetapi *flight* tidak cukup. *Flight* tidak cukup bukan saja dari MAS tetapi juga daripada *airlines* negara lain.

Kalau kita tengok katakan *flight* yang datang daripada negara-negara seperti negara Saudi Arabia, kita dapat melihat bahawa *flight* selalu penuh dan pelancong yang datang pada musim panas dari Saudi Arabia memang berlebihan sampai *airlines* tidak cukup kerusi untuk membawa mereka ke Malaysia. Malaysia memang unik. Kalau kita lihat, kita ada Gua Mulu, pantai-pantai yang indah atau banyak lagi.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Beberapa Ahli: [Riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, jangan ganggu, Yang Berhormat. Tidak payah ganggu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Soalan tambahan.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Batu duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, hendak buat apa Yang Berhormat Batu?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Belum lagi habis, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Belum habis? [Ketawa]

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Masih lagi menjawab soalan kedua tadi. Apakah uniknya Malaysia.

Malaysia memang unik. Kalau kita lihat di negara-negara *South East Asia*, kita dapat melihat Malaysia moden. Bukan Malaysia tertinggal. Kalau kita lihat dengan *population* Malaysia, berapakah orang yang miskin? Tidak banyak. [Dewan riuh]

Miskin papa kedana. Kalau kita lihat negara-negara seperti negara Indonesia, negara Filipina dan negara Thailand, kita lihat jiran-jiran kita *populationnya* besar. Bukan senang mahu mendapatkan *middle class*. Jadi promosi Malaysia bukan saja kalau ikut *medical, ecotourism* dan *shopping* banyak berbanding dengan negara-negara lain. *Strength* kita dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adalah kita pandai cakap Inggeris. [Dewan riuh]

It is a plus point, dengan izin. Kalau kita lihat di Indonesia, bukan senang kalau kita cakap bahasa Inggeris sahaja, pergi ke Indonesia. Jadi inilah *plus point* kita dibandingkan dengan negara lain. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih. Soalan tambahan. Tidak dengarkah? Kena kuat sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebelah, sebelah.

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ha, ini boleh. Pinjam ya. Saya berterima kasih atas jawapan yang panjang lebar tadi. Cukup jelas. Namun begitu, sedarkah kementerian bahawa orang datang ke satu-satu negeri bukan kerana rakyatnya boleh cakap bahasa Inggeris. Rakyat ingin melihat keunikan negara tersebut. Kita ada banyak benda unik selain daripada bangunan tinggi pencakar langit, selain daripada *airport* yang besar, selain daripada kedai-kedai tetapi bagaimanakah kementerian memanfaatkan kawasan-kawasan yang belum lagi dicemari contohnya di Sabah dan Sarawak. Kawasan-kawasan utara dengan sungai yang cantik, kawasan hutan dan rakyat yang tidak boleh bercakap Inggeris tetapi orang luar hendak tengok.

Jadi bagaimanakah kawasan-kawasan yang tertinggal ini, yang tidak masuk dalam *tourism map* ini dimanfaatkan oleh kementerian?

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: Masuk.

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: Masuk, masuk. *Malaysia Truly Asia*.

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Tuan Yang di-Pertua, Inggeris bukan sahaja dengan izin, *strength* kita di Malaysia. Kita banyak lagi *strength*. Kita ada *Malaysia My Second Home* dan kita ada *home stay*. Kita banyak produk yang dipromosikan sekarang. Masa dulu kita promosi tiga *state* saja. Kuala Lumpur, Penang dan Langkawi. Akan tetapi sekarang kita meneruskan tempat-tempat ini dan juga seluruh negara. Kita bukan saja mahu pelancong datang ke Kuala Lumpur, *shopping* dua tiga hari dan balik.

Kita menggalakkan mereka pergi melawat negeri-negeri dalam Malaysia seperti Sabah, Sarawak, Johor dan Pahang. Kita menggalakkan pelancong Arab yang datang sekarang mahu melihat seluruh Malaysia. Pelancong Arab datang kalau Yang Berhormat tengok sekarang, pelancong Arab bukan saja mahu datang ke Kuala Lumpur dan Penang. Dia hendak tengok hutan dan dia hendak dengar hujan. Dia hendak tengok hutan dan dia hendak rasa hujan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Orang Utan bahasa orang putih dan bahasa Arab pun dia tidak tahu. *[Ketawa]*

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Kalau kita lihat orang-orang di Malaysia pandai cakap Inggeris sikit pun jadi. Bukan semua pandai cakap bahasa Inggeris tetapi kebanyakan. Kalau Yang Berhormat cuba dengar kita pergi ke pasar, kita pergi ke kampung-kampung, ada pandai cakap sikit. Bukan kita tidak mengajar Inggeris di sekolah. Kita mengajar. Tanya Kementerian Pelajaran. Jadi Yang Berhormat, kita memang promosi bukan saja di bandar. Promosi sampai *home stay* ke mana saja dalam Malaysia. Kalau orang-orang mahu *apply*, insya-Allah akan dapat dengan cepat.

Kita memang mahu menggalakkan pelancong merantau seluruh negara Malaysia bukan saja di Penang, bukan saja di Kuala Lumpur ataupun di Langkawi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Tuan R. Sivarasa.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya sebut nombor soalan saya, izinkan saya ambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua yang hadir dan meraikannya.

16. Tuan R. Sivarasa [Subang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah JPN telah mengarahkan untuk tidak mendaftarkan nama bapa pada sijil kelahiran sekiranya anak tersebut dianggap anak luar nikah serta sebab-sebab lain. Sekiranya ya, mengapa; dan
- (b) berapa insiden setakat ini yang melibatkan sijil kelahiran yang tidak disahkan nama bapa.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Terima kasih Yang Berhormat Subang di atas soalan yang dikemukakan. Ingin saya jelaskan bahawa semua tindakan adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di mana pendaftar tidak boleh mencatatkan nama di dalam sijil kelahiran bagi anak-anak tidak sah taraf, iaitu anak-anak luar nikah kecuali atas permintaan bersama ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa selaras dengan peruntukan seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 ataupun Akta 299.

■1130

Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan seksyen 28 Akta 299, pendaftar berhak untuk mendapatkan maklumat sebaik mungkin berkenaan ibu dan bapa yang sah bagi setiap kelahiran yang hendak didaftarkan. Ini bermakna pihak pendaftar boleh membuat siasatan bagi mendapatkan maklumat yang sahih bagi tujuan pendaftaran ke atas setiap kelahiran. Berkenaan jumlah statistik berhubung sijil kelahiran yang didaftarkan tanpa nama bapa dari tahun 2000 sehingga Julai 2008 adalah berjumlah 257,411 orang. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” **[23 Oktober 2009]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin *refreshkan* bahawa perbahasan ini akan tamat sehingga jam 4.00 petang nanti. Perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2009 akan kita tamatkan pada jam 4.00 petang. Kemudian selepas itu, Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Saya ingin mengingatkan bahawa untuk sesi pagi ini sehingga jam 4.00 petang, perbahasan adalah terhad kepada 10 minit seorang. Yang Berhormat Sabak Bernam.

11.32 pg.

Tuan Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Bismillah hirrahmannirrahim, assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk saya turut serta dalam perbahasan bajet 2009. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah dilantik menjadi Menteri Kewangan dan juga tahniah kepada kerajaan yang membentangkan bajet bertemakan “Kerajaan Prihatin Dalam Suasana Ekonomi Dunia Yang Kurang Memberangsangkan”. Bajet tahun 2009 memperuntukkan RM207.9 bilion melalui pendekatan tiga strategi utama iaitu:-

- (i) menjamin kesejahteraan rakyat;
- (ii) membangunkan modal insan berkualiti; dan
- (iii) memperkukuhkan daya tahan negara.

Menjamin kesejahteraan rakyat – jaringan keselamatan sosial. Pertamanya, saya ingin menyentuh berhubung jaringan keselamatan sosial yang dijanjikan kerajaan bagi membantu golongan miskin. Bajet 2009 mengumumkan pemberian bantuan kebajikan di bawah bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menaikkan syarat kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM400 kepada RM720 sebulan di Semenanjung Malaysia. Hasilnya bilangan yang layak menerima bantuan ini dijangka meningkat dari 54,000 isi rumah kepada 110,000 isi rumah. Sementara itu bagi warga emas yang layak, meningkat daripada 14,000 kepada 40,000 penerima. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan.

Langkah kerajaan ini wajar disusuli dengan mengemas kini senarai penerima bantuan berkenaan. Dalam hubungan ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat diminta selalu turun padang supaya tidak ada orang miskin atau warga emas yang layak menerima bantuan ini ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat mewujudkan lagi satu jawatan pegawai khas untuk menguruskan, memantau orang-orang miskin warga emas, Orang Kurang Upaya di setiap Parlimen di Malaysia ini. Kerajaan terpaksa memperuntukkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM500 juta bagi melaksanakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Maran bangun Yang Berhormat.

Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: 10 minit pun hendak bertanya.

Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Pertamanya saya hendak mengambil kesempatan mengucapkan selamat datang kepada pengetua dan guru besar kawasan Parlimen saya. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya perhatikan di daerah-daerah ini kadang-kadang ada sebahagiannya penduduk kita ini, dia rela menjadi miskin. Dia rela mendaftarkan sebagai orang miskin, “*Kami inginkan peruntukan ataupun bantuan dari kerajaan*”. Seheinggakan kadang-

kadangnya ada sebahagian dari mereka yang anaknya berpelajaran dan berpendapatan yang tinggi. Jadi ini satu keadaan yang cukup menakutkan kita. Usaha kerajaan telah banyak dengan memberikan peruntukan, menambahkan bajet tahunan dan sebagainya ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi kita mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Tuan Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Maran. Saya bersetujulah. Cuma kita berpegang kepada surah Ar-Ra'd, ayat 11; "*Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, kecuali kaum itu mengubah nasib diri mereka sendiri*". Jadi, Terima kasih Yang Berhormat Maran. Oleh itu kementerian mestilah memastikan pengagihan yang menyeluruh dan kerajaan juga disarankan menyediakan pangkalan data peringkat nasional.

Membasmi kemiskinan. Sebelum itu juga saya meminta juga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya dalam program mencari ini, kebajikan harus begitu prihatin dan mengambil berat. Kadang-kadang borang-borang yang telah kita hantar melalui Ahli-ahli Parlimen dan sebagainya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, tindakan susulannya amat lewat sekali dan yang menjadi mangsa ialah wakil rakyat. Seolah-olah wakil rakyat ini hanya pandai berbicara, manis mulut di bibir kata sahaja. Akhirnya kita yang di marah kerana borang-borang itu seolah-olah disimpan atau disorokkan di pejabat kita sendiri.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam membasmi kemiskinan, Bajet 2009 meneruskan usaha kerajaan dalam membasmi kemiskinan. Kajian separuh penggal di dalam RMK-9 yang melaporkan kejayaan kerajaan mengurangkan kemiskinan tegar dari 1.2% kepada 0.7% adalah membuktikan kemampuan kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang tahun 2010.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah disarankan memperkemaskan program meningkatkan pendapatan dan lain-lain program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat supaya dapat diperluaskan. Begitu pun jentera pembangunan kerajaan...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon laluan Yang Berhormat Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat ada 10 minit. Saya cadangkan supaya yang meminta laluan itu kalau boleh bukan kalau Yang Berhormat tidak layan, bermakna Yang Berhormat takut. Boleh tak, habiskan ucapan?

Tuan Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Saya ikut nasihat Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan.

Kerajaan begitu bersungguh-sungguh dalam menangani masalah kemiskinan khususnya kemiskinan tegar dengan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet bagi membasmi kemiskinan tegar di kalangan semua kaum.

Saya menyarankan agar Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah melihat kembali program-program yang tersedia dan menambahbaikkan agar sasaran kerajaan dalam pembasmian kemiskinan tercapai. Begitu juga kita mengharapkan KKLW ini dan kerajaan

tempatan menyemak dan menilai semula had umur layak permohonan terutamanya untuk orang-orang muda yang susah dan miskin ini supaya diambil kira. Ini terutamanya kepada pasangan-pasangan muda yang hidupnya susah tetapi memerlukan tempat tinggal dan sebagainya, maka kita kena menyediakan peruntukan rumah untuk pasangan-pasangan muda yang susah dan miskin ini.

Dasar jaminan makanan. Bajet 2009 adalah bajet yang prihatin kepada golongan petani, nelayan dan pesawah. Lebih daripada 350,000 petani yang mengusahakan sayur-sayuran dan buah-buahan, *agriculture* dan ternakan diperuntukkan RM5.6 bilion di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara.

Insentif bagi meringankan beban kos pengeluaran. Golongan nelayan pula diperuntukkan RM300 juta untuk menampung sara hidup dan pemilikan bot. Dalam hal ini, kerajaan di saran agar mengambil pendekatan yang lebih kemas dari segi pembahagian dana kerana kelemahan pengurusan dana menyebabkan matlamat yang murni ini tidak akan mencapai sasarannya.

Persoalannya, adakah Kementerian Pertanian dan Asas Tani mempunyai perancangan memperkembangkan peruntukan RM180 juta sebagai modal untuk membangunkan taraf hidup nelayan?

Golongan ketiga yang akan mendapat manfaat Bajet 2009 ini adalah pesawah padi. Maklumlah daerah Sabak Bernam juga dikenali sebagai Jelapang Padi Negeri Selangor. Kerajaan mengumumkan duti import sebanyak 5% hingga 25% ke atas baja dan racun perosak dihapuskan. Penghapusan duti import ke atas baja dan racun perosak adalah langkah bijak kerana dalam menyumbangkan ke arah produktiviti lebih tinggi di ladang dan mengurangkan harga produk pertanian selari dengan pengurangan kos pengeluaran produk pertanian. Penghapusan duti import akan menggalakkan para pekebun menggunakan lebih banyak baja dan meningkatkan produktiviti dan ini akan membantu merendahkan harga makanan.

Saya juga mohon kepada Kementerian Pertanian supaya dapat menambahkan peruntukan mencuci parit. Ini adalah kerana kos-kos mencuci parit terutamanya di Parlimen Sabak Bernam yang banyak ini dan diperuntukkan oleh kerajaan ini adalah dikira terhad. Apabila parit-parit yang banyak, sebu dan sebagainya akan dapat menghasilkan pertanian yang kurang dan sebagainya. Jadi kita berharap mendapat tambahan peruntukan daripada Kementerian Pertanian ataupun federal untuk program-program mencuci parit untuk pertanian di Parlimen Sabak Bernam.

Di dalam keadaan krisis makanan sekarang, apakah langkah yang sedang dalam keadaan apabila Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di dalam menghadapi masalah krisis makanan global khususnya dari segi pengeluaran hasil pertanian dan kestabilan barang pertanian.

Membangunkan modal insan berkualiti - mempertingkatkan program latihan dan kemahiran.

■1140

Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar sebanyak RM24 bilion dalam Bajet 2009 untuk pembangunan modal insan termasuklah peruntukan untuk menaik taraf politeknik dan kolej komuniti, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi, Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Institut Kemahiran Tinggi MARA dan projek Giat MARA. Peruntukan juga diberikan kepada Institut Latihan Kejururawatan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Sehubungan dengan itu saya memohon kepada pihak kementerian supaya dapat membina ataupun memberi sama ada Pusat Giat MARA yang tiada di Parlimen Sabak Bernam ataupun Kolej Kemahiran MARA ataupun Kolej Pelajaran MARA. Peruntukan yang besar ini menunjukkan kesungguhan kerajaan menjana modal insan berteraskan vokasional bagi memacu pembangunan negara. Sehubungan dengan itu sektor industri negara yang sedang berkembang akan mendapat manfaat tenaga mahir dan separuh mahir terlatih bagi memantapkan daya saing.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Langkah kerajaan ini juga akan mampu mengoptimumkan tenaga kerja dalam pelbagai bidang kemahiran.

Meningkatkan Kualiti Pendidikan. Bajet 2009 menunjukkan agenda pelajaran negara tetap diberikan keutamaan kerajaan walaupun berdepan dengan ekonomi yang kurang memberangsangkan. Kementerian Pelajaran diberikan peruntukan sebanyak RM31 bilion iaitu tambahan sebanyak RM1.8 bilion berbanding tahun ini bagi manfaat seramai 5.8 juta pelajar. Kita mengharapkan komitmen kerajaan ini dibalas dengan guru-guru menghargainya, guru-guru lebih bersemangat dan memastikan amanah dan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dapat ditunaikan. Peruntukan bajet yang disediakan adalah bertujuan membiayai peluasan program sedia ada seperti pertambahan jawatan selari dengan pembukaan 26 buah sekolah rendah dan 41 buah sekolah menengah baru.

Sehubungan itu kerajaan juga menambah perbelanjaan penyelenggaraan bantuan makanan, biasiswa, geran per kapita dan peralatan. Saya juga memohon sebuah sekolah teknik yang telah lama diidam di Parlimen Sabak Bernam untuk memberi kemahiran vokasional dan sebagainya kepada penduduk-penduduk di Parlimen saya sendiri. Saya juga ingin menyentuh berhubung peruntukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak RM14.1 bilion berbanding RM12 bilion pada 2008 mencerminkan komitmen kerajaan untuk mencapai transformasi dalam bidang pengajian tinggi negara seperti yang disarankan. Peruntukan yang besar ini diharapkan Kementerian Pengajian Tinggi dapat memastikan kejayaan pelan strategik pengajian tinggi negara. Projek ini membuktikan kerajaan konsisten untuk memastikan kualiti

pengajian tinggi terus di perkasa. Dalam keadaan ekonomi negara yang kurang menggalakkan kerajaan terus prihatin kepada pengembangan bidang pengajian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Sikit betul, ya? Okeylah saya akur kepada Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya saya ingin menyampaikan penghargaan kepada 1.2 juta kakitangan sektor awam yang berjaya meningkatkan produktiviti dan terus memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Pemberian bonus sebulan gaji dengan minimum RM1,000 bagi tahun 2008 diharap akan mendorong kakitangan awam meningkatkan prestasi dan memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang demi kepentingan awam. Tentulah tidak wajar kakitangan awam untuk membandingkan dengan bonus yang diterima oleh kakitangan sektor swasta yang berjumlah lebih tiga juta orang yang diberi bonus antara enam bulan hingga 12 bulan bagi tahun 2008 kerana pemberian bonus ini adalah berdasarkan keuntungan produktiviti yang tinggi.

Begitu pun saya percaya kerajaan sedia mempertimbangkan permohonan kakitangan awam untuk kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan penyelarasan Elaun Kos Sara Hidup (COLA) kepada kakitangan awam. Perkhidmatan yang diberikan dengan jujur dan amanah serta penuh dedikasi ibarat buih di tengah laut, bersinar bagaikan permata, tetapi jika dicemari dengan salah guna kuasa dan rasuah dari segi jangka panjangnya akan menjadi seperti sampah yang akhirnya terdampar di tepi pantai.

Sebagai penutup, kerajaan telah membentangkan Bajet 2009 yang sesuai untuk mengharungi keadaan ekonomi yang mencabar tetapi dalam masa yang sama tidak pernah mengabaikan rakyat dan pendidikan. Saya percaya bajet ini boleh terus mengembangkan ekonomi dan berdaya saing dalam ekonomi global yang meruncing. Dasar ekonomi kerajaan prihatin pastinya akan menjadikan negara ke arah yang gemilang. Sabak Bernam mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Sepuluh minit sahaja, Yang Berhormat.

11.44 pg.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbincangan Belanjawan 2009.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan berita pergolakan dan perbincangan di Kongres Amerika mengenai pelan pemulihan yang bernilai USD700 bilion atau kira-kira RM2.5 trilion yang bertujuan menyelamatkan sistem kewangan negara tersebut daripada kejatuhan ekonomi yang teruk. Selaku Menteri Besar saya telah mengeluarkan kenyataan akhbar pada 30 September 2008. Dalam kenyataan akhbar tersebut saya telah menekankan betapa perlunya Kerajaan Persekutuan mengemukakan pelan tindakan menyelamatkan dan mengurangi kesan keadaan tidak

menentu ekonomi dunia ekoran ekonomi yang menjunam dan berpasaran ekuiti yang boleh dikatakan huru-hara, dan akibat keremukan kredit di Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun saya mendapati reaksi terhadap situasi yang dikemukakan amat lembap. Kerajaan Persekutuan dilihat awal-awal lagi menidakkan idea yang menyatakan Malaysia bakal menerima kesan pergolakan ekonomi global sehinggakan bersikap sebaliknya apabila Menteri Kewangan yang baru, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada awal minggu lepas mendedahkan pelan penstabilan bertujuan mengekang kemelesetan ekonomi global. Oleh itu rakyat Malaysia sekarang menanyakan, apakah situasi sekarang. Ia sudah menjadi kenyataan bagi Amerika dan negara-negara Eropah yang bakal mengalami kemelesetan. Apakah persediaan yang dilakukan oleh negara kita bagi menghadap kemelesetan global? Apakah dasar-dasar kewangan dan fizikal? Adakah dilakukan semakan Bajet 2009 kita? Apakah ruang-ruang yang hendak dipotong kosnya oleh Kerajaan Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang, saya ingin membincangkan kesan kemelesetan ekonomi global terhadap ekonomi Malaysia. Perlu kita bezakan antara krisis dalam pasaran wang dan krisis dalam ekonomi sebenar. Krisis kewangan boleh diatasi sebaik sahaja langkah yang dilaksanakan menerusi pemulihan ekonomi secara besar-besaran mulai mendatangkan hasil dalam tempoh beberapa bulan. Dalam tempoh tersebut pasaran saham dan pasaran mata wang FOREX; semakin stabil. Kadar faedah menurun, keadaan panik yang wujud ekoran keadaan tidak menentu pasaran wang semakin lenyap.

Namun begitu ekonomi sebenar sedang menghadapi kemelesetan ekonomi global yang paling teruk sejak berlakunya krisis harga minyak yang mempengaruhi beberapa kemerosotan ekonomi pada tahun 70-an. Semua sektor ekonomi besar dunia seperti Amerika, Eropah dan Jepun kini mengalami keadaan kemerosotan secara serentak. Hal tersebut tidak berlaku semasa berlakunya krisis Asia pada tahun 1997 - 1998 apabila hanya negara-negara Asia mengalami kemerosotan yang agak teruk. Hal yang sama tidak dialami oleh negara-negara di Benua atau rantau yang lain.

Seterusnya, kemelesetan ekonomi global dijangkakan dari dua tahun ke empat tahun. Pada masa yang sama sejumlah penduduk mengalami lebih pinjaman bagi mengimbangi perbelanjaan masing-masing. Dalam hal ini kebanyakan keluarga mula mengurangi permintaan terhadap barangan elektrik seperti TV, LCD, kamera digital, komputer dan perkhidmatan seperti melancong. Jadi, apakah kesannya kepada kemelesetan terhadap ekonomi Malaysia. Tidak dinafikan keadaan kemelesetan ekonomi global menyebabkan penurunan mendadak dalam permintaan terhadap eksport komoditi seperti getah, balak, petroleum, malah minyak kelapa sawit.

■1150

Turut menerima kesan harga barangan kilang seperti produk elektronik, semi konduktor, perabot dan pakaian. Malahan industri pelancongan akan turut merudum akibat jumlah

kedatangan pelancong asing yang akan menjadi kurang. Kemerosotan harga komoditi mendatangkan kesan terhadap penduduk luar bandar terutama pekerja ladang dan peniaga kecil. Malahan melibatkan peruncit barangan kepada peniaga kecil seperti pengedar motosikal dan alat ganti kenderaan. Penurunan mendadak dalam keluaran sektor pengilangan menyebabkan kehilangan pekerja seperti mana yang berlaku pada krisis tahun 1986, 1987 apabila seluruh kilang elektronik sebagai contoh Mostek terpaksa gulung tikar.

Pengurangan pendapatan turut dialami dalam kalangan pekerja akibat kekurangan kerja lebih masa. Pengurangan pendapatan turut dialami oleh syarikat-syarikat dalam industri pelancongan yang akan melibatkan sektor hotel, kapal terbang, pengusaha pelancongan, peniaga runcit dan sebagainya. Ekoran keadaan ini, besar kemungkinan ramai yang akan hilang pekerjaan. Setiap sesi pengangguran bagi pekerja tempatan di Malaysia terus menerima kesan akibat kurang kawalan terhadap kemasukan pekerja asing yang banyak, baik secara haram mahupun secara sah. Hal ini berlaku disebabkan ketiadaan dasar yang jelas Kerajaan Barisan Nasional bagi menyekat kedatangan tenaga kerja asing.

Apa yang patut kita lakukan? Bagi sektor utama, kerajaan patut menggalakkan pekebun kecil menanam semula pokok getah, kelapa sawit. Pihak berwajib boleh memberi bantuan kepada pekebun atau peladang. Kerajaan juga boleh melancarkan program perhutanan secara besar-besaran atau *Massive Reforestation Program* dengan mengambil pekerja-pekerja dari belia-belia tempatan terutamanya yang menganggur.

Sehubungan ini, kerajaan boleh menambah baik prasarana pertanian di kalangan penanam padi dan sawah supaya daya pengeluaran dan pendapatan dapat ditingkatkan dalam jangka masa pendek ke jangka panjang. Bagi memastikan pesawah memperoleh pendapatan dalam jangka pendek, kalangan pekerja tempatan dalam daerah yang berdekatan hendaklah diambil bekerja dalam projek penambahbaikan atau penjagaan. Di samping itu subsidi bagi keluaran pertanian hendaklah diberi dan ditambah supaya dapat membantu mereka menghadapi kesan kemelesetan global.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Ini penting. Bagi sektor pembuatan, pihak berwajib perlu memberi bantuan kewangan sementara kepada pekerja-pekerja yang menganggur.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Mereka yang kehilangan pekerjaan perlu diberi latihan secara percuma dalam aspek kemahiran teknikal sebagai persediaan bekerja dan kembali apabila kemelesetan pula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat mencelah.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Saya *injury time* ini. Pihak berkuasa...

Tuan Yang di-Pertua: *Injury time* dia tidak hendak bagi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bagi laluan sikit sahaja tidak boleh?

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Dengarlah dulu, *you* bagi ceramah pun macam itu juga. Bagi pihak berkuasa hendaklah mengurangi peraturan birokrasi dalam syarikat-syarikat pembuatan dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan. Di samping itu pihak berwajib hendaklah menambah bantuan kewangan dengan perjanjian yang memuaskan di pihak menerima. Dalam hal rancangan fiskal, *fiscal stimulus*, pastikan langkah-langkah itu disasarkan bagi kalangan pekerja, warga negara Malaysia sebagai pekebun, pekerja dan peniaga kecil yang menerima kesan kemelesetan.

Sehubungan ini, analisis kesan pekerjaan perlu dilakukan setiap projek. Ia bermakna projek-projek pembinaan yang besar-besar, menyediakan lebih peluang kerja kepada pekerja asing. Justeru itu kita tidak boleh melaksanakan banyak projek yang mengutamakan pekerja-pekerja luar. Inilah waktunya bagi Kerajaan Persekutuan untuk mempercepat pembinaan prasarana pengangkutan awam di bandar sebagaimana yang dirancang sebagai pemaju sedia menawarkan harga yang rendah bagi menjalankan projek-projek seumpama.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Oleh itu saya mencadangkan Kerajaan Persekutuan perlulah bersikap bersedia dan tiga perkara yang saya unjurkan. Pertama, memanggil mengadakan satu perjumpaan di antara Kerajaan Persekutuan dan menteri-menteri besar dan ketua menteri supaya kita dapat membincangkan tentang keadaan yang ada sekarang dan bagaimana kita mengatasi. Kedua, kita mesti mengadakan perjumpaan dengan peniaga-peniaga kecil dan sederhana supaya mengetahui apakah langkah-langkah dan persediaan mereka supaya kita bersedia dalam usaha ini. Di Selangor, saya telah mengadakan perjumpaan dan nampaknya terdapat berbagai-bagai rintihan dan saya rasa kita perlu menangani aspek yang utama supaya mereka mempunyai kepercayaan kepada kita.

Ketiga, kita juga mesti menentukan bahawa aliran kewangan tidak mengalir banyak ke luar negeri. Saya rasakan usaha kerajaan untuk menggunakan duit EPF sebagai usaha untuk mempertahankan harga saham adalah satu usaha yang tidak bijak sebab hasilnya, ini hasilnya sebab RM5 bilion ini banyak. Sebab hasilnya apa yang akan berlaku ialah orang-orang yang akan menjual saham di Malaysia adalah pelabur-pelabur dari luar negeri dan pembelian tersebut akan menyebabkan pengaliran keluar dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Cara yang terbaik, akhir sekali. Cara yang terbaik ialah mengadakan kemasukan wang di dalam syarikat-syarikat yang kita pilih melalui satu skim *Redeemable Convertible Preference Shares* tetapi saya tidak diberi masa untuk memberi penerangan itu dan saya berharap kenyataan ini...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Boleh laluan?

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Bagi laluan dulu, saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah melebihi masa. Sila singkatkan Yang Berhormat selepas itu gulung.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Tentang pemberian dana kepada Valuecap sebanyak RM5 bilion ini. Kita lihat Amerika Syarikat sanggup berbelanja sampai trilion untuk menyelamatkan keadaan, takkan RM5 bilion ini yang bertujuan untuk menstabilkan harga sekuriti pun kita tidak boleh terima. Pinjaman ini pun pinjaman daripada KWSP yang sebenarnya bercanggah apa yang disebut Yang Berhormat Bandar Tun Razak menyebabkan pengaliran keluar. Mana ada, sebab ini adalah pinjaman dalaman daripada KWSP.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab itu sahaja Yang Berhormat selepas itu gulung.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Syarikat yang dipilih adalah syarikat yang berisiko rendah.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Dia tidak tahu *the stage of*, dia pinjam selepas itu dia beli saham, yang mempunyai saham itu kebanyakan ialah pelabur-pelabur daripada luar. Bila pelabur luar itu jual saham...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini sudah dijelaskan oleh menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa tidak ada untuk berdialog.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Ya itulah sebabnya, macam mana *you* hendak ajar ekonomi macam ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat sila duduk. Gulung Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Kedua, tidak ada dalam skim RM700 bilion, tidak ada tujuan untuk mempertahankan pasaran apabila dibincangkan di kongres. Sebenarnya, duit RM7 bilion itu dimasukkan ke dalam bank sebagai dana bank, tidak dikeluarkan. Jadi sistem itu berbeza. Jadi kalau kita tidak reti maknanya kita kena...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak isunya, isu penglibatan kerajaan untuk menyelamatkan ekonomi.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: *No, no* isunya kerajaan tidak tahu menggunakan dana itu isunya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Ini duit pelaburan jangka panjang, bukan spekulasi ini duit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dua-dua mesej *delivered*. Silakan Yang Berhormat Parit.

11.59 pg.

Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2009. Saya menaruh harapan yang tinggi agar belanjawan ini akan dapat memberi kekuatan dan semangat kepada kerajaan dalam usaha memberi kesejahteraan dan khidmat kepada semua lapisan masyarakat Malaysia.

Ditambah pula dengan krisis ekonomi yang melanda negara-negara dunia ketika ini, memperlihatkan kepada kita betapa pentingnya pengurusan kewangan yang baik bagi sesebuah negara.

■1200

Alhamdulillah, ekonomi negara masih di tahap yang terkawal meskipun dihujani oleh krisis-krisis ekonomi global. Saya kira Belanjawan 2009 yang telah dibentangkan telah mengambil kira semua aspek bagi menjamin kesejahteraan serta kelangsungan rakyat Malaysia. Kerajaan jelasnya telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam mentadbir negara dan juga menjaga kenaikan rakyat jelata.

Jadi suka saya memperingatkan kepada semua agar dapat memelihara prestasi cemerlang ini untuk memastikan mandat yang diberikan oleh rakyat dilaksanakan sebaik-baiknya seterusnya melonjakkan negara ke persada dunia. Tahniah kepada kerajaan yang telah memikirkan apakah bentuk yang terbaik untuk diberikan kepada rakyat yang mana telah diterjemahkan melalui Belanjawan 2009. Walaupun ada kata-lata sinis yang mengatakan belanjawan ini tidak lebih hanya sekadar gula-gula tetapi harus diingat gula-gula juga menjadi pilihan orang ramai. Ianya bukan sahaja menjadi pemanis mulut tetapi juga sebagai satu kepuasan.

Justeru itu, kerajaan telah merangka satu belanjawan yang manisnya seperti gula tetapi pada masa yang sama ia tidak memudaratkan. Kita tidak mahu perbelanjaan negara meningkat tinggi semata-mata untuk memenuhi kehendak pihak-pihak tertentu tetapi pada masa yang sama ia akan membebankan kerajaan dan rakyat sendiri. Kita seharusnya sedar akan keupayaan kita agar dapat memastikan negara kita terus kekal berdaya saing tinggi.

Bila direnung disingkap Belanjawan 2009, jelas menunjukkan usaha kerajaan dalam menaik taraf kehidupan masyarakat Malaysia. Ini diterjemahkan melalui usaha penambahbaikan kualiti pendidikan di Malaysia. Ini terbukti melalui penambahbaikan jawatan perguruan, pembinaan sekolah-sekolah baru serta penyelenggaraan sekolah asrama dan lain-lain. Namun, laporan berita baru-baru ini amat mengejutkan dan menyedihkan kita semua. Pelajar kita sudah berani menendang dan menyepak guru. Pelajar kita sudah mampu menetak tangan kawan.

Apakah ini salah satu bentuk pencapaian pelajar kita pada hari ini. Adakah ini hasil yang diharapkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dilihat masalah disiplin di kalangan

pelajar semakin meningkat meskipun terdapat usaha-usaha menangani yang dilakukan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini dilihat banyak sesetengah pihak memberi keutamaan kepada sektor awam sahaja. Maka timbullah cakap-cakap yang berbaur kecemburuan terhadap pekerja sektor awam. Jadi saya mengambil peluang ini melahirkan kerisauan dan kegusaran para pekerja sektor swasta yang masih lagi berpendapatan di bawah paras kemiskinan mengenai institusi ekonomi yang tidak menentu kali ini yang dilihat boleh menggugat kelangsungan hidup mereka.

Suka saya sarankan agar kerajaan mengambil kira rintihan pekerja sektor swasta yang boleh diibaratkan sebagai tulang belakang dalam memacu ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, isu lambakan pekerja asing juga sudah menjadi isu yang serius, ini ditambah lagi dengan peranan ejen yang membawa warga asing ini masuk ke Malaysia. Terjadi juga peristiwa ejen menghilangkan diri sebaik sahaja pekerja warga asing ini berada di sini. Apabila ejen gagal dicari maka terkontang-kantinglah pekerja ini sebagai mana yang berlaku di KLIA dahulu serta yang terbaru isu warga asing duduk di bawah jambatan dan lain-lain.

Ini dikhuatiri akan mengundang rasa kurang senang di kalangan warga tempatan dengan kebanjiran warga asing di negara kita. Seheinggakan pada masa warga asing ini diberi keutamaan dalam pekerjaan berbanding warga tempatan. Di stesen-stesen minyak dilihat sudah ada warga asing menjadi juruwang. Pemilik-pemilik stesen minyak dilihat tidak mengendahkan larangan kerajaan agar tidak menggaji pekerja asing sebagai juruwang. Mereka dilihat lebih selesa menggaji pekerja asing berbanding dengan warga tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian juga memerlukan pemerhatian rapi pihak kerajaan. Kita tidak mahu peristiwa kekurangan stok bekalan makanan akan berlaku sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Parit.

Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Bagi menjamin stok bekalan makanan yang mencukupi maka kerajaan telah mengambil inisiatif mempergiat penanaman padi, penambahbaikan ladang-ladang sedia ada serta kemudahan pinjaman mikro Kredit. Ini bagi memastikan sektor pertanian negara terus berdaya saing dan dapat memenuhi keperluan domestik negara. Selain itu, cadangan kerajaan untuk memansuhkan duti import di atas baja dan racun perosak dilihat satu usaha yang tepat bagi meningkatkan pengeluaran pertanian negara dan juga menaik taraf kehidupan para petani.

Pertanian juga mampu menjadi penyumbang besar kepada KDNK negara sekiranya usaha inisiatif berterusan daripada pihak kerajaan. Pertumbuhan industri padi dan beras negara dijangka berkembang pesat tidak lama lagi menerusi pembukaan ribuan hektar tanah untuk tanaman padi. Namun saya berharap pembangunan industri itu perlu mengambil kira pendekatan mesra alam sekitar bagi meningkatkan manfaat kepada manusia dan mengurangkan kesan pencemaran.

Lantaran itu saya mencadangkan pembukaan tanah untuk tujuan penanaman padi perlu menggunakan kaedah yang lebih mesra alam. Amalan pembakaran kawasan hutan seharusnya dielakkan. Proses penanaman padi perlu dipermodenkan menggunakan teknologi terkini. Pembukaan zon penanaman padi pada skala besar sudah tentu memerlukan ramai tenaga kerja. Oleh itu penggunaan teknologi moden diharap dapat membantu meningkatkan kecekapan serta menarik minat generasi muda khususnya di dalam bidang pertanian.

Graduan dari lulusan kejuruteraan biologi dan pertanian serta kejuruteraan proses dan pemakanan boleh diaplikasikan untuk mengembangkan kemahiran mereka dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, program lonjakan mega luar bandar berasaskan konsep agropolitan merupakan satu pendekatan berkesan dalam usaha membasmi kemiskinan tegar luar bandar yang dilaksanakan di kawasan mundur serta terpencil secara bersepadu, berfokus dan setempat.

Justeru itu saya menaruh harapan yang besar serta tinggi agar program yang dirancang ini akan direncanakan sebaik-baiknya bagi menangani masalah kemiskinan. Sejarah dalam instrumen yang tidak boleh diendahkan sama sekali dan mesti dipelajari serta diketahui, berjayanya sesuatu bangsa adakah berdasarkan bagaimana mereka belajar daripada pengalaman sejarah silam mereka. Cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar subjek sejarah diajar seawal sekolah rendah adalah bertepatan dengan keadaan generasi sekarang yang dilihat semakin tercalar jati diri mereka.

Selain daripada itu, dicadangkan juga agar kerajaan mengambil inisiatif memulihara lebih banyak lagi tempat-tempat bersejarah seperti makam diraja, bangunan bersejarah serta artifak-artifak agar dapat dilihat dan dihayati oleh generasi sekarang dan akan datang. Tempat-tempat bersejarah ini juga boleh dijadikan tempat pelancongan sekiranya ada inisiatif dan bantuan daripada pihak kerajaan.

Seiring dengan perkembangan teknologi bidang bioteknologi telah dikira menjadi salah satu tanda aras kemajuan sesebuah negara. Malaysia tidaklah ketandusan pakar di dalam bioteknologi. Banyak juga kajian-kajian yang dilakukan oleh pakar-pakar tetapi malangnya kekurangan usaha bagi menentengkannya.

Universiti-universiti negara kita juga banyak menghasilkan kajian yang bermanfaat. Oleh itu untuk menjadikan bioteknologi di negara ini berkembang maju maka kerajaan seharusnya menyediakan bantuan agar hasil-hasil kajian ini dapat dikeluarkan dan seterusnya dimanfaatkan kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik kata-kata ilmuan Islam "*Jika ingin melihat sesuatu negara itu, maka lihatlah pemudanya*". Belia tunggak negara, pelbagai program diatur dan dirangka bagi memastikan pembangunan belia kita seiring dengan pembangunan negara. Program seperti Rakan Muda yang telah diperkenalkan sebelum ini dilihat mampu menarik minat belia untuk terus turut serta menyertai program yang dirangka oleh kerajaan .

Keselamatan awam merupakan keutamaan kerajaan. Bagi memastikan ia dapat dicapai, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar peruntukan kepada polis bagi memastikan kesiapsiagaan pasukan ini bagi menjamin keselamatan awam. Harus diingat bahawa dengan jumlah pertambahan penduduk serta kebanjiran warga asing, ia menjadi tugas yang berat bagi menjamin keselamatan awam.

Krisis ekonomi yang berlaku di Amerika Syarikat dan beberapa negara lain memperingatkan betapa rapuhnya sistem kewangan kapitalis yang diamalkan oleh negara-negara tersebut. Sudah tiba masanya kerajaan memikirkan inisiatif baru memperluaskan jaringan kewangan Islam untuk dipakai di negara kita. Rakyat khususnya masyarakat Islam di negara kita semakin mengambil berat dan prihatin terhadap keperluan instrumen kewangan Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan yang baik mampu meningkatkan produktiviti. Justeru itu, tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan yang masih memberi perkhidmatan kesihatan percuma kepada rakyat. Diakui pembangunan sesebuah negara tidak akan lengkap tanpa prasarana kesihatan yang mencukupi dan bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Justeru itu saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar menambah bilangan hospital yang sedia ada di luar bandar dan menaik taraf klinik kesihatan yang suda uzur. Selain itu, penambahbaikan perkhidmatan juga memerlukan perhatian khusus lebih-lebih lagi dengan peningkatan pesakit. Janganlah perkhidmatan kesihatan percuma diberikan kerajaan sambil lewa sehingga perkhidmatan yang diberi tidak memuaskan.

Waktu rawatan yang diperuntukkan haruslah dipatuhi bagi memastikan pesakit menerima layanan yang memuaskan. Kadangkala cerita pesakit yang datang ke hospital bertambah sakitnya menunggu pemeriksaan doktor.

Bagi melahirkan negara yang unggul maka aspek pembentukan modal insan berkualiti mestilah diambil kira. Diakui Malaysia adalah pelopor kepada permainan sepak takraw. Permainan ini termaktub dalam sejarah kita menjadikan permainan rakyat sehingga di golongan pembesar. Akan tetapi hari ini dilihat Thailand semakin menguasai permainan ini dan pada hari ini juga, orang menyebut sukan takraw, maka orang akan teringat Thailand.

■1210

Di dalam kesempatan ini juga, saya ingin memohon kepada pihak kerajaan untuk pembinaan sekolah baru bagi menampung Sekolah Kebangsaan Sri Iskandar dan Sekolah Menengah Titi Gantung di mana sejumlah murid dan pelajar telah pun meningkat dan sekolah sedia ada ini tidak dapat menampung lagi jumlah pelajar yang bertambah.

Yang kedua, saya juga ingin memohon kesempatan ini untuk memanjangkan permohonan kepada Kementerian Kesihatan agar dapat meluluskan segera pembinaan hospital baru di Sri Iskandar.

Yang ketiga, saya juga ingin memohon kepada pihak kerajaan dapat membina jambatan yang boleh menghubungkan Lambor Kanan dan Lambor Kiri yang dipisahkan oleh Sungai Perak. Pembinaan jambatan ini mampu memudahkan urusan penduduk setempat untuk berurusan di kawasan Lambor Kanan.

Saya juga memohon kepada pihak Kementerian Kerja Raya untuk menaik taraf serta melebarkan jalan raya daripada Seputeh dan Parit hinggalah ke Simpang Tiga. Akhirnya, saya menyeru kerajaan agar terus berusaha dalam mentadbir negara. Dalam soal mentadbir negara ia bukan sahaja berasaskan kata-kata semata-mata bahkan memerlukan perancangan dan keprihatinan semua aspek bagi menjamin perlangsungan hidup rakyat Malaysia. Saya dengan ini menyokong.

12.12 tgh.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih memberi ruang untuk saya sama berbicara soal Bajet 2009 yang saya anggap bajet yang hempedu untuk kaum pekerja kerana tidak langsung dalam kerangka untuk menyelamatkan pekerja dalam menghadapi 2009, proses kemelut ekonomi yang begitu meruncingkan, yang paling dahsyat dalam sejarah, yang mana kita telah dikhabarkan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, 50,000 orang pekerja kontrak kerajaan akan dipecat pada bulan Disember ini. Ini menunjukkan bahawa petanda ekonomi kita dalam keadaan yang cukup kritikal.

Begitu juga baru-baru kita dikhabarkan NICO telah pun gulung tikar, lari malam, habis pekerja semua diberhentikan tanpa mendapat pampasan. Ini juga dimaklumkan bahawa semua syarikat elektronik yang telah pun dikhabarkan mengurangkan, menguncupkan operasi mereka dan telah pun diuar-uarkan untuk di *serve VSS retrenchment*, petandanya ialah ekonomi 2009 amat-amat digeruni. Ini menunjukkan bahawa tiada langkah yang diambil oleh kerajaan terutama sekali Menteri Kewangan dalam menghadapi kemelut 2009 ini.

Saya khuatir dalam proses yang dikhabarkan 32% kadar pengangguran pada ketika ini akan melonjak pada 11% ke 12%. Ini menunjukkan bahawa yang menjadi mangsa dalam kemelut ekonomi ini ialah 11.3 juta kaum pekerja. Ini yang saya khuatir dan kita tidak menafikan, setiap kali 10 tahun berlalu ekonomi akan merudum dan persiapan kerangka tidak langsung dilaksanakan untuk menghadapi rakyat yang terbanyak ini Tuan Yang di-Pertua.

Saya melihat daripada sudut keseluruhan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencadangkan bahawa satu tabung di wujudkan segera iaitu Tabung Renti-Kerja Sentara ataupun dipanggil *Retrenchment Fund* yang mana boleh menyelamatkan. Dalam proses penubuhan ini kita caj di bawah seksyen 25 Akta Pekerja 1955 iaitu RM1 daripada pekerja, RM1 daripada majikan dan RM1 daripada kerajaan, RM3 kali dengan 11.3 juta Tuan Yang di-Pertua kalau dikumpulkan 10 tahun menghampiri RM4 bilion. *Fund* ini boleh diberikan ataupun sekurang-kurangkan menyelamatkan kaum pekerja secara keseluruhannya kerana ini dibenarkan oleh undang-undang. Sebab itu saya tidak bersetuju EPF diambil, kerana duit EPF orang miskin,

pencarumnya ialah pekerja dan majikan. Mengapa kerajaan hendak ambil duit ini untuk diberikan kepada orang lain... [Tepuk]

Ini satu rompakkan yang terang-terangan. Saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan, Menteri nya tidak perlu diberi kuasa penuh kerana dia ada *board* nya sendiri. Saya mohon supaya ia dikaji semula tentang kuasa Menteri Kewangan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses itu juga saya ingin mencadangkan iaitu apabila syarikat itu melabur dalam negara, kita caj dia 10% sebagai bon simpanan. Bila ia gulung tikar Tuan Yang di-Pertua, duit 10% ini boleh kita berikan sebagai satu imbuhan kepada kaum pekerja yang telah dipecat ataupun dipanggil sebagai, melindungi sekurang-kurangnya satu faedah kepada kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal EPF ini saya juga mencadangkan. Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, sebelum 2002, satu Warta telah pun dibuat..., sebelum, iaitu sesiapa sahaja pencarum KWSP, bila mana dia meninggal dunia, pewarisnya akan mendapat RM30,000 ke bawah tetapi telah dirampas pada tahun 2003 dan tidak diberi atas penambahan itu. Ini memberikan satu isyarat bahawa saya ingin mencadangkan dalam keadaan sekarang ini, supaya Warta itu dikembalikan balik hak kepada kaum pekerja yang mana telah diberikan sebelum tahun 2002... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, atas ihsan itulah saya ingin mencadangkan daripada aliran wang keluar daripada pekerja-pekerja asing jumlahnya ialah RM2.2 juta yang dikhabarkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini, RM720. Kalau kita caj dia seperti mana kita caj kepada pekerja tempatan, 12% pada majikan, 11% pada pekerja, menjadi 23% maka dengan ini peralihan wang keluar akan sekurang-kurangnya diselamatkan dalam bentuk untuk *circulation marketing* dalam negara kita. Saya kira untuk *charge* seperti mana yang dibuat di negara lain, 50 tahun baru dia layak untuk mendapatkan balik wang itu. Itu satu daripada syarat yang saya rasa syarat yang paling adil, yang mana dia bekerja di sini dan kita kawal wang kita daripada keluar sepanjang masa, yang dikhabarkan nisbahnya seorang RM720 Tuan Yang di-Pertua.

Dalam masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan Akta Pekerja 1955 yang telah lapuk iaitu tentang Renti-Kerja Sentara, *benefit* nya iaitu daripada mula bekerja sampai 2 tahun mendapat 10 hari; 2 tahun ke 5 tahun mendapat 15 hari; dan lebih daripada 5 tahun mendapat 20 hari. Saya rasa nilai semasa tahun 1955 dan pindaan dibuat pada 1980 itu sudah lapuk dan sudah tidak sesuai lagi dalam keadaan syiling yang bulat dan syiling empat segi. Yang mana pada 2008 ini, 20 hari Tuan Yang di-Pertua, kalau RM1,000 pendapatannya hanya sekadar RM720, kalau dikalikan dengan RM20 hanya berada pada kadar RM14,000 sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Saya memohon supaya Menteri Sumber Manusia mengkaji semula atas Akta Pekerja 1955 ini dipindah bersesuaian dengan keadaan sekarang yang nilainya cukup berbeza pada tahun 1980 dulu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalaman pekerja asing, kadang-kadang kita dimaklumkan bahawa setiap tahun mengikut laporan Menteri Sumber Manusia, 256,600 tiap-tiap penambahan dilakukan untuk mengambil pekerja asing. Kita ini bukan pedagang manusia Tuan Yang di-Pertua. Kita kena faham bahawa kedudukan pengangguran kita berada dalam keadaan 32%, dengan tahun 2009 kalau kita tidak betul-betul memastikan dalam kerangka yang betul bersedia, saya percaya kadar pengangguran akan naik secara mendadak dan bila pengangguran itu naik pekerja asing masih lagi datang berduyun-duyun, dan ini memberi kesan yang tidak proaktif, yang mana kita, anak di rumah mati kelaparan buruk di hutan disusukan.

Saya mencadangkan supaya sekat semua pekerja asing dan kita tumpukan kepada pekerja tempatan, yang mana dalam tahun 2009 ini, seriusnya kita kena memastikan... tiga minit lagi Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* ...Seriusnya kita kena memastikan pekerja-pekerja tempatan daripada kita membenarkan pedagang-pedagang manusia bermaharajalela untuk berniaga..., mereka pedagang manusia. Seperti mana Tan Sri P. Ramlee kata, berniaga manusia lebih untung daripada berniaga unta. Ini tidak mungkin berlaku kalau kita benar-benar ikhlas untuk memastikan rakyat di negara kita ini dijamin kestabilan, dijamin hak mereka... *[Tepuk]*

Saya memikirkan bahawa sesungguhnya ini akan dilaksanakan, begitu juga saya merayu kepada Menteri Sumber Manusia supaya menarik balik pindaan di bawah seksyen 20, yang mana Tuan Yang di-Pertua apabila dipecat, tidak dibenarkan mengikut aliran usia hanya 24 bulan, kalau dia bekerja terdapat 16 bulan, kalau waktu bekerja 30 tahun, dia hanya layak mendapat 16 bulan .

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, hari ini kita buat satu keputusan, tapi harus diingat keputusan yang kita buat, kalau tidak betul-betul menjamin kekuatan pekerja itu sendiri, kita jangan lupa bahawa anak kita tidak mesti menjadi wakil rakyat, saudara mara kita tidak mungkin menjadi wakil rakyat, dan mereka adalah kemungkinan besar akan menjadi pekerja. Ingat, keputusan yang saya cadangkan ini ialah untuk memakmurkan, menjamin kestabilan dan hak kaum pekerja generasi yang akan datang.

Saya cukup kluatir kalau semua hak kaum pekerja ditarik seperti contoh seksyen 26(1)A yang mana telah pun mengatakan bahawa kalau pekerja itu dipecat, dia tidak boleh menjadi ahli kesatuan, dia tidak boleh menjadi pemimpin dan dia dipinggirkan, ini definisi yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia. Saya memikirkan sekarang kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia ini peranan yang dimainkan ialah untuk membunuh kaum pekerja dan saya melihat segala pindaan-pindaan yang dibuat adalah untuk mengetatkan dan mengongkong pergerakan hak kaum pekerja.

Saya ingin mencadangkan dikaji semula tentang pindaan-pindaan yang dibuat terhadap Akta Pekerja 1997, dan Akta Pekerja 1955, dan Akta Kesatuan 1959 dibuat untuk memastikan bahawa hak kaum pekerja itu dikekalkan dalam kita sama-sama menjana dan memastikan

ekonomi negara diperanankan oleh semua pihak. Ini pihak majikan mendapat keuntungan, syarikat mendapat berbilion-bilion pekerja...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Mohon penjelasan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Akhir-akhir bila ekonomi merosot, dihukum dengan pemberhentian kerja beramai-ramai. Saya mencadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia, Menteri Kewangan memikirkan seserius-seriusnya cadangan saya demi untuk pekerja 11.3 juta...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Balik Pulau ingin mencelah Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Balik Pulau ingin mencelah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Sikit, saja.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Silakan, silakan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Mendengar penjelasan teman saya yang amat bersemangat tadi, saya mula memahami permasalahan sumber manusia negara ini, saya rasa..., mohon penjelasan. Adakah keutamaan kita di Penggal ini untuk membuat pindaan-pindaan seperti yang dicadangkan itu sepatutnya diutamakan di Dewan yang mulia ini. Mohon penjelasan.

■1220

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Hebat sahabat saya Yang Berhormat Balik Pulau. Memang hebat. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu dengan hati yang rendah. Saya memperkasakan perjuangan pekerja 24 tahun dan saya ada juga *rotational* di Mahkamah Perusahaan. Saya memohon Menteri Sumber Manusia memikir semula, mengkaji dalam keadaan ekonomi yang begitu berkehendakkan semua pihak bekerjasama. Kita kena bekerjasama iaitu pekerja, majikan, kerajaan tempatan ini kena memainkan peranan masing-masing. Dalam proses itu, saya memohon Menteri Sumber Manusia mengkaji kembali tabungan-tabungan yang saya cadangkan demi untuk ekonomi negara dan juga keseluruhannya. Bagi saya dua minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Rumusannya Tuan Yang di-Pertua, keputusan Bajet 2009 ini saya anggap bajet yang dibuat dalam perasaan hempedu, pahit hendak diterima kerana tidak ada langsung menyentuh tentang pekerja. Yang menyentuh hal bonus itu hanya 1.2 juta Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana yang 11.3 juta ini Tuan Yang di-Pertua?

Saya jangkakan bahawa kalau tidak dirubah pada hari ini Allahuakbar ianya akan menjadi mudarat kepada hampir kepada 400,000 yang diuar-uarkan akan dipecat dalam proses 2009 Tuan Yang di-Pertua. Bayangkan dalam 400,000 ini salah satu mungkin mereka ialah keluarga kita. Ingat Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita berkuasa, jangan kita sombong dan

bongkak. Kalau kita tidak memikirkan generasi akan datang, tidak dirubah, Allah tidak akan merubah seperti sahabat saya cakap tadi Allah tidak akan merubah kaum itu. Kaum itu yang berubah. Wahai kaum Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, berubahlah untuk kepentingan pekerja 11.3 juta. Sekian. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas macam Yang Berhormat Kuala Langat, dah lah kita berbahas berhari-hari, sampai sambung. Sila, saya perlu Yang Berhormat daripada BN yang itu. Ya, sila.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2009 yang sudah dibentangkan oleh Perdana Menteri. Kebelakangan ini harga minyak...

Tuan Yang di-Pertua: Pasang turbo Yang Berhormat supaya laju sedikit macam Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Kebelakangan ini harga minyak mentah telah kian menurun dari USD147 sehingga harga di bawah USD65 dan kerajaan telah menunaikan janji mereka untuk turut menurunkan harga petrol beberapa kali dari RM2.70 hingga RM2.30. Walaupun penurunan ini dapat mengurangkan kos pengangkutan rakyat, tetapi harga barang harian, makanan dan minuman tidak turun. Kebanyakan harga barang masih kekal, malah ada peniaga yang mengurangkan saiz barangannya atau hidangan dan mengekalkan harga barang.

Pada 21 Oktober 2008, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengumumkan bahawa kementeriannya akan menyenaraikan makanan, *services* serta barang keperluan harian yang perlu perhatian kerajaan. Semalam, berita BERNAMA telah mengumumkan bahawa harga barang kawalan akan diturunkan di Giant dan *hypermarket* yang lain seterusnya. Harap-harap penurunan harga barang keperluan harian dapatlah meringankan beban rakyat dan penurunannya bukan minimum atau sekadar kosmetik iaitu 100% atau 2% sahaja. Akan tetapi saya amat bimbang bila harga petrol naik semula harga barang keperluan harian akan turut naik lagi dengan kadar yang lebih tinggi. Ini akan membawa kesengsaraan kepada rakyat yang kini menghadapi pelbagai masalah untuk menampung kos yang tinggi.

Menurut kajian seperti yang dilaporkan di majalah Malaysian Business, semakin tinggi pendapatan sebuah keluarga, semakin tinggi perbelanjaan mereka dalam komponen pengangkutan disebabkan kerap mengguna kereta. Oleh itu, penyambungan penurunan harga petrol hanya memanfaatkan segelintir rakyat secara terhad kerana kos komponen yang lain tidak turun seajarnya. Memandangkan penurunan harga petrol tidak memberi impak yang besar, saya harap kerajaan tidak bergantung secara keseluruhan untuk membantu rakyat melalui penurunan harga petrol.

Saya menyeru agar kerajaan memberi bantuan secara wang tunai kepada keluarga yang berpendapatan rendah. Dengan memberi wang tunai secara terus kepada sesebuah keluarga,

mereka dapatlah merancang perbelanjaan dan mereka tentu menghargai tindakan kerajaan. Saya bersetuju dan rakyat juga menghargai usaha kerajaan menaikkan garis panduan kemiskinan di Bajet 2009. Akan tetapi memandangkan kos harian hidup yang tinggi, saya menyeru agar kadar ini dinaikkan hingga RM1,000. Dengan usaha ini, tambahan 390,000 keluarga akan mendapat bantuan kebajikan. Langkah menolong lebih banyak keluarga tentu akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan tetapi kos ini mungkin dapat ditampung jika sebahagian penjimatan subsidi digunakan untuk tujuan kebajikan selain dari penurunan harga petrol.

Saya juga ingin mendapat maklumat sama ada penjimatan subsidi yang dianggarkan sebanyak RM13.7 bilion yang diumumkan semasa harga petrol dinaikkan ke RM2.70 dapat dicapai. Ini adalah penting untuk kerajaan memberi penerangan untuk mengelakkan kekeliruan dan mengelak pihak-pihak tertentu mengeksploitasi isu ini untuk kepentingan politik dengan mengatakan kerajaan tidak menunaikan janji untuk mengguna subsidi untuk tujuan seperti yang diumumkan. Kerajaan juga boleh memperoleh wang tambahan untuk perbelanjaan kebajikan dengan menghentikan semua pelaburan kepada syarikat-syarikat yang tidak memberi pulangan positif dan tidak memberi sebarang faedah kepada masyarakat atau rakyat seperti syarikat Silterra Sdn.Bhd. Syarikat ini macam lubang hitam kerana telah mencatat kerugian sejak penubuhan dari tahun 1994 seperti yang dijelaskan oleh Kementerian Kewangan.

Saya juga mendapat maklumat bahawa syarikat ini diterajui oleh orang asing serta teknologi yang ada bukanlah teknologi terkini. Saya tidak mempunyai apa-apa prejudis tentang orang asing tetapi yang penting ialah prestasi. Apakah gajinya serta bonusnya berdasarkan prestasi syarikat memandangkan kerugian syarikat ini tidak berkurangan dan syarikat ini mengalami kerugian sejak 1994. Adakah gaji serta bonus yang diperoleh oleh pengurus-pengurus tinggi di syarikat itu memuaskan? Khazanah telah melabur sebanyak RM5.16 bilion dan tidak mendapat sebarang pulangan pelaburan. Jawapan yang saya terima ialah kerugian adalah disebabkan *depreciation* yang tinggi. Tentulah *depreciation* tinggi kerana industri ini memerlukan pembelian aset yang tinggi. Pendek kata syarikat tidak memberi dividen dan tidak menjana cukai pendapatan sejak 1994.

Kerugian yang dicapai iaitu RM1 bilion untuk 2007 kalau dibahagikan kepada 500,000 buah keluarga yang mempunyai pendapatan kurang dari RM1,000 sebulan, mereka akan mendapat RM2,000 setahun untuk menampung perbelanjaan mereka. Memang benar setiap pelaburan tidak semestinya mengaut keuntungan tetapi kalaulah sejak penubuhan 14 tahun dahulu hingga sekarang masih rugi. Kita sepatutnya tidak meneruskan pelaburan ini. Menurut laman web syarikat ini pada November 2007, sebanyak RM8.5 pelaburan diperlukan untuk meningkatkan pengeluaran syarikat ini. saya harap kerajaan tidak lagi melabur dalam syarikat ini satu sen pun memandangkan prestasi lepas dan masa depannya tidak terjamin. Dari RM8.5 bilion, apakah jumlah pelaburan yang telah diperoleh setakat ini dan siapakah pelabur ini. Saya

ingin mencadangkan agar kajian atau *due diligence* dilaksanakan serta merta untuk mengenal pasti sama ada perniagaan syarikat ini patut diteruskan kerana segala penjimatan boleh disalurkan untuk kegunaan yang lebih memberi manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih tajuk iaitu kepada industri kelapa sawit. Industri minyak sawit memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara kita. Semasa harga komoditi minyak sawit meningkat, kos pengeluaran juga turut meningkat. Untuk syarikat besar, kos pengeluaran dianggar telah naik di antara RM600 dan RM800 hingga ke RM1,000 dan RM1,500 bergantung kepada *efficiency* peladang. Di Sarawak, kos pengeluaran dijangka telah naik sampai RM1,700 hingga RM2,000. Salah satu komponen misalnya harga baja telah naik secara mendadak seperti yang dibahas oleh Yang Berhormat Sepanggar iaitu dari RM1,300 per tan naik sehingga RM4,000 setan.

Pada masa ini, harga komoditi minyak sawit telah turun mendadak dari RM4,400 sehingga di bawah paras RM1,700. Walaupun harga minyak sawit turun, kos pengeluaran tidak turun sejajarnya terutamanya harga baja serta pestisid. Di Bajet 2009, kerajaan juga telah mengumumkan langkah positif untuk memansuhkan duti import baja serta pestisid iaitu 5% hingga 25%, tetapi harga baja di kawasan Parlimen Labis masih tinggi dan tidak menurun. Adakan penyimpanan baja di bawah kawalan beberapa syarikat atau peniaga yang sengaja mengekalkan harga untuk mengaut keuntungan berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Harga baja dan racun yang tinggi menyebabkan pemilik ladang-ladang kecil tidak mendapat keuntungan untuk menampung kehidupan mereka dan ada sesetengah yang mengalami kerugian.

■ 1230

Memandangkan keadaan yang genting seperti di Jakarta di mana buah kelapa sawit tidak dipungut dan ditinggalkan kerana harga yang tidak berpatutan. Saya menyeru agar kerajaan mengambil lebih banyak langkah positif seperti pinjaman kadar *interest* rendah atau *interest* percuma untuk menghadapi masalah *cash flow* atau kerugian untuk peladang-peladang. Memberi baja subsidi atau memberi subsidi melalui penetapan harga jual buah kelapa sawit untuk pemilik ladang kecil perlu dipertimbangkan. Semua perkara yang dibangkitkan tadi saya berharap kementerian berkenaan akan mengkaji dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Saya juga berharap agar lebih banyak inisiatif akan dilaksanakan untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan iaitu *operating expenditure* mulai sekarang. Seperti sebuah syarikat kadar peningkatan perbelanjaan tetap tahunan tidak harus lebih tinggi dari kadar pertumbuhan pendapatan dan perolehan. Ini adalah untuk memastikan bahawa semasa pendapatan negara berkurangan disebabkan kegawatan ekonomi dunia dan kejatuhan harga komoditi, defisit negara kita tidak meningkat sehingga tidak terkawal.

Saya yakin jika ada tekad dan komitmen, kerajaan dapat mengurangkan perbelanjaan mereka seperti yang dicapai dari segi daya persaingan. Mengikut IMD *World Competitiveness Yearbook*, dengan izin daya saing Malaysia bertambah baik dari 23 pada tahun 2007 ke-19 pada tahun ini. Selain itu mengikut *world bank annual country ranking of ease of doing business, ranking* Malaysia bertambah baik dari 25 pada tahun 2008 ke-20 pada tahun 2009. Ini menunjukkan bahawa usaha PEMUDAH memang mempunyai keputusan yang dibanggakan. Oleh itu mungkin skop kerja PEMUDAH boleh diperluaskan untuk merangkumi pengurangan perbelanjaan mengikut jabatan untuk meningkat *efficiency* dan *effectiveness* secara keseluruhan. Ini selaras dengan syarikat multinasional yang mempunyai satu jawatan yang hanya tumpu pada kos *efficiency continuous improvement* dan *cost effectiveness*, dengan izin.

Bajet 2009 secara keseluruhan mempunyai banyak inisiatif yang positif. Dengan langkah-langkah serta strategi tambahan semasa penggulangan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyokong bajet yang dibentangkan. Terima kasih.

12.33 tgh.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada Khamis yang lepas saya telah diundang untuk menghadiri satu forum di Astro Awani iaitu sudut pandang bersama-sama dengan bekas orang kuat daripada UMNO, Datuk Ruhani Ahmad. Dalam forum tersebut Datuk Ruhani Ahmad telah mencadangkan supaya kerajaan untuk menghadapi krisis ekonomi ini menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang Ketiga atau MAPEN III untuk mendapatkan pandangan nasihat dan sebagainya dari semua pihak termasuk daripada pembangkang.

Saya menyokong cadangan tersebut kerana bagi saya dalam kita menghadapi krisis ini kita perlu meletakkan kepentingan politik di tepi dahulu. Kita perlu fokus kepada apa yang berlaku kepada negara kita sekarang ini. Apakah *crisis* di depan kita. Kita perlu bekerjasama di kalangan semua pihak dan kita perlu meletakkan kepentingan politik di tepi. Saya bersetuju bahawa kita perlu adakan satu forum. Apa nama pun tidak penting tetapi yang pentingnya *bipartisanship*. Kita di sebelah sini saya rasa saya setuju.

Saya berpendapat bahawa pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat bersetuju, bersedia untuk bersama-sama termasuk Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai bekas Menteri Kewangan yang banyak pengalaman bersama-sama dengan Yang Berhormat Ipoh Timur. Di sebelah sini kita ramai-ramai, ahli-ahli ekonomi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Kuala Selangor bersama-sama. Kalau kita boleh membentuk satu Majlis Perundingan Ekonomi Negara, kita boleh bersama-sama duduk untuk membincangkan apakah yang boleh dilakukan untuk menghadapi *crisis* ini.

Saya yakin di sebelah sana ramai juga Yang Berhormat Batu Pahat sebagai seorang yang bergelar doktor, Yang Berhormat Kuala Kangsar yang banyak pengalaman, ramai lagi. Kita

boleh duduk bersama-sama kalau boleh. Tetapi yang masalahnya sekarang Barisan Nasional tidak ada masalah pendengaran. Dia tidak mahu mendengar pendapat kita. Kita ada ramai intelektual, *strenuous intellectual* di Malaysia ini yang mendapat pengiktirafan dunia. Profesor Jomo K.S., Profesor Terence Gomez yang mendapat pengiktirafan dunia, tetapi Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf mereka, tidak mahu mendengar pendapat mereka. Saya berharaplah kerajaan supaya dalam menghadapi *crisis* yang kita sedang melanda negara kita ini. Kita perlulah meletakkan kepentingan politik di tepi dahulu dan kita bersama-sama menghadapi *crisis* ini. Keduanya saya rasa cabaran yang paling penting dalam krisis ini ialah bagaimana kita menghadapi inflasi. Masalah inflasi memang telah begitu serius sekarang ini apabila kerajaan menaikkan harga minyak sehingga RM2.70, harga pasaran dunia ialah USD130.

Pada masa itu kerajaan mengatakan bahawa harga pasaran di Malaysia ialah RM3 seliter. Kerajaan masih memberikan subsidi 30 sen dan kerajaan berjanji bahawa harga itu akan diturunkan mengikut pasaran dan harga pasaran sekarang sudah turun sehingga USD65. Penurunan 50%. Akan tetapi kita lihat harga *pump* di pasaran tidak turun 50%. Kita masih membayar RM2.30 satu liter. Kalau mengikut kiraan kasar sepatutnya kalau USD65 harga pasaran seliter sepatutnya RM1.50 kalau USD130, RM3, USD65 sepatutnya RM1.50. Kalau kita hendak bagikan sedikit *marginal error* RM2 katakan kalau ditambah dengan subsidi 30 sen harga *pump* sepatutnya RM1.70 tetapi harga yang kita bayar sekarang ini masih RM2.30. Saya tidak faham mengapa kerajaan enggan menurunkan harga. Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa harga akan diturunkan mengikut harga pasaran, tetapi saya tengok kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada hari ini mengatakan, bahawa beliau tidak mahu harga itu diturunkan kurang daripada RM1.92 dan penurunan 15 sen sekali.

Saya tidak faham mengapa beliau mengatakan bahawa untuk menjaga kepentingan stesen-stesen minyak kerana mereka akan hilang kerugian besar sekiranya turun dengan banyak. Akan tetapi apabila harga dinaikkan 78 sen mereka mendapat durian runtuh tidak *complain* pun. Jadi mengapa hanya apabila penurunan harga itu tidak diberikan dan kerajaan sering menyalahkan peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha bahawa apabila harga minyak diturunkan mereka tidak turunkan harga, tetapi kerajaan sendiri tidak menunjukkan contoh yang baik.

TNB apabila harga minyak naik, mereka mengatakan kos itu naik dan perlu dinaikkan takrif 12% telah naik. Sekarang harga minyak telah turun. TNB kata tidak kena-mengena dengan harga minyak takrif tidak boleh diturunkan kerana 60% itu pakai gas, 30% pakai arang batu. Tidak ada kena-mengena dengan harga minyak. Itu saya rasa adalah satu contoh yang tidak baik yang ditunjukkan oleh kerajaan. Saya berharap kerajaan boleh mengkaji semula, mengarahkan TNB supaya mengkaji semula takrif, supaya takrif itu akan diturunkan untuk kepentingan dan juga kebajikan orang ramai. Keduanya berkenaan tentang tambang bas. Apabila harga minyak

naik Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah memberikan kelonggaran kepada syarikat-syarikat perusahaan bas. Memberikan surcaj 30% semasa hari perayaan, semasa bulan puasa dan hari raya. Tetapi selepas bulan puasa telah lalu, hari raya telah lalu surcaj itu dikekalkan tidak dibatalkan.

Saya hendak tanya mengapa kementerian membenarkan syarikat-syarikat tersebut membiarkan surcaj itu diteruskan. Kerana bagi saya ramai yang menggunakan bas itu, menggunakan pengangkutan awam itu ialah golongan rendah 95% dan di bawah yang berpendapatan rendah kerajaan tidak jaga. Kerajaan boleh memberikan RM5 bilion untuk menyelamatkan syarikat-syarikat rangkaian UMNO yang hanya 5% ke atas. Kalau inilah dasar Kerajaan Barisan Nasional menjaga 5% di atas dan mengabaikan 95% di bawah apa bezanya dasar Kerajaan Barisan Nasional dengan dasar *joint* .. Saya harap ini boleh dikaji semula. Saya berharap surcaj ini patut dibatalkan dengan secepat mungkin.

Ketiga juga berkenaan dengan kebajikan rakyat. Tol - beberapa bulan yang lepas Kementerian Kerja Raya telah mengatakan bahawa kadar tol akan dikaji semula. Ada satu jawatankuasa untuk mengkaji semula tol. Tetapi sampai sekarang ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan? Ada masa?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Minta maaf.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masa banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Kalau Yang Berhormat bagi boleh Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masa bukan persoalan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Cepat-cepat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh? Yang Berhormat sedarkah bahawa memang kerajaan telah pun mencadangkan surcaj 30% itu dibatalkan sebab harga minyak sudah turun, harga barang-barang pun sudah turun. Jadi Yang Berhormat sedarkah atau tidak?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tetapi hakikatnya syarikat-syarikat bas masih mengenakan surcaj 30%. Kalau sudah mereka kenakan, mengapa tidak ada tindakan terhadap syarikat-syarikat bas tersebut. Sebab kalau Yang Berhormat Kinabatangan ambil bas daripada Kuala Lumpur ke Seremban sekarang surcaj 30%. Dulu RM4.70 sekarang RM6. Jadi mungkin Yang Berhormat tidak ambil bas. Yang Berhormat pakai kapal terbang sahaja balik KK, tidak mengambil bas di Semenanjung mungkin tidak faham. Jadi saya minta kalau surcaj itu dibatalkan, ambil tindakan kepada syarikat-syarikat bas yang masih mengenakan surcaj tersebut kerana ini banyak menyusahkan, meningkatkan beban kepada rakyat berpendapatan rendah.

Kedua tol itu, yang saya sudah katakan tol itu. Kata dikaji semula tetapi tidak. Saya tanya kepada satu soalan daripada Tol Nilai Utara sampai Tol Seremban diletakkan semua lampu

jalan, bagus. Saya terima dengan baik. 948 batang lampu jalan pakai RM22 juta. Puratanya satu batang lampu jalan RM20 ribu. Bayar siapa? Pembayar cukai yang bayar tetapi pembayar cukai bila menggunakan tol kena bayar tol surcaj, tetapi apabila lebuhraya itu hendak meningkatkan kemudahan mereka pasang lampu jalan, lebarkan jalan semuanya dibayar oleh kerajaan, dibayar oleh pembayar cukai. Saya rasa syarikat PLUS ini merupakan syarikat lebuhraya konsesi yang paling bertuah di dunia ini kerana apa *build* semua keuntungan mereka ambil. Tetapi apabila perbelanjaan kerajaan yang tanggung, pembayar cukai yang tanggung. Jadi saya berharap...

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi.

■1240

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Okey, saya akur lah. Terakhirnya, ramai rakyat di kawasan saya minta saya untuk mengemukakan masalah ini iaitu kerajaan telah membenarkan syarikat-syarikat 4D untuk membuka satu hari lagi untuk mereka *special draw* pada hari Selasa. Sekarang biasanya hari Rabu, Sabtu, Ahad ada *draw*, Magnum, Sport Toto dan 3+1, tetapi sekarang, kerajaan membenarkan satu hari lagi, hari Selasa, saya tidak tahu mengapa mungkin kerajaan kurang hasil nak meningkatkan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat ada main ke, tahu semua ini?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Itu tidak pentinglah, jangan main-main,

Seorang Ahli: Jangan main-main.. [Ketawa]

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya nak tanya kerajaan, mengapa benarkan hari Selasa ini, *special draw*? Saya minta supaya kerajaan batalkan *special draw* itu, jangan benarkan syarikat-syarikat 4D itu untuk adakan *special draw* pada hari Selasa, batalkan sahaja. Kalau tidak ini akan menimbulkan banyak kekeliruan di kalangan rakyat mungkin kerajaan tidak cukup hasil.

Akhirnya saya menggulung, saya nak gunakan satu analogi untuk menggulung keadaan sekarang ini dan juga permintaan daripada rakyat. Buku terbaru daripada Alan Greenspan yang berjudul *The Age of Turbulence*, memang saya rasa keadaan ekonomi dunia ini yang *turbulence*, kita menghadapi satu *turbulence* yang sangat serius. Negara kita bagaikan pesawat 747 yang sedang terbang di langit sedang menghadapi *turbulence*, penumpang-penumpang dalam pesawat ini mengharap seorang kapten yang berpengalaman yang boleh mengambil tindakan dengan bijak dan tidak mengantuk. Saya rasa kapten yang paling *fit build* ini ialah Yang Berhormat Permatang Pauh yang penumpang pesawat ini harap-harapkan, [Tepuk] dan *co-pilot*nya mungkin seorang yang berpengalaman memandu roket seperti Yang Berhormat Ipoh Timur...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu pahat]: Janji tarikh pun sanggup tidak tunaikan, selalu tidak betul macam mana hendak memerintah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Janganlah kacau, seorang lagi *co-pilot* yang ada pengetahuan mengenai bulan seperti Yang Berhormat Marang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak betullah tertentu.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, mainkan peranan yang penting sebagai pengarah *control tower* dan kapten kita sekarang ini sedang menunggu keadaan cuaca daripada Tuan Yang di-Pertua, menunggu isyarat dari Tuan Yang di-Pertua, bila boleh mendarat dengan selamat.

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Kalau Yang Berhormat Kinabatangan nak *join airline* ini, saya alu-alukan dan saya cadangkan Yang Berhormat Kinabatangan jadi ketua pramugara [Ketawa] tetapi kena tunggu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak berhasratlah, tidak ada hasrat langsung. Saya ingat Yang Berhormat Rasah sendirilah jadi pramugara.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu pahat]: Kapal terbang jatuh terhempas, siapa nak naik?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Kalau kapten yang berpengalaman ini bersama-sama dengan Tuan Yang di-Pertua, yang mempunyai pengalaman sebagai pengarah menara kawalan saya yakin dan percaya pesawat ini akan mendarat di KLIA dengan selamat, sekian terima kasih.
12.43 tgh.

Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad [Mukah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 2009 ini yang dibentang. Belanjawan prihatin yang memang tepat di waktu kita perlu mengkaji semula program-program pembangunan yang prihatin terhadap kesejahteraan rakyat.

Saya mengalu-alukan perhatian kerajaan terhadap pengangkutan awam di bandar. Saya ingin mencadangkan di sini supaya bandar yang masih membangun di Sabah dan di Sarawak akan juga dapat manfaat dari rancangan sistem Rapid yang telah dilaksanakan di Penang dan Kuala Lumpur. Di Sarawak masih banyak keperluan sistem bas untuk menghubungkan bandar dan kawasan sekitar seperti di Miri, Bintulu, Kuching, Betong, Sarikei dan Bandar Sri Aman. Pengangkutan darat masih mengambil peranan besar dalam industri pelancongan dan pengangkutan barang-barang di negeri Sarawak.

Pada tahun 2007 sahaja, Sarawak menerima 3.6 juta pelancong walaupun dalam keadaan kekurangan penerbangan dan kesampaian atau *accessibility* dengan izinnnya Tuan Yang di-Pertua.

Kita mengalu-alukan insentif cukai juga dan pelaburan untuk hotel dua dan tiga bintang di kawasan-kawasan koridor pembangunan di Sabah dan Sarawak. Ingin saya merakamkan sokongan terhadap Kerajaan Pusat kepada usaha di kawasan koridor pembangunan di Sabah dan Sarawak, khususnya SCORE di kawasan Sarawak. Tambahan juga ingin saya menyatakan

di sini mengambil kesempatan untuk merayakan tambahan penerbangan kapal terbang dari pusat-pusat wilayah seperti Singapura, Macau, Indonesia, Australia dan Asian keseluruhannya dan ini akan menggalakkan pelabur dan pelancong ke kawasan koridor yang dibangunkan.

Pelancongan telah meningkat pada tahun yang lalu dan walaupun kita mendengarkan bahawa keturunan dan kedatangan pelancong ataupun pelawat dalam tahun yang akan datang, tetapi tidak pastinya kita harus mengurangkan usaha kita untuk melabur bila masa ekonomi akan pulih kembali dan biasanya dalam satu *cycle* itu kita bersedia untuk menerima peningkatan atau lonjakan dari pertumbuhan ekonomi semula.

Jadi pelancong-pelancong telah menunjuk minat dalam penggunaan *low cost carrier* dan juga kerajaan, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Pusat dapat membenarkan *low cost carrier* ini seperti *AirAsia*, *Tiger Air* dan *Jet Air* yang sedia ada, mengadakan terminal *low cost carrier* di Kuching. Saya percaya ini akan lebih manfaat untuk LCCC dan juga pelancong di kawasan Sabah dan Sarawak. Pada masa kini saya juga ingin merakamkan bahawa *MAS Wings* telah meningkatkan perkhidmatan mereka dengan menamakan pesawat-pesawat baru dan saya ucapkan syabas dan tahniah dan saya telah diberitahu bahawa ia akan ditambahkan lagi dalam tahun 2009.

Di kawasan SCORE Tuan Yang di-Pertua, wilayah tengah Sarawak, saya mohonkan supaya kerajaan, untuk maklumat Yang Berhormat kawasan SCORE ini lebih daripada 57% dari kawasan keseluruhan Sarawak. Lapangan terbang wilayah telah diumumkan pada Februari 2008 dan ini perlunya dibina terus kerana pelaburan industri dan pelancongan di wilayah ini akan terus diusahakan dan dibangunkan dengan pelaburan-pelaburan yang sudah sedia ada. Cadangan untuk *regional airport* ini menjadi pusat untuk SCORE adalah tepat kerana kawasan ini dan sediakan tapak-tapak untuk projek ini pun sudah disediakan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mencadangkan supaya peruntukan untuk SCORE koridor ini yang perlu untuk pembinaan jalan dan lapangan terbang akan dimasukkan dalam peruntukan besar untuk semua koridor iaitu RM6 bilion dalam Bajet 2009 ini. Usaha kerajaan meneruskan pembangunan ini akan memastikan *the date of period* yang tidak terlewat bila ekonomi dunia pulih kembali.

Pada masa sekarang 4,560 kilometer jalan perlu di naik taraf dan kawasan-kawasan ini dikenal pasti dan juga perlu diberi keutamaan khususnya di kawasan-kawasan Similajau Industrial Park jalan ke empangan hidroelektrik dan lapangan terbang yang baru untuk wilayah SCORE ini, kerana kesemuanya jalan-jalan ini menuju ke kawasan-kawasan pedalaman termasuk kawasan pedalaman ke utara di Borneo Highland dan tengah-tengah seperti kawasan Kapit dan Hulu Rajang yang menjadi pusat-pusat pembangunan baru di dalam koridor ini. Ini akan menarik dan membukakan kemudahan-kemudahan supaya pelaburan-pelaburan dapat dibawa ke kawasan-kawasan ini yang masih memerlukan pembangunan.

Akhirnya untuk membangunkan tenaga kerja di kawasan SCORE ini, saya mohon supaya cawangan kampus UiTM di Mukah diteruskan pembinaannya khususnya di dalam bidang ICT, pengurusan dan kejuruteraan. Keperluan untuk 1.5 juta pekerja mahir dalam jangka 15 tahun yang akan datang, pusat pengajian ini saya percaya akan dapat menampung separuh dari peluang ini selain dari pusat-pusat pengajian swasta.

Di bawah Kementerian Pelajaran saya ingin mohon supaya permohonan seperti Sekolah Kebangsaan Kampung Tellian, Mukah dibina semula kerana ini kita telah pohonkan dan telah disediakan tapak. Sekolah ini telah dirobohkan atas sebab pembinaan yang tidak selamat walaupun bangunan ini adalah telah dibina 15 tahun yang lalu. Sekolah yang perlu diganti juga kerana reput iaitu Sekolah Kebangsaan Kampung Tanam dan Sekolah Kebangsaan Kampung Jebungan di mana masalah tapak tanah telah selesai, saya berharap Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian perkara ini.

Akhir sekali, saya ingin memohonkan Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi terus menyokong program *broadband wireless* yang telah dibangunkan untuk kawasan luar bandar Sarawak, memandangkan kemudahan *broadband* adalah masih di tahap 2.1% dan *dial up service* masih di peringkat 7% tidak dapat memenuhi keperluan semasa dan yang akan datang oleh golongan pendidikan tinggi, pelabur dan juga industri yang berteknologi tinggi. Saya memohonkan supaya peruntukan yang diagihkan untuk tempahan projek di Sarawak iaitu RM500 juta disalurkan untuk meneruskan projek ini di kawasan sekolah-sekolah di pedalaman Sarawak. Sekian terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong

■ 1250

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009. Tuan Yang di-Pertua, subjek pertama yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan isu pendidikan. Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris ataupun PPSMI telah digunakan selama enam tahun. Pada 17 April 2002, mesyuarat Jemaah Menteri mengarahkan Kementerian Pelajaran Malaysia mengkaji pelaksanaan PPSMI. Hanya selepas tiga bulan iaitu satu masa yang begitu singkat, Menteri Pendidikan mengumumkan dengan rasminya bahawa PPSMI akan digunakan mulai tahun 2003.

Memanglah itu satu keputusan yang begitu tergesa-gesa. Selepas enam tahun PPSMI dilaksanakan, dapatan kajian menunjukkan bahawa ada terdapat aspek positif tetapi banyak kesan negatif terhadap polisi ini. Antaranya dapatan kajian menunjukkan bahawa PPSMI hanya akan menguntungkan dan memberi kesan positif kepada sebilangan kecil pelajar saja yang dianggarkan sekitar 20% sehingga 25% yakni bagi pelajar-pelajar yang cerdas dan pandai yang datang dari latar belakang keluarga yang sosioekonominya tinggi dan dari sekolah elit terutamanya di bandar.

Sementara 75% lagi pelajar yang penguasaan bahasa Inggerisnya lemah, ibu bapa berpendapatan rendah terutamanya murid-murid Melayu dan bumiputera di luar bandar, di pulau-pulau dan sekolah kaum asli akan menghadapi kegagalan. Contohnya analisis UPSR 2007 menunjukkan bahawa di SK, 28.6% beroleh D dan E dalam Bahasa Inggeris, 17.2% mendapat D dan E dalam Matematik manakala 14.28% mendapat D dan E dalam Sains. Jika PPSMI diteruskan, pelajar-pelajar yang lemah akan bertambah bebannya untuk mengikuti Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Di peringkat PMR, bilangan calon yang mendapat D dan E lebih ketara dan menakutkan di mana pada tahun 2007, Bahasa Inggeris - 46.12%, matematik - 46.41% dan 47.12% bagi sains. Kegagalan mereka di peringkat PMR akan membawa kemudaratan apabila mereka menduduki SPM. Dapatan kajian 'PEMBENA' iaitu 'Permuafakatan Bandar Email Nasional' menunjukkan bahawa pencapaian keseluruhan murid kohort dua dalam mata pelajaran Sains dan Matematik bertambah merosot apabila mereka meningkat ke peringkat lebih tinggi. Ini bererti semakin banyak dan kompleks penggunaan bahasa Inggeris, semakin sukar untuk murid-murid memahaminya.

Kemerosotan sangat drastik bagi murid-murid yang lemah terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar. Hanya murid-murid yang cerdas dan di sekolah elit saja yang tidak menunjukkan kemerosotan yang ketara. Selain daripada itu juga didapati bahawa PPSMI akan menyebabkan bertambah jaraknya prestasi antara sekolah bandar dan luar bandar. Pengajaran dan pembelajaran tidak berjalan dengan lancar. Guru-guru kurang kompetensi, kurang yakin dan penggunaan ICT di tahap yang minimum. Akibatnya, murid-murid hilang punca dan kurang minat belajar sains dan matematik.

PPSMI tidak kira pandangan sarjana pendidikan dan NESCO yang berpendapat bahawa pendidikan dalam bahasa ibunda seseorang pelajar mempengaruhi pencapaian pelajar tersebut di dalam mata pelajaran kritikal. Kanak-kanak perlu menggunakan bahasa ibundanya dahulu sebelum mereka bersekolah menggunakan bahasa asing. Pada keseluruhannya didapati mengikut nilai '*score encore*' bagi setiap aspek yang dinilai, puratanya di peringkat lemah dan sederhana sahaja.

Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang menganjurkan satu persidangan meja bulat PPSMI pada 27 Ogos 2008. Sudah tiba masa untuk kerajaan mengakui bahawa pelaksanaan PPSMI enam tahun dahulu adalah satu keputusan yang salah dan PPSMI harus dihapuskan sekurang-kurangnya di peringkat SK dan SJK.

Subjek kedua yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan pengangkutan awam. Kita semua sudah tentu tidak mahu melihat ada lagi bas yang kerusi rosak di sana-sini, loceng bas yang tidak berfungsi dan kemalangan bas ekspres yang kerap akibat masalah mekanikal. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menjadikan pengangkutan awam di negara ini seperti kemudahan pengangkutan awam di negara-negara maju.

Perkhidmatannya lebih efisien dan lebih berkualiti. Antaranya kemudahan yang mencukupi, masa tiba tetap dan petugas yang berhemah.

Kerajaan kita sentiasa menggalakkan orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam. Untuk mencapai hasrat itu, kita harus memastikan bahawa perkhidmatannya adalah lebih efisien dan berkualiti. Antaranya kemudahan yang mencukupi, masa tiba tetap dan petugas berhemah tetapi apa yang kita nampak sekarang adalah kemalangan bas ekspres yang semakin menjadi-jadi.

Dalam suasana gembira menjelang ulang tahun kecemerlangan ke-50 iaitu pada 15 Ogos tahun dahulu, kita dikejutkan dengan tragedi kemalangan bas ekspres yang meragut 21 nyawa di kilometer 229.1 dekat Bukit Gantang. Pemandu bas terbabit mempunyai 15 saman termasuk dua waran tangkap bebas memandu di jalan raya manakala bas ekspres berkenaan digunakan sejak 1987 dan gagal empat kali pemeriksaan di PUSPAKOM kerana masalah brek, di saman 19 kali oleh polis sejak 1991 selain merekodkan 79 saman dengan JPJ sejak 5 tahun yang dahulu.

Selepas insiden tersebut, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan. Malangnya langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah kurang efektif dan kurang berkesan kerana belum pun satu minggu iaitu pada 18 Ogos 2007, bas ekspres Sri Maju terbalik dalam perjalanan dari Kangar, Perlis menghala ke Johor Bahru. Dalam kemalangan itu, tujuh orang iaitu enam penumpang bas dan pemandu bas ekspres terbabit mengalami kecederaan. Seterusnya pada 25 Januari tahun ini, bas ekspres terbalik di kilometer 384 Lebuhraya Utara Selatan dekat Behrang. Tiga orang terkorban. Pada 4 Jun tahun ini, Bas Ekspres Genting terbabas. Selepas satu minggu iaitu 11 Jun.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi, Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Boleh. Iaitu pada 11 Jun 2008, bas ekspres Super Nice dalam perjalanan dari Butterworth ke Kuala Lumpur terbabas. Belum sampai dua minggu, pada 24 Jun 2008, bas ekspres Allison terbabas. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang telah diambil terhadap bas-bas tersebut. Sudah banyak nahas yang melibatkan bas ekspres di negara kita tetapi apakah langkah dan tindakan yang telah diambil terhadap syarikat-syarikat tersebut dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa tiada bas ekspres yang mempunyai saman kesalahan trafik beroperasi di jalan raya pada masa depan.

Isu utama ialah kelemahan dari sudut penguatkuasaan. Kita mempunyai peraturan dan syarat yang cukup tetapi sebahagian besarnya tidak dikuatkuasakan. Inilah puncanya. Oleh kerana kesingkatan masa, saya tidak ingin sambung lagi dengan isu subjek ketiga. Sekian saja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Sekijang. Seminit, Yang Berhormat. Lepas itu sambung nanti selepas penangguhan. Jadi sekarang ini seminit. Ada seminit.

12.59 tgh.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2009 ini. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional yang telah dapat membentangkan Bajet 2009 yang menekankan kebajikan dan kesejahteraan rakyat adalah yang paling diutamakan. Tradisi ini telah berlanjutan dari dahulu sehingga ke hari ini yang mana pembangunan negara telah dapat dinikmati oleh rakyat. Walau bagaimanapun, ada perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian dan perlu diperbaiki agar pembangunan ini akan terus dinikmati berterusan.

Perkara pertama yang ingin saya bangkitkan ialah tentang kesihatan. Di dalam Daerah Segamat mempunyai sebuah hospital yang secara kebetulan terletak di dalam kawasan saya. Ia menampung kira-kira 180,000 penduduk yang parlimennya ada tiga parlimen yang terletak di dalam kawasan ini dan hospital ini juga terpaksa menampung penduduk-penduduk daripada selatan Pahang dan selatan Negeri Sembilan yang kita anggarkan bahawa hospital ini terpaksa menampung kira-kira 250,000 penduduk di sekitarnya. Hospital ini dibina pada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung sebelah tengah hari nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat sekarang ini sehingga pukul 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

2.33 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat dari Sekijang, sila. Ada 9 minit Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung semula. Hospital Daerah Segamat ini dibina pada tahun 1992 dengan kos lebih daripada RM91 juta. Akan tetapi hospital ini menghadapi masalah sejak ia dibina sampailah ke hari ini dengan masalah kekurangan doktor-doktor perubatan. Apatah lagi doktor-doktor pakar sememangnya tidak dihantar untuk berkhidmat di sini.

Perkara ini telah beberapa kali saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini semenjak tahun 2004 lagi. Akan tetapi nampaknya tidak ada tindakan yang dibuat atau tindakan lanjut yang diambil untuk mengisi ataupun menghantar doktor-doktor yang sepatutnya berkhidmat di hospital ini.

Saya sekali lagilah merayu Tuan Yang di-Pertua, kepada kementerian yang berkaitan supaya ia dapat menghantar ataupun membekalkan doktor-doktor yang sepatutnya dapat berkhidmat di Hospital Daerah Segamat ini. Ingin saya jelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua,

doktor pakar yang sepatutnya ada sembilan orang, tetapi hanya seorang sahaja yang diisi di sana. Itu pun pakar tulang. Akan tetapi pakar-pakar lain tidak diisi. Manakala pegawai perubatan U41 ataupun pegawai perubatan biasa yang sepatutnya ada 47 jawatan, hanya diisi 16 jawatan sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini menjadikan pada keseluruhannya, hospital ini berjalan dengan kapasiti doktor yang kurang daripada 30% yang sepatutnya terpaksa memberikan perkhidmatan kepada penduduk yang dianggarkan berjumlah 250,000 orang, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah hospital ini boleh berjalan dan beroperasi dengan baik sekiranya doktor-doktor tidak dihantar ataupun pakar-pakar tidak dihantar ke hospital ini? Di pusat kecemasan pun, yang paling banyak - saya selaku Ahli Parlimen di situ, menerima rungutan di pusat kecemasan di sini ialah doktor pun tidak ada. Kalau ada pun doktor ialah doktor yang terpaksa bekerja selama 24 jam yang dari segi mental dan fizikalnya pun, saya rasa telah lemah kalau bekerja lebih daripada had yang ditetapkan.

Jadi, sekali lagilah saya merayu kepada kementerian supaya mengambil berat akan perkara yang saya sebutkan ini.

Selain daripada itu, hospital ini juga mestilah dilengkapi dengan peralatan yang secukupnya supaya pesakit yang agak tenat ataupun sedikit tenat tidak dihantar ke hospital lain. Ini adalah kerana untuk menghantar pesakit-pesakit menggunakan ambulan ke Hospital Muar ataupun ke Johor Bahru, kalau ke Muar, memakan masa satu setengah jam. Pergi-balik, sudah tiga jam mengambil masa. Kalau ke Hospital Johor Bahru mengambil masa dua setengah jam, pergi-balik sudah lima jam. Jadi, kalau ambulan yang ada di situ empat buah ambulan, kalau berjalan 24 jam pun saya percaya ia tidak berkeupayaan untuk menghantar pesakit-pesakit ini. Selain dari itu, saya rasa ia terlalu mendera kepada pesakit-pesakit yang tenat ini kerana ia dibawa ke tempat yang begitu jauh dan akhirnya pesakit-pesakit ini tidak dapat diberikan rawatan yang sebaiknya, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, bukan baru saya kira sudah lebih enam bulan di negeri Johor telah dilanda dengan wabak yang dipanggil demam Chikungunya ini. Di mana bermula daripada selatan sampailah ke utara, dan di tempat saya, saya anggarkan di kawasan saya, demam ini di setiap kawasan tidak kira kampung dan bandar, penduduknya mendapat atau terkena penyakit wabak ini yang mana saya anggarkan lebih kurang 10% daripada penduduk di dalam kawasan saya terkena wabak penyakit yang dipanggil Chikungunya ini. Walaupun penyakit ini tidak membunuh pesakit itu, tetapi telah memberikan kesengsaraan kepada mereka yang terkena penyakit ini di mana pesakit ini akan demam secara berulang dan mengalami kesakitan pada sendi dan sebagainya. Kepada mereka terutamanya penduduk-penduduk di luar bandar yang bekerja, saya halang mereka sama ada pekebun ataupun sebagainya, maka mereka tidak dapat bekerja. Produktiviti dan pendapatan mereka memang berkurangan. Ada di antara mereka yang kalau sampai lebih daripada dua minggu Tuan Yang

di-Pertua, menghadapi masalah untuk pendapatan mereka. Akan tetapi bagi mereka yang makan gaji, mungkin ada cuti dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tindakan yang telah dijalankan untuk menghapuskan, memperbaiki ataupun apa-apa tindakan yang sepatutnya dijalankan supaya penyakit ini dapat dibendung dan tidak merebak sampai ke seluruh negara kita? Ini adalah kerana, saya difahamkan pada ketika ini di utara Johor, mungkin kawan saya daripada Jempol, itu pun ada bercakap dan telah merebak ke daerah Jempol. Mungkin akan sampai ke utara dan selanjutnya dan ini merupakan satu masalah wabak yang sangat serius walaupun ia tidak membunuh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan di sini ialah saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang menjaga FELCRA.

■ 1440

Yang pertama, saya ingin bertanya, kenapa proses pengambilan peserta untuk FELCRA ini memakan masa yang terlalu lama sehingga ada yang melebihi daripada 20 tahun. Kalau pengambilan peserta daripada mula mengisi borang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Masa saya sudah habis?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila habiskan.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Okey, saya habiskan. Kalau masa yang diambil lebih daripada 20 tahun, jadi daripada orang yang muda sudah menjadi tua, lepas itu baru hendak diberi dan apabila diberi selepas 20, *statement* untung-rugi peserta ini tidak keluar tiba-tiba diberi dividen begitu sahaja, apa ertinya ini, Tuan Yang di-Pertua? Saya minta supaya *statement* untung-rugi itu dikeluarkan dan diberi kepada peserta supaya dia tahu, berapa pembiayaan dan sebagainya, dan berapa yang dia patut terima. Janganlah diberi dengan begitu sahaja kerana mereka ini bukan tempat untuk kita lepaskan begitu sahaja.

Oleh kerana masa sudah habis, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Alhamdulillah, nasiblah, penyakit itu tidak membunuh Tuan Yang di-Pertua!... [Ketawa] Silakan, Yang Berhormat Titiwangsa.

2.41 ptg.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan bajet kita pada hari ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Pertamanya saya ingin bercakap mengenai satu perkara, isu yang saya kira sangat penting iaitu tentang penjaja jualan dan juga peniaga kecil, bukan pasal rokok ya!

Di kawasan Titiwangsa seperti juga saya percaya di bandar-bandar lain di serata Malaysia, isu penjaja-penjaja kecil adalah satu isu yang begitu kronik. Baru-baru ini di satu kawasan di Blok E Desa Pandan, peniaga-peniaga, penjaja-penjaja di situ telah di saman oleh DBKL untuk ke sekian kalinya. Mereka ini telah dikumpulkan oleh kakitangan DBKL Cawangan Titiwangsa sendiri dalam satu kawasan yang memang bukan untuk penjaja tetapi dikumpulkan untuk memastikan mereka ini tidak berselerak dan mudah dipantau. Malangnya sehingga sekarang mereka tidak diberi lesen dan tidak ada kemudahan seperti bekalan air bersih dan juga bumbung. Akhirnya ia seperti ayam dengan telur. Maknanya mereka akan di saman tetapi mereka terpaksa terus untuk berniaga di situ, untuk mencari rezeki dan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kemudian mereka akan di saman terus..... Saya minta maaf, tidak ada masa banyak yang saya hendak cakap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya hendak berkongsi. Ini bagus ni!

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Nanti dulu. Saya kira perkara-perkara seperti ini perlulah diberi perhatian oleh pihak berwajib. Kalau di Kuala Lumpur oleh DBKL. Saya lihat tidak ada suatu usaha pelan yang berstrategik untuk menangani masalah penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil di Kuala Lumpur...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sikit sahaja, Yang Berhormat, boleh?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Nantilah, tengah ada *point* ni!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ampun.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Jadi.. Ha, dah kacau ini saya pun sudah terlupa. Ini menyebabkan peniaga-peniaga kecil yang berselerak sering kali menjadi mangsa kepada penguatkuasaan. Saya bukanlah mahu bersekongkol dengan mereka yang mungkin melanggar undang-undang dan sebagainya, tetapi kita perlu melakukan sesuatu. Mereka ini hendaklah diurus dan ditangani dengan sebaik-baiknya. Malah dalam Draf Pelan Kuala Lumpur 2020 juga tidak ada satu pun di situ *point* ataupun klausa ataupun bahagian yang benar-benar menunjukkan keprihatinan ataupun usaha-usaha kerajaan untuk memastikan peniaga-peniaga kecil dan peniaga-peniaga ini dibela. Apa yang berlaku baru-baru ini, seorang Ahli Parlimen yang pertama...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bolehkah, Yang Berhormat?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Satu, setengah minit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Tidak sampai setengah minit. Saya sehaluan dengan Yang Berhormat sebab dasar kerajaan menggalakkan peniaga-peniaga kecil untuk berniaga dengan hasrat dan tujuan iaitu memberi kesempatan dan membantu mempertahankan ekonomi negara, lebih-lebih lagi menghadapi ekonomi global tetapi tindakan penguatkuasaan nampak tidak sehaluan. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa penguatkuasaan ini kena membuka minda mereka daripada otak yang cetek kepada

yang lebih lebar supaya hasrat itu dapat diketengahkan selaras dengan tuntutan rakyat dan kerajaan?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat. Ucapan yang sebelum itu bolehlah masuk ke dalam ucapan saya. Cuma saya kurang bersetuju apabila dikatakan pihak penguatkuasaan, kerana mereka hanya menjalankan tugas yang ditentukan oleh polisi kerajaan itu sendiri, bukannya salah kepada pihak pegawai-pegawai penguat kuasa.

Jadi, sering kali penjaja-penjaja ini diletakkan di tempat yang salah. Misalnya kalau ada pusat penjaja kedudukannya tersorok di kawasan perumahan, bas tidak masuk dan sebagainya. Sudah pastilah pusat-pusat penjaja ini akan menjadi 'gajah putih' dan pihak agensi kerajaan yang membina seperti DBKL pula tidak mengambil usaha yang betul-betul proaktif untuk memastikan promosi dilakukan untuk membantu peniaga-peniaga ini. Akhirnya mereka ini keluar balik daripada pusat penjaja yang legal tadi menjadi penjaja-penjaja di luar yang *illegal*.

Seterusnya, baru-baru ini dalam bulan Ramadan, kita semua tahu kerana ia bukan satu rahsia lagi di mana gerai-gerai di Bazar Ramadan ini kadang-kadang disewakan dengan harga beribu-ribu ringgit sedangkan yang asalnya, yang dikeluarkan oleh DBKL hanya beberapa ratus ringgit sahaja. Saya percaya ini antara perkara yang berlaku kerana masalah yang ada ketidaktelusannya di situ, antaranya diberikan kepada persatuan-persatuan penjaja dan peniaga. Saya tidak hendak sebut persatuan yang mana satu. Persatuan-persatuan yang ada di Kuala Lumpur ini saya tahu ada dua, tiga yang bertempur antara satu sama lain, tidak bersetuju antara satu sama lain dan sering menyalahkan antara satu sama lain.

Didapati apabila mereka ini mendapat bahagian mereka untuk diberikan kepada ahli-ahli mereka menyewakan kadang-kadang sehingga sampai 10 kali ganda harga gerai asal itu. Jadi, ini adalah sangat tidak sihat. Saya mencadangkan kepada DBKL supaya selepas ini agar dapat DBKL duduk bersama-sama dengan Ahli-ahli Parlimen untuk membincangkan mekanisme untuk pemberian Bazar Ramadan ini dengan lebih telus lagi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga di sini ingin menyentuh tentang beberapa isu di kawasan saya sendiri iaitu misalnya dewan ataupun Pasar Moden Datuk Keramat di mana pembinaan pasar ini alhamdulillah sudah hampir 90% siap. Cuma saya hendak tahu sama ada cadangan atau pun kompelin saya dahulu di mana kawasan jualan barangan basah tidak praktikal, di mana tempat memproses dengan tempat menjual itu tidak sama, adakah telah diambil kira. Saya harap selepas ini saya dapat turun ke pasar itu bersama-sama dengan pegawai yang berkenaan daripada DBKL. Dengan ini kita sama-sama dapat melihat *progress* pasar itu berjalan dengan lebih baik.

Seterusnya saya ingin mengetahui, apakah yang terjadi dengan penambahbaikan kepada dewan orang ramai. Sudah lebih daripada dua tahun Dewan Orang Ramai dan Taman Tasik Datuk Keramat terbengkalai begitu sahaja. Kita merasa sangat sedih sebab dewan yang dulu boleh digunakan, taman yang digunakan oleh rakyat, saya sendiri pun selalu turun

bersenam dan beriadah di situ, sekarang ini sudah seolah-olah menjadi padang jarak padang tekukur. Jadi, saya mahu tahu sejauh mana pihak DBKL telah menangani masalah ini dengan sebaik-baiknya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sini saya juga ingin menyebut satu lagi isu iaitu tentang pemindahan pembeli-pembeli rumah di flat Jalan Pekeliling. Baru-baru ini mereka telah datang dalam satu kumpulan yang besar berjumpa dengan saya di mana pembeli-pembeli yang kalau lalu di Jalan Pekeliling itu kita lihat masih ada lagi beberapa rumah yang masih dihuni walaupun kebanyakannya sudah dikosongkan. Mereka ini pula menggantung *banner*, "*Kami sokong UMNO, Barisan Nasional..*", dan sebagainya tetapi mereka datang minta tolong daripada Ahli Parlimen Titiwangsa, walaupun bukan semuanya pengundi saya.

Mereka ini sudah mendapat surat untuk mengosongkan flat yang mereka tinggal itu sebelum 1 Disember. Mereka dijanjikan penempatan sementara di Flat Sri Terengganu di Sentul. Dijanjikan dalam surat itu sehingga perumahan tetap yang dijanjikan kepada mereka, sebab mereka ini adalah pembeli yang telah membeli flat tadi ini siap iaitu *Parcel 'S'*. Projek *Parcel 'S'* ini telah dijanjikan sejak tahun 2000 lagi. Sehingga tahun 2008 ini bukan sahaja tidak siap, bayang pun tidak ada! Cubalah Ahli-ahli Yang Berhormat fikir, adakah dalam masa setahun, dua ini di mana mereka dipindahkan, mereka boleh merasa yakin bahawa projek yang dibina ini akan diteruskan dan mereka akan mendapat balik hak mereka sebagai pemilik.

■1450

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Bagi sikit lagi, tidak bagi *warning*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak boleh Yang Berhormat kita sudah tentukan berapa orang.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Gulung boleh sikit? Gulung sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sikit sahaja.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Okey, saya hendak gulung sikit sahaja. Sebagai Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan, saya minta kepada kerajaan agar ada satu elaun khas untuk Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan sebab kita tidak ada ADUN dan juga dengan ini kita terpaksa menangani ramai pengundi-pengundi dan populasi dalam kawasan Parlimen kita. Jadi saya mohon sangat-sangatlah supaya ini diberi satu perimbangan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, 18(4).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa dia Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya hendak tanya sebab mesyuarat perbahasan ini sudah habis, yang kita ada ini iaitu mesyuarat tambahan. Ini bermakna Ahli yang berucap boleh berhujah lagi sebab dia di lain, bukan masa yang sama. Begitukah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Boleh bertanya masa menteri bangun menjawab Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekarang tidak boleh berucap lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak dapat Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

2.51 ptg.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai dilema yang sedang dihadapi oleh kaum Penan yang kebelakangan ini selalu di dalam berita yang saya ingin sebut kes-kes rogol dan sebagainya, saya harap kita serah kepada polislah. Kaum Penan ini di pedalaman dan sebahagian tempat lain apa-apa pun boleh berlaku dan kita tidak boleh jadi ini satu kes yang istimewalah bagi saya. Kaum Penan merupakan satu suku kaum Asli yang hidup di Sarawak.

Mereka merupakan antara suku kaum terakhir di dunia yang masih mengamalkan cara hidup tradisi yang berpindah randah dan bergantung pada hasil kutipan dan buruan daripada hutan. Salah satu amalan kaum ini ialah 'molong' yang bermaksud hanya mengambil secukupnya untuk keperluan harian. Di Sarawak, populasi terbesar kaum Penan adalah di daerah Baram dan juga di Belaga di kawasan Hulu Rajang. pada masa sekarang kaum Penan berjumlah lebih kurang 10 ribu orang dan dianggarkan 3,500 ataupun 5,000 daripada mereka masih mengekalkan cara hidup tradisi mereka walaupun telah mendirikan penempatan seperti rumah panjang.

Masa depan untuk kaum Penan ini sejak dulu lagi menjadi kontroversi terutamanya dari segi topik asimilasi mereka ke dalam masyarakat umum. Banyak pertubuhan NGO dari dalam dan luar negara yang telah menyarankan agar hak-hak asasi orang Penan terhadap kawasan hutan yang mereka duduki diiktiraf sejajar dengan UN, International Level Convention nombor 169 yang menghalang polisi asimilasi terhadap hak peribumi. Usul ini bagaimanapun tidak diiktiraf oleh Malaysia.

Walau bagaimanapun bagi saya pertubuhan-pertubuhan NGO seperti ini berhasrat untuk mengekalkan kaum Penan di dalam keadaan daif mereka ini. Adakah kita sebagai Kerajaan Malaysia akan membiarkan kaum Penan dalam keadaan mereka atau membawa mereka ke dalam era moden. Sememangnya kita tidak seharusnya mengheret mereka terus dan mengubah cara hidup mereka dengan mendadak. Namun mereka juga tidak dapat meneruskan cara hidup

mereka yang turun menurun ini selama-lamanya. Lambat laun mereka terpaksa juga beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan cara hidup moden.

Untuk tujuan itu, pada pendapat saya seharusnya wujud satu program untuk membantu kaum Penan ini untuk menyesuaikan diri dengan keadaan semasa daripada beberapa segi. Usul ini amat penting kerana corak hidup kaum Penan ini kian diganggu oleh kegiatan manusia terutamanya pembalakan dan perladangan yang kian memusnahkan kawasan pemburuan dan pencarian kaum Penan ini.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Dengan kurangnya kawasan untuk mereka mencari keperluan dan pendedahan kepada penyakit yang dibawa dari luar hidup kaum Penan saban hari makin tertekan. Seperti juga Orang Asli di Semenanjung Malaysia, satu dana harus diwujudkan khas untuk menjaga dan membiayai kepentingan orang Penan. Untuk mengelakkan *culture shock*...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Boleh celah sikit mengenai Penan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak bagi peluang? Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa tidak ada Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Untuk menggalakkan *culture shock*, didikan dan bantuan dengan cara tidak inventif, dari segi; tanah, pendidikan, perubatan, pengangkutan, infrastruktur asas dan pengetahuan hak asasi harus diberikan. Salah satu aspek yang dapat banyak membantu kaum Penan adalah dari segi pendaftaran kad pengenalan dan sijil lahir mereka.

Disebabkan cara hidup mereka kurangnya pengetahuan dan masalah pengangkutan, ramai di antara kaum Penan tidak memiliki kad pengenalan. Kerajaan seharusnya prihatin terhadap keadaan mereka sebagai rakyat Malaysia. Kelonggaran seharusnya diberikan kepada kaum ini bagi pendaftaran mereka dan seharusnya Kementerian Pendaftaran menjalankan program pendaftaran *in-situ* melalui pengesahan ketua kaum, penghulu ataupun wakil rakyat mengikut jadual tertentu setiap tahun. Ini *I must admit* ada dijalankan juga.

Adalah tidak wajar untuk mengharapkaun kaum Penan ini dapat pergi dengan sendirinya ke bandar besar untuk pendaftaran diri sedangkan kebanyakan mereka lahir dan mati di kawasan hutan tanpa menjejak kaki ke kawasan bandar. Masalah tidak ada kad pengenalan ataupun sijil lahir ini juga masih terdapat di kawasan pedalaman dan saya harap pihak kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini.

Dari segi tanah dan kawasan pula kerajaan seharusnya menyediakan satu kawasan simpanan khas untuk kaum Penan ini di mana mereka dapat meneruskan cara hidup mereka

sekarang. Saiz kawasan itu seharusnya mengambil kira jumlah populasi Penan dalam kawasan tersebut agar sumber-sumber mencukupi untuk menampung keperluan hidup mereka. Kawasan simpanan ini bukanlah untuk memelihara kaum Penan dalam keadaan semasa mereka tetapi sebaliknya sebagai langkah pertama untuk mengenalkan mereka kepada dunia moden. Jawatankuasa untuk membantu memantau keperluan kaum Penan dalam kawasan simpanan tersebut harus diwujudkan bagi mengenal pasti keperluan mereka serta menjaga kepentingan mereka. Jawatankuasa ini seharusnya juga dianggotai oleh ahli kaum Penan sendiri.

Dengan wujudnya institusi seperti ini, maka asimilasi kaum Penan dapat dilakukan secara beransur-ansur dengan mengadakan aktiviti seperti klinik, sekolah, aktiviti pertanian dan juga lawatan dari agensi-agensy yang relevan ke tempat penempatan mereka. Memandangkan Hidro Bakun akan dibina tidak lama lagi yang akan melibatkan beberapa kampung Penan. Kerajaan haruslah memikirkan cadangan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Bakun dekat mana?

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Murun, ini tempat yang baru. Ini akan melibatkan beberapa kampung Penan dan saya harap cadangan ini harus difikirkan dengan serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai pelancongan iaitu *ecotourism*. Kenapakah *ecotourism* tidak ditekankan di pedalaman Sarawak sedangkan terdapat banyak tarikan semula jadi yang memang sesuai dijadikan tarikan pelancongan. Jika melihat kepada contoh luar negara seperti di Gibraltar ataupun Niagara Falls, dengan adanya satu tarikan pelancongan yang termasyhur dapat menghasilkan banyak industri kecil yang menyumbang kepada kutipan yang tinggi daripada pelancong yang berkunjung ke situ menjadikannya industri yang terpenting bagi kawasan tersebut.

Negeri Sarawak dianugerahkan dengan pelbagai tarikan semula jadi yang unik dan berpotensi menjadi tarikan pelancong antarabangsa. Sebagai contoh Gua Mulu dan Gua Niah yang merupakan antara gua yang terbesar di dunia. Kawasan di sekeliling gua-gua tersebut juga tersergam indah dengan flora dan fauna yang juga boleh menjadi tarikan pelancong.

Apa yang sedihnya ialah kemudahan pengangkutan, penginapan dan industri sampingan seperti kedai makanan ataupun mini zoo ataupun akuarium ataupun herba *garden*, *flower garden* belum terdapat di kawasan tersebut. Tiada salahnya jikalau kawasan ini dibangunkan untuk tujuan pelancongan sekiranya pembangunan tersebut dilakukan dengan keprihatinan terhadap alam sekeliling juga dengan gangguan dan perubahan minimum terhadap alam sekitar. Lawatan-lawatan ke tempat tersebut juga seharusnya dikendalikan oleh...

■1500

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat dah habis dah.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Ha? Hanya satu topik sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Memang sepuluh minit sahaja, tak banyak Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Sekian, saya mohon menyokong.

3.00 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan ucapan saya dengan menyuarakan bantahan saya dan saya juga ingin mengutuk tindakan yang diambil terhadap 11 orang individu yang hari Khamis yang lalu menyerahkan surat kepada Perdana Menteri. Mereka boleh ditahan dan ditangkap dan tindakan sedemikian tidak seharusnya diambil terhadap mereka. Mereka hanya hantar surat kepada Pejabat Perdana Menteri menyeru agar tahanan ISA dibebaskan. Itu sahaja. Akan tetapi sebaliknya, mereka ditangkap dan saya menyeru Ahli-ahli Parlimen, mari kita bersama-sama menyuruh kerajaan menghentikan tindakan-tindakan sedemikian. Dengan menekan individu-individu yang lemah ini, komuniti India ini dengan mengharamkan HINDRAF. Ia tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh warga komuniti yang lemah ini.

Apakah prinsip ketujuh Islam Hadhari? Pembelaan kaum minoriti dan wanita. Apa yang terjadi? Menangkap mereka, meletakkan mereka di dalam tahanan, apakah ini akan menyelesaikan masalah. Presiden MIC sudah tidak ada dalam Dewan. Bukankah itu buktinya Barisan Nasional, pimpinan perlu bangun, bukannya cara menekan mereka adalah cara menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi.

Beberapa Ahli: Bangun

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf, saya tak ada masa hendak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tak hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit sahaja tak boleh?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, kita telah diheboh-hebohkan dengan cadangan untuk mengadakan satu akta perhubungan kaum bagi mengukuhkan perpaduan di antara kaum selepas insiden yang mempunyai elemen *racist* yang dibangkitkan oleh Ahmad Ismail, Ketua Bahagian UMNO di Bukit Bendera dan diikuti dengan penangkapan seorang wartawan, Tan Hoon Cheng di bawah ISA. Tercetus idea Akta Perhubungan Kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini, saya menyokong segala langkah-langkah yang diambil bagi mengeratkan perhubungan kaum dalam masyarakat Malaysia. Akan tetapi, persoalan yang timbul sekarang adalah saya prihatin, apakah akta yang akan digelar akta perhubungan kaum ini akan dapat mengikis dan mengurangkan suara-suara dan tindakan yang berbau perkauman ini.

Apakah dengan mengadakan satu undang-undang segala masalah yang timbul di kalangan kaum yang berbeza ini dapat diatasi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Yang Berhormat Pasir Salak. Lain kali saya bagi peluang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat patut mengenai tangkap menyokong pertubuhan haram.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Inilah masalah, dengan menangkap komuniti-komuniti yang rendah, suara-suara yang berbeza fahaman, ramai yang akan bangun menentang Barisan Nasional.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pertubuhan haram, tak berdaftar.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dan kita dimaklumkan bahawa dimaklumkan bahawa Race Relation Act *module Canada* akan dikaji, diteliti.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: [*Bangun*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Rompin, maaf, tak ada masa. Kalau kita meneliti dengan mendalam Race Relation Act *Canada* ini, kita dengan jelas melihat ia berobjektifkan untuk menghapuskan atau melarang diskriminasi antara kaum. Di bawah akta itu juga akan ditubuhkan satu suruhanjaya, buat masa ini Suruhanjaya Comission for Racial Equality telah diganti *dengan* Equality and Human Rights Commission. Apakah mampu, apakah sedia Kerajaan Barisan Nasional jika mahu mengeratkan hubungan kaum, mengadakan satu akta perhubungan kaum yang benar-benar untuk menghapuskan diskriminasi kaum. Kata akan mewujudkan Race Relation Act, untuk mengkaji. Yang saya risau adalah...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak bangkitkan Peraturan 36(6)...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang saya risau adalah...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: ...36(6).Sangkaan jahat, duduk dahulu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang saya...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Bagilah saya.. Saya bawa *point of order*, bagilah peluang. Terima kasih. Saya menghargai Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat tadi menuduh kami di sini tidak langsung membela perkauman kaum. Kami amat membela tetapi sepatutnya Yang Berhormat tunjuk dalam Parti DAP dahulu supaya Parti DAP melambangkan semua kaum barulah kami menerima Yang Berhormat menyuarakan hubungan kaum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rompin, sudah Yang Berhormat, Rompin, duduk.

Seorang Ahli: Pilihan raya dia semua Cina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa, tak payahlah sebut, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Standing order* yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak ada Yang Berhormat. Saya belum buat *ruling standing order* lagi Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Cukup, jangan ambil masa. Saya kesuntukan masa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Rompin...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Standing order* yang sama.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Teruskan, teruskan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Rompin boleh menyertai Parti DAP.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya.. DAP... Saya bukan Cina lah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi, kami ahli di sini tidak boleh menyertai UMNO. Siapa yang berbaur perkauman di sini? Yang Berhormat Rompin boleh menyertai Parti DAP. Akan tetapi Yang Berhormat, saya tak boleh menjadi ahli UMNO, saya pun tak mahulah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi ahli diskriminasi buat apa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini masalahnya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalah hendak adakan satu akta perhubungan kaum, apakah sedia...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apakah sedia Barisan Nasional mengharamkan parti politik...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebab dia merupakan pertubuhan yang menyokong pertubuhan haram. Kalau Yang Berhormat batu Gajah berani, buat kenyataan di luar Dewan menyokong pertubuhan haram.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Pasir Salak diminta jangan mengganggu ucapan saya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menyokong pertubuhan haram buat di luar, kalau berani.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rasa kalau benar-benar ingin mengeratkan perhubungan kaum mengadakan satu akta perhubungan kaum yang berobjektifkan seperti Race Relation Act 1976 *di Canada*, yang pertama yang perlu dilakukan adalah mengharamkan parti politik yang berbaur perkauman. Seperti buat masa kini, UMNO, membangkitkan isu-isu kaum, perkauman Melayu, ketuanan Melayu, MCA, membangkitkan isu-isu kaum Cina, MIC membangkitkan isu-isu kaum India.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon laluan.

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Batu Gajah.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Batu Gajah bagi laluan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Adalah perlu kita hapuskan parti politik yang berasaskan kaum.

Seorang Ahli: Tidak betul.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: DAP yang perkauman.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita boleh mula dari sana. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: DAP yang perkauman.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya nak nyatakan, saya minta hendak adakan satu akta perhubungan kaum...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: 36(6)... Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah Tuan Yang di-Pertua: Pindah kepada topik yang lain Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang kedua adalah, kalau kita benar-benar mahu menghapuskan dan mengurangkan...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: 36(10)(c) Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, biar saya baca dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: UMNO parti buli.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Bagi saya bacalah 36(10)(c) ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sila, baca, baca. Saya dengar.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. 36(10)(c). *[Disampuk]* Baca dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baca dahululah, tak payah bising.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Baca dahululah. Macam mana tahu saya hendak baca ini. Tak akanlah belah sana hendak bela DAP kot. 36(10)(c)..

“Perkataan-perkataan yang harus menaikkan semangat bersakit hati atau bermusuhan diantara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat Perlembagaan atau Akta Hasutan” Ini tuduh ini, tak boleh Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya ingat Yang Berhormat atas kononnya menjaga hati, kononnya membela semua kaum...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tangkap...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ucapan Yang Berhormat memarahi kaum lain, menyakiti kaum lain. Apa ini Yang Berhormat Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rompin, sudah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Batu Gajah sepatutnya mengadakan satu anjakan baru dalam DAP.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: DAP ada bawa Melayukah dalam parti Yang Berhormat? Tak usah cakaplah Yang Berhormat. Rakyat Malaysia tahu memerhatilah. DAP cakap sahaja mahu membela kaum tapi yang sebenarnya membela satu kaum sahaja, Betul tak!

Beberapa Ahli: Betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rompin, sudahlah Yang Berhormat. Yang lain sudahlah. Yang Berhormat Batu Gajah, pindah ke topik yang lain.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa masalah dengan teks ucapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu Yang Berhormat. Saya menerima sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rompin tadi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, apa masalah dengan teks ucapan saya. Saya bangkitkan cadangan saya, itu sahaja...

Seorang Ahli: Masa dah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa tak ada.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau kita hendak satu akta perhubungan kaum yang benar-benar untuk membasmi diskriminasi antara kaum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kena dengar cakap saya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukan sahaja saya prihatin tentang isu ini tapi saya percaya komponen Barisan Nasional juga prihatin isu ini. MCA kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Semua pun prihatin Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: MCA kata UMNO mendominasi, Parti Rakyat Sarawak juga kata UMNO mendominasi, dan isu-isu perkauman juga, bukan saja yang saya nyatakan tadi...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan jadi batu api.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu Yang Berhormat Pulau juga ada kata kerana Barisan Nasional kalah, sokongannya telah menurun kerana ada UMNO.

Seorang Ahli: DAP buli Menteri Besar Perak.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Komponen Barisan Nasional yang membangkitkan isu-isu perkauman, bukan saya cakap. Inilah contoh terbaik menunjukkan parti politik berasaskan kaum akan sebaliknya merenggangkan perhubungan. Kita tengok komponen Barisan Nasional. Telah jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat tinggal dua minit..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar ditubuhkan satu Jawatankuasa Parlimen Khas mengenai...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Batu Pahat, duduk, ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ... akta perhubungan kaum, melibatkan semua Ahli Parlimen di dalam untuk membincangkan apakah perlu kita adakan satu akta perhubungan kaum. Yang Berhormat dari Sabah Sarawak kata tidak perlu. Apakah bentuk pendekatan yang akan diambil. Apakah akta ini akan menyekat lagi kebebasan isu-isu yang melibatkan kaum tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kerana kesuntukan masa itu saja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1510

3.10 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara pertama, saya ingin bangkit ialah mengenai masalah yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terutamanya di Johor Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah mengumumkan bahawa kemudahan pembiayaan sebanyak RM1.2 bilion bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), telah boleh diperolehi mulai 1 Ogos ini. Menerusi skim pinjaman ini PKS yang layak akan menerima pembiayaan pada kadar 4% setahun dari mana-mana Bank Islam dan komersial SME Bank, Bank Rakyat dan Agro Bank, dengan liputan jaminan 80% menerusi *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad*.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat PKS di Johor Selatan mengadukan bahawa penyaluran kemudahan tersebut terlalu lambat. Kebanyakan PKS sehingga sekarang masih belum mendapat bantuan tersebut. Ketidakpastian ekonomi dunia ini semakin menjejaskan perniagaan mereka dan sekiranya keadaan berterusan mereka akan menghadapi masalah kewangan dalam pengurusan. Mereka amat memerlukan bantuan untuk memodenkan operasi mereka terutama memberi atau menaik taraf perkakasan dan mesin serta peralatan tenaga. Apa yang akan berlaku sekiranya bantuan yang dijanjikan sehingga sekarang masih belum didapati. Adakah PKS masih berdaya tahan dan mempunyai modal untuk mengharungi pasaran kewangan global yang tidak menentu?

Maka saya ingin bertanya kementerian tarikh penyerahan bantuan PKS, pecahan peratus kelulusan dan kegagalan permohonan. Selain itu, saya ingin mencadangkan supaya menambah lagi kemudahan pembiayaan supaya lebih banyak PKS dapat dimanfaatkan. Sekian terima kasih dan perkara yang kedua ialah.. *[Ketawa]* Belum lagi la. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: Jangan main-main!

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara ialah mengenai bayaran pasport. Pasport ertinya sesuatu pasport yang sah, yang telah dikeluarkan kepada seseorang oleh atau bagi pihak kerajaan yang baginya ia adalah seorang rakyat atau warganegara dan termasuklah sesuatu bentuk dokumen pengenalan yang sah, yang dikeluarkan bagi maksud perjalanan oleh mana-mana kerajaan dan diiktiraf sebagai dokumen perjalanan oleh Kerajaan Malaysia. Bayaran Pasport Malaysia adalah mengikut tebal muka surat. Senaskhah pasport itu dan 32 muka surat, kosnya ialah RM300, 64 muka surat kosnya ialah RM600.

Kenaikan harga barang-barang telah memberi kesan buruk terutamanya meningkatkan kadar inflasi, kenaikan secara mendadak telah membebankan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Kawasan Gelang Patah terdapat ramai penduduk mencari rezeki di luar

negeri seperti di Singapura. Bayaran Pasport Malaysia sebanyak RM300 amat memberatkan beban rakyat terutamanya pada masa ini yang berinflasi tinggi. Maka saya menyeru pihak kerajaan supaya mengkaji semula bayaran ini sebagai bantuan kepada rakyat.

Ketiga, saya ingin mempersoalkan tentang hak permohonan kewarganegaraan dan permohonan penduduk tetap iaitu PR. Sering kali kita diberitahu bahawa ini memanglah kuasa pihak kementerian, budi bicara kementerian serta pemberian kewarganegaraan adalah satu keistimewaan dan bukannya satu hak yang diberikan kepada mana-mana rakyat asing. Inilah yang menjadi alasan bagi pihak kementerian dan kerana kita tiada satu sistem yang *transparency* banyak masalah timbul di kalangan pemohon. Seperti masalah rasuah berlaku, tetapi saya rasa ada kes-kes yang istimewa yang memang perlu diberi perhatian yang teliti.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa permohonan permit masuk dan kewarganegaraan mesti melalui beberapa prosedur seperti tapisan keselamatan, proses temu duga, keupayaan untuk bertutur bahasa Malaysia dan menyemak kesahihan maklumat demi keselamatan negara. Beberapa asas pertimbangan bagi permohonan kewarganegaraan seperti mempunyai komitmen yang tinggi dan tidak berakar umbi di negara ini. Berkelakuan baik dan tidak ada rekod jenayah serta menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2008 iaitu tahun ini, saya telah mendapat aduan sebanyak 20 kes berkaitan permohonan permit masuk dan sebanyak 18 kes berkaitan permohonan kewarganegaraan daripada kawasan Parlimen saya. Saya berasa amat sedih dan kecewa kerana hanya 1 kes yang berkaitan kewarganegaraan diluluskan oleh kementerian. Kadar kelulusan ini tidak sampai 2.6%, kebanyakan mereka telah menunggu berpuluh-puluh tahun. Saya amat hairan kenapa permohonan mereka tidak dipertimbangkan walaupun syarat-syarat permohonan telah dipatuhi oleh mereka.

Saya ada beberapa kes yang ingin saya bawa di sini. Pertama ialah tentang permohonan kewarganegaraan Puan Jonathy nombor kad pengenalan merah ialah 510909 -71-5244.

■1520

Beliau adalah seorang guru tuisyen yang menyumbang kepada masyarakat dan merupakan seorang yang jujur dan tiada rekod jenayah tetapi saya hairan mengapa masih tidak diberikan kewarganegaraan padahal ahli keluarganya semua adalah bertaraf warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, kes yang kedua adalah berkaitan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis. Masa dah habis Yang Berhormat.

Puan Tan Ah Heng [Gelang Patah]: Ya, ya. Okey, satu minit lagi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tak dapat Yang Berhormat. Masa ini kalau Yang Berhormat ambil, orang lain tak dapat bercakap Yang Berhormat. Tunggulah menteri menjawab Yang Berhormat baru persoalkan persoalan tu ya. Yang Berhormat?

Puan Tan Ah Heng [Gelang Patah]: Dengan ini saya menyokong.

3.21 ptg.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada sesi Parlimen yang lalu kita telah dihadaikan dengan belanjawan yang diberi gambaran dan gelaran sebagai belanjawan prihatin. Belanjawan tersebut saya boleh katakan di sini telah mencipta rekod sebagai belanjawan paling besar.

Sedar atau tidak belanjawan paling besar ini telah dibentangkan di suasana di mana dunia diselubungi kegawatan ekonomi dan ada yang mengatakan bahawa tsunami ekonomi yang serius sejak *the great depression* yang melanda dunia pada tahun 1930-an, seteruk itu. Namun kemelut dunia ini seperti telah tidak menyentuh Menteri Kewangan kita kerana beliau masih lagi mengatakan bahawa *fundamental of our economy* masih kukuh.

Jadi untuk sesi yang singkat ini, saya hanya ingin menyentuh satu aspek yang bagi pendapat saya telah dibina dengan baik semenjak negara ini mula merdeka tetapi kualiti nilainya makin lama makin merosot. Ini apa yang saya istilahkan sebagai *crisis of governance* iaitu krisis tadbir urus di negara ini.

Ini kerana seingat-ingat saya negara ini dibina, di janji seperti yang dikatakan di dalam pemasyhuran kemerdekaan ketika mana Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan negara ini dikatakan negara ini akan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan kepada semua. Maka terbentuklah sistem *federalism*, terbentuklah sistem undang-undangnya. Akan tetapi apa yang kita lihat pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa untuk membina sesuatu sistem itu saya rasa bukanlah sesuatu yang agak sukar berbanding dengan untuk membina keyakinan terhadap sistem tersebut. Semalam Tuan Yang di-Pertua, saya berkesempatan menghadiri satu kes rayuan di Mahkamah Persekutuan yang mana alhamdulillah saya mendapat peluang melihat bagaimana Ketua Hakim yang baru dilantik mengadili kes tersebut.

Saya tak mahu menyentuh kes spesifik kerana mempunyai halangan di dalam atur cara Mesyuarat, tetapi apa yang ingin saya sentuh di sini ialah bagaimana isu keyakinan itu telah terserlah di depan mata saya. Bagaimana sebelum itu terdapat seorang peguam lain memohon penangguhan kerana alasan yang saya rasa agak kukuh. Ketua Hakim dengan rata-rata mengatakan tidak, beliau pantang memberi penangguhan, tetapi sebaliknya selepas itu permohonan yang sama dibuat oleh seorang peguam yang merupakan peguam UMNO yang bersama-sama beliau ketika dulu bersama-sama mewakili di dalam banyak kes - saya tak mahu menyebut nama di sini, secara automatik "*Ya, saya membenarkan*".

Sebagai orang luar, saya ketika itu di galeri pemerhati...

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya ingat cukuplah Yang Berhormat sebab 36(8) Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya beralih kepada aspek yang lain sebab itu saya tak mahu *quite detail* tetapi saya mahu mengambil kesempatan untuk

membangkitkan bagaimana *crisis of governance* yang saya bangkitkan di sini sebenarnya merupakan satu perkara yang amat penting. Ini kerana saya di sini dengan penuh rendah diri mengatakan bahawa saya bukan seorang *economist* yang membincangkan aspek ekonomi secara terperinci, tetapi di dalam membentuk satu dasar ekonomi, saya rasa aspek yang agak penting ialah aspek keyakinan terhadap sistem ekonomi yang mempunyai hubung kait dengan sistem undang-undang dan sistem demokrasi yang lain.

Antara di sini ialah kepentingan membina keyakinan terhadap sistem perundangan iaitu sistem kehakiman dan sistem-sistem lain seperti sistem penguasaan amat penting. Rata-rata apa yang kita lihat di negara kita ini, kita hanya mempunyai permasalahan yang makin hari mengurangkan keyakinan rakyat terhadap sistem itu. Jadi saya menggesa sebenarnya dan memohon Menteri Kewangan dan menteri-menteri berkaitan cuba menekankan aspek ini kerana saya rasa apa yang wujud di negara kita pada hari ini ialah bukan kita kekurangan pakar ekonomi, bukan kita kekurangan pakar perniagaan tetapi apa yang kita gagal buat dan makin lama makin merudum, makin rosak ialah bagaimana untuk memberi keyakinan kepada orang luar untuk datang ke sini.

Sebagai pengamal undang-undang saya mengatakan di sini bahawa saya didatangi kes-kes di mana rata-rata pelabur ataupun orang yang terlibat dalam kontrak memilih tempat lain sebagai tempat untuk mereka mendapat pengadilan apa yang dikatakan sebagai *avenue for dispute resolution* dengan izin. Yang menjadi pilihan ialah negara Singapura, dan Hong Kong.

Saya juga yakin bahawa negara ini mampu mewujudkan satu sistem pengadilan, sistem kehakiman yang baik kerana saya rasa suatu ketika mana di bawah kepimpinan ingin saya sebutkan dengan rekodnya di sini bahawa Tun Sufian mampu membawa negara ini kepada satu tahap yang amat membanggakan di kaca mata terutama negara-negara Komanwel. Saya berkata begini kerana sekiranya isu *governance* ini tidak ditangani dengan baik maka akan wujudlah apa yang saya katakan tadi sebagai *the crisis of governance*.

Saya berkata begini kerana saya tidak mahu negara ini makin lama makin menjunam dari segi tahap keyakinan orang luar kepada negara kita. Kenapa saya cakap begitu? Ini kerana sudahlah dikatakan tahap ekonomi global ini makin lama memberi impak yang amat kuat. Bermakna dikatakan mungkin seteruk 1930-an iaitu *the great depression* dengan izin tetapi kita juga mahu melihat supaya perkara ini tidak bergerak menjurus kepada apa yang dikatakan sebagai dengan izin *the great disruption*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the great disruption* ini bermaksud bahawa dengan izin *the indicators of the great disruption are crimes and social disorder, declines of kinship as social institutions divorce and trust and confident institution goes into a deep decline*.

Saya bukan seorang pakar, tetapi ini dikatakan oleh Francis Fukuyama apabila membicarakan bagaimana ugutan hebat *the great disruption* yang mana sekiranya tidak diadili akan merosakkan sesuatu bangsa itu. Saya yakin di sini saya dengan penuh rendah diri

memohon Kerajaan Barisan Nasional supaya apa yang saya katakan bermuhasabah bagi tujuan pemulihan kepada kebajikan rakyat semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa keinsafan itu adalah *fundamentals* sebelum kita mendabik dada mencanangkan yang fundamental kita adalah kukuh. Keengganan mengakui atau mencerminkan realiti dan yang paling penting keengganan untuk tidak bermuhasabah akan hanya meletakkan ekonomi Malaysia di awangan dengan satu belanjawan dengan izin lebih merupakan *a budget of denial*.

Tidak dapat tidak kegawatan yang menerjah memanggil kita untuk menangani masalah utama yang telah timbul hingga menjejaskan pentadbiran itu yang saya katakan tadi krisis pentadbiran atau dengan izin *crisis of governance*. Kita perlu mengambil iktibar dari apa yang berlaku sekarang. Kegawatan ekonomi ini berkait rapat dengan keghairahan bank-bank dunia untuk memberikan pinjaman melalui dengan izin *Collateralized Debt Obligation* (CDO) dan mengupah bank lain untuk menanggung risiko melalui kredit *Credit Default Swap* (CDS). Hatta timbul istilah di negara lain apa yang dikatakan sebagai *Ninja loans*. *Ninja loan* ini merujuk kepada keadaan di mana pinjaman diberi kepada peminjam yang tidak berkelayakan.

Di sini saya mempunyai satu kes bagaimana salah gunanya SME Fund. Saya bawa dokumen yang lengkap bagaimana SME Fund yang sepatutnya membantu peniaga-peniaga kecil ini tetapi digunakan untuk membina hotel sehingga melibatkan jumlah RM115 juta. Ini berlaku di Kepala Batas. Saya mempunyai dokumen itu dan saya akan serahkan perkara ini kepada pihak berwajib. Cadangan-cadangan yang kebanyakan dicadangkan oleh baik Menteri Kewangan saya secara objektif mengatakan ada yang baik, tetapi dari segi aspek *governancenya* amat-amat memalukan dan saya rasa ini perlu dipertingkatkan dan amat diperlukan.

Di Malaysia hanya perlu menyemak fail-fail NPL yang telah bertimbun, berkumpul di Danaharta dan kes *local classics* pinjaman mengejutkan yang pernah disaksikan di ekonomi Malaysia adalah dengan izin *syndicated loan* melibatkan Tan Sri Tajudin Ramli. Satu pinjaman kepada individu yang melibatkan lima institusi kewangan yang berjumlah sebanyak RM1.79 bilion dan sehingga kini kesnya belum selesai.

■ 1530

3.30 ptg.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi izin kepada saya untuk membahaskan Bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri kita baru-baru ini. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan bajet tersebut yang melibatkan sejumlah RM205.9 bilion berbanding

dengan RM197.2 bilion pada tahun 2008. Jelas kepada kita bahawa bajet ini adalah prihatin kepada rakyat luar bandar dan juga rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini sedikit terutamanya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri kerana telah dilantik sebagai Menteri Kewangan yang baru dan akan memikul tanggungjawab yang besar bagi menentukan masa depan negara kita. Saya memberikan pandangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri juga Menteri Kewangan, usahlah peduli apa pembangkang kata. Nasib mereka dilahirkan sebagai pembangkang. Sampai bila pun mereka akan membangkang walaupun apa yang kita buat itu baik dan faedah kebaikan kembali kepada mereka, mereka tetap membangkang. Inilah nasib pembangkang.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Nasib BN menjadi pembangkang di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Walau bagaimanapun, susah hendak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada *respond* Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya tidak mahu beri ruang. Akan tetapi inilah satu keadaan yang cukup mengecewakan kita. Saya Tuan Yang di-Pertua, bekerja dengan kerajaan hampir tiga puluh tahun. Akan tetapi saya merasa kecewa. Saya merasa kecewa kerana bagi saya selama ini sehingga saya menjadi Ahli Parlimen banyak sumbangan diberi oleh kerajaan. Akan tetapi ramai daripada pemimpin pembangkang tidak berterima kasih. Bukan kadang-kadang tetapi boleh kata semualah. Tidak berterima kasih bahkan membakar dan mengapi-apikan anak-anak muda kita sehingga akhir-akhir ini ramai anak muda kita kadang-kadang tidak ada sifat kemanusiaan. Tidak berterima kasih. [*Dewan riuh*]

Bukan kata semua. Ini betul. Ini hakikat. Saya sudah berada di bawah. Amat malang. Saya beritahu anak saya. Kamu terpelajar, kamu masuk universiti. Kamu diajar oleh guru-guru kamu dan kamu diajar oleh ibu bapa kamu. Jangan menjadi orang-orang seperti ini kerana ini akan memalukan kita kerana Tuan Yang di-Pertua, kesannya cukup besar. Hari ini mungkin kita boleh merasa seronok. Kita boleh bangkang dan hentam kerajaan dan sebagainya kerana kita berada di dalam zon selesa. Akan tetapi apabila berlakunya kemusnahan di negara kita, sebenarnya bukan Kerajaan Barisan Nasional saja yang hancur, bahkan semua akan hancur.

Ketika itu barulah tuan-tuan tahu, Yang Berhormat semua tahu bahawa betapa besarnya kesan apabila kita membakar dan menghasut anak-anak muda kita membenci kerajaan. Akhirnya kehancuran kita akan rasa bersama. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hendak mengambil kesempatan untuk membawa beberapa perkara di bahagian saya.

Yang pertamanya saya minta kerajaan dari segi pelaksanaan projek-projek pembangunan ini. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana banyak projek-projek besar yang telah dirancang awal ditangguhkan dan sebaliknya ditumpukan kepada projek-projek kecil yang berikan faedah kepada luar bandar. Saya minta satu lagi daripada pihak kerajaan supaya projek-projek ini berilah secara adil. Di bandar-bandar besar kalau kita tengok ramai mereka ini bukan menyokong kerajaan sangat tetapi pelbagai projek besar diberikan. Mereka tidak berterima kasih juga. Saya mahu supaya projek-projek ini dihantar ke luar-luar bandar. Orang kampung, orang luar bandar masih lagi sayang kepada kerajaan. Masih lagi rasa terima kasih kepada kerajaan. Sebab itulah saya mahu bawa contoh tempat saya. Walaupun sudah ada pembangunan, tetapi mahu biar lagi membangun.

Saya minta kepada satu tempat di kawasan saya iaitu Pekan Tajau ini. Saya minta supaya saya sudah mencadangkan kepada kerajaan dahulu supaya bina sebuah sama ada sekolah asrama penuh ataupun Institut Latihan Perindustrian di kawasan ini kerana kawasan ini telah pun dikenal pasti sebagai tapak kawasan industri. Jadi dengan adanya institusi ini, saya rasa kita akan dapat membangunkan kawasan tersebut.

Saya juga merasa kecewa sedikit kerana dulu kita ada tiga agensi pembangunan wilayah iaitu DARA, Jengka dan juga satu lagi saya lupa. Agensi-agensi ini telah pun ditutup. Akibat daripada penutupan ini, kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi sudah ketinggalan. Sebab itulah kita sudah bawa perkara ini kepada kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat. Saya minta supaya Kementerian Luar Bandar dan Wilayah memastikan supaya agensi yang berperanan juga seperti DARA dan juga Jengka itu akan dapat ditubuhkan semula dan akan memainkan peranan yang cukup besar kepada kawasan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA adalah sebuah institusi pembangunan luar bandar yang telah pun dibina oleh kerajaan. Kita mengucapkan terima kasih kepada Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah memberikan idea mewujudkan FELDA ini kerana kita telah menyelamatkan beribu-ribu masyarakat luar bandar yang ketika itu miskin tetapi sekarang berada dalam FELDA yang mempunyai kemudahan pembangunan yang cukup baik kepada kita yang lebih terancang. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri yang baru-baru ini telah mengumumkan dividen kepada peneroka-peneroka FELDA yang berjumlah RM144.44 juta yang memberikan faedah kepada 84,581 orang. Ini adalah kerana Allah memberikan rahmat kepada kita semua.

Akan tetapi ingatlah, kita minta supaya peneroka-peneroka FELDA ini memberikan perhatian. Duit yang mereka dapat dibelanjakan dengan baik. Jangan lupa belanjakanlah untuk pendidikan anak-anak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, musim tengkujuh sudah hampir ke kawasan kita dan kawasan saya macam di Maran dan Kuantan pun sudah mula hujan. Sudah tentulah di kawasan utara, Kedah dan Perak pun telah mengalami banjir. Jadi saya minta kepada pihak kerajaan dan saya

menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Amat Mulia Sultan Pahang baru-baru ini yang bertitah meminta supaya kementerian kebajikan dan kerajaan mengkaji balik kadar bantuan yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir.

Ini kadar dahulu. Memanglah RM8 kepada satu kepala mana cukup, Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah dengan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional dan kerajaan kementerian ini, kerajaan telah bersetuju untuk meningkatkan bantuan tambahan ini kepada mangsa-mangsa banjir yang menghadapi banjir. Kita berdoa kepada Allah SWT supaya Allah akan melindungi negara kita daripada bencana alam sekeliling. Alhamdulillah kerana kita tidak menghadapi bencana seperti mana negara lain. Gempa bumi yang membunuh beribu-ribu orang. Puting beliung ataupun ribut taufan yang cukup hebat yang tidak boleh kita lihat berlaku di negara kita ini. Alhamdulillah kita minta Allah lindungi kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan kesihatan adalah penting dalam masyarakat kita. Segala-galanya pada badan yang sihat. [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Inilah prinsip yang ada kepada kita dan walau bagaimanapun saya lihat kemudahan-kemudahan ini masih belum mencukupi. Saya tidak nafikan jasa kerajaan di tempat saya. Sebab itu saya pernah mencadangkan di kawasan Maran ini. Maran ini sebuah daerah tetapi kita belum ada lagi hospital. Saya minta supaya kerajaan membina satu hospital baru bagi daerah Maran pada tahun ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Saya juga minta supaya berikan perhatian kepada penambahan doktor-doktor di kawasan luar bandar. Saya tahu bahawa masalah ini bukan masalah Pahang saja, bukan masalah Maran tetapi masalah negara kita. Bahkan negara-negara lain. Kita terpaksa mengimport doktor-doktor pakar daripada luar. Akan tetapi saya mahu supaya benda ini dapat diselesaikan. Apa salahnya kalau suatu ketika dulu, pernah anak-anak kita yang pintar dan cerdik dalam Sains, kerajaan seolah-olah mewajibkan, memestikan supaya anak-anak ini mengambil jurusan perubatan sehingga ketika itu kita dapat melahirkan ramai pegawai-pegawai perubatan ataupun doktor-doktor yang terdiri daripada bumiputera dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini agak kurang. Atas sebab itulah saya mencadangkan sedemikian.

Bagi kawasan saya juga, saya minta supaya pihak kementerian memastikan sekarang ini di kawasan Klinik Chenor itu tidak ada doktor. Sudah lama. Saya minta supaya Kementerian Kesihatan memberikan perhatian. Tahun ini, sila pastikan supaya seorang doktor ditempatkan di Klinik Chenor, Maran Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah satu elemen yang cukup penting kepada kita. Sebenarnya segala-galanya dalam hidup manusia ini ditentukan oleh pendidikan. Orang yang berjaya dalam hidupnya di dunia mesti ada ilmu pengetahuan. Orang yang ingin berjaya, ingin bahagia hidup di akhirat dia mesti ada ilmu tentang keakhiratan. Atas sebab itulah saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberikan peruntukan yang cukup besar kepada Kementerian Pelajaran. Ini tidak termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi dan juga

kementerian-kementerian lain yang juga melaksanakan hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan dan pelajaran.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, tolonglah. Saya minta kerajaan memberikan perhatian serius kepada pertambahan peruntukan dan kemudahan bagi pendidikan di kawasan-kawasan luar bandar. Saya minta supaya kawasan-kawasan luar bandar diberikan perhatian. Kalaulah di bandar boleh melahirkan anak-anak yang berjaya dalam pendidikan sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan juga di peringkat institusi pengajian tinggi. Bahkan di luar bandar sebenarnya mereka lebih berjaya kalau mereka diberikan peruntukan ataupun kemudahan yang cukup baik kepada mereka.

■1540

Saya minta satulah kepada Kementerian Pelajaran, di Maran ini sebenarnya di bahagian Parlimen saya, kita ada satu sahaja sekolah, kita tidak ada asrama penuh. Saya minta supaya kerajaan dapat membina sebuah sekolah asrama penuh di kawasan Maran, tapak kita sediakan. Saya juga minta supaya kerajaan juga di bawah Kementerian Pelajaran menyediakan kemudahan bas bagi digunakan oleh Pejabat Pelajaran, oleh Sekolah Menengah Seri yang ada sebuah di Maran ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa tamat..

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, sikit saja lagi saya minta perhatian kepada kerajaan supaya dari segi keselamatan ini. Keselamatan memang kita ucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan. Pasukan Polis, tentera dan sebagainya yang telah pun memainkan peranan yang besar bukan saja ketika ini, biarlah pembangkang sentiasa menafikan jasa yang dimainkan oleh Polis. Saya tidak nafikan ada perkara-perkara yang berlaku rasuah dan sebagainya, kita tidak boleh nafi selagi kita dinamakan manusia kita tidak boleh elak semua. Namun, jangan katakan semua orang rasuah, dan ada juga orang yang sebenarnya mempunyai sifat yang baik yang bersih dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada pembangkang, ahli pembangkang supaya ubah sikit, saya nak cadangkan kalau boleh ubahkan nama jadi pembenar. Jadi supaya bila bercakap, benar dan betul, lepas itu baru dia bangkang sikit. Bila sebut nama pembangkang, sampai habislah dia bangkang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan itu saya memohon menyokong.

3.42 ptg.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Assalamualaikum dan salam bahagia kepada semua. Terima kasih terlebih dahulu saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam ucapan kali ini. Sebenarnya apa yang saya ingin kemukakan ialah masalah yang baru-baru ini, kita tahu bahawa telah berlakunya banjir di beberapa kawasan di Malaysia seperti di Pendang, Kota Star, Sik, Pulau Pinang.

Juga kalau kita perhatikan bahawa di Bagan Serai kawasan saya sendiri telah mengalami banjir yang sama. Satu masalah besar yang dihadapi oleh masyarakat atau petani-petani di Kerian ialah tentang banjir dan juga pemasangan pengaliran. Kalau dulu Yang Berhormat Simpang Renggam telah mengeluh dengan banjir begitu jugalah dengan saya yang baru dipilih menjadi wakil rakyat sama juga menghadapi masyarakat dengan masalah banjir.

Banjir merupakan satu bencana alam dan ia merupakan satu bala yang diturunkan Allah SWT, marilah kita sama-sama bermohon kepada tuhan agar menyelamatkan kita daripada bencana tersebut dengan menginsafi segala tingkah laku yang telah kita lakukan. Dalam masa sebulan dua ini kita dapati bahawa banjir telah berlaku di Bagan Serai sebanyak dua kali yang mengakibatkan kemusnahan harta benda, tanaman padi dan kelapa sawit dengan nilai berpuluh ribu ringgit atau ratusan ribu ringgit.

Di Kerian, Kolam Bukit Merah merupakan tadahan air terpenting di daerah ini. Ianya merupakan satu sumber utama pengairan pertanian, sumber pendapatan dan juga air minum. Dalam kejadian banjir kali ini, marilah kita meninjau punca sebenar selain daripada hujan lebat luar biasa serta pertembungan air pasang dan air mati dari laut. Salah satu sebab adalah berpunca dari tangan-tangan manusia iaitu tentang pengurusan perparitan saliran di persekitarannya.

Kita dapati bahawa perparitan yang tidak terurus dengan semak samun. Sebagaimana yang telah saya katakan pada mesyuarat yang lepas, saya telah menimbulkan masalah perparitan di mana perparitannya cetek dan penuh dengan semak samun. Jadi kita perhatikan, disebabkan pencetakan dan juga pemendapan akibat penggunaan racun rumpai digunakan juga.

Di samping itu, masalah dialami mereka ialah disebabkan laluan berkembar KTM juga menjadi penyebab sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Pendang, demikianlah juga yang berlaku di kawasan saya di Bagan Serai. Apa yang saya lihat beberapa langkah untuk mengatasi banjir tersebut adalah yang pertama, iaitu menyediakan projek sayuran alternatif bagi Sungai Kurau di mana kita adakan satu penempatan banjir sejauh 21km.

Yang kedua, dengan mendalamkan kolam sedalam 40km persegi iaitu Kolam Bukit Merah, paras masa kini adalah 8.69m iaitu 28.5 kaki. Jika aras air mencapai paras 8.99m, air akan dibuang melalui pintu alur limpah ke Sungai Kurau menyebabkan banjir. Semenjak empangan siap dibina pada tahun 1906, tiada kerja-kerja pengorekan bagi mengekalkan keupayaan takungan empangan. Dalam jangka lebih seratus tahun ini, Sungai Kurau dan Sungai Merah telah membawa bersama-sama kelodak, daun-daun pokok dan sampah ke dalam empangan dan telah menyebabkan mendapan yang ketara.

Mengikut kajian pada tahun 1965,1986 dan 1999, kapasiti empangan telah menurun kepada 70 juta sentimeter padu. Oleh yang demikian, langkah pendalaman kolam tersebut perlu mendapat perhatian yang serius supaya paras air dapat dikurangkan ataupun dikekalkan pada 28.5 kaki, manakala kapasiti air bertambah untuk memenuhi permintaan yang bertambah pada

masa-masa terdekat. Dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan satu kertas cadangan bagi menambah kapasiti takungan empangan dengan peruntukan sebanyak RM75 juta telah dikemukakan dan saya mohon supaya peruntukan tersebut dipertimbangkan.

Ketiga, mengenai dengan pengurusan kawalan tadahan. Pembangunan yang pesat di kawasan tadahan di bahagian hulu telah menyebabkan berlakunya pengaliran air yang laju serta membawa bersama-sama kelodak dan bahan-bahan lain ke empangan juga menyebabkan mendapan teruk ke sungai dan empangan. Oleh yang demikian, adalah disarankan agar dapat di bina tadahan takungan di beberapa kawasan sebelum air tersebut di lepaskan ke dalam Kolam Bukit Merah. Mohonlah peruntukan dan kelulusan beberapa program yang di atas.

Di samping itu juga, isu mengenai integriti pihak BPR. Ingin saya membawa satu aduan yang telah dibuat pada 7 Februari pada 2005 berhubung dengan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah pengurusan utama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia iaitu YaPEIM. Sehingga kini apakah status kedudukannya setelah tiga tahun, kenapa begitu lama sekali masa diambil untuk penyiasatan?

Di antara aduannya ialah yang pertama:

- (i) pembelian bangunan *Mentari Business Centre* di Sunway bernilai sebanyak RM14 juta;
- (ii) pembelian tanah di Lenggong;
- (iii) pembelian tanah di Paroi Jaya;
- (iv) penyalahgunaan kuasa dan mengurus dana sumbangan pencarum melalui potongan gaji. Pencarum berminat beramal jariah tetapi pihak pengurusan YaPEIM telah menggunakan wang jariah, wang kutipan tersebut untuk membayar sebahagian gaji untuk staf dan juga kakitangan; dan
- (v) pihak pengurusan tidak menyiarkan di media penyata kewangan mereka sejak akhir-akhir ini.

Bukankah ianya melibatkan orang awam, kenapa begitu lama untuk mengambilnya dan adakah ia nya penting atau tidak ada kepentingan umum?

Tuan Yang di-Pertua, pada 14 Ogos 2008 bertempat di Perhentian Rehat dan Rawat Kuala Kangsar, satu kejadian telah berlaku di mana satu perbuatan menganjur, memujuk dan menggalakkan maksiat. Iaitu pertemuan di antara Mohamad Imran bersama-sama dengan dua orang wanita warga China dengan dua orang tempatan iaitu Zul Hasan dan 'Khairul Azrin' telah dibuat.

■1550

Kedua-dua mereka telah dibekalkan dengan dua orang 'pelancong' wanita warga China. Wanita-wanita tadi telah dijadikan sebagai pemberian seks untuk projek maju tanah di Manjong. Saya ingin mengemukakan soalan apakah pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat

sekalian berhubung dengan insiden tersebut iaitu di mana wanita warganegara asing dijadikan sebagai satu bahan bukti untuk BPR. Bagi saya perkara tersebut amatlah memalukan kerana BPR telah melibatkan warganegara asing sebagai bahan bukti. Soalnya adakah ini menjadi satu dasar kepada BPR boleh menggunakan apa cara sahaja asalkan tangkapan dapat dijalankan. Bukankah dengan penggunaan kaedah tersebut akan melibatkan kekeruhan perhubungan antara negara.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Apa kata kalau warganegara kita...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Digunakan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Penjelasan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...banjar dengan banjar.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Tidak boleh.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dengan banjar pun tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak ada masa Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Apa kata kalau warganegara kita ditangkap oleh CIA...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: ...atau KJB digunakan sudah tentulah apa yang saya perhatikan *[Disampuk]* ... ingin saya mendapat satu...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Batu Pahat duduklah. Kasi dia cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai habiskan Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dia buat tuduhan. Ini kes mahkamah.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Ingin saya mendapat tahu berapakah kos yang dibayar kepada warganegara China dan kos penginapan mereka di Batu Ferringhi. Siapakah yang membiayainya. Jadi dengan kata lain apa yang kita perhatikan ini adalah satu perkara yang patut kita ingatkan bahawa biarlah kita buat sesuatu itu yang mengikut lunas undang-undang. Jadi dengan kata lain apa yang kita perhatikan bahawa pihak-pihak yang tertentu untuk memerangkap. Ini adalah satu perkara yang amat-amat menyedihkan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang terima pun teruk, boleh terima perempuan itu apa pasal?

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: BN memang kenal dengan rasuahlah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sudah habis dah?

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Mas Gading bangun? Sila Yang Berhormat Mas Gading. Selepas Yang Berhormat Mas Gading menteri akan menjawab.

3.52 ptg.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya akan menggulung sebelum menteri menggulung perbahasan. Jadi memandangkan tempoh yang amat singkat saya akan menyentuh beberapa perkara sahaja iaitu satu, saya mengalu-alukan Bajet 2009 yang berkisar kepada tiga strategi iaitu menjamin kesejahteraan rakyat, pembangunan modal insan yang berkualiti dan juga memperkukuhkan daya tahan negara.

Saya berterima kasih kerana kerajaan terus menekankan kesejahteraan rakyat sebagai fokus pembangunan dalam Bajet 2009. Negara kita kini di mana kita telah dengar sejak beberapa minggu ini sedang menghadapi tekanan yang bakal menjejaskan ekonomi berikutan krisis kewangan yang bermula di Amerika Syarikat dan harga minyak mentah yang melambung tinggi beberapa bulan yang lalu. Kita masih lagi berhadapan dengan cabaran kenaikan harga barangan keperluan serta makanan yang saya dapati dari tinjauan di kawasan saya dan juga tempat lain yang sempat saya lawati sudah membebankan rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah lebih-lebih lagi mereka yang makan gaji dan juga masyarakat luar bandar.

Justeru itu Bajet 2009 ini telah disasarkan khusus kepada tiga perkara pokok yang bertujuan untuk membantu rakyat untuk menangani kemungkinan ekonomi yang lebih teruk. Jadi kepada sesi soal jawab dalam Dewan yang mulia ini minggu lepas kita telah mendengar tentang langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk cuba mengurangkan masalah yang dihadapi oleh rakyat kita. Walau bagaimanapun saya suka mohon sekali lagi di sini supaya pihak kerajaan melihat dan juga ambil tindakan sewajarnya agar semua tindakan betul-betul akan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Jangan nanti kita berhadapan dengan pihak-pihak yang cuba merosakkan, menggagalkan tindakan murni kerajaan ini. Ini saya suka menyentuh tentang sistem penyampaian atau *delivery system* kita yang masih lagi menghantui kita. Kalau kita pergi ke kawasan luar bandar walaupun berbilion ringgit telah diperuntukkan, kita melihat banyak projek pembangunan tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Saya sempat melawat kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak dan saya kebetulannya dulu saya telah mempengerusikan jawatankuasa yang menyelenggarakan, mengawasi projek-projek di kedua-dua negeri itu dan di antara masalah-masalah yang di kita hadapi bukan daripada masalah kewangan ataupun peruntukan yang disediakan oleh kerajaan tetapi masalah besar adalah masalah pelaksanaan, pengawasan dan

penyelenggaraan. Pelaksanaan kita terpaksa mengikut TI ataupun arahan yang saya rasa sudah ketinggalan. Sistem tender dan sebagainya kadang-kadang tidak diikuti sehingga ada kontraktor yang dapat kerja tapi mereka tidak boleh buat kerja sehingga disub-sub.

Kedua, misalannya projek bangunan, ini merupakan satu masalah koordinasi di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri dan saya berharap perkara ini dapat kita lihat, semak kaji semula supaya sekiranya sesuatu projek itu dirancang untuk dilaksanakan bagi satu tempat kita mesti tahu, mesti bersedia dengan pelan dan sebagainya dan juga kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya mestilah diberitahu tentang projek yang kita rancangkan itu supaya pihak yang akan melaksanakan projek tidak akan menghadapi masalah.

Ketiga, dari segi pengawasan, ini juga merupakan masalah oleh kerana kebanyakan projek yang kita sediakan untuk kawasan luar bandar melibatkan kakitangan kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Jadi di sini juga mereka menghadapi masalah dari segi kakitangan yang berkurangan.

Kakitangan teknikal yang berkurangan dan juga bahan dan sebagainya dan juga kontraktor. Jadi saya rasa perkara ini perlu kita semak dan pihak yang bertanggungjawab perlulah lihat supaya bagaimana kita dapat mengurangkan masalah yang kita hadapi ini.

Seterusnya di dalam sistem *delivery* juga dulu kita mendengar ada Little Napoleon Tuan Pengerusi ada juga Napoleon betul yang kadang-kadang kalau ditegur oleh pihak ahli wakil rakyat dan sebagainya mereka tidak mahu dengar. Jadi mereka mengatakan "tidak payah mendengar wakil rakyat oleh kerana mereka ahli politik." Jadi ini pun merupakan masalah yang mungkin jarang dilaporkan tetapi inilah di antara perkara-perkara yang saya sempat dapati semasa melaksanakan projek di kedua-dua negeri.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang kita mungkin jarang dengar dan saya terpanggil untuk membawa perkara ini kepada Dewan yang mulia ini iaitu segolongan masyarakat yang dipanggil terpinggir, masyarakat minoriti Sabah dan Sarawak. Sudahlah mereka ini menghadapi masalah dari segi kekurangan *infrastructure* dan sebagainya. Anak mereka pergi sekolah, yang di mana sekolah itu masih lagi bangunan kayu. Misalnya di Tuaran sekolah terletak di atas gunung, Croker Range, menggunakan *bamboo*. Sumber elektrik adalah daripada solar, air daripada bukit, *gravity fit*.

■ 1600

Yang anehnya, kita mengharapkan anak-anak ini untuk belajar dan memberikan keputusan yang cemerlang di dalam pelajaran mereka. Cubalah kita fikirkan, bagaimana mereka ini dapat bersaing dengan rakan-rakan mereka yang berada di bandar? Mereka menghadapi masalah dari segi kekurangan *infrastructure*, *infostructure*, bahan makanan, *nutrition* yang tidak betul dan mereka terpaksa berjalan berpuluh-puluh kilometer kadang-kadangnya. Inilah gambaran dan suasana yang masih kita hadapi di kawasan luar bandar. Kita mengharapkan mereka ini untuk masuk universiti. Memang ada yang masuk, ada yang dapat lulus dan

sebagainya. Akan tetapi mereka terpaksa menghadapi masalah dari segi mendapatkan peruntukan oleh sebab kita menggunakan sistem meritokrasi.

Jadi saya mohon pihak yang berkenaan untuk melihat, bagaimana sistem meritokrasi ini mungkin boleh dilonggarkan bagi memberi lebih peluang kepada anak-anak ini, yang berasal dari luar bandar mungkin tidak mendapat 1A pun di dalam SPM mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading]: Seterusnya, mereka ini juga esok semasa keluar daripada universiti, mereka lagi menghadapi masalah untuk mendapat kerja dan sebagainya. Jadi ini juga merupakan satu masalah ataupun rintangan dan cabaran kepada anak-anak kita yang berasal dari luar bandar terpaksa hadapi. Jadi saya tidak ingin menyalahkan sesiapa kerana saya sedar kerajaan mempunyai agenda tertentu.

Akan tetapi saya mahu kerajaan memberi peluang kepada masyarakat terpinggir untuk turut serta di dalam pembangunan negara. Kalaulah anak-anak Orang Ulu daripada Dataran Bario boleh menyelamatkan masalah syarikat MAS, tiada sebabnya anak KadazanDusun daripada Kundasang tidak dapat melakukan perkara yang sama asalkan beliau mempunyai kelayakan dan diberi peluang untuk berbuat begitu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Sudah habis Yang Berhormat. Saya menjemput pihak Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.
4.02 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2009 Peringkat Dasar dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan menyarankan agar kerajaan tidak memainkan politik perkauman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan selama ini telah memastikan agar setiap dasar digubal dan dilaksanakan ke arah menjamin keamanan, perpaduan dan kestabilan negara mengikut apa yang telah diizinkan oleh Perlembagaan Malaysia. Oleh itu pelaksanaan dasar-dasar dan program-program kerajaan sentiasa menitikberatkan keadilan untuk semua kaum dan memastikan tidak ada mana-mana golongan atau kaum yang tercicir daripada arus perdana pembangunan negara.

Yang Berhormat Pasir Mas mencadangkan agar ditubuhkan jawatankuasa di peringkat pusat dan negeri untuk memastikan Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan dilaksanakan dengan efektif. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan hak-hak istimewa kaum Melayu dan bumiputera merupakan perkara

penting yang telah mendasari pembangunan dan pentadbiran negara selama ini dan telah terbukti dapat menjamin kestabilan sosial dan keamanan negara...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kerajaan selama ini telah memastikan bahawa peruntukan-peruntukan di dalam Perkara 153 tetap diberi keutamaan dalam proses penggubalan undang-undang dan dasar serta pelaksanaan program-program kerajaan.

Dalam hal ini, Jemaah Menteri mengambil peranan utama di dalam memantau pelaksanaan Perkara 153 selaras dengan peranannya sebagai badan penggubal dasar terpenting di dalam Badan Eksekutif. Oleh itu, kerajaan berpendapat tiada keperluan buat masa ini untuk mewujudkan jawatankuasa sebagaimana yang dicadangkan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum apabila saya mendengar suara Yang Berhormat Menteri daripada Barisan Nasional menceritakan tentang perpaduan di antara kaum. Saya cukup kagum! Akan tetapi, adakah ini satu realiti? Saya mahu bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, Kerajaan Barisan Nasional telah berpuluh-puluh kali.

Dahulu Dr. Mahathir, bekas Perdana Menteri kita telah mengumumkan bahawa ekuiti, ekonomi orang-orang India di negara ini cukup sedih sekali. Perlu diberi anjakan paling kurang 3%. Selepas perdana menteri kita yang keempat atau kelima itu, datang 'Pak Lah', juga sebutkan tentang perkara yang sama. Hari ini kita ada seorang menteri yang saya percaya telah berusaha untuk membuat sesuatu.

Bolehkah saya tahu apakah langkah-langkah kerajaan yang telah diambil untuk memberi anjakan ekuiti ekonomi terhadap ekuiti ekonomi orang-orang India di negara ini, seperti yang dijanjikan oleh Menteri Samy Vellu dan juga Pak Lah serta Dr. Mahathir kerana semasa zaman Dr. Mahathir, memang telah menurun. Bukan sahaja ekuiti orang-orang India, malah orang-orang Melayu juga. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apa juga dasar yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan, mestilah mengikut apa yang dibenarkan oleh Perlembagaan. Di dalam Perlembagaan Malaysia, dia hanya menyebut dikotomi di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Oleh sebab itu, untuk kita mempunyai satu dasar yang mana kita pula membahagikan pembahagian di dalam negara kita kepada bumiputera, Cina dan India, itu tidak dibenarkan oleh Perlembagaan kita. Akan tetapi walau bagaimanapun, secara pentadbiran, kita telah pun membuat keputusan untuk membantu masyarakat India seperti yang berlaku. Contohnya sewaktu saya menjadi menteri dahulu di Kementerian Pembangunan Usahawan telah membuka kepada pelajar-pelajar bukan Melayu di dalam MRSM sebanyak 10% dan juga seperti pekerja-pekerja, membawa pekerja-pekerja kilang daripada kampung ke kilang, itu juga dibuka.

Ini adalah kerana majoriti daripada mereka yang menjalankan kerja ini adalah masyarakat India. Begitu juga bagi latihan *skill labour* seperti yang diusahakan oleh MARA, itu juga dibuka untuk masyarakat India. Jadi, apa yang saya maksudkan di sini ialah kita boleh lakukan perkara ini secara pentadbiran. Akan tetapi untuk mempunyai satu dasar, ia tidak boleh wujud disabitkan oleh sebab Perlembagaan kita tidak membahagikan warga kita kepada masyarakat Cina, Melayu dan India...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Khairy Jalamuddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat Menteri jawab dahulu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas? Ya, silakan Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat menyatakan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan jawatankuasa di peringkat kementerian ataupun negeri bagi mengkaji pelaksanaan Fasal 153, tetapi tentu Yang Berhormat sedar pada 17 hari bulan baru-baru ini, Majlis Raja-Raja Melayu telah mengeluarkan kenyataan yang panjang lebar dan jelas bersabit dengan kekhuatiran pihak Majlis Raja-Raja tentang pencabul-pencabul kepada Perlembagaan.

Saya dapati, belum ada kenyataan rasmi daripada kerajaan mengenai dengan kenyataan Majlis Raja-Raja ini. Bagaimana dengan tindakan dan sikap kerajaan dalam menangani isu-isu yang berlaku sekarang ini dengan lebih tegas sebagaimana kebimbangan yang dilahirkan dan dizahirkan oleh Majlis Raja-Raja Melayu? Sekian, Terima kasih.

■ 1610

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita menitikberatkan pandangan yang telah dibuat oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu. Namun kerajaan merasakan iaitu bahawa keadaan tidaklah begitu gusar sehinggakan kita terpaksa melepaskan tanggungjawab yang sepatutnya dipegang oleh Jemaah Menteri harus diberikan kepada satu jawatankuasa yang mungkin dilantik tetapi mereka tidak dipilih oleh rakyat. Oleh kerana itu kita masih lagi merasakan bahawa cukup bagi perkara ini hanya dilaksanakan oleh Jemaah Menteri yang terdiri daripada mereka yang dipilih oleh rakyat dan menjadi ahli Jemaah Menteri yang berkemampuan untuk mempertahankan apa yang ada di dalam Perlembagaan kita khususnya Artikel 153.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rembau di belakang, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Majlis Raja-Raja supaya jangan lagi disentuh perkara yang berhubung kait dengan isu *social contract*. Namun kita lihat selepas daripada itu masih ada lagi yang membangkitkan perkara-perkara yang sebenarnya boleh dikaitkan dengan membangkitkan isu *social contract*, contohnya menghapuskan ekuiti bumiputera sebanyak 30%. Apakah ini tidak dilihat sebagai tindakan yang cuba mempersoalkan apa yang dibangkitkan oleh Majlis Raja-Raja dengan menggunakan alasan daya saing, penyelewengan dan sebagainya.

Tadi kita dengar ada pula yang mempertahankan supaya kerajaan membenarkan HINDRAF ini dibenarkan wujud sedangkan kerajaan sudah membuat keputusan bahawa HINDRAF adalah *illegal* - adalah pertubuhan haram. Apabila ada juga yang mempertahankan dan membela HINDRAF, apakah dengan kenyataan Majlis Raja-Raja itu kita boleh mengambil tindakan terhadap mereka yang cuba membela HINDRAF? HINDRAF membangkitkan isu-isu yang berunsurkan perkauman dan mereka ini pula berselindung bahawa mereka ini bukan perkauman? Jadi saya ingin penjelasan sedikit, apakah tindakan yang boleh diambil kepada golongan seperti ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang saya kenal itu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh bangun mengenai ini, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apabila Majlis Raja-Raja membuat satu keputusan dalam sesuatu hal, maka seelok-eloknya ialah supaya rakyat mengambil kira apa yang telah diputuskan. Namun dalam sebuah negara yang membenarkan kebebasan untuk kita bersuara, maka tidak menjadi suatu kesalahan kalau sekiranya satu perkara ini dibangkitkan dalam kenyataan akhbar ataupun perbahasan melainkan kita mempunyai undang-undang yang jelas menyatakan iaitu bahawa kalau sesuatu perkara itu merupakan perkara yang boleh dianggap sebagai menghasut, maka kita harus mengambil tindakan di bawah akta-akta tertentu. Ini termasuklah kalau didapati bahawa kenyataan yang dibuat itu didapati boleh menghasut, maka saya percaya kerajaan berhak untuk mengambil tindakan di bawah akta hasutan itu.

Jadi, kita mesti mengambil tindakan berdasarkan akta yang ada, Kita tidak boleh mengambil tindakan semata-mata kerana satu keputusan telah dibuat oleh Majlis Raja-Raja dan kalau sekiranya mempunyai perbezaan pendapat, ia tidak merupakan satu kesalahan di bawah akta di negara kita.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Rembau di belakang itu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kembali kepada soalan asal daripada Yang Berhormat Padang Serai tadi

dan saya ada sedikit kekeliruan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi yang mengatakan memandangkan bahawa Perlembagaan kita ini ada hanya dikotomi di antara bumiputera dan bukan bumiputera maka kita tidak boleh mengiktiraf suatu dasar ataupun keputusan yang walaupun *administrative*, yang memberi satu kelebihan sasaran kepada kaum-kaum tertentu, tetapi saya keliru sebab perkara ini ada dalam *outline* perspektif pelan ketiga kita dan juga di ulangi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa kita letakkan sasaran untuk masyarakat India pegangan ekuiti mereka sebanyak 3%. Jadi, apabila Yang Berhormat Menteri jawab seperti itu seolah-olah menidakkan sasaran tersebut. Jadi, saya hendak bertanya sejauh mana kerajaan telah memastikan bahawa *target* 3% untuk masyarakat kaum India ini dapat kita kecapai dan adakah sasaran ini masih lagi merupakan satu dasar kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang harus kita mentakrifkan ialah apa yang dimaksudkan dengan dasar dan apa juga yang dimaksudkan dengan secara pentadbiran. Jadi, dalam soal apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, ia tidak menjadi masalah kerana kepada kita itu merupakan satu perkara yang kita lakukan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang juga boleh dianggap sebagai satu perkara yang kita lakukan secara pentadbiran. Namun untuk mengadakan satu dasar - sebab itulah kita panggil Dasar Ekonomi Baru, maknanya khusus untuk bumiputera itu wujud mungkin selama 30 tahun ataupun waktu yang ditentukan, sememangnya ia mempunyai satu peruntukan dalam Perlembagaan.

Jadi, bagi saya, apa yang dilakukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, mungkin di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh kalau kita sudah mencapai apa yang kita tentukan untuk masyarakat India, mungkin ia tidak wujud lagi. Jadi, itu adalah perbezaan di antara dasar dengan apa yang dilakukan secara pentadbiran. Ini adalah kerana apabila sampai kepada pertengahan – *midterm*, kita boleh *review* balik. Namun bagi bumiputera, maka dasar ekonominya adalah tetap iaitu ia akan berlaku selama 10 tahun ataupun 20 tahun dan apabila tamat ia boleh dilaksanakan lagi sebab ada dikotomi di dalam Perlembagaan yang mengizinkan kita untuk melakukan perkara itu.

Itu adalah pandangan saya dalam perkara ini. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Rembau betul menarik perhatian bahawa daripada segi kita mengadakan program di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mencapai 3%, itu boleh dilakukan dan memang disebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang jelas menunjukkan iaitu bahawa sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional ini ada program untuk masyarakat India.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa penjelasan beliau tadi bahawa mengikut Perlembagaan kita adalah dikotomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera sebab itu ada beberapa dasar yang bersusulan. Ini adalah satu pendirian yang silap oleh kerana dalam Perlembagaan kita tidak ada dikotomi antara bumiputera dan non bumiputera.

Istilah-istilah bumiputera dan *non* bumiputera langsung tidak timbul, tidak wujud dalam Perlembagaan. Artikel 153 sebut mengenai kedudukan khas orang Melayu dan juga bumiputera di Sabah dan Sarawak, tidak ada sebut bumiputera dan *non* bumiputera. Oleh kerana itu bukankah benar bahawa oleh kerana istilah bumiputera dan bukan bumiputera ini yang tidak ada dalam Perlembagaan adalah *institutionalized* dan menjadi satu faktor utama untuk memecah rakyat Malaysia sehingga sekarang timbul masalah Ahmad Ismail mengenai orang Tionghua menumpang di Malaysia. Walhal beliau generasi yang kedua dalam Malaysia oleh kerana datuk beliau datang daripada India. Khir Toyo, Menteri Besar Selangor *first generation* Malaysia, bapaknya datang daripada Indonesia tetapi Tun Tan Cheng Lock, Tun Tan Siew Sin sudah ada enam, tujuh generasi di Malaysia dilihat sebagai orang menumpang, taat setia mereka tidak dicabar. Bukankah ini *institutionalization*? Istilah-istilah bumiputera dan bukan bumiputera ini tidak sihat dan patut diberhentikan. Sudah 51 tahun kemerdekaan, bukankah masanya sudah sampai di mana semua rakyat Malaysia dilihat sebagai putera dan puteri bumi tanah air kita. Kita ada orang Melayu, bukan Melayu, India, Kadazan dan Iban, mereka yang mundur dan belakang perlulah mendapat bantuan.

■1620

Ini satu sikap yang kalau kita mahu menentukan rakyat Malaysia inilah cara yang patut dijalankan dan kedua mengenai HINDRAF. Sungguhpun HINDRAF diharamkan, adakah Yang Berhormat bersetuju pendapat tadi bahawa mereka yang menyeru supaya kerajaan kaji semula pengharaman HINDRAF. Mereka bukan menghasut mereka bukan tidak taat setia, mereka mahu kerajaan rasional. Oleh sebab sampai hari ini tidak ada sebab yang baik kenapa HINDRAF diharamkan. Apa yang berlaku dalam enam, tujuh bulan ini selepas pilihan raya besar Mac yang memberi sebab untuk mengharamkan HINDRAF, walhal sebelum itu tindakan mengharamkan HINDRAF tidak perlu dan tidak wujud. Apa yang berlaku oleh sebab *open house* sahaja, seorang anak gadis enam tahun pergi *open house* dengan satu *teddy bear*. Adakah *teddy bear* dilihat lebih berbahaya daripada Osama bin Laden? Bukankah ini sangat luar biasa ini tidak masuk akal dan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: HINDRAF sudah banyak kali gangguan dan banyak menghasut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa masalah baik untuk selesai masalah HINDRAF ialah untuk *reach out* kepada kaum India oleh sebab sudah lama. Mereka sudah menjadi *new underclass in Malaysia* oleh sebab pemikiran *metallization*, *discrimination* politik, ekonomi, *education*, sosial, *cultural* dan agama. Selesai masalah ini, selesai masalah HINDRAF. Adakah Yang Berhormat setuju dan sebab itu adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Kabinet patutlah kaji semula untuk membatalkan pengharaman

HINDRAF, bebaskan lima orang HINDRAF supaya mereka boleh keluar daripada Kamunting untuk bekerjasama dengan kerajaan untuk menyatupadukan rakyat Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya, Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: HINDRAF saya tidak bersetuju sebab Yang Berhormat tidak boleh bangkit satu *event* sebagai alasan dari kerajaan untuk mengharamkan HINDRAF. *It is too simplistic and naive. It is an accumulation* dengan izin *of events*, yang menunjukkan iaitu bahawa *threshold*, dengan izin kesabaran pihak kerajaan adalah begitu tinggi. Banyak perkara yang telah berlaku sebelum ini yang mana kita tidak mengambil tindakan kerana bimbang iaitu bahawa akan dianggap sebagai diskriminasi terhadap mereka yang beragama Hindu. Jadi banyak perkara yang berlaku itu saya percaya kalau berlaku kepada orang Islam kepada Melayu, cepat tindakan kita diambil seperti Arqam dan juga seperti JI, seperti Ayah Pin.

Mudah untuk kita ambil tindakan kerana kalau apa tindakan kita ambil, orang tidak menganggap kerana kerajaan ini majoritinya kerajaan dipimpin oleh Melayu, ambil tindakan terhadap Melayu, mudah tidak ada masalah, tetapi kalau tindakan diambil terhadap masyarakat minoriti, maka itu dianggap sebagai diskriminasi. Oleh sebab itu kita punya *threshold* untuk kesabaran ini adalah tinggi dan yang terakhir sekali apabila berlaku di *open house*, maka banyak merasakan iaitu bahawa sampailah masanya untuk kita mengambil tindakan kerana kesabaran kita itu menampakkan seolah-olah kita lemah dan menggalakkan pihak yang tertentu itu terus mengambil tindakan mencabar kerajaan.

Jadi akhirnya kita mengambil keputusan untuk ambil tindakan kerana sememangnya kita mempunyai cukup maklumat yang menunjukkan bahawa iaitu HINDRAF sememangnya patut diambil tindakan pengharaman terhadap mereka. Kemudian Yang Berhormat sebut berkenaan dengan dikotomi. Yang Berhormat macam mana kita kata tidak ada dikotomi kalau bangsa Melayu itu juga...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam Perlembagaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam Perlembagaan, kerana bangsa Melayu itu ada takrifnya di dalam Perlembagaan yang mengatakan iaitu bahawa Melayu itu mestilah pertamanya beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu, lahir di negara ini sebelum merdeka ataupun lahir daripada bapa orang Melayu sebelum merdeka dan ini semua takrifnya wujud. Bila wujud takrif maknanya adalah dikotomi dan disambungkan pula apabila Sabah dan Sarawak masuk ke Malaysia, maka dipanjangkan takrif ini kepada masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Jadi kalau sekiranya takrif itu wujud dan pula dengan adanya peruntukan-peruntukan yang tertentu, yang menyatakan hak-hak istimewa di bawah 153 seperti agama Islam itu agama persekutuan iaitu agama kepada orang Melayu, seperti bahasa Melayu itu bahasa kebangsaan iaitu bahasa kepada bangsa Melayu dan juga peruntukan-peruntukan yang tertentu yang

mengatakan iaitu bahawa adanya *reserve*, tanah rizab Melayu dan adanya disebut tentang raja-raja Melayu. Jadi ini semua perkara-perkara dalam Perlembagaan yang ada kaitan dengan Melayu, termasuk dengan takrif Melayu itu maka sudah tentulah ada dikotomi di antara Melayu, bumiputera dan bukan bumiputera.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya ingin menegaskan iaitu bahawa sememangnya wujud dikotomi dalam Perlembagaan Malaysia kerana sudah wujud takrif bangsa Melayu itu sendiri di dalam Perlembagaan Malaysia kita.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Persoalan dikotomi Yang Berhormat jelas tadi saya cukup mengerti dan memahami dan itu perkara yang tepat. Cuma yang saya hendak bangkit di sini, ada kedengaran suara mengatakan, kita sudah sampai 51 tahun merdeka. Maka perlulah diubah itu dan ini tetapi pokok pangkalnya walaupun seribu tahun, walaupun sejuta tahun, apa yang termasuk dalam asas Perlembagaan Negara 153, itu tidak boleh diubah sebab apa yang dikatakan sosial kontrak yang dicapai dahulu pada takrif saya sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak ialah kontrak di antara rakyat Malaysia dengan negara.

Semua kaum bersetuju pada waktu itu termasuk di dalam laporan Suruhanjaya Reid, Cobbold dan debat merdeka yang mengatakan pada waktu itu pihak British memaksa untuk merdeka kita terima kaum *immigrant* dua juta lebih tidak silap saya, tetapi dengan syarat diganti macam premiumlah iaitu hak istimewa orang-orang Melayu. Jadi hal ini tidak berbangkit yang sepatutnya sampai bila-bila pun. Itu persoalan hak yang sudah diputuskan dalam Perlembagaan dan kalau kita bangkit perkara ini, bukan persoalan *racist*, orang yang bangkit perkara ini menentang perkara ini adalah *racist* sebenarnya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau sesuatu hak itu wujud dalam Perlembagaan kepada satu bangsa, maka sama ada mahu diteruskan ataupun tidak mestilah keputusan itu diambil oleh bangsa itu, tetapi yang berlaku di negara kita, yang bangkit perkara ini ialah bukan Melayu. Kita kena tanya kepada Melayu, apakah Melayu sudah sampai kepada tahap di mana mereka merasakan hak yang diberikan kepada mereka itu, mereka sudah tidak mahu. Tidak bolehlah orang lain mempertikaikan tentang hak ini kerana sudah ada di dalam Perlembagaan. *[Tepuk]*

Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa sebenarnya bukan buat selama-lamanya kerana apa yang diberikan kepada orang Melayu ini, agamanya, bangsanya adalah diberikan oleh Perlembagaan dan Perlembagaan boleh dipinda.

Kalau dua pertiga daripada Ahli Parlimen yang ada pada hari ini bersetuju untuk meminda dan buang segala hak-hak itu daripada Perlembagaan. Jadi itu terpulanglah kepada kita, tetapi saya percaya iaitu bahawa perkara ini di kalangan orang Melayu di dalam Dewan Rakyat ini pun mereka belum lagi merasa tiba masanya untuk mereka meminda Perlembagaan

itu. Jadi sebab itu saya hendak menyebutkan di sini kalau hak itu merupakan hak saya, biarlah saya membuat keputusan bila saya hendak serah balik hak itu dan saya tidak mahu kepada hak itu bukan untuk orang lain yang memberitahu bahawa hak kamu itu mesti diserahkan.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ketua Pembangkang, saya menghormati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan tidak hormat Yang Berhormat Ipoh Timur tetapi sekarang ini tsunami.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya yang kita bahas peruntukan 153 ini sebab apa? Siapa yang pertikai kedudukan hak keistimewaan Melayu dan bumiputera, yang saya faham dok dengar yang UMNO ini dok menyorok di bahagian belakang itu sibuk apa benda? Hendak bahas bangun bahas, selepas itu bagi pahlawanlah. Ini yang jadi masalahnya. Ini seolah-olah dialog *with the death*. Apa maknanya? Tidak ada, saya hendak beritahu dalam Pakatan Rakyat ini termaktub tidak ada mempertikaikan peruntukan bahasa, agama, hak keistimewaan, yang dipertikaikan ialah usaha menggunakan beras, melebarkan, memperkaya segelintir, meminggir yang lain.

Soal hak keistimewaan Melayu 153 dan bumiputera Sabah Sarawak termaktub dan kita pertahankan. Bila dibangkitkan isu penganiayaan kepada orang Melayu majoriti miskin, peminggiran rakyat Sabah dan Sarawak yang majoriti, kita pertikaikan kerana kita anggap apa yang dilaksanakan sekarang ini mencabuli semangat yang disebut itu.

■1630

Jadi saya cuma hendak minta rakan saya menteri faham bahawa apa yang kita pertikaikan ini tidak sama sekali apa yang termaktub dalam Perlembagaan 153, kedudukan hak dan keistimewaan orang Melayu dan bumiputera. Apa yang kita bangkitkan ialah penyelewengan, rasuah dan peminggiran sebahagian besar rakyat Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jangan bimbang, saya faham. Yang tak faham itu Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Taiping, itu yang tak faham, itu masalah kita. [*Tepuk*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita faham.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya faham, Yang Berhormat jangan bimbang. Akan tetapi saya hendak sebut Yang Berhormat, saya setuju iaitu bahawa memang saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa ada perkara-perkara secara *isolation* ataupun tidak yang menyebabkan sebahagian besar daripada masyarakat Melayu itu dipinggirkan semata-mata untuk memperkayakan kroni, anak saudara, saya setuju.

Akan tetapi Yang Berhormat, marah nyamuk, jangan bakar kelambu. Jangan bakar kelambu sebab kalau kita marah satu, dua, tiga empat lima orang, kita bakar seluruh apa yang ada kepada kita. Itu orang Melayu kita telah nasihat, jangan bakar kelambu. Kita guna Mortien, kita *spraykan* nyamuk-nyamuk yang kita tak suka, yang mengkhianati Dasar Ekonomi Baru itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih. Saya ingat tak ada orang di sini yang nak bakar kelambu. Hanya masalahnya nyamuk yang menyamar sebagai kelambu. Itu yang masalah dia.

Saya rasa seperti mana yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi, tiada siapa yang mempertikaikan atau ingin membawa perubahan kepada Perlembagaan. Ini merupakan satu perkara yang jelas walhal Yang Berhormat Ipoh Timur pun tidak menyebut persoalan itu. [*Dewan riuh*] Akan tetapi persoalan yang telah dikemukakan ialah bagaimana istilah bumiputera ini telah digunakan untuk melaga-lagakan di kalangan rakyat.

Ini seperti mana yang telah disebut tadi persoalan HINDRAF, ini pun di antara isu yang ditimbulkan sedangkan apa yang telah dikemukakan oleh HINDRAF dan masyarakat India merupakan masalah yang *genuine*, dengan izin, yang dihadapi oleh masyarakat India. Tak ada sebab kenapa pihak kerajaan walaupun ingin mempertahankan hak orang Melayu kah, orang bumiputera dan sebagainya, tidak ada, sebab mengapa mereka perlu bertindak dan menggunakan isu HINDRAF ini untuk menimbulkan perasaan perkauman di kalangan orang Melayu dan orang India. Sebagai contoh isu majlis Hari Raya yang dianjurkan di PWTC, bagaimana ianya telah digunakan untuk menimbulkan kemarahan orang-orang Melayu beragama Islam terhadap orang-orang India yang mana telah datang kepada *open house* yang tak ada apa-apa masalah dan tidak apa-apa pencabulan atau pun penghinaan yang telah dilakukan oleh mereka terhadap majlis itu tetapi telah diapi-apikan.

Sikap dan tindakan untuk mengapi-apikan inilah yang merupakan sikap dan tindakan yang tidak bertanggungjawab yang sering kali digunakan oleh UMNO Barisan Nasional. Masalah ini tidak akan selesai kerana selagi mana *the real issues* dengan izin, tidak diatasi. Maka persoalan ini dan keadaan ini akan berterusan, lalu tidak boleh kita hendak larikan diri kita daripada hendak menangani masalah-masalah yang *genuine* yang dihadapi oleh masyarakat India kah, masyarakat bumiputera kah, masyarakat Sabah Sarawak kah dengan kita menggunakan hujah perkauman sebagai satu benteng yang seolah-olah memberikan satu gambaran bahawa orang Melayu begitu sensitif. Sentuh sedikit tidak boleh. Sedangkan *they have* dengan izin, *genuine problems which have to be addressed*.

Satu kerajaan yang bertanggungjawab akan mencari penyelesaian dan bukan menimbulkan masalah yang baru dan mengapi-apikan semangat perkauman. Inilah apa yang dilakukan oleh kerajaan, malangnya. Terima kasih.

Seorang Ahli: Sudahlah, mengarut sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh beza di antara kelambu dan nyamuk yang dianggap sebagai kelambu sebab mata kita cerah. Jadi yang nyamuk yang kata dia kelambu pun kita tahu dia nyamuk. Sebab itu kita memerintah pada hari ini, Yang Berhormat tidak memerintah. Jadi, dalam soal ini saya ingin mengatakan bahawa kalau kita mendiskriminasi terhadap Hindu, mengapa tunggu 51 tahun baru kita hendak *discriminate* dia? Sebab perkara diskriminasi itu tidak berbangkit. Masalah memang ada masalah. Bukan sahaja India, Melayu ada masalah, Cina ada masalah.

Jadi kepada kita dalam keadaan satu majlis yang mana kita mengadakan majlis *open house*, kita agak terkejut kerana bukan budaya orang timur kita termasuk India, Cina, Melayu di mana dalam *open house* itu mengambil kesempatan untuk membuat perkara yang tidak sepatutnya berlaku di mana kita membuka rumah kepada orang ramai. Ada masanya kalau hendak berjumpa, hendak hantar memorandum, hantarlah pada waktu dan ketikanya. Saya fahamlah Yang Berhormat parti Yang Berhormat pun baru belajar daripada kami. Dahulu tak boleh, India, Cina tak boleh berkawan, sekarang boleh berkawan. [*Dewan riuh*]

Sebenarnya konsep Barisan Nasional ini, kita dahulu, baru sahaja mereka terima. Akan tetapi maklumlah, sebagai orang kata, dalam keluarga pun, apa ibu bapa buat sepanjang umur kita membesar, oleh sebab kita selalu dapat daripada ibu bapa kita. Silap sedikit, marah, tapi kalau kita sedang berasmara, kalau kita punya pasangan buat salah pun, betul. Itu yang berlaku antara Pas sekarang ini dengan masyarakat India. Itu sahaja.

Jadi, saya hendak mengatakan tak payah hendak bagi tahu kepada kita macam mana kita harus bertindak atau pun mengambil pendekatan terhadap masyarakat yang bukan Islam atau pun masyarakat bukan Melayu. Apa yang kita lakukan selama 51 tahun itu daripada awal lagi, dalam kerajaan kita pada hari ini, walaupun tinggal tiga Parlimen MIC, kita tidak membayangkan di mana kerajaan Barisan Nasional Jemaah Menteriya tidak ada orang India. Sebab itu walaupun tiga, kita ambil juga. Itu dia.

Dalam pelantikan lain-lain pun kita tak tinggal. Hari ini ada tiga MIC yang bertanding, tiga menang bertanding, tiga-tiga kita ambil. Satu jadi Jemaah Menteri, dua timbalan menteri. Tak cukup dengan itu kita cari PPP lagi, dapat satu India lagi, lantik timbalan menteri. Cari Gerakan lagi, lantik satu menteri. Itu menunjukkan juga kita adil.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tapi kalau Yang Berhormat mari sebelah sini, nanti Yang Berhormat juga kita lantik jadi timbalan menteri. Jangan bimbang, sebab kita adil dengan masyarakat India. [*Disampuk*] Nantilah, ini pun India juga saya hendak bagi ini. Yang Berhormat Ipoh Barat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini satu penghinaan kepada MIC lah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menteri. Sebenarnya saya hairan dengan pendirian yang dibuat Yang Berhormat Menteri mengenai HINDRAF kerana dengan pendirian yang sedang dibuat menunjukkan bahawa penahanan mereka itu adalah berpatutan dan pengharaman itu pun berpatutan. Akan tetapi nampaknya MCA dan MIC tidak bersetuju dengan pandangan ini. Adakah ini pendirian sendiri ataupun pendirian Kabinet. Ini kerana saya fikir apa yang di *add in the media into the people at last*, dengan izin, negara ini oleh MIC, ketua-ketua MIC termasuk Ahli-ahli Parlimen yang duduk di sana, di belakang yang tidak ingin menunjukkan muka, semua ini memberi sokongan untuk membebaskan kelima-lima ketua-ketua HINDRAF dan juga pengharamannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S.K. Devamany]: Kalau hendak menghina bukan tempat ini untuk berhujah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *He's become deputy minister by chance.*

Tuan S.K. Devamany: Jangan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Because of the color, shortage of people they put you there. Just to hold coloring purposes. So you please sit down. [Tepuk]* Kita tak perlu dengar you punya suara.

Jadi, apakah ini pendirian berasingan Kabinet? Dalam hal ini adakah kerajaan akan melihat balik bahawa apa yang dibuat setakat ini terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan, *the adding point of demand of HINDRAF*, semua ini adalah perkara-perkara juga telah dibangkitkan oleh parti-parti politik, Ahli-ahli Parlimen berbangsa India terutamanya dan juga Ahli Parlimen dari Pakatan Rakyat. Maka masa sudah tiba supaya kerajaan jangan kita menghina kita kerana mereka terpinggir. Sekarang kita menghina mereka menyimpan ketua-ketua ini di ISA dan mengharamkan HINDRAF.

■1640

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dikatakan Kerajaan Barisan Nasional mengamalkan kebebasan bersuara dan demokrasi. Bermakna dalam Barisan Nasional parti boleh mengambil pendirian masing-masing tetapi apabila datang kepada mengambil kepada keputusan maka sudah tentulah apabila di bincang tentang perkara-perkara itu, maka setelah mendapat penjelasan, maka akhirnya satu keputusan diambil. Itu sahaja bukan macam DAP, orang lawan dia buang. Saya ingat itu Yang Berhormat Wangsa Maju, dulu DAP itu, kena buang pasal lawan. Sekarang apa maksud...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pandangan berbeza.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Lagi kuku besi rupanya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...DAP menerusi PKR...

Tuan Charles Santiago [Klang]: Tun Dr. Mahathir dah keluar UMNO kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Running away, running away.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Yang Berhormat Nibong Tebal yang dulu, lawan kena buang. Jadi, apa isunya ialah bahawa sememangnya ada keputusan yang dibuat oleh parti-parti komponen Barisan Nasional dalam hal-hal tertentu yang menunjukkan bahawa kita tidak cengkam orang kah, tidak boleh bercakap kah, mereka bebas mengambil pendirian parti mereka masing-masing. Akan tetapi apabila kita dalam mesyuarat ambil keputusan maka itulah keputusannya. Macam juga Ketua Pembangkang cakap tadi, bukan senang hendak jaga ini PKR ni. Macam-macam kepala ada Cina ada, India ada, masing-masing keluar kenyataan, tidak setuju ini, tidak setuju itu. Akan tetapi Yang Berhormat Ketua Pembangkang kata akhirnya berjumpa ambil satu keputusan tidak menolak apa yang ada pada orang Melayu. Macam itu lah juga, mengapa pembangkang buat boleh kita buat tidak boleh? Itu sahaja. Ya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Padang Rengas iktiraf Ketua Pembangkang sebagai pemimpin terbaik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada masalah. Saya hendak menyatakan itu bahawa apa yang kita buat, pembangkang buat juga. Jadi sama sahaja, sekarang ini kita lebih, kita memerintah, itu beza dia.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Bias, bias.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, DAP dikatakan membuang Yang Berhormat Wangsa Maju ya. Bagaimana dengan Yang Berhormat Tumpat? Yang dibuang daripada UMNO kerana membantah. Bagaimana Yang Berhormat Permatang Pauh? Jadi dua kali lima juga Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pasir Mas pun begitu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Pasir Mas pun begitu menteri. Yang Berhormat pun begitu juga, nasib Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya pun kena buang dulu. *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kenapa balik?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Mengaku nampak. Jangan mencelah banyak-banyak, kerana kalau dia mula menyalak susah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tapi sabar sahaja lah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri khususnya Pakatan Rakyat tidak ada pertikaian tentang peruntukan-peruntukan yang telah menjadi asas *constitutionalism* pada *constitution*. Sama ada Artikel 3, sama ada peruntukan 153, sama ada

121A, sama ada Senarai 2, *Schedule 9*, tidak ada pertikaian. Bahkan kita sepakat untuk menjunjung dan mendukung semua peruntukan-peruntukan sebagai asas Pakatan Rakyat. Persoalannya di sini Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri bercakap tentang nyamuk dan kelambu tadi.

Setelah 50 tahun da kita dapati suasana negara kita di dalam satu kancah perbalahan etnik yang kian meruncing. Pakatan Rakyat bersedia untuk kembali melihat perkara ini dan satu pendekatan yang *thinking out of the box*. Orang sudah tidak pakai kelambu Yang Berhormat Menteri, mungkin menteri masih pakai lagi kelambu. *You got to be able to think* dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kalau hendak cerita hal kelambu saya pun pandai Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jadi, persoalannya sekarang ini apakah Yang Berhormat Menteri bersedia menerima dalam suasana hari ini? Perlu kepada pendekatan yang dilihat di luar kotak perkauman dan politik perkauman khususnya setelah UMNO - Barisan Nasional mengalami tsunami politik pada 8 Mac yang lalu. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tak mengata sebelah sana, dia yang mengata kita. Jadi dua kali lima Yang Berhormat mengaku sendirilah, belah sana pun buat macam tu juga kan, tak apa lah, tapi yang bangkitnya sebelah sana sebab itu saya sebut. Kemudian Yang Berhormat kelambu ni jangan main-main Yang Berhormat. Di Afrika kita jangan hina, di Afrika ini Yang Berhormat tahu... *no, no* malaria mungkin datang balik, kita jangan main-main. *[Ketawa]*

Jangan kita buang satu perkara yang merupakan orang kata peribahasa Melayu kita yang lama, yang menjadi bimbingan kepada kita dalam kita hidup bermasyarakat. Ada baiknya peribahasa-peribahasa ini, sebab kita tinggal itulah menyebabkan kita menghadapi masalah.

Jadi, Yang Berhormat begini ya, saya sebenarnya saya satu suara sahaja daripada 222, yang bangkit bercakap itu bahawa kita PR tidak ada masalah sekali lagi seorang Ahli Parlimen Melayu yang, yang itu pun Melayu. Akan tetapi yang tidak faham ini Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Batu Gajah ini tak faham hendak suruh buang. Jadi, saya hendak dengar daripada mereka, yang lain saya tak mahu tanya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya bangun, saya bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...sebab Yang Berhormat Melayu. Jadi... Yang Berhormat nantilah. Kalau macam Ketua Pembangkang boleh la bangun saya terus duduk. Ini bukan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat kena ingat sikit ya. *[Ketawa]* Jadi, Yang Berhormat saya satu daripada 222, hari ini saya hendak bagi tahu kalau ada dua pertiga Ahli Parlimen daripada 222 ini. Pada ketika itu mereka merasakan *they should think out of the box, so be it*. Bukan bagi saya untuk menentukan iaitu bahawa kita pinda, kita buang, bukan bagi saya, kerana tanya pada saya, saya mahu pertahankan apa hak yang ada kepada bumiputera

dan Melayu dalam Perlembagaan. Akan tetapi kita tidak tahu mungkin 10 tahun daripada sekarang Melayu sudah lebih *confidence*, tak kuno macam saya, memakai baju Melayu lagi.

Jadi, mungkin pada ketika itu mereka memikirkan tidak perlu lagi, itu terpulang kepada mereka kerana itu merupakan generasi mereka. Akan tetapi saya percaya pada hari ini tidak dapat dua pertiga hendak pinda Perlembagaan ini, sebab saya merasakan Ahli Parlimen tidak kiralah daripada Barisan Nasional kah, daripada bukan Barisan kah kalau diusulkan supaya kita buang apa yang ada pada hak Melayu dengan mengadakan satu rang undang-undang pinda Perlembagaan. Saya kira tidak tercapai dua pertiga itu. Jadi, soal *thinking out the box*...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...tidak mengapalah, tak apa Yang Berhormat saya dah beri peluang, memang saya dalam hal keistimewaan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cadangan pinda Perlembagaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...tidak, saya bukan tak boleh pinda, boleh. Boleh tidak ada masalah tetapi terpulang kepada Ahli Parlimen untuk buang hak Melayu ini menerusi pindaan Perlembagaan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu saya kata saya sudah bagi tahu, saya kata *abuse* memang betul. Pepatah Melayu kata 'marah nyamuk jangan bakar kelambu'. Hendak bakar kelambu buat apa? Tangkap itu. Yang Berhormat nampak nyamuk macam kelambu, tembaklah, tidak ada masalah kepada kami.

Jadi, sebab itu kepada saya dalam hal ini sama ada *thinking out of the box* kah, *inside the box* kah. Pada saya biarlah saya *thinking in the box* asalkan hak keistimewaan orang Melayu pada waktu ini saya jadi wakil rakyat tidak akan dipinda, tanpa kita menjejaskan hak-hak orang Melayu. Ya Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. M. Jeyakumar Devarai [Sungai Siput]: Terima kasih menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyalah ada satu peribahasa Inggeris yang mengatakan *however bad the message* jangan tembak *messenger*. Jadi, dalam perkara ini di mana HINDRAF diharamkan dan pemimpin dia ditangkap di bawah ISA, bukan seolah kita tembak *messenger*. Jadi saya rasa untuk *handle* HINDRAF, untuk tengok dia punya masalah dan dia punya aduan, tak perlu kita pinda Perlembagaan, tak perlu.

Hak istimewa orang Melayu tidak perlu diturunkan untuk bincang dengan HINDRAF. Jadi saya rasa perkara itu lah *don't shoot the messenger*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, naskhah sahah dalam Parlimen ini ialah versi Melayu lah. Jadi, kalau ada perbezaan dari segi peribahasa yang bercanggah, peribahasa Melayu dengan peribahasa Inggeris, kita guna peribahasa Inggeris lah. Cuma Yang Berhormat, cuma Yang Berhormat, cuma Yang Berhormat, saya setuju *don't shoot*

the messenger memang betul, tapi kita sudah siasat. Kalau *messenger* yang betul pun orang tembak manusia ini, *Jesus Christ*, *messenger* yang betul tapi dibunuh juga.

Jadi dalam hal ini bermakna bagi kita, kita hendak lihat memang kita lihat dengan betul, pastikan bahawa mereka ini yang membawa mesej yang mengatakan iaitu bahawa masalah yang dihadapi oleh masyarakat itu.

■1650

Saya percaya kalau mesej itu disampaikan tanpa melanggar undang-undang kita, saya rasa tidak ada masalah. Akan tetapi masalahnya kalau cara penyampaian mesej itu pertamanya melanggar undang-undang, keduanya ada potensi untuk berlaku satu perkara yang lebih besar, yang sukar untuk ditangani kalau sekiranya mesej itu kerap kali dihantar dengan cara yang tidak tertib. Itu sahaja. Saya tak fikir kita mahu tembak *messenger* itu, tidak. Jadi kita lebih memikirkan yang lebih besar, kemungkinan-kemungkinan yang berlaku. Kalau sekiranya tindakan tidak diambil. Walaupun sebut tadi dengan izin, *threshold* kita punya kesabaran itu tinggi, bagi dia masa. Tolonglah jangan buat. Saya tengok polis *pleading*, tolonglah. Jangan buat, tetapi dia buat juga. Macam mana kita tidak ambil tindakan Yang Berhormat.

Saya percaya kalau *messenger* itu membawa mesej dengan cara yang tertib, betul, insya-Allah kita akan layani dengan cara yang betul. Akan tetapinya kalau datang dengan cara yang kurang sopan, melanggar tata tertib, sudah tentu kita terpaksa mengambil tindakan yang setimpal dengan apa yang mereka lakukan. Bukan kita mahu, kita tak mahu, saya tak mahu! Akan tetapi bagaimana nak mengelak kalau berkali-kali kita merayu dan tetap juga buat, maka saya kira sampai masanya suka atau tidak suka kita terpaksa ambil tindakan. Saya nak bagi Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap tahniah. Kita *enjoy debate* yang macam ini Yang Berhormat Menteri. Kita harap sesi penggulungan yang lain pun, menteri-menteri akan berdebat macam ini juga lah.

Polemik kita ini timbul bila Yang Berhormat Menteri lontarkan bahawa dasar-dasar yang berlangsung dalam negara ini bertolak daripada dua dikotomi iaitu bumiputera dan non-bumiputera. Yang Berhormat Menteri orang Melayu, saya pun orang Melayu juga. Tak salah sebenarnya kalau kita sayangkan bangsa kita. Yang Berhormat Menteri ya, tak salah langsung. Dalam Al-Quran pun ada lebih 50 ayat yang mula dengan "*Ya kaumi* " iaitu, wahai kaumKu ataupun bila Allah Taala sebut utus pada Rasul, Allah Taala sebut "*Illa Kaumika*" iaitu, kepada kaum engkau. Itu tiada masalah, bab itu.

Kita faham, Yang Berhormat Menteri pun faham soal itu. Yang kita bahaskan sekarang Yang Berhormat Menteri ialah, apakah kecintaan kepada bangsa kita itu sampai boleh kita menindas atau membelakangkan atau menidakkan hak orang lain. Perlembagaan satu bab, tetapi Perlembagaan bukanlah satu yang statik, ianya satu yang dinamik. Kalau sudah sampai seribu tahun, sejuta tahun tak boleh nak ubah, ini beku dan jumud namanya. Sebab itu saya fikir

isunya di sini ialah bangsa Melayu ini Yang Berhormat Menteri, saya berpendapat mulianya kerana agama. Kalau dia tinggal agama, tak ada apalah. Sebab itu Yang Berhormat Permatang Pauh tadi bangkitkan tak salah nak tolong Ahmad, nak tolong Abu Bakar, tak salah. Akan tetapi Ah Chong, Ah Kaw yang miskin dan tertinggal pun kena bantu. Ramasamy, Doraisamy, Mutusamy yang tertinggal pun kena bantu. Saya ingat yang itu pun ada. Bab itu pun ada dalam apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Saya berpendapat Yang Berhormat Menteri, perkara lebih pokok yang ditimbulkan tadi ialah membantu kaumnya sendiri tidak salah tetapi jangan sampai dalam membantu itu menindas, membelakangi dan menafikan hak kaum lain di negara kita. Itu isunya, tetapi kalau kita nak pertahankan dasar itu sekalipun, saya berpendapat bahawa yang kita tentang ialah bukan perkara yang telah termeterai, termaktub dalam Perlembagaan. Yang Berhormat Menteri pun mengaku tadi tiada khilaf bab ini antara kita. Akan tetapi dari sudut praktis dan amalannya, apabila pelaksanaan dasar itu memberikan keuntungan kepada segelintir, yang ini menjadi masalah. Sebab itu saya kata mulianya Melayu kerana agama.

Saya nak bagi dua contoh. Misal kata satu hari Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Singkatkan Yang Berhormat ya.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Menteri bagi *floor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu Yang Berhormat. Saya Pengerusi Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih. Saya mohon maaf. Saya bagi dua contoh nak tunjuk dekatnya kalau Melayu itu dengan agama, selesai masalah. Perdana Menteri yang bernama Umar Al-Khattab, Khalifah. Satu hari dia bagi pidato depan khalayak, tiba-tiba bangun seorang lelaki memberitahu, jangan kita dengar pidato Umar, selagi dia tak dapat terangkan dari mana kain yang dia buat jubahnya. Saya juga dapat kain itu sebab harta rampasan perang, tetapi kain yang saya dapat tak boleh buat jubah. Akan tetapi Umar hari ini pakai jubah baru. Sehingga dia terangkan dari mana dia dapat jubah itu, barulah kita boleh dengar pandangannya.

Umar kemudiannya beritahu anaknya, Abdullah bin Umar "Tolong terangkan". Anak dia kata "Bahagian aku, aku bagi kepada bapa aku, sebab itu bapa aku siap jubah". Bahagian lelaki itu tak cukup. Maknanya, moral cerita ini ialah pemimpin besar pun kamu tetapi kalau dipertikai atau pun dipersoalkan oleh khalayak ramai, tak ada cacat celanya dengar. Tak kena ISA pun ke atas lelaki yang mencabar Perdana Menteri ini. Kalaulah jubah boleh dipersoalkan oleh rakyat Yang Berhormat Menteri, apa lagi kalau hal pemberian saham, kontrak dan projek. Patut sangatlah rakyat persoalkan dan pemimpin jangan rasa terjejas dan terancam. Itu soal yang pertama.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua ialah Perdana Menteri juga yang namanya Umar Al-Khattab, masa pemerintahannya dia berkempen dasar pertanian. Dia galakkan rakyatnya bertani, utamakan pertanian, dia siapkan padang ragut untuk rakyat. Rakyatnya menternak binatang, bawa ke padang ragut yang disediakan oleh kerajaan. sampai di situ didapati binatang ternakan peliharaan anak Khalifah dah pun meragut di padang itu. Rakyat kompelin dengan Khalifah. “Kami bela binatang ternakan bagi menyahut dasar pertanian, tetapi bila kami pergi padang ragut kami dapati bahawa padang ragut itu anak kamu punya binatang dah pun makan habis dah”. Umar panggil anak dia, dan kata “Tolong jual binatang ini, dan duitnya masuk dalam Baitulmal, keuntungan masuk Baitulmal, duit modal ambil kepada kamu. Aku tak mahu kerana kamu anak aku, padang ragut aku buat untuk rakyat, kamu yang ambil”.

Moral cerita ini Yang Berhormat Menteri, tak salah dari sudut itu, tetapi kalau membelakangkan hak kepentingan ramai, itu dia, kisah dia. Yang Berhormat Batu Pahat pun tahu kisah ini dalam usrah kita dulu. La ni dia nampak macam celaru. Ertinya Yang Berhormat Menteri, persoalan saya pada Yang Berhormat Menteri ialah, kalau hal-hal yang macam itu pernah ada contohnya, kita nak ajak Dewan yang mulia ini tengok contoh-contoh itu. Saya yakin Yang Berhormat Menteri punyai integriti untuk bercakap bab ini sebab itu saya ajak berkongsi sama. Tak salah tolong bangsa sendiri. Yang salahnya ialah sambil tolong, tekan, tindas dan aniaya bangsa lain. Itu isunya. Terima kasih.

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, boleh minta laluan?

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Nanti saya jawab kejap. Yang Berhormat, tiada sebesar kuman pun perbezaan pandangan Yang Berhormat dengan saya... [Tepuk]

Tidak boleh tindas bangsa-bangsa lain. Ini saya nak menyatakan bahawa Kerajaan Barisan di sini tidak menindas bangsa lain. Saya nak beritahu, Yang Berhormat ada sebut, sebenarnya kalau Yang Berhormat lebih banyak tarbiah kepada rakan-rakan DAP dalam PR ini, tak ada masalah kita. Jadi apa Yang Berhormat cakap kepada saya itu macam khutbah kepada orang yang telah *converted* pun...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: MCA pun kata kena buli.

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Yang Berhormat sebut tentang kepentingan masyarakat, tindakan diambil terhadap Hindraf bukan kerana Perdana Menteri tertekan sebab kita baru menang. Boleh memerintah lima tahun lagi, tak tertekan pun...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Lepas itu tekan Perdana Menteri.

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tak tertekan pun. Ini sahabat... [Ketawa] Tidak tertekan pun iaitu bahawa apa yang dilakukan oleh Hindraf itu oleh kerana menteri rasa tertekan, tidak. Akan tetapi apa tindakan yang kita ambil ialah kerana menjaga kepentingan ramai. Sebab itu kita ambil tindakan sama sahaja. ISA ini tindakan kita

ambil kerana bimbang kita ialah potensi untuk berlaku satu perkara yang lebih besar yang boleh menjejaskan masyarakat yang lebih besar, yang Yang Berhormat sebut tadi. Sebab itu kita ambil tindakan. Jadi tidak ada sebenarnya orang kata ambil tindakan kerana benci kepada Yang Berhormat Padang Seraikah. Saya tidak benci kepada dia. Tidak ada sebab.

■ 1700

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa tidak ada sebab kerajaan ini yang dipilih oleh rakyat berbilang kaum mengambil tindakan untuk menindas kaum yang sokong dia dulu. Tidak. Saya boleh bagi jaminan walaupun sekarang. Walaupun sekarang. Sebenarnya pada hari ini kita terjejas sedikit daripada segi jumlah kerusi tapi ini bukan satu alasan untuk kita menindas bangsa lain. Pengundi saya bukan semua Melayu. Saya ada juga Cina dan India.

Jadi, saya belum gila lagi untuk mengambil tindakan yang boleh menyebabkan pengundi-pengundi Cina dan India tidak mengundi saya. Jadi Yang Berhormat jangan bimbang. Tindakan yang kita ambil ini ialah kerana ada potensi iaitu bahawa masyarakat yang lebih besar mungkin akan terjejas disabitkan kalau sekiranya kita tidak mengambil tindakan yang cepat untuk menghentikan perkara yang mempunyai kemungkinan menjadi perkara yang lebih besar.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan. Beri laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mahu bagi kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar tadi Ketua Pembangkang ada menyebut bahawa beliau tidak mempersoalkan apa yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan. Ini satu kenyataan yang kita rasa amat baik sekali. Akan tetapi walau macam mana pun, saya agak keliru bagaimana Ketua Pembangkang Permatang Pauh boleh mengiakan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur yang mempertikaikan dengan begitu jelas dan nyata sekali peruntukan di dalam Perlembagaan ini.

Saya hairan kenyataan yang begitu jelas dibuat oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tidak difahami oleh Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam ini telinga dia betul. Kena periksa doktor nampaknya ini. Saya rasa boleh kita pergi kepada Hansard. Apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur jelas sekali mempertikaikan apa yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan berhubung dengan hak-hak orang Melayu dan juga hak orang lain di dalam Perlembagaan. Itu satu perkara yang saya mahu sebut di sini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri.

Kedua, Yang Berhormat Menteri juga...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order. Point of Order 36(12)* yang sangat jelas bahawa Yang Berhormat sudah bukan saja mengelirukan dan membohong Dewan yang mulia. Tadi saya ada mahu berdiri untuk meminta penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri pun kata bahawa...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua bagi bercakap tidak Yang Berhormat Ipoh Timur ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. *Point of order.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, yang dia Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Point of order,* Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bahawa Yang Berhormat mengelirukan Dewan yang mulia ini, menyalahgunakan kedudukannya bahawa saya ada menyoal dan mencabar Perkara 153 dalam Perlembagaan. Saya tidak pernah buat begitu dan parti saya selama ini ada menyokong Perkara 153 dan sebab itu kita ada dalam Pakatan Rakyat bersetuju mengenai asas-asas pembinaan negara dan sebenarnya kalau rujuk kepada ucapan saya kali yang pertama ialah Februari atau Mac 1971, saya pun sudah jelaskan dengan terus terang bahawa parti DAP menyokong Perkara 153. Apa yang kita tidak bersetuju ialah penyalahgunaan Perkara 153 digunakan bukan untuk menolong semua orang Melayu tetapi untuk menolong kaum semacam Yang Berhormat. 'UMNOputra' kaya raya yang hisap darah kaum orang Melayu. Itulah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, baik Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hisap darah kaum Melayu. *[Mikrofon dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah. Baik, Yang Berhormat. Sudah. Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, saya belum. Boleh minta sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya belum lagi. Belum lagi Yang Berhormat. Duduk dulu. Duduk.

Apabila Yang Berhormat Ipoh Timur berucap tadi, saya tidak ada di dalam. Keputusan tidak boleh saya buat sekarang oleh kerana kita kena rujuk kepada Hansard, Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat bangkitkan tadi ialah berhubung dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur semasa penggulungan Yang Berhormat Menteri. Jadi saya tidak ada teks Hansard yang baru dibuat. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita kena gantung dulu keputusan

apa saja. Akan tetapi yang sebaiknya Yang Berhormat ialah jangan bangkit cerita yang tidak ada asas dahulu Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan Yang Berhormat. Jangan bantah saya punya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan tujuan saya mahu membantah tetapi mahu membetulkan. Kalau tidak, apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu betul. Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya bukan mengata Yang Berhormat salah. Apa yang saya kata saya tidak ada fakta. Itu saja. Duduk, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalah. Okey, kita tamatkan tajuk itu. Saya pergi kepada tajuk yang lain. *[Dewan riuh][Disampuk]*Duduklah, apa ini. Satu orang cakap, sepuluh orang mahu cakap.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat Pasir Salak yang membuat tuduhan sedemikian.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada tuduhan. Jangan dianggap sebagai saya lemah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengelirukan Dewan, selepas beliau membaca, mungkin Yang Berhormat Pasir Salak boleh menumpu ke dalam Dewan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Inilah putar belit DAP.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagaimana Hansard...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah Yang Berhormat. Dua-dua berhenti, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dua-dua berhenti Yang Berhormat. Apa yang saya kata tadi saya gantungkan dulu keputusan Yang Berhormat. Ini soalan bukan terus melupakan ataupun mengetepikan soalan ini. Yang Berhormat tidak dengar juga. Sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalah bukan kerana saya kata saya tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Betul, Yang Berhormat. Sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi saya hendak sambung kepada tajuk lain supaya keadaan aman. Itu saja. *[Dewan riuh]* iaitu berhubung dengan HINDRAF.

Berhubung dengan HINDRAF ini Tuan Yang di-Pertua, bukannya soal mereka datang setakat ke perjumpaan Hari Raya. Mereka menuduh membenci orang Melayu. Dengar membenci orang Melayu dan juga mengutuk orang Melayu dan pergi keluar negara, cuba mahu mendapatkan sokongan daripada kerajaan dan pihak-pihak tertentu di India untuk menggulingkan kerajaan di sini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini apa? Apa yang telah dilakukan oleh HINDRAF ini bukannya perbuatan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Serai bangun. *Point of order* Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Apa point of order, point of order?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dengar juga sebelah sini tadi, Yang Berhormat. Saya dengar semua. Yang Berhormat duduk dulu. Kalau Yang Berhormat mahu cakap, lepas itu Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua. Duduklah dulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Mana peraturannya?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: 36. Peraturan 36.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: 36 apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: 36(12).

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduklah Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduklah, Yang Berhormat Padang Serai. Bagi *chancelah* saya bercakap! Bagi *chancelah* saya bercakap!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apalah. Yang Berhormat Padang Serai, duduklah. Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat Padang Serai! Kita kena tidak begitu sensitif sangatlah. Kalau kita dengar yang sebelah cakap macam itu, yang sebelah cakap macam itu. Kita sikit saja kena. Kita sudah mahu berleter.

Selepas itu kalau sebelah itu bercakap, kita pun buat macam itu. Jadi masalahlah. Kerja tidak boleh buat. Jadi kita dengar dulu. Dengar dulu dia bercakap. Kalau dia tidak boleh, katakan tidak boleh. Kita akan buat *ruling*. Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap secara aman dan tenteram. Ini apa saya bercakap dengan elok pun, huh! Bagi *chancelah* saya bercakap. Ini soal HINDRAF. Soal HINDRAF. Ini rentetan di atas apa yang telah dilakukan oleh mereka yang menimbulkan keadaan yang boleh membawa kepada tergugatnya keselamatan dan ketenteraman awam.

■ 1710

Wakil rakyat dari Padang Serai, dia bukan orang Melayu, dia tidak rasa apa yang HINDRAF buat, kita orang Melayu merasakan, orang Melayu marah, orang Islam marah, mungkin orang Melayu ada dua tiga kerat tidak marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa, bila saya bercakap peraturan itu, peraturan ini, blog sana, blog sini, apa ini?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(12), "Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada mengelirukan, apa yang mengelirukan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, minta dia duduk Tuan Yang di-Pertua, duduk dulu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apabila peraturan dibangkitkan Yang Berhormat, kena duduk dulu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak bangkitkan Perkara 36(12) di mana, "Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan sebagai menghina Majlis.", Yang Berhormat Pasir Salak menyebut bahawa HINDRAF menimbulkan kebencian terhadap pemimpin-pemimpin Melayu, HINDRAF dia menghina pemimpin Melayu yang rasuah, HINDRAF menghina pemimpin Melayu UMNO yang rakus dan zalim..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cukuplah tu, Tuan Yang di-Pertua, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat cukuplah.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Itu menyelewengkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada cerita rasuah, Yang Berhormat Pasir Salak carilah benda yang boleh menteri jawab. *[Ketawa]* Yang Berhormat Pasir Salak, duduk dulu ada usul daripada menteri

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 malam ini. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 30 Oktober 2008.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang telah dikemukakan hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak, kita berhentilah soalan itu Yang Berhormat Pasir Salak, dah banyak sangat cerita itu dah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terkilan dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, sebab apa, pihak kami berada dalam keadaan *disadvantage* dengan izin, setiap kali kita nak menjawab apa yang dibangkitkan pihak pembangkang, kita disekat, disekat, disekat, bagaimana kita hendak jawab, kalau macam ini saya tidak setuju, kalau Tuan Yang di-Pertua, nak ambil tindakan kepada saya pun, ambillah. Betul, ambillah. [*Dewan riuh*] Ambil, *come on let's be fair* dengan izin, *you* dengar ini, dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat, memang macam tu Yang Berhormat

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak hairan dengan parti pembangkang, *but give us a chance to reply*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya nak menjawab soal yang dibangkitkan, soal penindasan kepada kaum India...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Menteri yang jawab, Yang Berhormat .

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Inilah, tengok dia orang buat macam-macam Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi *chance*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak Yang Berhormat, itu tidak diterima Yang Berhormat, itu tidak diterima, saya tidak membenarkan Yang Berhormat..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Macam mana boleh kata penindasan kepada kaum India dan Cina, negara ini siapa yang menguasai? Ekonomi siapa yang menguasai? Saya nak tanya, saya nak tanya siapa yang menguasai ekonomi dalam negara kita ini? Berapa peratus ekonomi ini dikuasai oleh orang Melayu? Yang dikatakan kita menindas, kerajaan menindas..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi kita menjawab dulu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak, cukuplah, menterilah yang jawab Yang Berhormat..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak mahu duduk kalau macam ini punya perangai, ini dia perangai ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. [*Dewan riu*] Yang lain bising la, berhentilah bising Yang Berhormat, Yang Berhormat minta tolong perangai macam orang tua Yang Berhormat, wakil-wakil Yang Berhormat, saya pun hairan Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai, duduklah, saya tahu bila orang melawan saya Yang Berhormat, macam orang Yang Berhormat juga itu. Duduk Yang Berhormat, tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Menteri punya jawapan, kita ada 27 kementerian nak jawab ni, sila menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu menyatakan bahawa kini muncul kumpulan yang mencabar Islam yang menjejaskan kestabilan politik dan keharmonian negara serta mencadangkan supaya diadakan dialog antara agama untuk menyelesaikan perkara ini, untuk makluman Yang Berhormat agama Islam adalah agama rasmi, agama Persekutuan, namun kebebasan agama adalah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, dalam hal ini prinsip toleransi antara agama dan kaum menjadi tunggak perpaduan yang diamalkan di Malaysia, sebarang kegiatan yang mencabar kedudukan Islam merupakan aktiviti tidak bertanggungjawab dan setakat ini hanya dilakukan oleh kumpulan tertentu yang juga merupakan kumpulan yang amat minoriti di negara ini. Kerajaan mempunyai undang-undang spesifik untuk digunakan bagi membanteras kegiatan yang boleh menjejaskan kestabilan politik dan keharmonian negara.

Selain itu kerajaan juga berusaha untuk menyemai nilai-nilai murni agama Islam seperti hormat-menghormati, sopan santun dan tolong-menolong di kalangan umatNya melalui program-

program perpaduan rakyat, nilai-nilai universal ini di negara sejagat yang juga dikongsi bersama dengan semua agama lain membolehkan usaha-usaha terus dilakukan untuk meningkatkan kesefahaman dan perpaduan, setakat ini kedua-dua pendekatan ini telah berjaya untuk mewujudkan suasana politik yang stabil dan keharmonian antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Marang menyatakan bahawa kerajaan kini mengalami krisis keyakinan dan kepimpinan disebabkan tiada langkah-langkah konkrit diambil ke atas Badan Pencegah Rasuah, Badan Kehakiman, Suruhanjaya Pilihan Raya, SUHAKAM dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1990.

Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya bukan kerajaan tetapi pembangkang yang menghadapi krisis, kenyataan kononnya kerajaan menghadapi krisis keyakinan dan kepimpinan ini dibuat berulang kali walaupun nyata sekali kerajaan Barisan Nasional yang diberi mandat oleh rakyat untuk mentadbir terus kukuh dan stabil. Sebenarnya ini taktik lapuk pembangkang untuk mengalih perhatian rakyat daripada kemelut politik yang mereka hadapi, mereka terdesak kerana rakyat telah hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap mereka yang terus membuat pembohongan demi pembohongan.

Yang Berhormat Gombak, Ipoh Barat dan Batu menyentuh mengenai penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan berterima kasih di atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada usaha-usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut dan diharap Ahli-ahli Yang Berhormat ikhlas menyokong rang undang-undang berkenaan yang akan di bentang sedikit masa lagi.

■1720

Mengenai pelantikan hakim-hakim, Yang Berhormat, tahun 1998 semasa duduk sebagai timbalan menteri telah mengatakan bahawa satu Hakim Mahkamah Tinggi akan dilantik ke Telok Intan. Itu tahun 1998 di mana satu Mahkamah Tinggi pun telah dibina. Jadi soalan hari itu saya tanya dengan spesifik kenapa sehingga hari ini tidak ada pelantikan dan kenapa kekosongan hakim-hakim di Mahkamah Tinggi belum lagi dipenuhi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tentang perkara itu dan sebenarnya pada hari ini pun mereka belum lagi memberikan jawapan. Insya-Allah saya akan sediakan jawapan untuk Yang Berhormat. Mungkin ada sebab-sebab tertentu yang luar pengetahuan saya. Kemudian berkenaan dengan rang undang-undang...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Rang undang-undang berkenaan dengan pelantikan hakim. Yang Berhormat, saya tidak boleh memberi sebelum kita membuat bacaan pertama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini kerana prosedur kita ialah kita memberikan *public knowledge* tentang sesuatu rang undang-undang itu selepas *first reading* iaitu Ahli Parlimen hendaklah diberikan *the first side of the bill*. Jadi dalam perbincangan seperti biasa prosedurnya kita sediakan rang undang-undang kemudian baru kita buat *first reading*.

Kalau saya kira pihak kerajaan mengadakan perundingan terus dengan ahli-ahli pembangkang bermakna tidak akan ada perbahasan. Yang Berhormat sudah tahu apa yang akan dibentang dan ianya telah dipersetujui oleh kita semua dan perkara itu tidak perlu dibahaskan lagi. Jadi untuk memastikan supaya kita ada perbahasan, sebab itu rang undang-undang itu disediakan dan hanya dibahaskan setelah berlaku *first reading*. Sebab itu kita tidak menzahirkan kepada *public*, rang undang-undang disediakan oleh kerajaan. Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bercakap dari konteks Yang Berhormat sebut tadi tentang memulihkan sistem kehakiman. Baru-baru ini bekas Menteri di JPM Senator Datuk Zaid Ibrahim telah membuat satu inisiatif iaitu memberikan bayaran ex gratia kepada beberapa orang bekas hakim yang menjadi mangsa kepada satu krisis kehakiman satu waktu dulu.

Waktu perbahasan dalam sesi lepas beliau walaupun diasak oleh Yang Berhormat daripada belah sini, beliau enggan untuk memperjelaskan berapakah jumlah yang diberikan kepada bekas-bekas hakim ini. Saya rasa Parlimen berhak tahu sebab ini merupakan wang rakyat, wang pembayaran cukai. Jadi bolehkah Yang Berhormat yang telah menggantikan tempat beliau ini pada petang ini dalam Dewan yang mulia ini memberitahu kepada rakyat berapakah jumlah sebenarnya wang kerajaan yang telah digunakan untuk memulihkan krisis kehakiman ini dan supaya ia jelas dan telus untuk pengetahuan kami semua. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya semak jawapan yang telah dibuat oleh menteri pada ketika itu dan beliau telah mengatakan itu bahawa atas alasan menghormati kehendak keluarga yang menerima wang itu maka ianya tidak boleh dizahirkan di sini. Jadi saya juga telah pun menyemak ucapan saya pada hari ini pun tidak ada sebenarnya jawapan berkenaan dengan berapa jumlah yang telah dibayarkan. Saya percaya iaitu bahawa perkara ini sudah tentulah menarik perhatian daripada Ahli-ahli Parlimen dan saya akan berusaha untuk mencuba mendapat jawapan ini secepat mungkin.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tidak payah membela sayalah. Jangan laga-lagakan saya dengan orang lain ya? Yang pentingnya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, saya juga telah bangkitkan beberapa kali dah di dalam Dewan ini. Sesi yang lepas juga kita pun telah bangkitkan perkara ini terhadap menteri yang dulu.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudahlah, duduklah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sekarang ini menteri...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduk, duduk.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Janganlah kacau.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tadi kacau saya. Duduk! Duduk! Duduk!

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kena gantunglah ini.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tadi saya kena kacau sekarang duduk! Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya kena kacau, sekarang duduk!

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya kesian dia.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduk!

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kesian dia.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Deliver some people to hospital. [Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduk! Duduk! *Please* duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Yes, continue* Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jangan buat macam ini Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri pun tahu daripada sesi yang lepas kita telah menyoal menteri undang-undang masa itu yang telah letak jawatanlah sekarang ini. So sekarang ini kata lebih baik menteri ini, yang baru terbaru ini lebih baik. Nampaknya dua kali lima juga. Tidak jawab. Pada masa menteri dulu kata tidak boleh jawab oleh kerana sulit. Keluarga mereka tidak beri keizinan. Wang ini bukan wang Yang Berhormat Menteri, bukan menteri yang dahulu, bukan wang Perdana Menteri, bukan wang UMNO. Ini wang rakyat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini apa ini UMNO, UMNO ini?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang sentiasa saya tekankan di sini bahawa *no taxation without representation*. Kalau tidak mahu beritahu rakyat, jangan ambil wang rakyat. Memberi kepada hakim itu. Memang kita setuju untuk memberi pampasan kepada lima hakim-hakim itu. Saya setuju kita perlu memberikan pencen yang mereka sudah hilang memberi pampasan. Yang kita perlu tahu di sini berapakah yang dibayar kepada mereka? Ini apa, sulit?

Jawapan itu akan mengancamkan keselamatan negara? Memang tidak akan, mungkin akan mengancamkan kedudukan Yang Berhormat Menteri sendiri ataupun Perdana Menteri oleh kerana memberikan pampasan yang lebih banyak. Saya cabar di sini Yang Berhormat Menteri berani menafikan di sini bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Pampasan diberikan kepada hakim...

Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: Yang Berhormat Wangsa Maju duduklah, buang masa.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduklah. Dulu sudah bangkit dah itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...duit daripada RM4 juta. Betul atau tidak? Beranikah menafikan perkara ini? Berani ke tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Seorang hakim diberi lebih daripada RM4 juta dan hakim yang lain kemungkinan lebih daripada pencen yang mereka sepatutnya dibayar. Berani sekarang kata tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik-baik Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Berani tidak? Jawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah berapa kali ulang itu Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia tidak mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya bukan itu Yang Berhormat. Dalam peraturan mengatakan jangan berulang-ulang bertanya Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bukan. Dia tidak mahu jawab.

Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: Duduklah menteri hendak jawab. Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dalam peraturan 37(2) Yang Berhormat, Menteri berhak tidak menjawab apa-apa benda pun Yang Berhormat. Jadi hak orang kena dengar juga Yang Berhormat. Jangan hak kita sendiri sahaja bercakap boleh. Duduk Yang Berhormat ya. Yang Berhormat seorang peguam, saya mengetahui.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri dia dapat gaji untuk beri jawapan. Ini sesi soal jawab bajet dan juga ini kerajaan sentiasa kata kerajaan yang terbuka, *open government*, reformasi. Sekarang hendak *reform* 5 bulan? Sudahlah nak *reform* apa lagi. Jawapan yang begini pun tidak boleh jawab. Tutup kedailah. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ia bukan soal berani atau tidak berani. Saya pun tidak tahu. Kalau saya tahu, saya boleh jawablah. Saya tidak tahu. Saya harap Yang Berhormat cadangkan kepada Perdana Menteri suruh buang saya, sebab saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Wangsa Maju ada batasan yang tertentu dalam Dewan ini.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia mesti letak jawatan kerana menteri yang dulu letak jawatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sekarang dia perlu letak jawatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada batasan-batasan tertentu yang kita kena perhatikan ataupun kita kena terima dan kita kena *observe* dengan izin Yang Berhormat di Dewan ini. Jadi cara-cara Yang Berhormat itu, kalau dia hendak jawab pun dia tidak jadi jawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Cara dia untuk menafikan itu pun dia tidak berani.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak tahu, kalau saya tahu saya boleh jawab sebab ini tidak tahu Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini semua naik tocang ini. Bagi peluang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh barat tadi ada tanya berkenaan dengan pelantikan Mahkamah Sesyen ya? Hakim Mahkamah Sesyen? Bukan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, Mahkamah Tinggi.

■1730

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jangan, jangan. Jangan tukar tajuk. Yang Berhormat Menteri jangan tukar tajuk, jangan tukar tajuk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan soal *ex gratia* kepada hakim-hakim ini, saya pun agak hairan juga bagaimana Yang Berhormat Menteri kata dia tidak tahu berapa jumlah yang dibayar sebab bagi saya bahawa sudah tentu keputusan itu, berapa jumlah yang hendak dibayar mesti dibuat dalam Kabinet.

Tidak tahulah sama ada Yang Berhormat tertidur, terlena, wallahu 'alam. Tetapi ini persoalan-persoalan, persetujuan dan keputusan Kabinet. Adakah keputusan Kabinet itu supaya setiap anggota Kabinet mesti merahsiakan jumlah pemberian yang diberikan kepada rakyat ini. Jadi berterus-teranglah, kalau rahsia, rahsialah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiande) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita membuat keputusan untuk bersetuju supaya hakim-hakim yang berkenaan itu diberikan bayaran apa yang dianggap sebagai *due to them*. Itu keputusan dasar. Dalam Jemaah Menteri kita selalu membuat keputusan dasar iaitu untuk membayar, tetapi *detailnya* kita tidak tahu berapa sebab pengiraan itu dibuat oleh pihak Setiausaha Kabinet, Bahagian Pencen, jadi saya tidak mahu dalam Dewan ini saya kena cakap betul, kalau saya tidak tahu saya cakap saya tidak tahu. Saya tidak boleh mengambil satu jumlah daripada angin dan mengatakan itu sebagai jawapan kerana saya akan menipu Dewan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Boleh Yang Berhormat beri tempoh ataupun bawa jawapan itu secara terbuka di sini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oleh kerana desakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kira bukan sahaja daripada pihak pembangkang, daripada pihak kerajaan pun mereka ingin tahu berapa sebenarnya dibayar. Saya telah menyemak dalam jawapan saya di sini tidak ada jawapan dan sebenarnya saya tidak tahu, tetapi saya akan usaha dan ikhtiar untuk mendapat jawapan secepat mungkin yang boleh. Tengoklah saya akan terpaksa menghubungi pejabat semula.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Balik Pulau.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Wangsa Maju tidak payah bagi lagilah.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Asyik Yang Berhormat Balik Pulau sahaja.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sesekali orang muda diberi peluang, cari pengalaman. Yang Berhormat Menteri, dipihak saya sebenarnya saya bukan sangat berminat mengenai jumlah wang Yang Berhormat Menteri, dan saya berterima kasih kerana mempunyai satu keterbukaan membuat pengakuan bahawa beberapa perkara Yang Berhormat Menteri tidak tahu, terima kasih. Akan tetapi di sini saya lebih berminat kerana saya menyokong apa-apa usaha untuk mengembalikan kepercayaan rakyat kepada sistem terutama di sini sistem iaitu kehakiman.

Di sini yang terutamanya saya ingin bangkitkan kalau boleh dijelaskan ialah seperti yang dikatakan tadi, adakah menteri yang dahulu membuat inisiatif itu merupakan satu inisiatif mandat kerajaan mempunyai iltizam untuk mengembalikan keyakinan kerana seolah-olah apabila wang

berapa tidak dijelaskan, tiada *accountability* seolah-olah merupakan satu inisiatif peribadi dan saya rasa rakyat perlu tahu dan saya rasa seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi, mungkin Yang Berhormat Menteri terpaksa mengambil alih portfolio itu. Jadi saya rasa masa perlu diberikan kepada Yang Berhormat Menteri tetapi perlu menjelaskan dengan spesifik dengan apa cara sekalipun kepada masyarakat supaya yang dikembalikan ialah maruah kehakiman negara.

Jumlah duit bagi saya bukan satu perkara yang diimpikan oleh masyarakat. Masyarakat mahukan keyakinan itu kembali seperti yang sedia ada dahulu. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya kalau ditekan bagaimana sekalipun saya tidak mempunyai jumlah yang dibayar dan saya tidak boleh menjawab dengan tepat dan saya tidak berhasrat untuk *mislead*, dengan izin di dalam Parlimen. Sebab itu saya tidak boleh menjawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai pelantikan Ketua Hakim baru-baru ini. Bukankah bahawa jaminan janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk *judicial reform* bukan bermula pada 8 Oktober hari Mesyuarat UMNO Supreme Council di mana dia dipaksa untuk undur dalam enam bulan, tetapi itu pun bukan daripada 8 Mac dapat satu berita tsunami teruk, tetapi balik kepada masa beliau menjadi Perdana Menteri khususnya dalam pilihan raya besar 2004, ada *judicial reform* antara lain.

Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu selepas *election* Mac 2008 bahawa dia perlu melaksanakan *judicial reform*, kenapa dalam pelantikan Ketua Hakim, sungguhpun belum ada akta yang baru dikemukakan, tetapi bukannya *spirit* atau semangat *reform* lebih mustahak daripada *the letter*, persuratan *reform*. Kenapa proses *consultation* tidak ada diguna pakai khususnya *consultation* dengan Bar Council dan lain-lain.

Mengenai menamakan seorang Ketua Hakim, oleh kerana sebenarnya 20 tahun sebelum ini perkara dalam Perlembagaan yang sama tetapi proses untuk melantik Ketua Hakim atau hakim-hakim jawatan yang tertinggi adalah melalui satu proses *consultation* dengan *stakeholders* yang terlibat dan ini tidak boleh diguna sebagai alasan kenapa ini tidak digunakan.

Bukankah ini menunjukkan bahawa tidak ada sebenarnya *political commitment*, mengatakan *judicial reform* dan kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sekurang-kurangnya ada dua tahun bahawa *Federal Court* tidak membayangkan satu ciri yang mustahak ialah *multi racial* dan ada dua tahun tidak ada seorang hakim Tionghoa. Bukankah ini perlu diambil perhatian supaya kita ada khususnya *Federal Court* yang tertinggi, sistem tertinggi kehakiman ialah membayangkan *multi racial characteristic* di Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya iaitu kalau sekiranya sekalipun *Federal Court* itu tidak melambangkan *multi racial*, saya percaya ia bukan hasrat untuk hendak menidakkan hakim-hakim Malaysia yang lain daripada memegang jawatan yang tinggi itu, itu saya punya pandanganlah, tetapi saya percaya dan saya juga

bersetuju iaitu mana-mana bukan sahaja dalam *judiciary*, dalam mana-mana badan sekalipun adalah penting untuk menampakkan multi *racialism* yang wujud di negara kita.

Saya insya-Allah berusaha untuk memberikan input ini setiap kali kalau sekiranya ada kekosongan. Sedikit sebanyak peranan yang boleh dimainkan oleh saya selaku menteri, saya akan mengingatkan setiap kali supaya mesti menampakkan *multi racialism* di dalam *judiciary* itu dan saya merasakan biar lambat asalkan selamat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta jalan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya faham Yang Berhormat seorang yang cukup *resilient*, yang tidak sabar-sabar kerana masa telah terlalu lama diambil, tetapi kepada saya yang penting ialah kita sampai kepada destinasi itu dan saya insya-Allah bagi jaminan, iaitu bahawa sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyerahkan tanggungjawabnya kepada Yang Berhormat Pekan, insya-Allah apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat selama hari ini akan dilaksanakan, kalau ianya tidak ditolak oleh pembangkanglah. [Disampuk] Ya, tidak mengapalah kalau sudah ada *letter*, *spirit* sudah tidak pentinglah, yang penting, yang *letter* sudah wujud.

Jadi saya berjanji dan saya percaya bahawa iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *walk to his talk*, dia terlambat mungkin itu satu perkara yang tidak dapat diatasi lagi, tetapi yang penting insya-Allah *we shall arrive a new destination*. Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Subang, ya betul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi Yang Berhormat Subang, pasal tadi duduk di sebelah Ketua Pembangkang, saya silap. Okey.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya ingin berbalik kepada tajuk rang undang-undang untuk Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri apabila menjawab Yang Berhormat Ipoh Barat yang meminta bahawa rang undang-undang itu dikemukakan lebih awal dan dibincangkan di ruang umum, *in the public arena*, dengan izin.

Yang Berhormat Menteri menjawab itu tidak boleh ia dilakukan, rang undang-undang itu akan dilihat apabila bacaan yang pertama dibuat dalam Dewan ini.

■1740

Itu yang saya ingin bangkit dan minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Bagi saya, saya ingin utarakan pandangan bahawa itu bukan satu pendirian yang wajar dan kita perlu ubah pendirian itu. Kalau kita mahu memerintah negara ini secara telus dan bertanggungjawab, bukankah lebih wajar kita kemukakan rang undang-undang itu lebih awal, dilihat oleh *public* atau orang awam, dibincangkan oleh badan-badan yang berkenaan yang ada kepentingan seperti *Bar Council* dan mungkin *civil society* dengan izin dan dengan itu kita ada satu proses yang lebih bermakna dan juga ada masa yang lebih panjang untuk Dewan ini untuk

meneliti rang undang-undang itu dan akhirnya kita akan dapat satu produk yang lebih baik dan cara yang kita buat sekarang, kita tidak dapat itu.

Sekarang kita dapat satu proses di mana rang undang-undang dibentangkan dan tergesa-gesa diluluskan dengan masa yang singkat dan ini yang kita akan lakukan dengan rang undang-undang ini sebab saya difahamkan ada cadangan untuk meluluskan dalam mesyuarat ini juga. Ini bukan satu institusi yang kecil, ini sangat penting. Satu suruhanjaya untuk melantik hakim-hakim yang kita akan lakukan untuk kali pertama dalam sejarah negara kita.

Jadi, cadangan saya Yang Berhormat Menteri adalah patutkah kita menghentikan amalan ini dan kita tukar sebab setiap rang undang-undang, bukan ini saja, setiap rang undang-undang adalah perkara yang penting. Kita ketika itu perlu ada satu proses yang lebih teluslah dan bukan saja kita dapat melihat kandungannya yang baru selepas bacaan kali pertama. Kalau kita nak buat Parlimen ini setanding dengan parlimen-parlimen di negara lain, di negara moden, itulah amalan mereka. Mereka bantangkan lebih awal, lepas itu rang undang-undang itu diberikan kepada orang umum dan ada proses yang agak panjang tapi akhirnya lebih bermakna.

Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, bolehkah kita tukar, kita tukar sekarang. Kita tukar amalan itu dan kita bermula daripada sekarang, kita bantangkan lebih awal, kita bagi masa lebih panjang dan jangan kita tergesa-gesa melakukan sesuatu supaya agenda untuk seseorang yang dikatakan *reform* dilakukan dalam masa empat minggu-lima minggu ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dapat input daripada semua *state players*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hadapi masalah sebab ada kuat hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Subang tapi kalau saya membuat amalan yang baru, dia pula akan bercanggah dengan apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Ipoh Timur yang mahukan supaya *you know, the Prime Minister walk his talk*. Bermakna iaitu bahawa dia mesti diadakan sebelum Perdana Menteri melepaskan jawatannya. Jadi, kita hanya ada lapan hari...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Lepaskan atau

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa cakap? Saya tak dengar, tak nampak.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lain kali berdirilah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tanya, lepaskan atau ditolak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, tak. Tidak ditolak keluar. Budaya Melayu kita...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Budaya UMNO tolak, tangkap, tendang, bukan budaya UMNO?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan budaya kitalah. Kita hormat pemimpin, kita hormat pemimpin.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...adalah menolak keluar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, kita tak tolak keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, cukup Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mungkin budaya MIC saya tak tahulah kerana Yang Berhormat ditendang keluar daripada MIC kan?

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [*Menyampuk*] Tak tolak, suruh *keluaq je*.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...sudah jadi sejarah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak apalah, mungkin masyarakat di dalam MIC tak tahu tapi dalam UMNO, kita menghormati pemimpin kita. Jadi Yang Berhormat, saya mengambil berat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Mungkin rang undang-undang yang akan datang ini saya cuba, selaku menteri yang bertanggungjawab pada Parlimen untuk mengadakan perkara ini tapi kita kena lihat daripada semua segi. Saya takut dan bimbang kita terikat dengan OSA pula kerana satu perkara yang belum lagi diberikan *first sight of the bill* kepada Ahli Parlimen, mungkin Ahli-ahli Parlimen pula merasakan mereka dibelakangkan dan mereka tidak diberikan layanan yang sepatutnya kepada Ahli Yang Berhormat. Mengapa orang ramai lebih mengetahui daripada kita sebelum kita tahu.

Jadi ini perlu kita pertimbangkan juga namun Yang Berhormat, memang ada rundingan. Saya tahu iaitu bahawa rundingan ada di antara Pejabat Perdana Menteri dengan *The Bar Council* dalam perkara seperti ini. Jadi sebab itu kita lihat ada setengah-setengah daripada ahli *Bar Council* menyokong dan ada yang tidak menyokong kerana mereka sudah mengetahui tapi yang penting, tidak semestinya apabila kita mengadakan rundingan maka segala apa yang diminta oleh *the various stake holder* itu merupakan perkara yang harus diterima oleh kerajaan. Ha, nak cakap lagi?

Tuan R.Sivarasa [Subang]: [*Bangun*]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju bangun Yang Berhormat.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Boleh saya mencelah sikit lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sivarasa.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Isu saya bukan permintaan daripada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Maaf ya, terpanggil nama. Sepatutnya panggil nama kawasan. Ya, sila.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu permintaan daripada mana-mana pihak bukan isu saya Yang Berhormat Menteri. Isu saya adalah proses perundingan, *consultation* yang bermakna, itu isu saya. Bagi saya, tidak ada masalah kita bagi pada Dewan, setiap Ahli Parlimen dan juga kepada *public*. Itu tak ada masalah, pada masa yang sama. Selepas masa yang sesuai untuk mendapat pendapat daripada semua pihak, perundingan dan sebagainya, lepas itu kita buat *final* produk iaitu akta itu, rang itu baru kita buat bacaan kali pertama di sini. Itu maksud saya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya. Saya tidak ada masalah,

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Sebentar, sikit saja. Isu OSA saya rasa bukan satu isu halangan yang besar. OSA boleh dikecualikan bila-bila pun oleh Kabinet, Jemaah Menteri boleh buat keputusan. So itu bukan satu halangan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertama sekali kita harus atasi, apa Yang Berhormat fikirkan itu mungkin pandangan Yang Berhormat seorang ataupun lima, enam ataupun sepuluh orang. Mungkin yang majoriti merasakan itu bahawa mereka tidak mahu tentang perkara ini. Jadi, yang pertama saya perlu hormati ialah pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kalau sekiranya berlaku di mana - saya tidak bercakap tentang rundingan sebelumnya rang undang-undang itu disediakan, saya bercakap tentang rang undang-undang itu sudah pun disediakan. Apakah Ahli Parlimen yang sepatutnya mendapat *the first sight of the bill* dengan izin ataupun diberikan kepada *public*.

Ha ini perkara yang harus kita selesaikan dahulu. Bagi saya tidak ada masalah. *A good bill* dengan izin adalah *bill* yang telah dilalui oleh pelbagai proses untuk memastikan supaya bila datang ke Parlimen, kita jadi *rubber stamp* saja, lulus saja. Itu saya kena tanya kepada Ahli-ahli Parlimen terlebih dahulu. Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju, ada apa lagi?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Beri jalanlah, nak minta penjelasan ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan apa?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Mengenai dengan *judicial*, reformasi kehakiman.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana? *Very wide*, yang mana?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang inilah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana? Yang mana satu?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kalau saya tak diberikan peluang, bagaimana saya nak bercakap?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini saya punya *floor*. Saya belum kata saya nak bagi lagi, berkenaan dengan apa?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Mengenai dengan *judiciary reform* lah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Khususnya apa?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Perkara yang disebutkan sekarang ini, yang GAC ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: GAC? Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ha, seorang menteri. Biasanya amat garang, bila hari ini, takut sebab sudah tak ada modal. Semua yang cakupnya, Yang Berhormat Menteri dia cakap hari ini dia nak tukar tajuk saja.

Saya tak percaya apa yang dia sebut tadi oleh kerana apa, oleh kerana beliau mengatakan tadi soal pampasan yang dibayar kepada lima hakim itu, dia kata dia tak tahu langsung sedangkan soalan ini kita telah timbulkan pada sesi yang lepas dan juga pada sesi yang sekarang dan Yang Berhormat Menteri pun ada pegawai berapa orang? Sekurang-kurangnya 10 orang. Takkan sepuluh orang ini semua gaji buta, tak kerja langsung, tertidur, tak boleh pergi cari maklumat yang kita perlu dan Yang Berhormat berdiri di sini tak malukah "Saya tidak tahu". Itukah jawapan daripada sebuah kerajaan yang terbuka? Transparensi, akauntabiliti?

Mana ada kerajaan yang begitu. Nak reformasi apa? Jawapan yang amat *simple* begini, *so simple*. Beritahu kita berapa pampasan yang dibayar oleh kerana wang yang digunakan untuk pembayaran ini daripada siapa? Daripada rakyat dan kita mewakili rakyat! Jawab, kenapa tidak tahu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu yang kita perlu tahu kenapa Yang Berhormat tidak tahu. Sama ada pekerja dan kakitangan itu semua tertidur, kalau tertidur sack mereka. Ambil yang baru. Takkan Yang Berhormat seorang menteri yang ada pengalaman banyak, beberapa tahun di dalam Dewan ini tak pandai nak beri arahan "Saya perlu maklumat sedemikian dalam beberapa hari". Tak pandai? Kalau tak pandai, ganti kita jadi kerajaan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Menyampuk] Okey, duduk. Bagi menteri jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri nak jawab, Duduk Yang Berhormat.

■ 1750

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dia 10 tahun tidak masuk Parlimen, itu yang gila dok bercakap itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jawablah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak mahu menjawab perkara yang saya kata saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kalau tidak tahu, minta maklumatlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan amalan saya untuk menipu. Mungkin amalan dia. Walaupun tidak tahu, hendak bercakap juga. Jadi, pada saya...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *You* kalau tidak tahu, kenapa tidak minta maklumat itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Segala maklumat akan diberikan oleh pegawai-pegawai.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, kenapa tidak minta?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dan saya akan menjawab. Yang Berhormat tidak pernah jadi menteri.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kenapa tidak minta?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju, ini di luar peraturan, Yang Berhormat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, dalam soal ini kita semua tahu iaitu bahawa sistem kita, prosedur...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah. Apa benda ini?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *You* kena jawablah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak jawab, saya tidak tahu. Memang saya tidak tahu, saya hendak kata apa.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *You* mintalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak tahu. Kalau jawapan yang diberi, ada dalam jawapan, tentu saya akan jawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kita sudah timbulkan di sini beberapa kali.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tahulah kita ada persoalkan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu saudara, bukan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam ini, Wangsa Maju.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tidak sekolahlah Wangsa Maju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat jangan main-main, tidak baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Wangsa Maju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, hari itu ada orang sebut, "jangan main-main", dia keluar tau. Saya tidak mahu berjangkit dengan Yang Berhormat ya...

[Ketawa]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dengan menteri tidak apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey tidak apa, saya tidak tahu, okey?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kenapa tidak tahu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak tahu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya minta maklumat sendiri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah. Kita maknanya kalau...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Duduklah, Wangsa Maju. Menteri tidak tahu itu, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Pegawai ada mencatat dan mereka faham iaitu bahawa memang ada desakan yang bertalu-talu oleh Ahli Pembangkang dan juga ada Wakil Rakyat juga daripada kerajaan bertanya, selepas ini dia kena jawablah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak jawab pun, dalam Jawatankuasa pun kita akan korek...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, tidak ada masalah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Sampai ke lubang cacing kita akan korek.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Carilah, tidak apa, *no problem*. Ini cara macam Tun Mahathir bercakap ini, lubang cacing. Penyokong kuat kah?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jawablah, jawab soalan ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itulah masalahnya. Sebab itu kena buang dengan DAP 10 tahun dulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jerlun, Jerlun.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jangan laga-lagakan kita, kita tidak ada masalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 10 tahun dulu kena buang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ipoh Timur pun kata, saya mangsa ketidakadilan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nasib baiklah ada Ketua Pembangkang ambil.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Sistem kerajaan ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nasib baik Ketua Pembangkang ambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ipoh Timur sudah kata jangan laga-lagakan kita.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, tetapi tidak boleh masuk DAPlah, masuk PKR. Itu pun...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jawab, jawab, mesti jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kasihan. 10 tahun dulu, saya *appreciate*, dengan izin, Ipoh Timur yang memang tahu masalah Wangsa Maju. 10 tahun dulu sudah kena buang...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jawab, jawab soalan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Wangsa Maju. Tidak boleh macam ini, Wangsa Maju.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebenarnya saya hendak tahu kenapa dia kena buang daripada DAP, boleh jawab kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang itu saya kena hormat Ipoh Timur, *foresight*.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya hendak tahu juga apa pasal dia kena buang daripada DAP?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Mungkin Permatang Pauh tidak tahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita ada *foresight*, *but* Permatang Pauh boleh *tolerate*. Itu *threshold toleration*, *tolerant* dia tinggi.

Yang Berhormat Permatang Pauh menyarankan agar diambil langkah-langkah segera untuk membawa perubahan kepada badan kehakiman bagi meyakinkan pelabur. Untuk makluman Yang Berhormat, isu keyakinan pelabur terhadap mahkamah-mahkamah Malaysia, bukan semata-mata kerana isu penindasan badan kehakiman tetapi atas sebab-sebab lebih berkisar kepada kelancaran pentadbiran kes di dalam mahkamah.

Dalam hal ini, pelbagai langkah telah pun diambil. Antaranya, memperkemaskan sistem *case management*, dengan izin, mempercepatkan proses catatan nota keterangan, meningkatkan penyelesaian melalui sistem mediasi dan mengkaji semula peruntukan-peruntukan berkaitan pendengaran kes. Operasi khas juga sentiasa dijalankan untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak. Setakat Disember 2007, sebanyak 96% kes sivil dan 99% kes jenayah sebelum tahun 2000 telah diselesaikan. Pada masa yang sama, cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman merupakan satu lagi langkah yang akan memperkasakan badan kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu pelantikan Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi, Presiden Mahkamah Rayuan sebagai Ketua Hakim Negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebenarnya berdasarkan kriteria merit yang diuar-uarkan pihak pembangkang sendiri. Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi merupakan seorang hakim yang memenuhi kriteria tersebut dengan terang dan jelas. Hakikat ini diakui oleh para pegawai mahkamah dan juga komuniti guaman yang melihat usaha-usaha beliau untuk

meningkatkan kecekapan di Mahkamah Rayuan Malaysia. Mutu keputusan bertulis beliau dalam mahkamah, tahap kepimpinan beliau yang tinggi, kewibawaan sebagai hakim yang berintegriti dan pendirian beliau yang menyokong usaha untuk mereformasi sistem kehakiman...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kubang Kerian ingin mengetahui kenapa pelantikan Tan Sri Zaki sebagai Ketua Hakim Negara tidak diumumkan segera. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan mengumumkan pelantikan Ketua Hakim Negara hanya setelah mendapat makluman berkenaan daripada Majlis Raja-Raja, dan kemudiannya pelantikan itu tarikhnya dikebelakangkan, *backdate* ya.

Yang Berhormat Pasir Mas dan Ipoh Barat membangkitkan isu ditambah bilangan hakim dan kekurangan hakim terutama di Johor Bahru dan Ipoh. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak badan kehakiman menyambut baik saranan tersebut dan usaha untuk menambah bilangan hakim di negara ini akan diambil perhatian. Baru-baru ini badan kehakiman telah melantik enam orang Pesuruhjaya Kehakiman untuk mengisi kekosongan hakim di seluruh Malaysia. Badan kehakiman juga telah menambah bilangan pengamal undang-undang sebagai hakim, sungguhpun pengamal undang-undang yang kanan tidak berminat walaupun ditawarkan dengan jawatan itu. Berikutan daripada pelantikan enam orang pesuruhjaya kehakiman tersebut, pengisian telah pun dibuat untuk mahkamah-mahkamah di Johor Bahru dan di Ipoh.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Penjelasan yang saya minta adalah berkaitan dengan langkah-langkah yang dibuat untuk membina keyakinan dalam badan kehakiman. Kita semua tahu bahawa keyakinan telah menurun dalam badan kehakiman sebab berkaitan dengan masalah rasuah dan sebab itu selepas pendedahan klip video V. K. Lingam itu, kerajaan telah menubuhkan suruhanjaya dan telah buat siasatan dan membuat satu laporan yang cukup menyeluruh.

Dalam laporan itu, jelas dinyatakan bukti-bukti rasuah yang telah dilakukan oleh beberapa orang melibatkan beberapa hakim, bekas hakim dan hakim sekarang yang mana saya khususnya, saya rujuk kepada cadangan oleh bekas setiausaha V. K. Lingam dan juga bekas pemandu beliau, dan juga adik beliau. Ini semua telah diberi akuan bersumpah di dalam prosiding itu dan adalah bukti yang menunjuk dengan jelas amalan rasuah yang serius telah berlaku dan semua nama disebut dan suruhanjaya itu sendiri telah mengatakan bahawa yang tindakan tegas, telus dan serius, yang berkesan harus diambil oleh kerajaan kalau kita mahu memulihkan imej badan ini.

Jadi saya minta daripada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan supaya orang-orang yang dinamakan dalam prosiding ini yang dikatakan terlibat dalam rasuah, apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka ini? Itu permintaan saya. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bagi jawapan secara bertulis, khusus berkenaan dengan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Subang.

Yang Berhormat Kubang Kerian menyarankan agar perlakuan hakim-hakim dapat dibincangkan di Parlimen seperti mana berlaku di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Untuk makluman Yang Berhormat, Perkara 127, Perlembagaan Persekutuan menyatakan dengan jelas bahawa perlakuan seseorang hakim mahkamah atasan tidak boleh dibincangkan di Parlimen kecuali dengan satu usul yang tersendiri dan notis mengenainya telah diberi tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Parlimen. Oleh yang demikian, perlakuan hakim-hakim hanya boleh dibincangkan di Parlimen sekiranya pindaan terhadap Perkara 127, Perlembagaan Persekutuan dibuat.

Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu juga membangkit mengenai pindaan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk meminda Fasal 1, Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan yang ada sekarang adalah jelas dan mencukupi. Perkara yang berhubungan dengan kemasukan ke dalam agama Islam atau terkeluar daripada agama Islam iaitu murtad adalah berkaitan dengan hukum syarak yang sememangnya terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah menurut Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Perkara ini telah ditegaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang antara lain telah memutuskan bahawa perkara keluar daripada agama Islam hendaklah mengikut perundangan yang berkaitan dengannya. Seseorang boleh keluar daripada agama Islam tetapi hendaklah mengikut tatacaranya. Penentuan oleh Mahkamah Syariah adalah mengikut kehendak perundangan syariah dan ia tidak berlawanan dengan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan juga tidak bercadang untuk meminda Fasal 4, Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan undang-undang negeri dibuat bagi mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganut agama Islam selaras dengan Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan.

■1800

Berdasarkan fasal (4) Perkara 11, semua negeri kecuali Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak telah mengadakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama bukan Islam kepada orang Islam dan telah pun menguatkuasakan enakmen tersebut.

Bagi Wilayah Persekutuan, penggubalan rang undang-undang yang berkenaan kini berada di peringkat akhir. Bagi tiga negeri yang lain yang belum mempunyai undang-undang sedemikian, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa badan perundangan negeri masing-masing untuk membuat undang-undang mengenainya.

Yang Berhormat Sepanggar menyatakan bahawa kenderaan bagi mahkamah bergerak di Kota Kinabalu uzur menyebabkan tidak dapat memberikan layanan yang baik kepada penduduk luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah membekalkan enam buah kenderaan pacuan empat roda di daerah Kota Kinabalu. Dua daripada kenderaan tersebut tidak boleh diperbaiki atau pun uzur. Kerajaan bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat supaya disediakan lebih banyak kenderaan pacuan empat roda untuk kegunaan mahkamah bergerak. Cadangan ini akan dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan tahun 2009 untuk dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wangsa Maju telah menyentuh tentang peguam negara yang mengetuai perkhidmatan kehakiman dan perundangan dan tentang pelantikan ramai pegawai-pegawai perundangan dalam badan kehakiman yang didakwa pada masa hadapan mereka akan memberikan keputusan yang memihak kepada peguam negara. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak benar kebanjiran Pegawai Undang-undang Jabatan Peguam Negara dalam badan kehakiman terutama di Mahkamah Tinggi supaya pada masa hadapan mereka akan memberi keputusan memihak kepada Peguam Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jabatan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan. Boleh tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebenarnya pelantikan pesuruhjaya kehakiman diperuntukkan di bawah fasal (1) Perkara 122AB Perlembagaan Persekutuan. Kuasa melantik pesuruh jaya kehakiman terletak pada Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara. Peguam Negara hanya mengemukakan cadangan pencalonan dari kalangan Pegawai Undang-undang Jabatan Peguam Negara dan terpulanglah kepada Ketua Hakim Negara untuk menimbang dan memperakukan atau sebaliknya.

Di peringkat Jabatan Peguam Negara pula, cadangan pencalonan pegawai undang-undang untuk pelantikan ke jawatan Pesuruhjaya Kehakiman dibuat secara kolektif oleh Peguam Negara, Peguam Cara Negara dan Peguam Cara Negara Kedua. Peraturan ini terpakai sejak sekian lama. Adalah tidak benar Peguam Negara telah gagal memastikan tidak terdapat perbezaan bilangan pegawai jawatan, Pegawai Undang-undang Gred Utama C dan ke atas antara pegawai badan kehakiman dengan Pegawai Undang-undang Jabatan Peguam Negara.

Sebenarnya, semua pertimbangan dan kelulusan ke atas urusan kewujudan jawatan baru termasuk Pegawai Undang-undang gred utama dan penstrukturan semula jabatan diputuskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan. Perwujudan jawatan

baru pelbagai gred dan penstrukturan semula badan kehakiman tidak dibuat melalui atau memerlukan ulasan daripada Peguam Negara atau Jabatan Peguam Negara.

Seterusnya, urusan kenaikan pangkat pegawai di bawah Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan ditentukan oleh Peguam Negara seorang tetapi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang ditubuhkan di bawah Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan di mana selain Peguam Negara ia juga dianggotai oleh enam orang hakim.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya dalam perkara ini mengenai dengan pegawai kehakiman dan pegawai perundangan. Bukannya di kalangan Mahkamah Tinggi. Soalan saya mengenai Mahkamah Sesyen dan juga Mahkamah Majistret. Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa pada masa sekarang pegawai kehakiman yang ada Gred Jusa C cuma ada sembilan orang sahaja manakala pegawai perundangan di bawah GPP dan sebagainya 76 Gred Jusa C. Jusa C ini, mereka dapat kemudahan. Kereta, *driver* dan yang lain. Mereka ini menjadi pegawai yang lebih tinggi daripada Hakim Mahkamah Sesyen di mana mereka semuanya adalah di bawah Gred L54. Kenapakah kita tidak mengasingkan pegawai-pegawai perundangan di bawah Jabatan Peguam Negara dan pegawai kehakiman ini Sesyen *Court Judges* dan Majistret di bawah Ketua Hakim Negara yang sekarang.

Kenapakah mereka ini di bawah jagaan Jabatan Peguam Negara ini? Bukankah ini satu hakikat di mana kalaulah pegawai Jusa C datang ke hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, apabila gred dia L54 sahaja seperti Hakim 'Kumaty' kini di Sesyen *Court* di Kuala Lumpur. Yang datangnya Datuk Yusuf, pegawai perundangan GPP, *rankingnya* Jusa C, datang dengan *driver*. Kemungkinan 'Kumaty' ini datang dengan Proton Saga sahaja. Kena bawa kereta sendiri. Bukankah kedudukan hakim ini tidak begitu setimpal. Kalau mereka ini L54. Lebih baik kita ada satu sistem di mana kehakimannya diasingkan dari *prosecution*.

Yang Berhormat pun seorang peguam juga, tetapi tidak praktis lamalah, terlupa sudah. *Justice must not be done, must not only be done, he must be seem to be done*. So, di sini bagaimana boleh *we seem to be done*? Sedangkan pegawai-pegawai yang datang di hadapan hakim Mahkamah Sesyen ini gred mereka lebih tinggi. Apabila mereka di *transfer* balik kepada pejabat peguam, mereka ini adalah bos hakim Mahkamah Sesyen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Keadaan ini tidak baik. Sebab itu kita mesti perlu ada satu *separation*. Mereka ini jadi hakim pergi di bawah jagaan Ketua Hakim Negara dan mereka ini pegawai perundangan di bawah Peguam Negara supaya mereka boleh membuat keputusan dengan bebas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh bangun Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dengan bebas mereka dianggapkan membuat keputusan untuk memihak kepada Jabatan Peguam Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Cukup Yang Berhormat. Ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu soalan saya. Sila beri penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini telah pun dibangkitkan beberapa tahun yang lalu dan ianya telah pun diberikan pertimbangan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Akhirnya, pihak kehakiman dan juga pihak Peguam Negara mengambil keputusan itu bahawa mereka berpendapat bahawa adalah lebih baik dan tidak menjejaskan perjalanan selama hari ini kalau dikekalkan dengan sistem sedia ada. Jadi, ini telah pun dibangkitkan dahulu dan saya memahami dengan perkara ini. Saya sendiri juga pernah bertanya mengapa tidak dipertimbangkan tetapi akhirnya mereka mengambil keputusan iaitu bahawa buat ketika ini keputusan ialah untuk mengekalkan sistem yang sedia ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Telok Intan. Sila.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Mengenai dengan jawatan Pesuruhjaya Kehakiman, *Judicial Commissioner*, saya nampak seolah-olah jawatan ini adalah jawatan seperti *probation*. Jadi, adakah ini wajar di bawah satu sistem kehakiman kita seorang Hakim Mahkamah Tinggi diletakkan seperti mereka dalam *probation period* seumpamanya dua tahun.

Selepas itu, kalau hakim itu tidak di *confirm* sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, semua keputusan yang diberi misalnya dalam kes-kes jenayah dia akan hukum mati seseorang tertuduh. Jadi, adakah ini boleh diambil berat oleh masyarakat? Sebagai hakim ini memang tidak ada kelulusan yang betul-betul dan dia telah menghukumkan terhadap seseorang tertuduh. Adakah ini satu percanggahan dalam sistem kehakiman kita dan apakah jawapan Yang Berhormat Menteri dalam mengatasi masalah ini?

■1810

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Intan itu adalah mempunyai hujah yang kuat. Jikalau kita melantik seseorang JC itu dan diberikan *probation period* selama dua tahun dan kalau sekiranya akhirnya dia didapati bahawa tidak memenuhi apa yang dikehendaki oleh pihak kehakiman dan kalau sekiranya dia tidak diteruskan apa yang dikatakan jawatannya sebagai hakim, maka tindakan itu akan mendatangkan persoalan kepada masyarakat orang ramai bahawa keputusan dia sebelum ini

adalah dengan izin *flop*. Jadi perkara itu memang tepat dan ia juga telah pun dibangkitkan kepada pihak *judiciary* tentang *probation* ini.

Namun, pada hari ini pihak *judiciary* masih lagi merasakan bahawa apa yang dibangkitkan itu tidaklah seberat apa yang dikatakan jika dibandingkan dengan keperluan untuk pihak *judiciary*. Kesukaran akan dihadapi kalau sekiranya kita lantik terus dan selepas itu tidak dapat menghentikan kalau prestasinya tidak baik. Jadi dia ada dengan izin *argument on both side*. Saya faham apa Yang Berhormat bangkitkan itu dan memang perkara itu juga merupakan pertanyaan di kalangan saya juga.

Jadi, itu telah pun dipertimbangkan dan mereka merasakan iaitu pada peringkat ini adalah lebih selesa untuk mereka melaksanakan amalan yang sedia daripada menghadapi kesukaran nanti di mana untuk lantik secara tetap akan menghadapi kesukaran jikalau dalam masa dua tahun dia tidak menampakkan prestasi yang baik. Ini juga untuk memberi peluang kepada mereka yang dilantik itu terutamanya kalau ada pada sektor untuk mereka nanti mengambil keputusan tidak mahu terus menjadi JC. Jadi tidak mengikat mereka ini sehinggakan kerana untuk menjadi hakim ini bukan satu perkara yang menyeronokkan.

Mungkin seseorang daripada *private sector* rasa mahu jadi. Kemudiannya apabila telah merasa sebagai seorang JC, seorang hakim, dia rasa dia tidak suka dengan kehidupan yang dilalui olehnya. Maka kalau dia dilantik secara tetap, agak sukar untuk dia meletakkan jawatan selepas itu. Jadi ini ada *pros and cons* dan memang apa Yang Berhormat bangkitkan itu adalah satu perkara yang telah pun diberi pertimbangan yang berat oleh pihak *judiciary*. Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri tidak bersetuju dengan apa yang saya tekankan, menegaskan mengenai dengan isu..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak. Silap, silap. Jangan, jangan. Apa yang saya katakan bahawa perkara ini pernah saya bangkitkan juga kepada pihak kehakiman dan juga AG dan mereka merasakan iaitu bahawa sistem yang ada pada hari ini eloklah dikekalkan. Jadi, saya tarik baliklah, tarik balik.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sudah tarik balik, tidak mengapa. Kita *gentleman*. Tetapi itu...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, hari tu sudah kena buta. Ini kena tuli pula. Pekak, susah...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No*, kita memang, kita *gentleman*. Kita tarik balik. Kita tidak ada masalah akan tetapi Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Salah, tak tahu apa yang berlaku. Kita tak tahu...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang saya tak tahu. Saya tak tahu macam mana. Apa? Apa?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kalau tak tahu, mintalah maklumat itu. Tidak ada pegawaikah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau minta, belum sampai, macam mana?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kalau minta tak sampai, *chase them*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maknanya tidak mengapalah. Kita ada lagi jawatankuasa. Sebab itu saya tidak merasa bimbang perkara begitu. Sebab kita ada masa...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri selalu di luar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan dok kira nak *sack* orang. Sebab itu tidak boleh jadi pemerintah. Silap sedikit, nak *sack* pegawai-pegawai.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bukan nak *sack*. Saya katakan, mereka tidak gunakan *constraint* dia. Kalau mereka tidak ada perkara itu, mereka tidak dapat maklumat yang diperlukan. Beberapa bulan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, betul. Oleh itu kita jangan hukum orang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Berapa bulan? Bukan satu bulan! Sudah tiga bulan dah!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, tidak mengapalah. Bukankah saya sudah kata, saya tidak tahu dan saya tidak akan menipu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Argghhh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Semasa saya kata tidak tahu, memang saya tidak tahu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu menunjukkan bahawa...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak mengapa, tidak mengapa, tidak mengapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Wangsa Maju kena terima. Jawapan Yang Berhormat Menteri, kena terima.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat tidak berpengalaman.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak mengarah saya berbohong ataupun tidak? Tuan Yang di-Pertua tidak perlu bagi layananlah. Saya akan terus kepada...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No, no, no*. Saya belum...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kepada Yang Berhormat Ipoh Timur, ingin mengetahui sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tak bagi jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: boleh melaksanakan. Ini saya punya *floor*. Boleh melaksanakan reformasi, badan kehakiman, polis dan membendung rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk makluman Yang Berhormat..

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, jika semua pihak ikhlas dan jujur..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bangun kemudian nanti, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..Dalam niat dan kehendak mereka untuk melaksanakan reformasi tersebut, maka usaha-usaha ini akan menjadi realiti. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serius dan komited mengenainya dan kini pada tahap memuktamadkan rang undang-undang berkaitan. Dewan yang mulia ini dan Dewan Negara harus memainkan peranan masing-masing bagi menyampaikan perubahan dan pembaharuan yang terkandung dalam rang undang-undang tersebut seperti mana yang dikehendaki rakyat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Masalah bukan kejujuran di sini. Masalahnya ialah kejujuran di sana. Begitu lama, sudah lima tahun berjanji dan tidak dilaksanakan.

Sudah tentulah soalnya ialah sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh melaksanakan di dalam lima bulan yang tinggal di mana beliau dipaksa untuk berundur oleh pemimpin-pemimpin UMNO apabila dia gagal untuk melaksanakan lima tahun. Jikalau ada keikhlasan, kejujuran, kenapa sampai sekarang tidak ada komitmen, akan mengadakan dan menubuhkan IPCMC, *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* yang ada diperakukan oleh *Royal Police Commission*. Satu *recommendation* yang begitu penting kalau kita mahu mewujudkan satu pasukan polis yang cekap, tidak korup, yang profesional dan yang *world class*.

Pada bulan Disember yang lalu, Yang Berhormat ada kemukakan satu rang undang-undang *Special Complaints Commission*, tidak ada gigi, *toothless*, *clawless* dan juga ada wakil daripada pasukan polis yang menjadi anggota *commission* itu. Bagaimana pemanggil pencuri tangkap pencuri? *For the team to catch the thief?* Oleh sebab di antara maksud perubahan ini atau reformasi polis ini adalah mengadakan satu *external over side mechanism*.

Bagaimana, adakah anggota polis ataupun bekas anggota polis dalam pertubuhan? Ini menunjukkan ataupun tidak ada keikhlasan? Reformasi, pihak kehakiman, kita pun ada sebutkan mengenai anti korupsi. Bagaimana kita boleh percaya adanya keikhlasan apabila di dalam parti UMNO sekarang begitu korup? *Money politics* bermaharajalela! Semuanya nampaknya korup! Bukan saya kata. Dr. Mahathir pun kata, *never so corrupt* di dalam UMNO. Untuk satu UMNO divisyen mahu RM2 juta, RM3 juta, bagaimanakah keikhlasan? Tunjukkan keikhlasan bahawa untuk membersihkan *money politics* di dalam UMNO dahulu. Kita akan sokong, beri 100% sokongan kepada pembanteras rasuah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Satu caranya keikhlasan ialah Yang Berhormat Kepala Batas, akan berundur pada bulan Mac. Kalau tidak ada keikhlasan kepada beliau, senang sahaja. Bulan Mac dia berhenti. Apa dia susah? "Saya bukan lagi Perdana Menteri". Yang Berhormat Pekan jadi Perdana Menteri, dia kata "Itu bukan janji saya. Itu janji Perdana Menteri dahulu". Itu kalau tidak ikhlah. Akan tetapi apabila mengatakan iaitu bahawa ini akan dilaksanakan walaupun tinggal lima bulan, ia akan dilaksanakan. Itulah keikhlasan Yang Berhormat, itulah keikhlasan sebab, Yang Berhormat bukan tidak tahu, politik ini boleh lepas tangan sahaja. Selepas ini, siapa hendak cari dia dah, Yang Berhormat Kepala Batas. Siapa hendak cari dia? Kalau dia kata, "Habishlah. Kalau *you* hendak maki saya, makilah".

■1820

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sejarah akan cari dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia tidak apa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *The History will* hukum dia as a total failure.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sejarah akan cari dia. Tidak apa, *never mind. To him, what does he care. He's no longer Prime Minister!*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *Legacy is important.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Namun keikhlasan. Itulah walaupun tinggal lima bulan menunjukkan bahawa dia kata, tetap akan dilaksanakan. Yang Berhormat saya selaku menteri sekarang ini di Jabatan Perdana Menteri mengambil alih portfolio undang-undang, saya tahu tentang perkembangan yang sedang berlaku.

Insyallah dalam akhir bulan Disember kita telah pun tambah empat hari lagi, tujuannya ialah untuk kita meluluskan sekurang-kurangnya dua; satu Rang Undang-undang Suruhanjaya Anti *Corruption* dan satu lagi ialah Suruhanjaya Pelantikan Hakim. Saya sudah pun melihat kedua-dua draf undang-undang itu dan pada 31 hari bulan ini dalam memorandum akan dibentangkan lagi Rang Undang-undang *Commission Against Corruption* dan insyaAllah seminggu atau dua minggu lagi draf Rang Undang-undang JAC. Bagus, Yang Berhormat merasa sangsi kerana ini akan merangsang pihak Perdana Menteri dan saya untuk menghapus kesangsian Yang Berhormat itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah ini bererti akan ada IPCMC? Tidak ada? [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah, tidak habis lagi. Ini IPCMC pula. *I know you're an old man. There is no enough time.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Yes, I know, you're young at heart, ha?* Okey. Yang Berhormat Ipoh Timur juga ingin mengetahui status cadangan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). Yang Berhormat sedia maklum bahawa cadangan untuk menubuhkan IPCMC tidak disokong sepenuhnya oleh sesetengah pihak. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan tidak mahu menubuhkan satu suruhanjaya yang kurang berkesan ataupun yang ditentang oleh pihak-pihak tertentu sehingga boleh menimbulkan kesulitan kelak.

Justeru itu, kerajaan sedang giat berusaha untuk menambah baik cadangan asal supaya ia diterima baik oleh semua pihak. Usaha untuk mencapai kompromi dan kata sepakat mungkin adalah sesuatu yang asing bagi Yang Berhormat Ipoh Timur ataupun pihak pembangkang yang mungkin tidak menyedari masa yang diperlukan akibat kesukaran dan kerumitan usaha tersebut.

Jadi, IPCMC itu mungkin tidak diwujudkan seperti mana yang dicadangkan oleh pihak suruhanjaya yang ditubuhkan untuk menyiasat tentang pembaik pulih polis. Namun mungkin akan wujud satu suruhanjaya seperti Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu bahawa Suruhanjaya Pengaduan Am yang sedang digubal draf rang undang-undang itu. Namun pada peringkat ini saya tidak lagi dapat memberi secara tepat tentang perkembangannya kerana saya belum lagi memperoleh maklumat-maklumat yang dimaksudkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai IPCMC. Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa ada halangan dan tentangan terhadap penubuhan IPCMC. Ini kita semua tahu sudah menjadi *history*, khususnya pada masa awal apabila laporan *Royal Police Commission* dikemukakan dan pihak polis bukan sahaja ada menentang, ada mengugut kerajaan bahawa akan mengambil tindakan di mana sebenarnya ini satu *revolt* pihak polis terhadap kerajaan yang sebenarnya tidak patut dibenarkan tetapi itu *already a past*. Bukankah benar bahawa IGP Tan Sri Musa Hasan ada berkata bahawa sekarang apabila beliau mengambil alih sebagai IGP, pihak polis tidak menentang penubuhan IPCMC dan terpulang kepada kerajaan. Kalau kerajaan mahu menubuhkan IPCM pihak polis sekarang relalah menerima.

Kalau begitu mengapa kerajaan sekarang tidak rela untuk menubuhkan IPCM oleh kerana pihak polis sudah menarik balik tentangan hebat yang pada permulaannya? Atau adakah satu *understanding* antara IGP dan Perdana Menteri bahawa kedudukan IGP umumnya ialah PR

sahaja. Itu bohong sahaja. Kalau tidak, kalau apa yang dikatakan oleh IGP adalah serius dan patut serius oleh kerana satu kenyataan umum kenapa ini tidak difikirkan oleh kerana supaya inilah masanya sudah sampai untuk satu IPCMC supaya kita ada satu *world class professional police service*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berpolemik berkenaan dengan kenyataan yang dibuat oleh seorang pegawai polis di luar daripada dewan ini. Namun pada hakikat sebenarnya apabila kita tidak menubuhkan IPCMC ini adalah satu bukti kukuh bahawa ini ada tentangan walaupun ada kenyataan yang dibuat oleh pegawai itu.

Jadi oleh sebab itu saya tidak mahu pergi lebih *detail* tetapi sememangnya ada tentangan. Daripada pihak kerajaan, dari segi kita, tidak ada masalah kerana yang hendak diadukan itu bukan kerajaan. Kalau sekiranya Yang Berhormat kata hendak tubuh kerajaan, Yang Berhormat jadi Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat juga nanti akan bertanggungjawab kepada polis. Kita tidak ada masalah, tetapi oleh kerana kita tidak dapat melaksanakan sudah tentu bukti kukuh menunjukkan bahawa ada tentangan daripada pihak-pihak tertentu tetapi bukan daripada pihak kita.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan mengenai IPCMC. Sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya cukup ingat bahawa hasrat untuk menubuhkan IPCMC ini adalah hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan beliau dalam Parlimen ini dan di luar Parlimen. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa ada halangan, ada banyak pihak yang tidak bersetuju tentang penubuhan ini. IGP telah bersetuju. Ini iltizam politik Perdana Menteri.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan ataupun memberitahu Dewan yang mulia ini siapakah sebenarnya yang tidak mahu, yang menentang sekeras-kerasnya penubuhan IPCMC ini. PM mahu, IGP okey, polis okey. Sekarang ini Yang Berhormat ada menyebut sendiri bahawa ada pihak yang menentang, siapa pihak yang menentang itu? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Cari jawapan itu daripada peristiwa usaha untuk ada hubungan di antara PAS dengan UMNO, ada pemimpin PAS yang besar mengatakan okey. Itu pandangan dia, hasrat dia tetapi akhirnya tidak jadi kerana sudah ada tentangan daripada mungkin majoriti parti itu. Jadi, tidak perlulah saya hendak suluh perkara yang terang lagi. Kalau Perdana Menteri kata okey tetapi tidak jadi, maknanya daripada mana tentangannya itu.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri. Di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang mewujudkan Institut Integriti Malaysia dan saya yakin ini merupakan satu institut khusus untuk mengembalikan integriti di dalam agensi-agensi kerajaan terutamanya.

Cuma saya hendak tahu sekiranya ada, apakah pendapat Institut Integriti Malaysia mengenai penubuhan IPCMC itu sendiri kerana saya yakin ia merujuk juga kepada isu integriti di dalam penubuhan IPCMC.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak bercakap tentang apa pendapat Institut Integriti Malaysia, saya rasa jangan kita halakan kepada satu badan penguat kuasa sahaja iaitu pihak polis. Sudah tentu integriti itu juga adalah dikaitkan juga dengan kastam, imigresen, bomba atau sebagainya.

Oleh kerana itu, kita berpendapat takkanlah setiap kali ada aduan yang dibuat terhadap satu badan penguat kuasa, maka kita mesti mengadakan setiap suruhanjaya kepada setiap badan penguat kuasa. Oleh sebab itu kita, buat satu supaya integriti yang dibangkitkan oleh IIM itu kita mengiktiraf dan pengiktirafan bukan hanya kepada *police force*, tetapi pengiktirafan IIM itu tentang integriti mesti juga dikaitkan dengan kastam, imigresen, bomba dan lain-lain lagi badan penguat kuasa - agensi penguat kuasa.

■ 1830

Sebab itu kita mengambil keputusan dan kita merasakan iaitu bahawa bangkangan itu adalah tepat kerana kita tidak mahu iaitu hanya satu badan penguat kuasa itu sahaja yang merupakan punca kepada masalah datangnya aduan daripada masyarakat. Dia ada banyak badan yang lain juga untuk mengelak kita daripada mempunyai banyak suruhanjaya, melihat kepada pengaduan yang dibuat kepada berbagai-bagai badan penguat kuasa, oleh sebab itulah kita mengambil pilihan untuk mengadakan Suruhanjaya Pengaduan Awam, SPA di mana semua aduan, semua suara integriti akan dibangkitkan dan penyiasatan dibuat di bawah suruhanjaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur ingin mengetahui kenapa Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Ghani Patail masih menjadi Peguam Negara walaupun laporan Peguam Cara Negara, Solicitor General dengan izin, mendakwa Peguam Negara telah menyalahgunakan kuasa. Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan mengenai dakwaan salah laku oleh Peguam Negara memalsukan keterangan dengan izin, *fabricate evidence*, di dalam kes *black eye* dengan izin, ke atas Yang Berhormat Permatang Pauh 10 tahun lalu tidak dijalankan oleh Jabatan Peguam Negara tetapi oleh BPR. Oleh yang demikian tidak timbul isu adanya laporan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Bukankah siasatan itu oleh BPR akhirnya akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk satu keputusan dibuat dan oleh sebab Peguam Negara terlibat bukankah ini bererti bahawa nombor dua akan bertanggungjawab dalam perkara ini atau ini bukan caranya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sebut kalau sekiranya penyiasatan itu telah pun tamat barulah kita boleh bangkit perkara itu bahawa ada keputusan daripada Solicitor General bahawa mengikut pandangan beliau, Attorney General melakukan kesalahan tetapi kalau siasatan belum tamat maka kita belum sampai lagi

kepada itu, belum sampai ke tahap itu lagi kerana penyiasatan BPR belum selesai. Namun Yang Berhormat, sudah tentulah apabila sesuatu perkara yang melibatkan Peguam Negara secara individu dibuat aduan dan didapati keputusan mesti dibuat oleh Peguam Negara, keputusan itu akan dibuat oleh institusi dan sudah tentu tidak dibuat oleh Peguam Negara individu itu.

Seperti Yang Berhormat kata, mungkin yang nombor dua, mungkin sebagai satu kumpulan asalkan dia merupakan keputusan yang dibuat oleh Pejabat Peguam Negara, *the office...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa ambil masa begitu panjang, empat bulan satu perkara yang sangat *simple? Very open and shut case.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan, awal-awal saya sudah kata dia bukan merupakan *open and shut case*, siasatan kena dibuat. Jangan terburu-buru dan jangan dia kalau kita bercakap tentang *fairness for all*, jangan pula yang memegang jawatan besar itu kerana dia yang terlibat maka mesti dibuat siasatan yang terburu-buru? Dia tidak akan datang kepada keadilan nanti. Oleh sebab itu biarlah kita sedikit lambat seperti kedua-dua pepatah Inggeris dan Melayu kata, '*It's better late than never*', atau Melayu kata, "biar lambat asal selamat". *So be patient* lah Yang Berhormat, saya faham *you're old...*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *It is still...*

Tuan Yang di-Pertua: Jangan dialog.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tarik balik Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You're young.* Tuan Yang di-Pertua..., Okey.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya mohon penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya yakin kenyataan Perdana Menteri agar siasatan terhadap kes Yang Berhormat Permatang Pauh dikendalikan oleh Badan Pencegah Rasuah, saya yakin untuk mengembalikan keyakinan rakyat dalam siasatan tersebut. Itulah mungkin tujuan yang dibuat sebegitu tetapi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri mewakili Perdana Menteri, kerana apa yang berlaku di dalam proses pendakwaan itu perkara sebaliknya.

Komitmen Perdana Menteri yang saya katakan tadi itu tidak diterjemahkan, hanya berlaku pada permulaannya apabila Solicitor General, Datuk Idris sendiri, pergi mendakwa pada peringkat awal tetapi yang berikutnya, orang lain sehinggalah timbul satu isu yang amat berat di dalam mahkamah yang mana Peguam Negara yang tidak sepatutnya terlibat secara langsung apatah sedikit ataupun banyak, masih lagi terlibat di dalam pendakwaan dengan

menandatangani sijil perpindahan kes itu. Jadi saya rasa di sini seolah-olah komitmen Perdana Menteri seperti yang dikatakan tadi itu tidak terjemah di peringkat pelaksanaan dia.

Saya rasa mungkin kerana isu yang dibincangkan di situ ialah seolah-olah kenyataan menteri itu tidak diterjemahkan di peringkat pelaksanaan yang saya rasa dalam hal ini memandangkan menteri baru mengenai hal ehwal undang-undang ini saya rasa perkara itu patut dilihat supaya apa yang dijanjikan kepada rakyat itu tercapai. Terima kasih. Mohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua kita ada di dalam tidak silap sayalah, saya hendak rujuk balik di dalam Perlembagaan. Sebagai contoh kalau sesuatu dokumen itu perlu ditandatangani oleh penjawat jawatan, dia tidak bermakna penjawat jawatan itu terlibat kalau sekalipun dia menjadi satu daripada isunya, akhirnya apabila terpaksa menandatangani dokumen, dia perlu menandatangani sebagai seorang penjawat jawatan. Sebagai menteri besar, kita tidak tahu di peringkat bawah kemungkinan ada di kalangan adik kita yang telah memohon tanah dan dia dapat dan kelulusan itu terpaksa dibawa kepada Exco dan diluluskan dan akhirnya memerlukan, kata sebagai contoh, menteri besar itu menandatangani.

Dalam hal seperti ini penjawat jawatan itu menandatangani bukan sebagai peribadi dia tetapi sebagai penjawat jawatan itu. Sebab itu dalam kes ini tidak ada penglibatan secara langsung kerana dokumen itu perlu ditandatangani oleh Peguam Negara. Jadi dia sains sahajalah. Ya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya membangkitkan isu ini bukan apa kerana saya mahu seboleh-bolehnya apa yang cuba dicapai oleh Perdana Menteri itu dicapai kerana ada yang mengatakan mungkin Yang Berhormat sebagai peguam, dia kata *justice must be seen* kerana keadilan ini dia kadang menuntut satu persepsi kerana saya khuatir apa yang cuba dicapai di dalam satu usaha itu adalah satu komitmen yang baik tetapi sebaliknya apa yang berlaku sehinggakan diujahkan bahawa tidak perlu mengikut kenyataan Perdana Menteri itu. Itu tidak penting bagi saya, yang penting bagi saya ialah natijah akhirnya yang cuba dicapai ialah satu keyakinan rakyat kerana rakyat membaca akhbar.

Ini cuba dibuat tetapi dari segi praktisnya yang lain, ikut apa yang diujahkan tadi itu saya boleh terima. Ada satu istilah kata tadi itu, *signature* nya itu tetapi persoalannya di sini persepsi awam, kita panggil *public interest* yang melibatkan satu sistem keadilan. Jadi saya rasa adalah lebih baik sekiranya pilihannya dengan memberi keyakinan kepada awam kerana di situ saya rasa Pejabat Peguam Negara ada tokoh-tokoh yang lain. Contohnya macam Datuk Idris sendiri yang terlibat daripada awal tetapi ia tidak konsisten. Saya rasa dibuat tetapi tidak konsisten. Mungkin adalah satu persoalan yang saya rasa perlukan penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua kalau dalam soal politik, ya saya percaya *perception very important* tetapi dalam hal ini ada dua perkara. Pertamanya... , tidak apalah saya dinasihatkan kerana kes ini masih dalam perbicaraan, *subjudice*...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tegur tadi Yang Berhormat kerana ia seolah-olah berdialog. Ini adalah kedua-dua peguam. Terima kasih lah menteri, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berhenti?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, ingat suruh berhenti tadi.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Machang, nanti hendak jawab Yang Berhormat Machang. Nanti Yang Berhormat Machang. Buah macang sudah masak belum?... *[Ketawa]* Yang Berhormat Machang ingin mengetahui kenapa Peguam Negara berdiam diri semasa Yang Berhormat Permatang Pauh dipukul?

■1840

Untuk makluman Yang Berhormat pada malam 20 September 1998, apabila Yang Berhormat Permatang Pauh dibawa ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Peguam Negara tidak mengetahui bahawa Ketua Polis Negara pada ketika itu telah memukul Yang Berhormat Permatang Pauh. Oleh yang demikian tidak timbul isu kenapa Peguam Negara berdiam diri ketika itu. Memang tak tahu. Kita pun tahu kemudian, bila surat khabar melaporkan, saya pun juga tahu pada ketika itu. Ada lagi...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Penjelasan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada lagi, nanti, ada. Berhubung kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh dan Machang bahawa BPR melakukan penguatkuasaan kes-kes rasuah secara terpilih, iaitu golongan yang terlibat dengan jumlah rasuah yang tinggi tidak diambil tindakan adalah sama sekali tidak tepat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita dakwa orang bukan kira harga tinggi atau harga rendah, tidak kira parti. Tidak kira parti ya. Usaha pencegahan rasuah dilaksanakan tanpa mengira amaun ataupun pangkat orang yang disyaki. BPR bertindak secara bebas dan melaksanakan tugas *without fear and favour*, dengan izin. Ini terbukti kebelakangan ini BPR telah menjalankan siasatan ke atas beberapa individu yang berprofil tinggi sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar. Hasil siasatan bukanlah dipengaruhi oleh amaun yang terlibat atau pangkat si pelapor. Akan tetapi bergantung kepada bukti yang dapat dikumpulkan serta keterangan yang diperoleh dari saksi-saksi. Ini memerlukan kerjasama dan sokongan dari semua pihak. Justeru tidak semua siasatan berakhir dengan pendakwaan. Ini kerana kadangkala ada tohmahan-tohmahan yang digembar-gemburkan merupakan tohmahan kosong, tanpa bukti nyata yang jelas.

Bukan semua pendakwaan akan berhasil kepada pensabitan kes.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sabar Yang Berhormat, *young man*, nanti kejap. Saya habiskan kejap, saya akan bagi. Untuk makluman Yang Berhormat dalam

memulakan satu pendakwaan faktor yang dipertimbangkan adalah sama ada terdapat keterangan bagi kesalahan terhadap suspek dan bukannya berdasarkan kedudukan seseorang. Hal ini adalah penting kerana undang-undang mensyaratkan supaya pihak pendakwa membuktikan kes tanpa keraguan yang munasabah. Asas pertimbangan yang digunakan dalam membuat keputusan untuk mendakwa adalah sama ada terdapat keterangan yang mencukupi untuk mendapatkan sabitan bagi setiap pertuduhan yang dihadapi oleh orang yang kena tuduh.

Bagi memerlukan sabitan diperolehi, keterangan yang diperlukan hendaklah relevan, boleh diterima, dan boleh dipercayai. Selain itu, faktor kepentingan awam juga diberi penekanan dalam membuat sesuatu pertuduhan keputusan untuk mendakwa seseorang hendaklah dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya. Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Yang Berhormat Menteri berhubung kes Permatang Pauh yang dipukul pada malam 20 September. Saya persoalkan kenapa Peguam Negara hari ini menyembunyikan fakta. Saya merujuk kepada affidavit atau kenyataan bersumpah oleh bekas pegawai polis yang merupakan pegawai penyiasat dalam kes itu yang memberikan perincian tentang persoalan-persoalan siapa, bila, di mana, bagaimana. Semuanya lengkap. Sebab itu saya lanjutkan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, kenapa siasatan itu mengambil masa terlalu lama.

Saya hendak ingatkan balik, hendak balikkan semula ingatan kita. Selepas kejadian 20 September Yang Berhormat Menteri, dan berikutnya Yang Berhormat Permatang Pauh muncul di mahkamah dengan mata lebam. Kemudiannya Jawatankuasa Khas Polis itu dibentuk diketuai oleh Datuk SAC II Mat Zain Ibrahim, pencen dah sekarang ini. Laporan itu diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara. Itu keterangan dia, fakta dia. Sebenarnya siasatan itu telah pun mengenal pasti siapa yang pukul, telah pun dikenal pasti, telah diberitahu kepada Pejabat Peguam Negara.

Apa yang berlaku waktu itu ialah Pejabat Peguam Negara lantik seorang lagi doktor, Dr. Abdul Rahman untuk kemudiannya mempertikaikan laporan Dr. Abdul Halim Mansar.

Dr. Halim ini yang periksa Yang Berhormat Permatang Pauh waktu luka parah. Dr. Abdul Rahman ini tak jumpa pun, tak buat pun fizikal *check up*. Akan tetapi Peguam Negara pakai laporan Dr. Abdul Rahman yang kemudiannya dia bagi tahu bahawa betul Yang Berhormat Permatang Pauh dipukul tapi tak tahu siapa yang pukul. Itu membawa penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja. Suruhanjaya Siasatan Diraja ini dianggotai oleh orang-orang pencen sahaja termasuk Tan Sri Abu Talib.

Saya masih ingat, tak sampai 48 jam mereka mengenal pasti siapa yang pukul. Baik, isunya adalah, Yang Berhormat Ipoh Timur tadi bangkitkan laporan kes itu kemudiannya bahan

bukti yang terbaru itu ditemui, sampai kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Permatang Pauh buat laporan di IPK Selangor dan juga di BPR Putrajaya. Siasatan bermula. Melalui kenyataan laporan oleh SAC Mat Zain Ibrahim bekas pegawai polis ini, dia telah pun menyebutkan secara terang siapa yang pukul.

Ada jawapan, di mana berlaku, ada jawapan. Siapa lagi yang tahu dia sebut satu-satu. IGP hari ini tahu perbuatan itu. AG hari ini tahu perbuatan itu. Sangat jelas. Siasatan ini cuma perlu mengambil kenyataan daripada Mat Zain Ibrahim. Tak payah ambil masa sampai empat, lima bulan sebab isunya sangat *straight to the point* dengan izin, itu isu.

Saya mohon penjelasan yang lebih ini tidak satu ayat sahaja mengatakan bahawa AG tak tahu. Itu tak mampu meyakinkan kita, itu satu. Saya setuju bahawa kes ini masih disiasat. Kita masih menunggu hasilnya. Yang kedua Yang Berhormat Menteri, soal integriti. Hari ini kita ada Institut Integriti. Dia ada badan dia, macam lembaga (*board*) dia. IGP dan juga AG ini duduk dalam *board* integriti ini. Dua orang ini dia ada dalam *board* integriti. Macam mana integriti hendak diwujudkan kalau sekiranya mereka sekarang sedang disiasat. Adakah kedudukan mereka ini akan dikaji balik? Kasihan Institut Integriti, terpalit kerana keanggotaan dua watak ini.

Sedangkan Institut Integriti melakukan banyak kerja Yang Berhormat Menteri, cukup bagus. Integriti sektor awam, integriti sektor swasta, sektor politik, macam-macam dan dia bersungguh-sungguh. Bahkan Dewan yang mulia ini pun kita ada jawatankuasa, *Select Committee on Integrity*. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, laporan pun tak bentang lagi ini. Laporan *on Select Committee on Integrity* belum dibentangkan lagi, kita tak tahu. Soalan saya yang pertama waktu menjadi Ahli Parlimen di sini ialah laporan *Select Committee on Integrity*, sampai hari ini kita tunggu masih belum dibentangkan.

Jadi ini antara dua tiga perkara yang saya fikir cukup fundamental yang saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum menteri menjawab, saya suka mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai Peraturan Mesyuarat 37(1)(b) iaitu apabila minta penjelasan daripada menteri, tolonglah jangan gunakan kesempatan itu untuk berhujah seolah-olah ada ruang untuk berbahas lagi, membawa fakta-fakta yang lain. Dan satu lagi saya ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang kadang-kadang kita sengaja untuk tutup telinga, pura-pura tidak dengar, Peraturan Mesyuarat 36(8) iaitu kelakuan-kelakuan ataupun sifat Hakim, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, TYT-TYT, dan mereka yang menjalankan keadilan mahkamah termasuk AG dan sedemikianya, itu tidak boleh disebut, kecuali ada usul yang dikeluarkan iaitu usul persendirian.

Ingat kepada ini semua, Yang Berhormat, saya yang menentukan, saya yang duduk di sini. Kalau umpamanya tafsiran saya tidak betul, bawa kepada Peraturan Mesyuarat 43. Sila Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kes ini dalam penyiasatan. Jadi biar kita selesai penyiasatan itu. Kalau tidak nanti saya akan menjawab benda yang spekulasi sahaja. Yang Berhormat Machang juga mendakwa wujudnya ketidakadilan dalam tindakan kes-kes rasuah. Jika ia melibatkan pihak pembangkang berbanding jika ia melibatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Untuk makluman Yang Berhormat, kepantasan tindakan siasatan oleh pihak BPR bukan bergantung kepada siapa pelakunya, tetapi bergantung kepada komplikasi atau bentuk kes dan kerjasama yang diberikan oleh saksi-saksi.

■1850

Ada kes-kes yang dapat disegerakan kerana kerjasama penuh dari saksi serta tidak melibatkan banyak dokumen. Mana-mana kes yang melibatkan banyak dokumen serta melibatkan saksi-saksi bukan sahaja dalam negara malahan di luar negara. Ini memberi kesan kepada tempoh penyediaan sesuatu siasatan. Sebagai contoh baru-baru ini BPR telah menyiasat dan menuduh seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan seorang Ketua Pemuda dari parti kerajaan atas tuduhan rasuah. Tindakan yang diambil amat pantas kerana kes adalah *straight forward*. Jadi, saya ingin menyatakan di sini bahawa BPR tidak bertindak memilih sama ada orang itu daripada pembangkang ataupun orang itu daripada Barisan Nasional.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Respond* daripada Yang Berhormat Menteri saya ucapkan terima kasih. Begitu pun Yang Berhormat Menteri harus juga memberikan *respond* terhadap perkara khusus yang saya dibangkitkan waktu mengambil bahagian dalam perbahasan tempoh hari. Saya membandingkan dua kes. Satu kes Menteri Besar Kelantan yang segera didatangi oleh BPR ambil kenyataan atas alasan menyembunyikan fakta percubaan memberi rasuah. Saya kemudian membandingkan dengan seorang timbalan ketua menteri di sebuah negeri di Malaysia Timur, yang membuat kenyataan terbuka bahawa beliau adalah yang bercakap kepada Perdana Menteri untuk tidak mengambil tindakan ke atas presiden partinya yang kebetulan disiasat oleh BPR.

Sampai hari ini kita tidak mendengar timbalan ketua menteri tersebut didatangi atau di ambil kenyataan oleh BPR, itu isunya. Kalau berbanding kes Permatang Pauh kelmarin. Itu lebih jelas hanya kerana memberi, mengganggu ataupun mengarahkan seorang pegawai polis supaya jangan menyiasat, itu sudah dikena enam tahun penjara, yang ini timbalan ketua menteri secara terbuka memberitahu bahawa beliau adalah yang bertanggungjawab memberitahu Perdana Menteri jangan diambil tindakan ke atas presiden partinya.

Sangat jelas kalau hendak dibandingkan dengan Kelantan. Itu yang saya maksudkan kenapa harus berlaku begitu? Ini menghakis keyakinan rakyat terhadap kredibiliti badan penyiasat seperti ini. Oleh itu mohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya kira bahawa tindakan untuk menyiasat beliau itu sudah tentu akan dijalankan berdasarkan kepada kenyataan dia sendiri yang mengatakan bahawa dia menasihat supaya tidak diambil tindakan. Jadi, ini saya percaya siasatan telah pun berjalan, diambil oleh BPR mungkin ia tidak dilaporkan, kerana saya tahu BPR dengar sahaja dia akan ambil tindakan, dia tidak kira siapa dia. Tak usahlah kira kalau hendak dibela, lebih baik dia bela UMNO daripada sebuah parti yang kecil macam itu.

Tidak ada rasional yang boleh kita terima, mengapa hendak jaga seorang yang datang daripada parti kecil tetapi yang dari parti besar UMNO ini semua tindakan diambil. Saya hendak bagi tahu macam kata kes-kes parti pemerintah Mustafa bin Salim, ADUN Lenggeng ambil tindakan; seksyen 10(9)A, April 1997. Mohd Noor bin Awang, Naib Ketua UMNO di Negeri Sembilan juga diambil tindakan. Mohd Rosihan bin Abdul Yazis, Mohd Fawzi bin Ismail, Ketua UMNO bahagian, semua ini diambil tindakan.

Jadi, saya kira kalau ianya tidak dilaporkan dalam akhbar secara besar-besaran tidak bermakna tindakan di ambil. Saya bagi jaminan iaitu bahawa saya tahu pegawai-pegawai BPR dia dapat tahu sahaja dia akan ambil tindakan untuk menyiasat. Pengerusi Integriti dulu pun, dia sebut bahawa ada satu masa dia telah disogok wang tetapi dia tidak terima, tetapi kerana tidak melapor itu merupakan satu kesalahan dia terpaksa berhenti. Jadi, Yang Berhormat saya bagi jaminan bahawa pihak BPR, saya pasti sudah tentu akan menyiasat kalau belum menyiasat apa yang telah disebutkan oleh timbalan ketua menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2004 telah mensasarkan bahawa dalam lima tahun Indeks Transparensi Rasuah Malaysia berada dalam kedudukan ke-30. Untuk makluman Yang Berhormat apa yang dinyatakan dalam Tekad 2008 adalah sasaran yang ingin dicapai. Sasaran ada yang tepat dan ada juga yang tersasar kerana banyak perubahan yang berlaku dalam tempoh lima tahun lepas.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menghapus segala bentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Tindakan ini bukan sahaja untuk memperbaiki persepsi tetapi apa yang lebih penting ialah untuk menjadikan negara ini bebas daripada rasuah. Usaha ini akan terus diperhebatkan lagi melalui pembentukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang kita kena hendak bentang ini. Seperti mana Yang Berhormat tahu ... telah pun kita *ratify*. Ini semualah yang kita hendak buat untuk kita mahu mencapai kedudukan transparensi rasuah di kedudukan 30.

Jadi saya harap Yang Berhormat pun cakup tentang benda Yang Berhormat tahu, kerana persepsi ini didengar dan Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen yang lama, yang dulu bekas Ketua Pembangkang kalau cerita sesuatu sudah tentu orang percaya. Inilah persepsi yang menjadi pertimbangan bagi transparensi *international* untuk membuat keputusan. Jadi Yang Berhormat tolong bantu kita lah, kita hendak lawan rasuah ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mahu bantu, memang bantu. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sikap ini yang lari daripada kenyataan bahawa persepsi mengenai korupsi di negara kita makin buruk, makin teruk. Inilah kenapa tidak mahu menangani cabaran ini, lima tahun dahulu hasrat ialah mahu memperbaiki prestasi supaya tangga kedudukan Malaysia sekurang-kurangnya nombor 30. Namun apa yang berlaku sebaliknya ialah jatuh daripada 37 kepada 47 dalam lima tahun, tidak pernah Malaysia jatuh begitu rendah.

Kalau nampak apa yang berlaku dalam UMNO mengenai korupsi, *money politic* bermaharajalela. Tahun depan mungkin lebih daripada tangga 50 dan bukannya ini menunjukkan bahawa usaha untuk membanteras rasuah telah gagal, *a big colossal failure*. Sungguh pun banyak cakap-cakap tidak ada *walk of the talk*. Sebenarnya apa masalah? Semua ini tidak akan selesai dengan satu akta yang baru di kemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Oleh kerana akhirnya, ini akan menjadi satu *for show only* oleh kerana tidak ada *political will*. Kalau ada *political will* korupsi dalam politik UMNO sekarang tidak begitu serius sehingga seorang menteri kata mungkin lebih baik tender lah, ada tender proses untuk pemilihan dalam UMNO, tak perlu ada, tender proses, tender *out*. Sehingga seorang menteri kata dia ada di *approach* berapa dia mahu sogok, berapa dia mahu bayar dan tadi Yang Berhormat Menteri kata tidak membuat laporan. Adakah menteri ini akan diberitahu kalau dia tidak buat laporan kepada BPR tindakan akan diambil terhadap beliau kerana inilah satu kesalahan dalam Akta Pencegah Rasuah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya iaitu bahawa kalau sekiranya kita hendak persepsi baik, saya rasa mudah sahaja. Ahli UMNO tak usah bercakap tentang rasuah, keluhan, kegelisahan. Kita semua bagi arahan cakap semua okey, jadi persepsinya okey lah. Akan tetapi kita hendak lawan rasuah, jumlah Ahli UMNO tiga juta, bukan satu perkara yang mudah untuk kita hendak hapuskan rasuah. Kita bercerita bahawa dia berlaku, tidak kah Yang Berhormat rasa hendak membantu kita. Mana lebih baik kalau saya kata tak ada lah. UMNO tidak ada rasuah, itu kita tidak lawan rasuah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bila kita kata itu bahawa kita mesti lawan rasuah. Menteri bercakap itu ialah kerana dia dengar daripada orang dengar, dengar, dengar mengatakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas sebelum mikrofon pecah dia ketuk-ketuk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...melibatkan iaitu bahawa mungkin ada. Saya pun dengar tapi saya tidak ditawar, saya dengar orang bercakap, tapi ini *hearsay, hearsay* ini susah kita hendak tangkap orang itu. Jadi Yang Berhormat UMNO memilih untuk tidak

mengapa, biarlah orang kata saudara UMNO sahaja yang rasuah, tidak mengapa sebab kita hendak lawan, kita tak peduli. UMNO kah apa, kita tidak peduli.

■1900

Sebab itu Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat sabar di dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini, kita dapat mendefinisikan perkara yang mungkin berlaku dalam UMNO itu boleh dikategorikan sebagai rasuah yang pada ketika ini tidak boleh. Ada perkara-perkara yang tidak boleh dikatakan sebagai rasuah. Akan tetapi dengan adanya definisi yang tertentu dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini, ada perkara yang dahulunya agak sukar untuk kita sabitkan dengan kesalahan rasuah hari ini mudah. Jadi kita tunggulah.

Saya tak mahu menafikan iaitu bahawa tidak berlakunya politik wang, sebab itu dipanggil politik wang dan bukan rasuah. Ya, politik wang sebab yang gelak itu pun faham sebab dulu dia terlibat. Sekarang dah berpindah. Dia pun tahu sebab dalam pemilihan UMNO, dia bagi makan tak boleh. Jadi biasalah adat di negara kita baik Melayu, Cina, apa kah bila nak bertanding, berkempen kita bagi makan, nak cerita, nak kumpul orang. Hendak kumpul orang takkan tak bagi makan, ini budaya kita. Itu tak boleh. Jadi banyak lagi perkara, tetapi masalahnya ramai juga yang terima duit tetapi tak mahu cerita kat orang, kita tak tahu. Jadi macam mana kita nak melaporkan kerana yang menerima itu tidak melaporkan? Sepatutnya yang terima itu tampil ke hadapan - ya, saya terima duit sekian sekian. Ha, bolehlah kita ambil tindakan.

Akan tetapi kalau mereka tidak melaporkan, bagaimana tiga juta ahli UMNO ni yang dapat duit kata pengap, kita tak tahu. Jadi, saya harap Yang Berhormat juga kalau boleh di Ipoh Timur kah masa duduk makan dengan pengundi-pengundi dengar, bagi tahu you pergi cari bukti. Mesti kita ambil tindakan. Kalau tidak mati kita. saya ambil pilihan untuk tidak bertanding sebab saya nak mengelak daripada dituduh politik wang. Tak bertanding, tak apalah, tak mengapa. Susah ya. Jadi, sebab itu saya harap Yang Berhormat bantu kita. Lebih baik Yang Berhormat ada ahli UMNO macam ini, UMNO yang ada sekarang ini yang mengaku bahawa ada berlaku rasuah daripada parti yang berlaku tetapi memilih untuk duduk diam. *So, you should help us.* Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Perkara yang paling susah iaitu beban bukti kerana di mahkamah selalunya ianya menggunakan kaedah *beyond reasonable doubt* iaitu sesuatu kes itu mesti dibuktikan dengan sah. Yang Berhormat sebutkan tadi sukarnya oleh kerana tidak ada orang yang mengaku. Jadi saya nak bertanya adakah pihak kerajaan berfikir bagaimana nak membantu apakah prinsip *beyond reasonable doubt* ini. Selalunya orang yang bersalah pun kalau ada peguam yang bijak pandai boleh terlepas oleh kerana *beyond reasonable doubt*. Jadi bagaimana kaedah ini dapat kita atasi supaya beban untuk mengemukakan bukti tidak menjadi masalah sangat dari segi penghakiman kepada seseorang hakim.

Dalam menangani isu-isu rasuah ini, saya nak tanya Yang Berhormat apakah kerajaan bercadang untuk meminda Akta Rahsia Rasmi kerajaan sebahagian, menambah baik nilainya supaya kes-kes yang membabitkan soal-soal tender seumpamanya yang orang tak puas hati maka ia boleh diperiksa oleh pihak awam dan bukan dijadikan satu bentuk rahsia kerajaan kecuali perkara-perkara yang dikira hak keselamatan negara. Itu betul. Itu satu soalan.

Saya nak bangun kali yang kedua, Yang Berhormat saya minta izin kalau bolehlah. Minta izin satu lagi saya terkilan soalan awal saya tadi bersabit dengan 153. Yang Berhormat jawab kalau nak pinda, boleh pinda. Kalau cukup 2/3 majoriti. Saya keluar tadi Yang Berhormat, termenung. Saya terfikir balik, kalau nak pinda mesti mendapat perkenan Majlis Raja-raja Melayu. Jadi, di sini tergantung jawapan Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat nak cadangkan pada semua menteri besar termasuk negeri pembangkang supaya menteri besar masing-masing menghadap duli-duli yang Maha Mulia Raja-raja kata kami nak pinda 153. Kita nak dengar Raja jawab macam mana. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila ada kaitan dengan Raja-raja Melayu, memang betul ia tidak boleh diluluskan melainkan mendapat kelulusan daripada Raja-raja Melayu. Itu satu cadangan yang baiklah. Saya minta kalau Yang Berhormat boleh uar-uarkan kepada semua menteri besar untuk meyakinkan kepada Raja-Raja mereka supaya dipinda Perlembagaan. Saya akan terima arahan apa juga ya.

Tuan Yang di-Pertua, memang dalam hibrid, *corruption*, rasuah ini ada yang memerlukan kepada *beyond reasonable doubt* dan adanya juga tidak. Pertamanya, kalau kata macam kes melibatkan kita menjelkan orang masuk ke dalam jel mesti *beyond reasonable doubt*. Kalau tidak hakim merasa tidak adil kalau dia was-was. Akan tetapi ada juga di dalam kes-kes tertentu beban ini dipindahkan kepada pihak yang didakwa. Seperti contoh kalau dia didapati hidup mewah lebih daripada pendapatan dia dan kalau ditanya oleh BPR, sila tunjuk sebab, sila jawab mengapa kamu hidup mewah lebih daripada pendapatan kamu. Dia pula kena beban *proof* itu berpindah kepada orang yang didakwa itu. Jadi dia ni ada dua.

Akan tetapi kebanyakannya ialah apabila berlakunya rasuah ini berlaku di mana *burden of proof* itu mesti ditunjuk oleh pihak pendakwa. Itu juga merupakan satu perkara yang agak sukar untuk kita laksanakan, *beyond reasonable doubt*, melampaui keraguan ini stu perkara yang bukan mudah kerana kita nak masukkan orang dalam jel. Itu juga mungkin satu perkara yang menyebabkan bahawa banyak juga kes yang didakwa tetapi tidak mensabitkan kepada kesalahan. Berbagai-bagai masalah yang kita hadapi. Namun ia tidak sepatutnya mengurangkan keazaman kita untuk lawan rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berucap tiga jam ni. Saya nak pergi bilik air boleh tak? Macam mana? Nak suruh dia bercakap sedikit, bagi peluang saya keluar atau berhenti sekejap? Saya nak pergi bilik air. Apa dia punya prosedur? Tiga jam Tuan Yang di-Pertua, daripada pukul empat tadi. Boleh buat keputusan cepat sebab tak tahan. [Ketawa]

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya cadangkan tangguh solat maghrib.

Seorang Ahli: Sudah bocorkah?

Tuan Yang di-Pertua: Sepuluh minit, kita tangguhkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 7.13 malam.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 07.23 malam.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

7.23 mlm.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi? Jangan berucap tiga jam lagi nanti kalau minta tempoh mahu pergi tandas, saya tidak tangguhkan Dewan lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, kena sedia mop. [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang positif saya tiada *prostat cancer*. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat teruskan. Tadi Yang Berhormat menteri ada minta saya bekerjasama memberi laporan mengenai kalau ada berlaku rasuah, *money politics* dalam UMNO, yang kedua tadi Yang Berhormat menteri kata bahawa ada politik wang tetapi bukan korupsi, sebenarnya dalam rang undang-undang, akta-akta yang kita sedia ada, *money politics* dalam UMNO merupakan satu korupsi tapi oleh kerana ACA tidak mahu ambil tindakan untuk mendakwa mereka dan ini pun pendirian Yang Berhormat menteri yang berjaga.. tapi saya rasa Yang Berhormat dengan izin, Dr Rais Yatim masa itu dia Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, sepatutnya politik wang, itulah korupsi tetapi kerana tidak ada *political will*.

Kita rela bekerjasama tetapi apa yang hairan kenapa Yang Berhormat menteri tidak meminta ahli-ahli UMNO untuk buat laporan, nampaknya 40 tahun ini, tidak pernah ada seorang ahli Parlimen UMNO untuk berdiri bercakap mengenai penyakit ini yang begitu serius sekarang, adakah ini menunjukkan bahawa tidak ada budaya atau iklim politik untuk menentang rasuah yang perlu kalau kita mahu menjayakan satu kempen, walhal kita semua, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, UMNO, MCA, MIC semua *aid at a bad* korupsi, tidak ada apa-apa sensitiviti mengenai masalah korupsi, tidak pernah bercakap mengenai *anti-corruption* dalam Parlimen ini, kalau begitu bagaimana kita boleh berjaya dalam kempen *fight against corruptions*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, lawan *corruption* ini tidak semestinya dari Ahli-ahli Parlimen, kalau ada Ahli Parlimen yang terlibat kita ambil tindakan seperti yang berlaku kepada Jempol dulu, dan saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya kalau UMNO, ahli UMNO kita tidak mengambil tindakan terhadap rasuah dalam parti yang akan mengalami masalah di masa depan ialah kita sendiri akan merupakan kehancuran UMNO itu

sendiri, jadi tidak mungkin ahli UMNO tidak mahu melaporkan tentang rasuah, kerana ini satu barah yang cukup kuat, jadi Yang Berhormat jangan bimbang, saya rasa kalau takut rasuah ini berlaku secara berleluasa saya rasa ahli UMNO lagi takut, terutamanya Ahli-ahli Parlimen yang juga merupakan Ketua Bahagian yang mungkin dalam pilihan raya akan datang mereka oleh kerana orang bosan dengan rasuah ini menyebabkan rakyat menolak UMNO, kita yang menghadapi masalah.

Sebab itu saya rasa ahli pemimpin UMNO itu sendiri pada umumnya majoriti, kita takut dengan apa yang berlaku dalam UMNO ini nanti, satu masa orang yang mempunyai wang sahaja yang boleh menjadi Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri, yang tidak ada wang walaupun diakui kepimpinannya baik jangan mimpi untuk menjadi pemimpin. Ini tidak merupakan satu perkara yang dikehendaki oleh Ahli UMNO itu sendiri. Sekarang saya nampak, lampu dah ada. Yang Berhormat Padang Serai

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat menteri, baguslah bila ada lampu lebih terang bermakna Menteri Parlimen efektif. Terima kasih kerana ada lebih lampu. Kita semua tahu bahawa musuh sebenar negara ini adalah rasuah dan UMNO adalah parti yang hari ini mendukung pemerintahan Barisan Nasional sehingga MIC jadi sejarah dan jadi *showcase*, UMNO pun tidak kisah, bila MCA kata kita mahu jawatan Timbalan Perdana Menteri, jawatan timbalan presiden parti MIC dia rasa macam mahu tidak mahu minta, jadi rasuah ini sudah menular masuk semua tempat, UMNO hari ini setiap hari orang mengata-ngata tentang UMNO dan rasuah dikaitkan, sehinggakan menteri kata mesti ada ambil tindakan, bila menteri sendiri yang minta, menteri yang dalam UMNO sendiri minta kemudian menteri sendiri kata kalau tidak mahu ambil tindakan, jawatan Presiden UMNO itu kasi tender sahaja.

Jadi apakah tindakan menteri susulan permintaan menteri Dato Seri Rais Yatim bahawa perlu ada tindakan, kalau tidak mahu ambil tindakan untuk menangani rasuah ini, paling kurang ambillah tindakan terhadap menteri itu kerana saja cakap ataupun *open the Presidency of UMNO* dengan izin, untuk ditender atau dibida seperti yang diminta oleh menteri, jadi apa komen dan apakah langkah-langkah yang diambil, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, lain kali kalau saya menggulung, datanglah, apa Yang Berhormat bangkit itu Ipoh Timur bangkit dah, saya dah jawab, Yang Berhormat Ipoh Timur bangkit benda yang sama dan telah pun saya jawab dan kalau Yang Berhormat nak jawapan baca *Hansard* dua hari dia akan keluar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur mengatakan bahawa tiada *political will* dengan izin, usaha membanteras rasuah tidak membuahkan hasil kerana parti UMNO terlibat dengan politik wang, untuk makluman Yang Berhormat tanggapan pihak Pembangkang bahawa kerajaan tiada *political will* untuk membanteras rasuah adalah tidak berasas sama sekali, malah komitmen kerajaan terhadap usaha-usaha untuk membanteras rasuah dapat dilihat dengan jelas melalui langkah-langkah konkrit dan positif yang telah diambil kerajaan sejak kebelakangan ini.

Langkah-langkah memperkasakan BPR, menambah bilangan pegawai BPR serta membangunkan akademi BPR untuk mempertingkatkan tahap kemahiran mereka adalah antara bukti yang jelas. Di samping itu kerajaan berusaha untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang keburukan rasuah dan kepentingan integriti melalui pertubuhan Institusi Integriti Malaysia dan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional yang meliputi setiap lapisan dan golongan masyarakat. Alhamdulillah langkah-langkah tersebut telah mula menunjukkan hasil.

■1930

Tahap kesedaran awam tentang rasuah telah meningkat dan ini telah mendorong kepada peningkatan dalam jumlah kes rasuah yang dilaporkan. Peningkatan dalam jumlah kes rasuah yang dilaporkan iaitu sebanyak 25%. Antara tahun 2003 hingga 2007, jumlah tangkapan kes-kes berkaitan rasuah juga telah meningkat sebanyak 72% dalam masa yang sama. Sementara itu kadar sabitan kes-kes berkaitan rasuah telah meningkat daripada 50% pada tahun 2004 kepada 74% pada tahun 2007. Kejayaan ini tidak mungkin tercapai jika kerajaan tidak ada *political will* untuk membanteras rasuah. Bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang anti rasuah yang lebih baik kerajaan akan menambah baik BPR menjadi sebuah suruhanjaya bebas. Kerajaan komited untuk merealisasikan perkara ini dalam masa yang terdekat. Justeru rang undang-undang berhubung hal ini akan dibentangkan dalam sesi Parlimen ini.

Berhubung tuduhan politik wang dengan parti UMNO Yang Berhormat harus sedar di mana-mana parti politik di negara lain, di negeri ini, dan di dunia parti UMNO juga berhadapan dengan masalah politik wang, kerana segelintir daripada ahlinya mungkin termakan dengan amalan buruk ini. Tetapi apa yang penting parti UMNO secara keseluruhan komited untuk menangani gejala buruk ini dan telah mewujudkan mekanisme-mekanisme tertentu untuk menghindari serta menghukum ahli-ahli parti yang didapati bersalah mengamalkan politik wang. Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat ibu pejabat UMNO telah menubuhkan sebuah sekretariat untuk memantau mesyuarat cawangan dan bahagian di seluruh negara bagi memastikan tidak berlaku politik wang pada pemilihan parti.

Di samping itu badan disiplin UMNO juga telah mengambil pelbagai tindakan ke atas ahli-ahli parti yang didapati bersalah tanpa mengira pangkat atau jawatan dengan memberi amaran menggantung keahlian ataupun memecat mereka daripada parti. Kepada Yang Berhormat ingin saya ucapkan terima kasihlah kerana ambil berat. Yang Berhormat di hati memang sayang UMNO sebab itu Yang Berhormat bangkit benda ini. Jadi sebab itu kita hendak ucap terima kasih kerana apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu juga sudah tentu akan menyedarkan kita untuk mengambil tindakan yang sepatutnya. Keazaman kita cukup tinggi untuk membanteras rasuah sehingga ke akar umbi. Yang Berhormat Wangsa Maju mendakwa kerajaan gagal menghapus rasuah dan yang dapat ditangkap hanyalah ikan bilis sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat usaha membanteras jenayah rasuah adalah satu usaha dijalankan secara berterusan tanpa mengira pangkat atau kedudukan individu yang terlibat.

Mengenai 18 kes profil tinggi yang dibangkitkan sebenarnya ialah isu yang lapuk yang sering kali diulang-ulangi oleh pihak pembangkang tanpa kesudahan seolah-olah tidak ada modal lain. Sama ada Yang Berhormat sedar ataupun tidak sedar dari tarikh isu ini dibangkitkan BPR telah pun mendakwa banyak kes profil tinggi. Jadi saya minta Yang Berhormat menyemak semulalah *Hansard* perbincangan yang lepas kerana saya telah beberapa kali menjawab berkenaan dengan isu ini.

Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Gombak telah menyentuh mengenai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat persediaan untuk mewujudkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sedang berjalan sepertimana yang dirancang. Rang undang-undang berhubung penubuhan suruhanjaya berkenaan sedang dikemas kini sebelum dibentangkan dan dibahaskan pada sesi Parlimen ini, dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat insya-Allah rang undang-undang tersebut akan dapat diluluskan dan seterusnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dapat ditubuhkan secara formal pada awal tahun hadapan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Gombak agar satu jawatankuasa Parlimen ditubuhkan untuk menyiasat semua tuduhan yang dituju terhadap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, alangkah ironinya cadangan Yang Berhormat tersebut sedangkan pihak pembangkang sendiri dan juga agen-agen mereka yang menguar-uarkan tohmahan dan fitnah yang tidak berasas ini.

Oleh itu tidak ada sebab satu jawatankuasa Parlimen perlu ditubuhkan hanya untuk memberi peluang kepada pihak pembangkang untuk cuba menegakkan benang basah dan mengiakan fatamorgana mereka sendiri. Yang Berhormat Gombak ingin mengetahui kenapa BPR...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...belum mengambil sebarang tindakan terhadap laporan polis oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pada 1 Julai terhadap Ketua Polis Negara dan Peguam Negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap. Untuk makluman Yang Berhormat kenyataan yang mengatakan bahawa BPR belum mengambil sebarang tindakan terhadap laporan tersebut adalah sama sekali tidak benar. BPR telah pun memulakan siasatan dan telah mengambil saksi-saksi termasuklah Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri untuk diambil keterangan. Buat masa ini, laporan ini masih lagi dalam peringkat akhir siasatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Saya mahu balik sedikit mengenai respons Yang Berhormat Menteri kepada cadangan bahawa adalah satu jawatankuasa siasatan Parlimen mengenai tuduhan-tuduhan yang ada dilemparkan kepada Yang Berhormat Pekan atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Oleh kerana beliau lagi enam bulan akan menjadi Perdana Menteri, dan kita tahu bahawa semua tuduhan ini tidak boleh dinafikan bahawa sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan dengan *decisive* nya boleh menunjukkan bahawa ini tidak benar oleh kerana tidak ada apa-apa tindakan diambil baik pun oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terhadap mereka yang buat tuduhan-tuduhan itu, bawa mereka ke mahkamah atau mengadakan satu siasatan yang terperinci. Bukankah untuk kebaikan kepada negara, untuk kebaikan nama baik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang akan menjadi Perdana Menteri bahawa semua tuduhan ini ditangani, disiasat dengan satu proses yang boleh dapat keyakinan rakyat ada kredibiliti kepada mata dunia.

Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa dia *innocence* bahawa dia tidak salah, bukankah ini satu cara baik untuk membersihkan nama dia dan pun untuk membersihkan nama baik negara oleh kerana apabila seorang Perdana Menteri ada tuduhan-tuduhan yang *dihaunted* dan *hunted* dengan begitu banyak tuduhan yang serius, ini tidak baik untuk negara kita. Bukankah ini lebih baik kalau kita mahu ada satu *Parliamentary Investigation Committee* adalah satu *Royal Commission Inquiry* supaya ada orang-orang yang ada berkaliber, ada berwibawa, ada *independent* boleh siasat dan boleh mengumumkan hasil iaitu bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri salah atau bersih. Bukankah ini akan baik untuk beliau dan negara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak didakwa di mahkamah. Jadi tidak perlulah beliau (Timbalan Perdana Menteri) tidak didakwa oleh mahkamah. Jadi lebih baik kita serahkan segala apa yang dikatakan itu kita serahkan kepada mahkamah untuk memutuskan. Lagipun kes Razak Baginda ini masih lagi dalam perbicaraan. Jadi kita kena benarkan bahawa kes ini berlalu terlebih dahulu dan selepas itu kalau sekiranya ada bukti yang sahih yang boleh adakan kes *prima facie* mendakwa Timbalan Perdana Menteri di mahkamah - bawalah. Kalau tidak kita akan dihalang oleh masalah yang sebenarnya luar daripada bidang kita, iaitu untuk mengadili seseorang itu di mana yang dianya tidak didakwa oleh mahkamah.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya kira lebih baik kita pusatkan perhatian kita untuk menyelesaikan masalah yang hadapan kita. Masalah ekonomi yang melibatkan secara besar-besaran di seluruh dunia itu satu perkara yang harus mendapat perhatian kita. Bukan sahaja daripada Timbalan Perdana Menteri tetapi juga daripada kalangan kita Ahli-ahli Parlimen. Jadi sebab itu saya harap supaya masa kita, kita manfaatkan untuk mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masalah negara yang sedang kita hadapi. Sebab itu saya tidak bersetuju

untuk diadakan apa yang dikatakan jawatankuasa Parlimen untuk menyiasat perkara yang diuar-uarkan sendiri oleh pembangkang itu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Pohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti kejap, saya hendak habis. Kalau tidak saya tidak bergerak langsung ini. Yang Berhormat Wangsa Maju mendakwa kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap Hakim Mahkamah Rayuan yang dikatakan terlibat dengan amalan rasuah.

Untuk makluman Yang Berhormat kenyataan bahawa kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap Hakim Mahkamah Rayuan yang dikatakan terlibat dengan amalan rasuah adalah tidak benar. BPR telah pun menjalankan siasatan ke atas hakim tersebut dan hasil siasatan mendapati tidak ada bukti kesalahan berlaku. Yang Berhormat Kalabakan persoalkan kebebasan BPR dan mencadangkan agar BPR bertanggungjawab terus kepada Parlimen.

Untuk makluman Yang Berhormat BPR bebas untuk menjalankan siasatan dan mengambil tindakan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Sebarang tindakan yang diambil oleh BPR dalam menjalankan siasatan adalah berasaskan kehendak peruntukan undang-undang dan tidak sekali-kali atas arahan atau saranan mana-mana pihak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

■1940

Yang Berhormat Kalabakan mempersoalkan kebebasan BPR dan mencadangkan agar BPR bertanggungjawab terus kepada Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, BPR bebas untuk menjalankan siasatan dan mengambil tindakan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Sebarang tindakan yang diambil oleh BPR dalam menjalankan siasatan adalah berasaskan kehendak peruntukan undang-undang dan tidak sesekali atas arahan atau saranan mana-mana pihak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kalabakan mencadangkan agar BPR membuat siasatan terhadap semua kes berunsur rasuah yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen atau yang dilaporkan dalam surat khabar. Untuk makluman Yang Berhormat, BPR akan menjalankan siasatan jika terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 telah dilakukan, yang dilakukan dari apa jua sumber termasuk yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen ataupun laporan akhbar.

Sememangnya menjadi tanggungjawab badan ini untuk mengesan dan menyiasat apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan di bawah akta ini. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat

mempunyai maklumat, adalah wajar ia dilaporkan terus kepada BPR dan bukan setakat membuat tohmahan kosong dalam Dewan Yang Mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta perhatian Tuan Yang di-Pertua. Saya ada 97 muka semuanya. Saya baru habis 30, ada 67 muka surat lagi dan rakan saya Yang Berhormat Bagan Datoh dan Senator akan menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri mengenai isu agama dan juga EPU. Saya minta satu *directions* daripada Tuan Yang di-Pertua, apakah perlu saya berhenti sekarang untuk membenarkan dan menjawab seterusnya secara bertulis dan membenarkan rakan saya untuk mengambil giliran menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Dua Yang Berhormat, beri laluan atau tidak.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit, sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, saya juga seorang ahli yang duduk dalam Dewan ini dan setiap kali Timbalan Perdana Menteri masuk, berbagai-bagai persoalan timbul.

Apakah yang paling terakhir hari ini *differed Eurocopter* dengan izin Tuan Yang di-Pertua daripada RM1.1 bilion, yang saya baca tu *balloon*, RM1.6 or 9 bilion, jadi ini tidakkah kalau selama saya duduk di sini, apabila datang Timbalan Perdana Menteri duduk di situ saya bayangkan mungkin kah saya berhadapan dengan seorang yang rasuah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu sangkaan jahatlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi perlu ada sesuatu yang perlu membersihkan nama dia. Mungkin kah sekarang Perdana Menteri kita diminta untuk letak jawatan, mungkin kah Timbalan Perdana Menteri terbabit dalam unsur-unsur seperti, apabila menteri jawab tadi saya rasa macam rasuah digalakkan dalam UMNO.

Mungkinkah rasuah juga berleluasa untuk minta Perdana Menteri kita letak jawatan. Jadi *all this* dengan izin, semua ini perlu dijawab. Jadi kita mahu tahu Sukhoi yang terbang itu, nyawa perajurit-perajurit kita ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kadang-kadang tuduhan melulu, apa guna untuk dijawab.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sebab itu perlu Tuan Yang di-Pertua perlu pembersihan. Tak kan saya hingga selama-lamanya kita mahu duduk ini. Menteri datang menteri jawab selamba sahaja, macam main bola pas bola pas sini, pas sana, tak kan kita mahu. *We want, saya first time Parliamentarian* menjurus kepada *first world Parliament, first world* tapi mungkinkah bakal...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat Padang Serai, sudah menjurus kepada *first world* Parlimen. Menteri sudah faham itu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi saya mahu, saya minta, saya mohon, merayu agar apakah Timbalan Perdana Menteri kita kenal dengan Altantuya di Rusia, di Mongolia, kita mahu tahu. Akan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat tolong Yang Berhormat jangan sama sekali mengambil kesempatan kepada kesabaran saya. Semua sangkaan jahat di bawah Peraturan Mesyuarat 36(6), kalau menuduh secara rambang tidak boleh. Akan tetapi menjadi budaya Parlimen ini, tuduhan secara rambang tidak apalah, pura-pura kita tidak dengar.

Kalau ada yang rasuah tunjuk, buat usul, lapor kepada BPR. Jangan tuduh-menuduh, sebelah tuduh kiri, kiri tuduh kanan. Sudah Yang Berhormat Padang Serai, sila menteri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita mohon dibersihkan nama bakal Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, yang tadi ini menteri sudah pun menjawab macam mana dia menjawab mengenai dengan soal rasuah ini. Sila menteri, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebelas. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua. Bukan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Padang Serai tidak duduk juga dan ingkar dengan arahan saya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kecuali Yang Berhormat Padang Serai mahu berehat beberapa hari. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah sebut kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri didakwa di mahkamah, maka dia boleh bela diri dia di mahkamah. Namun apabila dia dituduh di luar mahkamah, dia telah mengambil keputusan untuk mengangkat sumpah mengatakan dia tidak kenal tetapi orang tidak mengendahkan, apa dia boleh buat.

Jadi kalau kita adakan satu jawatankuasa di peringkat Parlimen, saya tidak menafikan iaitu bahawa Yang Berhormat dengan 80 yang lain lagi makna jumlahnya... Duduklah, saya menjawab ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, itu saya kata...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 35, apabila Yang Berhormat berdiri jangan cakap apa-apa kalau tidak dijemput. Ahli Yang Berhormat buat lagi seperti ini balik saya akan gunakan kuasa saya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak jemput, sila duduk. Saya tidak layan. Okey saya kena jawab. Jadi saya mengatakan itu bahawa mungkin Yang Berhormat memikirkan bahawa itulah dalam kepala Yang Berhormat setiap kali Timbalan Perdana Menteri masuk tetapi bagi kami 140 orang tidak fikir begitu, tidak fikir begitu. Jadi apakah hendak diambil kira suara yang kecil berbanding dengan suara yang besar. Di mana demokrasi?

Kita tidak merasa begitu sebab itu kita merasakan bahawa tidak perlu untuk kita mengadakan jawatankuasa bagi menilai tentang keupayaan Yang Berhormat Pekan untuk bakal menjadi Perdana Menteri selepas ini tidak berbangkit kerana kita 140 orang tidak berfikir begitu. Ini demokrasi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oleh sebab itu perkara tidak berbangkit dan kita merasakan bahawa Yang Berhormat Pekan tidak perlu membuat apa-apa kenyataan dan tidak perlu ditubuhkan pula jawatankuasa untuk menyiasat kes yang diuar-uarkan sendiri oleh pihak pembangkang. Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Yang di-Pertua: Ini nanti Yang Berhormat. Saya ingatkan menteri. Di bawah Peraturan Mesyuarat 37(1)(b) apabila seorang ahli ingin mencelah bukan menteri yang menjawab itu yang memanggil untuk Ahli-ahli Yang Berhormat itu bercakap kerana dia kata di sini "*ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi*", bukan menteri yang menjemput, terima kasih. Sila Yang Berhormat Batu Pahat. Ha, itu baru peraturan mesyuarat. *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya cukup yakin dengan komitmen *political will* kerajaan untuk mengatasi masalah rasuah di negara kita ini. Cuma saya tertarik apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri iaitu tentang cerita lapuk yang diulang-ulang ini dan ini sebenarnya daripada awal saya duduk di Parlimen sehingga ke hari ini diulang cerita yang sama seolah-olah menimbulkan dua perkara, satu persepsi buruk dan yang kedua ialah andaian-andaian.

Cuma saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya kita tidak ada satu cara dan kaedah supaya apabila perkara ini dibangkitkan di Parlimen dan kemudian diedarkan melalui web, melalui internet dan di luar sana sehingga menimbulkan satu gangguan yang menyebabkan persepsi rasuah kita bertambah buruk sedangkan perkara itu tidak berasas dan berasaskan kepada andaian-andaian.

Tidakkah BPR ini diberikan satu kuasa, panggil Ahli-ahli Parlimen ini, tanya mereka apa bukti dan sebagainya dan kemudian dilaporkan supaya jangan mereka terus mengeksploitasi

keadaan ini untuk memburukkan dalam keadaan kerajaan cukup komited untuk mengatasi masalah rasuah. Jadi apabila kena diri sendiri dia kata *defame* la, ada sangkaan jahatlah dan sebagainya sedangkan kita tahu Ketua Pengarah Imigresen pun kena.

Akan tetapi itu tidak dilihat sebagai satu komitmen kerajaan mengatasi masalah rasuah tetapi yang tidak ada asas ini diulang-ulang, disebut banyak kali seolah-olah kerajaan kita tidak ada komited. Ini yang saya rasa mendukacitakan dan apakah kita tidak boleh ambil tindakan maksudnya BPR panggil mereka ini. Yang Berhormat Ipoh Timur ini panggil, tanya dia mana bukti, jangan cakap sahaja dalam Dewan ini kemudian sebarkan di luar kata kerajaan rasuah dan sebagainya, tiada tindakan.

Ini saya rasa tidak adil, ini yang tidak patut dilakukan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebenarnya. Dia yang menyebabkan persepsi buruk terhadap kerajaan dan negara ini bertambah mendukacitakan.

■1950

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Menteri, sila respons. Ini ada kesimpulan Yang Berhormat, takkan bertunjuk-tunjuk ini. Sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk dalam isu ini, namun sebenarnya daripada segi pihak BPR, dia hanya setakat boleh pergi kepada orang yang mendakwa untuk bertanya apakah ada maklumat seperti yang didakwa dalam Dewan. Akan tetapi kalau tidak ada, maka dia tidak boleh buat apa-apa. Dia tidak boleh panggil *press conference* mengatakan iaitu tidak ada kes ini sebab itu terpulang kepada akhbar untuk melaporkan.

Jadi sebab itu sememangnya apa keadaan yang ada dalam negara ini tidak memihak kepada pihak kerajaan dalam soal persepsi ini. Jadi sebab itu saya minta kerjasama daripada Yang Berhormat Ipoh Timur iaitu dalam hal ini, bantulah kerajaan untuk lawan rasuah dan juga untuk memulihkan kedudukan indeks persepsi kita dan jangan memudaratkan lagi kedudukan kita. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 35(7), Tuan Yang di-Pertua ataupun Pengerusi boleh menghadkan masa bagi ahli-ahli berucap jika perlu. Jadi saya nampak ada keperluan di sini, oleh kerana 26 menteri belum lagi menjawab termasuk Menteri Kewangan baru dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat tertunggu-tunggu dengan jawapan-jawapan yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangkitkan.

Jadi bagi saya, permohonan daripada salah seorang menteri tadi itu bahawa banyak lagi persoalan. Kalau dipersetujui, saya tidak ada halangan oleh kerana kita mahu dengar menteri-menteri lain dan kita tidak ada masa, cuma tiga hari. Saya sudah membenarkan bahawa pada siang tadi sampai pukul 4, tiga jam untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada *back-benchers* dan Pembangkang. Jadi kalau boleh, biarlah yang belum dibangkitkan itu dijawab saja secara bertulis. Okey? Ya, sila satu lagi menteri daripada Jabatan Perdana Menteri.

7.52 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah saya tidak mengambil masa yang tidak begitu panjang kerana sahabat-sahabat pun akan pergi ke jamuan hari raya. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 yang menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria dari Padang Terap mencadangkan agar Jabatan Perdana Menteri menggubal Akta Pajak Gadai Islam yang mempunyai potensi untuk berkembang luas. Akta ini perlu berlandaskan syariah, tidak mempunyai riba' dan tempoh yang fleksibel. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Parlimen Padang Terap, industri pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu telah mula bertapak di Malaysia sejak tahun 1992. Ar-Rahnu merupakan satu bentuk instrumen kewangan yang memberikan kemudahan kepada masyarakat untuk mendapatkan pinjaman tunai dengan mudah berlandaskan kepada prinsip-prinsip syariah, di samping memelihara masyarakat daripada terlibat dengan amalan pinjaman berasaskan riba' dalam sistem pajak gadai konvensional.

Bagi operasi pajak gadai konvensional, pelesenan aktiviti tersebut dikawal oleh Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 atau Akta 1981, di mana agensi yang bertanggungjawab untuk mengawal operasi dan pelesenan pajak gadai konvensional di negara ini ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di bawah seksyen 46 Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 tersebut, satu pengecualian diberikan kepada peruntukan akta tersebut iaitu, "Sesuatu bank yang diberi lesen untuk menjalankan perniagaan bank di persekutuan, Bank Pertanian Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Bank Pertanian 1969 dan sesuatu syarikat kerjasama yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Persekutuan berhubung dengan syarikat kerjasama".

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu telah membangkitkan...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan Ar-Rahnu ini, kita sudah ada sekarang ini pajak gadai Islam. Akan tetapi apa yang saya dapati adalah masyarakat umum terutama yang golongan bawahan masih lagi tidak menyedari kewujudan Ar-Rahnu ini. Pada mereka apabila mereka terdesak, tempat yang akan mereka pergi adalah di pajak gadai konvensional biasa yang mana di situ terlibat dengan riba'.

Jadi, adakah agaknya usaha-usaha untuk memahamkan kepada golongan bawahan ini tentang kewujudan Ar-Rahnu dan Ar-Rahnu ini maknanya adalah lebih baik daripada pajak gadai konvensional kerana tidak terlibat dengan riba'. Ini pertanyaan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, ini satu pertanyaan yang cukup baik yang pada hemat saya ianya tidak harus hanya melibatkan Bank Rakyat yang mempunyai 121 *outlet* ataupun cawangan Ar-Rahnu dan 49 Ar-Rahnu yang dikendalikan oleh YAPEIM. Insya-Allah YAPEIM (Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam) sendiri akan mewujudkan sekurang-kurangnya 150 lagi Ar-Rahnu dan Insya-Allah sebanyak 300 cawangan kesemuanya ini akan mempunyai pejabat-pejabat yang mempunyai pegawai-pegawai penerangan untuk menjelaskan di peringkat akar umbi. Pada hemat saya, parti Yang Berhormat juga yang berlandaskan kepada Islam boleh menguar-uarkan perkara ini di kalangan ahli-ahli sebab Ar-Rahnu tidak melibatkan sebarang parti.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit, sedikit Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh tak kalau saya mencadangkan supaya kita buat satu promosi maknanya misalnya di bawah Ar-Rahnu itu besar ditulis 'Pajak Gadai Islam'. Jadi dengan ini memahamkan orang biasa, mungkin dia tengok Ar-Rahnu itu tidak mendatangkan pemahaman kepada dia bahawa itu adalah satu pajak gadai. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Satu lagi lontaran pandangan yang baik Tuan Yang di-Pertua, kerana ini soal penjenamaan. Ar-Rahnu dalam *bracket* dengan izin "Pajak Gadai Islam". Jadi kita juga menyarankan agar beberapa *outsourcing* dengan izin akan diberikan kepada usahawan-usahawan di tempat berkenaan untuk membuka bagi pihak YAPEIM dan modal dia tidak terlalu besar sangat. Saya fikir Yang Berhormat pun mampu kalau berhajat untuk membuka di kawasan Parlimen Yang Berhormat.

Oleh kerana perkembangan pesat industri perbankan dan kewangan Islam di negara ini turut mendorong beberapa institusi kewangan di Malaysia memperkenalkan sistem Ar-Rahnu sebagai salah satu produk perkhidmatan yang ditawarkan, maka beberapa koperasi sebenarnya Tan Sri Yang di-Pertua telah didaftarkan untuk menawarkan skim Ar-Rahnu juga. Ini termasuk beberapa organisasi seperti Muassasah Gadaian Islam Terengganu, AgroBank, Yayasan Islam Perlis dan Perbadanan Kemajuan Negeri Johor.

Manakala di Kelantan, ianya juga terletak di bawah agensi kerajaan negeri dan ini adalah merupakan kesedaran-kesedaran yang insya-Allah akan dapat dilatakan dan diakar umbikan asalkan semua pihak komited untuk melaksanakan beberapa aktiviti yang terlibat dengannya. Berbalik kepada lontaran pandangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Baharu mencadangkan agar diadakan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem kewangan secara menyeluruh melihatkan sambutan masyarakat terhadap sistem kewangan Islam ini, sudah tiba masanya saya kira lebih daripada 50 tahun kita merdeka, sistem kewangan Islam ini dilaksanakan secara menyeluruh. Ia bukan sahaja soal pajak gadai tapi soal pinjaman, sewa, kredit dan sebagainya supaya hapuskan dosa riba' di kalangan masyarakat.

Saya juga ini penegasan daripada pihak kerajaan, apakah kerajaan bercadang mewujudkan akaun berasingan terhadap hasil judi dan hasil cukai arak yang sekarang ini dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan yang jelas ini adalah bertentangan dengan prinsip kesucian Islam itu sendiri. Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Alhamdulillah, saya kebetulan Tuan Yang di-Pertua pagi tadi saya baru merasmikan *Islamic Global Finance Conference*. Di mana sistem perbankan dan kewangan Islam di peringkat global telah saya rasmikan dan yang melibatkan beberapa negara Islam dan negara bukan Islam sebagai peserta. Tuan

Yang di-Pertua, perkara yang menjadi polemik sekarang ini adakah sistem konvensional, kapitalisme yang berjalan dan meruntuhkan sistem kewangan di Amerika, di Eropah patut digantikan dengan sistem Islam.

■ 2000

Bagi saya, sistem Islam bukan sistem alternatif lagi. Sistem Islam ialah *the system*, ialah sistem pengganti kepada sistem bobrok dan bagi saya cendekiawan perbankan Islam, ahli-ahli politik dan pemangkin-pemangkin dalam organisasi serta harakah pergerakan Islam, khususnya yang terlibat dalam soal iktisad, dalam soal perekonomian, harus sama-sama menggerakkan fikrah, menggerakkan pemikiran untuk melakukan perubahan ini dan saya yakin *gradual changes*, dengan izin, di Malaysia, ianya sedang menuju ke arah itu. Manakala dalam soal cukai...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tunggu sebentar. Soal cukai yang tidak mahu disatukan, saya fikir ini satu cadangan yang baik dan insya-Allah kita akan mencadangkan kepada pihak Kabinet agar pengasingan ini dapat dilakukan supaya tidak ada syubhah di dalam perakaunan ini dan ini sesuatu yang harus kita terima hakikatnya sebab inilah kaedah untuk kita melaksanakan sistem muamalat Islamiah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya, Dato' Menteri. Berkaitan dengan soal pajak gadai Islam ini, saya bersetujulah bahawa satu penyediaan ruang untuk supaya masyarakat, khususnya masyarakat Islam ini tidak terjebak dengan riba, lalu sebagai satu persediaan itu, kita telah sediakan pajak gadai Islam tetapi harus diingat kita tidak boleh hanya sekadar berbangga tentang pajak gadai Islam kerana pajak gadai itu sendiri, ia menggambarkan bahawa orang yang tidak ada duit, maknanya dalam keadaan terdesak dan selalunya menjadi amalan orang-orang kampung, orang susah dan sebagainya, pada waktu-waktu tertentu dalam keadaan yang mendesak, maka dia akan menggadaikan apa-apa barangan yang ada pada dia untuk dia mendapatkan wang bagi perbelanjaan.

Itu menunjukkan bahawa taraf hidup rakyat itu, khususnya di kalangan masyarakat Islam itu masih tidak meningkat. Jadi kita tidak boleh hanya berbangga, oh, kita sudah buat pajak gadai Islam, lalu kita rasa bahawa ini satu penyelesaian kepada masalah hidup yang dihadapi oleh orang Islam tetapi kita harus lihat ialah bagaimana kita hendak meningkatkan taraf hidup ekonomi khususnya di kalangan orang Islam menggunakan instrumen-instrumen kewangan ekonomi yang ada dalam Islam. Umpamanya saya katakan bahawa pengurusan zakat. Sehingga sekarang kita melihat bahawa pengurusan zakat merata-rata, maknanya kita lihat bahawa tidak dibuat dengan secara begitu efisien dalam usaha untuk membangunkan taraf hidup rakyat khususnya di kalangan orang Islam.

Malah saya hendak katakan bahawa..., saya tertinggal Jawapan Bertulis daripada kerajaan kepada saya berkaitan dengan GLC-GLC di peringkat Kerajaan Pusat, hanya beberapa GLC sahaja yang mengeluarkan zakat dan membayar zakat. Maknanya kerajaan sendiri yang dok bangga kata bahawa kita mengamalkan sistem kewangan Islam, sistem ekonomi Islam, sedangkan GLC kerajaan sendiri pun tidak mengeluarkan zakat. Hanya beberapa GLC sahaja yang mengeluarkan zakat.

Jadi saya katakan bahawa harus diberikan penekanan kepada persoalan GLC-GLC ini supaya mereka dapat mengeluarkan zakat dan pengurusan zakat itu mestilah lebih efisien untuk membangunkan taraf hidup rakyat dari segi meningkatkan pendapatan rakyat itu sendiri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, penggadaian Islam bukan satu-satunya jalan untuk meningkatkan taraf kehidupan atau ekonomi orang Islam tetapi salah satu jalan untuk menyelesaikan beberapa permasalahan. Satu trend kajian untuk makluman Yang Berhormat Pokok Sena, pajak gadai yang diletakkan di bandar yang tidak ramai orang Melayu, lebih ramai dilanggan oleh orang Islam, tetapi pajak gadai Islam *Ar-Rahnu* diletakkan di bandar-bandar yang majoriti orang Islam, tidak ramai orang datang sebab mungkin mereka malu untuk menggadaikan barangnya.

Mereka sanggup untuk pergi ke kawasan-kawasan orang bukan Islam untuk menggadaikannya. Ini adalah satu hakikat kajian secara berstruktur yang telah kita lakukan.

Ertinya, penyelesaian melalui penggadaian barangan itu bukan satu-satunya kaedah untuk memberikan pambanterasan terhadap masalah kemiskinan dan sebagainya. Saya bersetuju sangat beberapa instrumen kewangan Islam seperti *sukuk*, seperti kaedah-kaedah mudarabah, *musyarakah* dan beberapa perkara yang lain harus dilakukan dan pada hemat saya perkara ini bukan sahaja harus ada dan dilakukan di Malaysia tetapi pada hemat saya, ianya harus di meratakan. Di dalam perbincangan tadi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Kuala Selangor, sebentar. Perbincangan tadi di dalam perbankan dan kewangan antarabangsa, kami menyebutkan beberapa perkara yang menyentuh tentang soal perbezaan atau khilafiah di kalangan mazhab-mazhab terhadap sesuatu hukum. Sekarang ini kami mencari jalan agar kita ketepikan khilafiah yang menyebutkan perkara-perkara yang furuk, bukan perkara yang cabang tetapi berdasarkan kepada prinsip-prinsip kewangan Islam, dijadikan sebagai asas persetujuan. Itu harus diterima oleh semua supaya beberapa permasalahan dapat diselesaikan.

Di samping itu, soal pengurusan zakat. Walaupun kita cukup menghormati bahawa institusi dan organisasi Islam serta kuasa agama adalah di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja-Raja tetapi kami mempunyai iltizam yang cukup kuat untuk menyelaraskan soal pengurusan, soal pengagihan dan penggunaan zakat keseluruhannya melalui Majlis Agama Islam, melalui Baitulmal negeri-negeri termasuklah penubuhan pusat-pusat zakat dan pusat pengagihan zakat dan moto kami dengan izin, *tagline* kami, "*kami bukan beri ikan, tetapi kami beri kail*", supaya orang yang dapat ikan itu menggunakan kail untuk mencari rezeki mereka.

Alhamdulillah, asnaf yang telah dikenal pasti ini telah kami koordinasikan di semua peringkat dan setiap tahun kami ada empat kali persidangan koordinasi pengurusan zakat di seluruh negara, dan alhamdulillah semua Majlis Agama Islam dan badan-badan baitulmal telah turut berpartisipasi dalam wacana dan juga mengadakan beberapa perbincangan secara gerak kerja intelektual terhadap penyelesaian masalah itu.

Begitu juga tentang soal GLCs yang dikatakan tidak membayar zakat, sebahagian daripada keuntungan itu untuk zakat. Kami sebenarnya telah mengusahakan dengan pihak Kementerian Kewangan bahawa 2.5% daripada keuntungan keseluruhan itu disalurkan kepada zakat dan ini telah saya usahakan dan Kertas Kabinet telah disediakan dan akan mendapat komen daripada pelbagai kementerian yang berkenaan. Di samping itu, bukan sekadar GLC Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang dimiliki oleh orang Islam pun telah kami cadangkan supaya membayar 2.5% daripada keuntungan itu untuk zakat dan selain daripada itu terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Bagi saya ini satu pendekatan yang proaktif, yang bukan sahaja ianya datang daripada lontaran kawan-kawan di sana tetapi kita juga di sini turut proaktif, dan sensitif tentang perkara-perkara yang telah disebutkan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Menteri. Walaupun ada disebut tadi bahawa kerajaan sedang menyediakan macam satu rangka rancangan untuk memastikan GLCs ini membayar zakat, apa masalah kepada GLCs ini. Takkan GLCs tidak boleh faham soal keperluan untuk membayar zakat, mengeluarkan zakat atas zakat perniagaan mereka sendiri. Apa masalahnya sehingga hendak kena keluar satu arahan, sedangkan kalau ikut jawapan Menteri Kewangan kepada saya, ada GLC-GLC yang telah pun mengeluarkan zakat. Maknanya tidak perlulah hendak tunggu satu arahan yang *clear*. Umpamanya disebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, menteri sudah kata ada tindakan, Yang Berhormat. Tidak perlulah tanya lagi..

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi itu saya katakan bahawa kenapa selama ini hanya GLCs ini, saya sebut di sini ya, Telekom Berhad, Tenaga Nasional, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana, FELDA Holdings dan FELCRA Berhad. Itu sahaja, sedangkan berapa banyak GLCs yang ada. Apa masalah kepada GLCs lain yang juga turut membuat keuntungan. Petronas, satu-satu GLC yang terunggul dalam negara kita yang banyak membuat keuntungan, tiba-tiba tidak tersenarai sebagai satu GLC yang mengeluarkan zakat. Apa masalah dia? Ini persoalannya, sehingga hendak kena tunggu satu arahan, hendak minta pandangan pula daripada mereka.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat belum jadi kerajaan. Jadi perkara-perkara yang bersangkutan dengan soal koordinasi pentadbiran harus kita hayati sebenarnya. Mungkin dalam senarai yang diberikan itu Tabung Haji tidak termasuk tetapi Tabung Haji adalah organisasi pertama yang mengeluarkan zakat, bagi pihak pencarum dan bagi pihak keuntungan syarikat. Walaupun soal pemberian zakat pencarum itu adalah ibadah badaniah, tetapi kita mendapat persetujuan daripada pencarum-pencarum untuk melakukan, dengan izin, *empowerment*, kepada Tabung Haji untuk melakukannya.

Alhamdulillahlah, ada barakah yang diperolehi daripada kaedah-kaedah yang telah saya lakukan dan jalankan, dan insya-Allah apa yang Yang Berhormat sarankan, soal ini bukan soal yang mudah sebenarnya, ada beberapa perkara yang harus diselesaikan dan insya-Allah dalam waktu terdekat, ada pengumuman yang penting akan saya buat. Tuan Yang di-Pertua, Kuala Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kuala Selangor, ringkaskan, jangan berucap Yang Berhormat ya.

■ 2010

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cukup tertarik dengan penjelasan yang dibuat dan komitmen dan iltizam Yang Berhormat Menteri atas isu kewangan Islam ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah sedikit lagi apakah daripada Jabatan Perdana Menteri di bawah kementerian Yang Berhormat, apakah ini bukan

masanya atau apakah kita tidak boleh menegaskan kepentingan mengarusperdanakan kewangan Islam khususnya yang berlatarbelakangkan krisis kewangan dunia hari ini? Yang mana kalau saya boleh lanjutkan sedikit daripada apa yang disebutkan sebagai Ar-Rahnu tadi.

Memang seperti mana Yang Berhormat Menteri sebutkan, komitmen untuk mengarusperdanakan lagi kewangan dan perbankan Islam khususnya kerana punca tercetusnya krisis kewangan dunia ini adalah justeru kerana *leveraging on* apa yang disebut sebagai *mortgage backed securitization*. *Leveraging over leveraging* yang seluruhnya bersabit dengan kewangan. Kalau kita ambil kewangan itu, dia ada dua. Satu *equity based*, satu lagi *debt based*.

Yang Berhormat Menteri sedia maklum betapa dalam kewangan Islam itu *it is essentially equity based* yang merupakan satu yang bersifat *partnership* pada akhirnya sebab itu dalam kewangan Islam *it is either* Musyarakah dan Mudarabah. Oleh kerana itu, sejauh manakah komitmen kementerian atau pun di bawah *portfolio* Yang Berhormat Menteri untuk benar-benar mengarusperdanakan kewangan Islam ini kerana ia secara jelasnya mampu mengambil alih sistem kewangan yang bersifat ribawi ini? Jadi, kita belum nampak, kalau di sudut *capitalization* nya sejauh mana kewangan Islam dapat menandingi lebih baik lagi mengambil alih sistem ribawi yang jelas membawa keruntuhan, apa yang dikatakan sebagai *global financial structure* ini yang keseluruhannya bergantung kepada sistem *debt based* yang *leveraging over leveraging* yang kesemuanya membawa kepada sebenarnya apa yang dikatakan sebagai istilah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Minta Yang Berhormat Menteri beri penjelasan tentang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri faham.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya maklum sangat bahawa Yang Berhormat Kuala Selangor, inilah bidangnya. Sebenarnya dari segi *Islamic financing*. Saya menghormati pandangan beliau. Oleh kerana sistem kewangan yang ada sama ada *equity based* ataupun *debt based*, saya fikir ianya di luar bidang saya kerana ianya terletak di bawah Kementerian Kewangan atau pun di bawah seorang lagi sahabat saya daripada JPM yang akan mengatur arahkan ke arah usaha mengarusperdanakan sistem kewangan Islam itu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu, tunggu Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebelum saya menyelesaikan masalah ini, satu kongres ekonomi Islam akan dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam yang bukan sahaja melibatkan cendekiawan Muslim tetapi melibatkan ahli-ahli perbankan pelbagai, *cross the cultural barriers* dengan izin dan juga daripada pelbagai negara.

Saya telah membincangkan agar semua NGO Islam yang terlibat dalam soal ekonomi, parti-parti politik juga tidak terkecuali untuk sama-sama melibatkan diri dalam kongres ekonomi Islam dan marilah dalam waktu terdekat ini sama-sama kita mengatur arahkan agar usaha mengurusperdanakan sistem ekonomi Islam ini akan dapat kita sama-sama laksanakan insya-Allah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi dalam macam-macam usaha dan menyahut apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Saya hendak tanya Yang Berhormat sejauh manakah Yang Berhormat bersedia untuk membantu Kerajaan Kelantan khususnya rakyat Kelantan? Saya orang Kelantan, saya terpaksa bercakap Tuan Yang di-Pertua walaupun pahit tetapi perkara benar.

Dengan macam-macam program yang Yang Berhormat sebut tadi sebab Kelantan bajet yang dibentangkan baru-baru ini defisitnya RM20 juta lebih, pendapatannya lebih kurang RM300 juta dan saya dapati ianya hasil daripada tanah dan juga premium kayu balak. Lain-lain tidak ada. Jadi, oleh kerana negeri ini yang disebut "Serambi Mekah" kepimpinannya kepimpinan Islam, jadi Yang Berhormat pun sebutkan tadi hendak buat kongres bagaimana kaedah di mana kalau boleh bahawa dibantu Kerajaan Kelantan ini merealisasikan supaya peningkatan kehidupan rakyat Kelantan bertambah selain daripada - saya bercakap ini benda yang benar, terus dengan retorik-retorik tetapi kita berpakat mana yang baik untuk membangunkan rakyat yang daif, yang perlu dibantu. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya apa yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan adalah menuju ke arah itu. Dalam *portfolio* saya, pagi tadi di Dewan yang mulia ini telah saya sebutkan bahawa dari segi peruntukan JAKIM umpamanya, peruntukan di kalangan guru-guru KAFA umpamanya, Kelantan adalah negeri yang tertinggi yang memperoleh peruntukan KAFA iaitu RM22 juta.

Peruntukan daripada guru Tamil juga yang tinggi, peruntukan kepada imam-imam juga tertinggi. Malah, rakan saya dari Kementerian Pelajaran juga memberikan peluang kepada SABK di bawah Kementerian Pelajaran untuk diserapkan supaya beban kewangan Kerajaan Negeri Kelantan itu dapat diringkankan. Ertinya, komitmen yang dilakukan bukan setakat retorik tetapi melalui *portfolio* saya, saya lakukan yang terbaik. Itu sebabnya saya sebutkan di Dewan yang mulia ini pagi tadi bahawa daripada seluruh peruntukan JAKIM untuk pembangunan Islam, lima buah negeri yang Barisan Nasional kalah menggunakan 48.6% daripada seluruh peruntukan. Ini adalah satu komitmen yang saya fikir tidak perlu dipertikaikan dan saya fikir dari

segi perancangan ekonomi yang lain, mungkin sahabat saya sebentar lagi boleh menyatakan apakah perancangan jangka panjang dan sederhana yang akan merangkumi pembangunan ekonomi di negeri Kelantan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk kepada apa yang dilontarkan oleh Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu yang mencadangkan agar diadakan dialog atau diskusi antara agama atau dengan izin, *interfaith dialogue* dengan pihak-pihak yang berkaitan tentang isu-isu yang menyentuh agama Islam.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya pulangkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan keprihatinan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Saya sebagai rakyat negeri Kelantan amat berterima kasih di atas perhatian dan kerjasama yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Cuma persoalan saya apakah sebenarnya rasionalnya diwujudkan Jabatan Pembangunan Persekutuan sebab kebanyakan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kelantan adalah melalui JPP dan tidak melalui kerajaan negeri. Di mana sebenarnya hak demokrasi? Seharusnya pembangunan negeri diberi hak yang sama. Jadi, begitu juga peruntukan Ahli-ahli Parlimen. Sebagai contoh saya sebagai Ahli Parlimen di Kelantan tidak mendapat satu sen pun peruntukan daripada Kerajaan Pusat? Di mana sebenarnya keadilan untuk rakyat? Jadi, kalau benar-benar untuk membangunkan negeri dan rakyat yang lebih daripada 9% adalah Melayu Islam. Sebenarnya di mana keikhlasan kerajaan? Saya minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, keikhlasan ini adalah sesuatu yang subjektif. Kita harus lihat diri kita sendiri sama ada kita sendiri ikhlas atau tidak? Sama ada kita sendiri mengakui hakikat atau tidak bahawa Kerajaan Persekutuan adalah kerajaan yang ada sekarang. Kita harus iktiraf mengiktiraf bahawa ada timbul rasa hormat antara kita. Saya tidak adil untuk mengambil alih tugas sahabat saya untuk di Kementerian Kewangan atau pun *portfolio* ekonomi yang lain untuk menyebutkan walaupun saya ada latar belakang untuk menjawabnya tetapi di luar bidang saya. Namun, dalam soal keadilan insya-Allah, apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat tidak mengira negeri mana tetapi yang penting ialah kebangunan ummah pada keseluruhannya. Ummah itu penting dan insya-Allah ini akan disebutkan. Kalau tidak panjang saya menjawab, ini akan dijawab dengan panjang lebar sebentar lagi.

Mengenai *interfaith* ini Tuan Yang di-Pertua, saya fikir isu-isu begini memang sewajarnya dibincangkan secara tertutup. Ini lontaran pandangan Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Bukan sahaja ianya akan menyebabkan pertikaian tentang soal sensitiviti kesucian

agama Islam tetapi melibatkan rasa tidak hormat orang lain terhadap kita kalau kita berbincang secara terbuka.

■ 2020

Dengan yang demikian, JAKIM yang terlibat secara langsung untuk mengendalikan *interfaith dialogue* ini telah bekerjasama dengan IKIM, Institut Kefahaman Islam Malaysia, di mana JAKIM juga adalah anggota kepada Ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perpaduan Negara yang telah menganjurkan beberapa program dialog atau diskusi antara agama secara tertutup.

Di samping itu juga, JAKIM terlibat dalam dialog-dialog keagamaan yang dianjurkan secara tertutup oleh IKIM sebagaimana yang disebutkan tadi. JAKIM sentiasa membuka ruang kepada mana-mana agama untuk berdialog secara berdisiplin dan berhemah dalam memberi kefahaman dan pendirian tentang soal-soal yang melibatkan maruah dan kepentingan agama Islam.

Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu juga turut mencadangkan supaya kerja-kerja dakwah dipertingkatkan dengan mendakwa badan-badan agama kerajaan gagal dan tidak berjaya di dalam misi dakwah. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKIM sebagai agensi agama di peringkat pusat dan Jabatan Agama Islam di peringkat negeri sentiasa berusaha meningkatkan aktiviti dakwah kepada pelbagai golongan yang melibatkan semua peringkat masyarakat termasuk kakitangan kerajaan, swasta, NGO, wanita, ibu tunggal, pemimpin masyarakat, IPTA-IPTS dan pelbagai pihak yang lain.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Selain daripada program-program dakwah untuk memberi penerangan serta kesedaran dan berkait dengan aktiviti iaitu apa yang disebutkan sebagai *interfaith dialogue* ini.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah usaha jabatan Yang Berhormat yang menjaga hal ehwal Islam untuk memberi penerangan mengenai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara? Memang kita mengizinkan agama lain bebas dianuti oleh mana-mana pihak. Itu yang dijamin dalam Perlembagaan. Akan tetapi di dalam Perlembagaan juga meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara. Bererti walaupun ada kebebasan tetapi tidak boleh disamakan agama Islam sama taraf dengan agama-agama lain, di dalam mereka mempersoalkan kedudukan kebebasan beragama dari segi sudut *human rights* dan seumpamanya.

Ini banyak menimbulkan kekeliruan mengenai dengan kebebasan. Akan tetapi ada kaedah dan ada peraturan sebab ia termaktub di dalam Perlembagaan, Islam sebagai agama rasmi. Oleh itu Islam tidak boleh diletakkan sama taraf dengan agama-agama lain walaupun mereka bebas menganuti agama mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah diambil. Kalau Yang Berhormat masih ingat lagi ketika Allahyarham Tun Syed Nasir menjadi

Tuan Yang di-Pertua YADIM, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Ada Bulan Dakwah, ada Bulan Zakat, ada Bulan Amal Jariah dan sebagainya. Saya telah berbincang dengan rakan-rakan dalam Majlis Perundingan Islam. Majlis Perundingan Islam ini dianggotai oleh semua cendekiawan dan aktivis Islam dari pelbagai golongan termasuk parti politik untuk kita mencerna beberapa idea yang harus dihadamkan bagi terjemahan untuk pelaksanaannya.

Di antaranya, soal *interfaith dialogue* tadi dengan izin, dan juga beberapa program dakwah. Insya-Allah, dalam bulan Februari ini akan dilancarkan semula setelah 35 tahun tidak wujud iaitu Bulan Dakwah Peringkat Kebangsaan yang melibatkan semua jabatan agama Islam negeri-negeri. Semua sekali, tidak terkecuali satu negeri pun. Ini adalah satu usaha untuk mendaulatkan Islam sebagaimana Yang Berhormat sebutkan sebab agama Islam itu adalah tinggi. Manakala parti politik dan organisasi lain itu adalah *vehicle* atau pentas untuk membantu memberikan kedaulatan, martabat dan harakat yang tinggi kepada Islam.

Alhamdulillah usaha ini telah mendapat dukungan daripada semua pihak. Usaha-usaha ini bukan mudah untuk mendapat kejayaan jika tidak ada kerjasama daripada semua pihak. Akan tetapi alhamdulillah setakat ini, semua pihak telah memberikan kerjasama yang cukup baik termasuklah NGO yang selama ini dianggap dan dilabelkan *anti establishment*. Sebenarnya usaha yang baik ialah mendekati diri dengan mereka. Bukan menghukum tetapi ialah mendekati diri dengan mereka, memahami hasrat mereka supaya dalam soal agama, kita dapat bersama-sama. Bukan dengan mengadakan beberapa garis pemisah di antara kerajaan dengan badan-badan berkenaan.

Malahan saya sendiri telah mengusahakan agar bantuan-bantuan tahunan dan bulanan diberikan kepada badan-badan dakwah seperti ini kerana kerajaan tidak mampu untuk melaksanakan sendiri tetapi dijalankan aktiviti-nya oleh badan-badan berkenaan. Sesuai dengan firman Allah S.W.T.... [*Menyebut sepotong ayat Al-Quran*] dengan izin. Ini kerana pendakwaan harus dilakukan dengan kebijaksanaan, dengan tatasusila dan pendekatan yang terbaik. Dengan *toto kromo*, dengan izin yang halus, supaya penerimaan itu merata. Kebanyakan usaha berdakwah itu dahulu ialah menghukum, bukan mendakwahi. Itu tidak boleh, ini tidak boleh, termasuklah dakwah yang dilakukan kepada Mat-Mat Rempit. Menghukum mereka tetapi tidak berdakwah di kalangan mereka. Pendekatan kini berbeza Yang Berhormat. Insya-Allah, kalau kita dapat kerjasama daripada semua pihak, usaha ini akan berjaya dalam waktu yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu turut menyarankan JAKIM mengkaji semula format rancangan *Forum Perdana* serta mengkaji semula fungsi JADIM dan IKIM agar tugas dakwah agensi tersebut tidak bertindih di dalam tugas dakwah masing-masing. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKIM sentiasa berusaha mempertingkatkan usaha-usaha dakwah kepada masyarakat. JAKIM sedia mengkaji penambahan dan pembaikan kepada aktiviti-aktiviti seperti *Forum Perdana*, *Hal Ehwal Islam* agar selari dengan perkembangan semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, JAKIM dengan kerjasama RTM telah mengadakan *Bicara Mufti* setiap hari, 365 hari setahun dengan mengambil semua mufti, timbalan mufti dan ulama-ulama untuk melontarkan pelbagai perkara yang menjadi perbincangan masyarakat yang dipanggil sebagai isu-isu *mauduk, topical issues* dengan izin, supaya masyarakat dapat memahami, bukan sahaja hasrat soal hukum-hakam tetapi soal-soal yang merata di dalam perundangan Islam dan Islam sebagai *ad-din, a complete way of life*, dengan izin.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi, saya ingin tahu, adakah Jabatan Agama Islam bercadang untuk mewujudkan satu *channel*, saluran TV khas seperti Radio IKIM. Ini adalah kerana terlalu banyak bidang-bidang yang hendak kita dakwahkan di kalangan masyarakat. Saya rasa sudah tiba masanya kerana bidang-bidang ini kalau di radio sahaja, kita rasa mungkin kurang berkesan. Saya berharap kita dapat mewujudkan satu saluran untuk pendakwah Islam. Wallahualam.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, JAKIM mempunyai satu unit yang dipanggil MEP, Media Elektronik dan Penyiaran. Saya telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak terutamanya BERNAMA TV. Sewaktu saya menjadi Timbalan Menteri Penerangan, saya mengusahakan agar sebuah saluran khas berita 24 jam diwujudkan. Saya menggunakan pendekatan yang sama untuk menukar MEP ini menjadi TV JAKIM dan kami telah mengusahakan dengan sebuah stesen swasta untuk menyiarkan semua program JAKIM yang selama ini kita salurkan kepada beberapa saluran TV untuk diadakan provokasinya oleh kita sendiri di samping memperoleh bahan-bahan produksi dengan izin, *production house* daripada luar untuk menyiarkannya. Saya fikir, beri saya tempoh paling lama enam bulan agar TV JAKIM ini akan dapat direalisasikan dan saya minta Ahli Yang Berhormat juga akan menjadi *subscriber* yang pertama kepada TV JAKIM ini, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sahabat saya menunggu. Ada beberapa muka surat sahaja yang perlu diselesaikan dan saya minta kefahaman daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya tidak mencelah..

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: ..agar saya dapat menyelesaikan..

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya minta sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pernah menjadi Setiausaha kepada Yang Berhormat Menteri ini selama tujuh tahun.

Jadi, saya macam sudah boleh baca gambaran dalam kepala terhadap persoalan itu. Menyentuh berkenaan dengan JAKIM Yang Berhormat Menteri, kalau ditanya kepada saya, saya impikan peranan JAKIM yang lebih besar daripada soal siaran radio ataupun anjuran forum dan sebagainya. Pada tahun-tahun 70-an dahulu Yang Berhormat Menteri, kita tidak terbayang tentang idea-idea besar semacam menubuhkan universiti Islam, perbankan Islam dan sebagainya. Akan tetapi kerana hebatnya perdebatan dan perbincangan, maka idea besar itu dapat kita terjemahkan. Apa yang saya maksudkan ialah berdasarkan kepada senario sekarang, kita harapkan JAKIM itu dapat mendahului dari sudut membentuk acuan pemikiran orang-orang Islam.

■2030

Maknanya dia tidak berada di belakang, dia berada di saf depan. Kalau misalnya menghadapi kemelut sosial dalam masyarakat, JAKIM berada di depan dalam memberikan cadangan-cadangan penyelesaian. Kalau kita berdepan dengan kemelut ekonomi global, JAKIM memberikan saranan yang ke depan dari perspektif Islam bagaimana cara kita mendidik, *educate* rakyat dalam menghadapi fenomena ini misalnya, dan banyak lagi idea-idea besar itu.

Yang saya harapkan ialah peranan JAKIM itu berada di depan dalam membentuk pemikiran rakyat dalam melihat apa masalah yang berlaku dalam negara. Saya mohon penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat Yang Berhormat Machang ini tidak berbeza daripada dahulu, lontaran pandangannya tetap berkualiti. Untuk menyarankan agar JAKIM mendepani semua isu mengenai perubahan kepada pemikiran Islam inilah yang sebenarnya yang sedang berada dalam saluran perancangan kita untuk diterjemahkan pelaksanaannya, termasuklah apabila soal fatwa umpamanya. Dahulu kita ada satu Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, ada Majlis Fatwa Kebangsaan dan sekarang ini kita telah bersetuju untuk menubuhkan Darul Iftar, sebuah institusi untuk mencanai beberapa permasalahan yang tidak wujud lagi tetapi kita menjangkakan secara *futuristicnya* dengan izin, mengkaji dan menggali beberapa permasalahan yang harus kita selesaikan. Ini termasuklah masalah yang terbaru apabila ada di kalangan daripada Ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang soal 'pengkid' yang tidak pernah sebelum ini tetapi wujud sekarang ini. Ia juga telah ditangani oleh pihak JAKIM.

Saya juga amat bersetuju jika JAKIM terus berada di garisan hadapan untuk bukan sahaja menangani permasalahan-permasalahan ummah keseluruhannya tetapi merubah minda dan mengadakan anjakan paradigma yang berbeza sekarang ini. Saya lihat di kalangan pemuka-pemuka agama, di kalangan cendekiawan dan para ulama terdapat semacam dengan izin, *a blend* di kalangan mereka sebab saya telah melontarkan slogan supaya "*Memprofesionalkan ulama dan mengulamakan profesional*". Slogan ataupun *tagline* ini telah diterima dengan baik bukan sekadar retorik tetapi diterjemahkan dalam beberapa bentuk

tindakan. Insya-Allah kita juga akan menjemput rakan-rakan kita dalam pelbagai organisasi termasuk juga parti politik untuk bersama-sama bagi kita merungkai beberapa masalah jika ada supaya permasalahan ummah dapat diselesaikan pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu juga mencadangkan penubuhan masjid yang berkonsepkan mesra masyarakat Cina atau Masjid Cina di mana pengisiannya akan dapat menarik minat masyarakat berbangsa Cina dengan semua aktiviti yang disampaikan dalam bahasa Cina sebagaimana yang dipraktikkan di Masjid Jamek di Jalan Masjid India yang mana pengisian aktiviti dari segi khutbah, kuliah dan sebagainya disampaikan dalam bahasa Tamil. Kerajaan akan mempertimbangkan penubuhan Masjid Cina di negara ini yang berkonsepkan mesra masyarakat Cina dan kaum komuniti masyarakat setempat. Namun ia tidak boleh dinamakan Masjid Cina walaupun insya-Allah ia akan ditadbirkan oleh jawatankuasa terdiri daripada orang Cina Muslim kerana kita mempunyai tanggapan bahawa masjid harus terbuka kepada semua kaum dan keterbukaan ini hendaklah kepada seluruh masyarakat Islam.

Bagi mengimarahkan tujuan ini dan pelaksanaan aktiviti keagamaan dan sosial akan diselaraskan dengan Persatuan Cina Muslim Malaysia atau MACMA dan saya juga telah menerima beberapa saranan kertas cadangan yang telah perbincangan secara terperinci termasuklah memperoleh tanah yang bersesuaian untuk mendirikan masjid berkenaan. Dari sudut kos pembinaan kami telah bincangkan penyelenggaraan dan pemantauan akan diberikan pertanggungjawaban sepenuhnya kepada pihak berkuasa agama atau Majlis Agama Islam Negeri, dalam kes Wilayah Persekutuan ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, manakala JAKIM dan agensi negeri lain insya-Allah akan mengadakan penyelarasan dengan pihak MACMA serta NGO lain bagi melaksanakan pelbagai program yang sesuai khususnya untuk memperlihatkan keunikan dan keindahan ajaran Islam kepada seluruh masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, pada masa kini terdapat seramai 108,763 orang saudara Muslim yang terdiri daripada pelbagai bangsa di negara ini. Daripada jumlah tersebut lebih 60% sebenarnya terdiri daripada rakan-rakan kita kaum Cina.

Kini di negeri Kelantan terdapat sebuah masjid yang sedang dibina oleh Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Masjid Jubli Perak di Rantau Pajang. Kami mendapat tahu bahawa Imam yang akan dilantik ialah imam berketurunan Cina. Ini adalah satu perkembangan yang baik. Kita jangan kira negeri tetapi untuk kepentingan Islam kita harus memberikan sokongan terhadap cadangan berkenaan.

Yang Berhormat seterusnya mencadangkan agar agensi...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya tertarik apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi tidak kira negeri, yang pentingnya adalah Islam. Saya ingin bertanya, adakah usaha daripada pihak Yang Berhormat sebagai seorang menteri untuk memastikan masjid-masjid

dan surau-surau ini diterajui oleh jawatankuasa yang dipilih oleh ahli kariahnya sendiri bukan ditetapkan oleh pihak majlis agama negeri masing-masing, terutamanya di Wilayah Persekutuan ini sendiri di mana di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri sendiri.

Contohnya di Masjid Kampung Baru, saya sudah menerima banyak aduan daripada ahli kariah Masjid Kampung Baru di mana diterajui oleh - minta maaf, kalau saya terpaksa sebutkan orang Pahang. Bendaharinya adalah orang Pahang juga yang merupakan adik kepada Timbalan Perdana Menteri dan saya dimaklumkan salah seorang ahli jawatankuasanya juga adalah anak kepada Timbalan Perdana Menteri. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ahli kariah.

Jadi, kalaulah benar-benar kerajaan ikhlas untuk memastikan pengurusan masjid untuk memakmurkan masjid itu sendiri, maka saya mencadangkan supaya dipulangkan balik kepada ahli kariah untuk memilih siapakah pengerusi dan ahli jawatankuasa masjid. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah saya boleh lakukan sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat. Namun cuba tanya balik kepada negeri-negeri yang diperintah oleh rakan-rakan yang separti dengan Ahli Yang Berhormat, sanggup atau tidak melakukan perkara yang sama sebagaimana yang kita lakukan. Lebih teruk lagi keadaannya di negeri-negeri yang diperintah oleh parti Yang Berhormat di mana ahli-ahli jawatankuasa yang lama dibuang, di mana pemilihan tidak dibuat oleh ahli Jemaah...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tunggu dulu.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya tidak bersetuju itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat tidak lihat masjid yang saya ubahsuaikan sendiri ditukarkan ahli jawatankuasanya pada hal titah daripada Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak yang menjadi Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Perak menitahkan supaya jawatankuasa lama dikekalkan tetapi inilah hakikat yang berlaku. Kita harus melihat supaya mendapat perimbangan. Jangan melihat kesalahan di Wilayah Persekutuan sahaja, lihat di negeri-negeri lain dalam perkara ini.

Saya liberal dalam perkara ini. Kalau kita perlu mengubah perkara ini supaya ahli kariah memilihnya kita akan lakukan tetapi mesti diselaraskan di seluruh negara. Jangan hanya menuding jari di Wilayah Persekutuan, kita lakukan semua ini. Insya-Allah kita akan lakukan dengan mengadakan mesyuarat penyelarasan semua Yang di-Pertua atau Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri-negeri supaya kita lakukan begitu. Biar ahli kariah yang menentukan dan bukan pihak yang berkuasa menentukan. Itulah cara yang terbaik kerana kadang-kadang berlaku pengerusi masjid cukup kerap pergi masjid, dua kali sahaja setahun iaitu ketika sembahyang sunat Aidilfitri dan Aidiladha. Hari-hari lain tidak ada, waktu Jumaat pun tidak ada.

Saya tidak kata parti mana tetapi itulah hakikat yang berlaku kerana sistem itu harus diubah. Oleh kerana hanya orang yang berpengaruh sahaja diletakkan sebagai pengerusi, akhirnya masjid itu mati. Hendak dapatkan satu saf pun susah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak emosional tetapi itu adalah hakikat yang saya nyatakan di Dewan yang mulia ini dan saya fikir bahawa kita harus berubah. Jangan berubah di sesuatu tempat tetapi di seluruh negara.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah dimaklumkan kepada saya masjid mana yang dikatakan di Perak yang melakukan perkara tersebut saya secara personal akan berjumpa sendiri dengan Menteri Besar Perak untuk membawa hal yang tersebut sebab saya suka kepada perkara yang terbuka dan telus. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat, sebahagian besar masjid di negeri Perak. Itulah hakikatnya. Sila sampaikan salam saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak. Inilah hakikatnya yang berlaku di bawah yang mungkin beliau tidak ketahui. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyambung.

Yang Berhormat seterusnya mencadangkan agar agensi berkaitan mencetak warkah atau perutusan Sayidina Ali bin Abu Talib kepada Malik bin Al-Harrith sempena pelantikannya sebagai Gabenor Mesir yang mengandungi prinsip-prinsip pemerintahan Islam yang syumul meliputi aspek perundangan, kehakiman, kewangan, perdagangan dan sebagainya.

■2040

Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah kerajaan akan berusaha bagi memperoleh teks asal, menterjemahkannya mengikut versi yang benar serta mencetak warkah perutusan berkenaan sempena dengan pelantikan Sayidina Ali bin Abi Talib kepada Malik bin Al-Harith sebagai Gabenor Mesir yang mengandungi prinsip-prinsip pemerintahan Islam yang syumul yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia di dunia ini. Malaysia adalah sebuah negara Islam yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Prinsip-prinsip yang terdapat di dalam ajaran Islam adalah untuk kebahagiaan semua manusia kerana ia berasaskan kepada keadilan untuk semua kaum dan akan dapat mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tenom mencadangkan agar kerajaan melantik pegawai atau *attaché* Jabatan Agama Islam Malaysia di luar negara. Beliau mencadangkan untuk permulaan ditempatkan pegawai tersebut di London, Chicago, Sydney, Tokyo dan beberapa tempat lain untuk memudahkan urusan penyeliaan dan pemantauan runding cara dakwah, nikah cerai dan pendaftaran saudara-saudara Islam atau rakyat Malaysia di negara-negara berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JAKIM telah mengemukakan permohonan kepada JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai pewujudan jawatan *attaché* agama di luar negara. Negara-negara yang terlibat ialah Australia diletakkan di Canberra, Mesir di Kaherah,

United Kingdom di London dan Amerika Syarikat di Washington DC. JAKIM telah dimaklumkan oleh Wisma Putra bahawa Kerajaan Mesir telah memberikan persetujuan untuk menempatkan seorang *attaché* agama JAKIM di Kedutaan Malaysia di Kaherah. Walau bagaimanapun disebabkan pembekuan pewujudan jawatan baru, perkara ini ditangguhkan buat sementara waktu ini. Walau bagaimanapun kita masih mengusahakan agar *attaché* agama ini akan dapat ditempatkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di sana dan sini yang telah memberikan keprihatinan yang cukup tinggi kepada portfolio saya dan memberikan kepedulian yang maksimum untuk kita sama-sama memberikan, mendaulatkan, mendarjatkan dan mengharakatkan agama Islam yang syumul ini. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila menteri.

8.42 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, di sini izinkan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009. Pada kesempatan ini saya ingin menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri khususnya Unit Perancang Ekonomi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu mengenai ekonomi mikro, Dasar Ekonomi Baru, isu pengagihan dan kemiskinan serta isu-isu lain. Kebanyakan isu berkaitan ekonomi mikro akan diperjelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, manakala saya akan menyentuh isu-isu yang selainnya.

Dalam keadaan ekonomi dunia semasa yang tidak menentu ini, terdapat saranan agar kadar inflasi dikawal supaya pendapatan boleh guna atau *disposable income* dengan izin, rakyat tidak terhakis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kulai, kerajaan sedar bahawa kenaikan kadar inflasi akan menghakis pendapatan boleh guna rakyat. Oleh itu kerajaan telah mengambil pelbagai langkah jangka pendek bagi mengurangkan beban yang dialami rakyat, khususnya golongan miskin dan berpendapatan rendah. Ini termasuk pelaksanaan Skim Jaringan Keselamatan Sosial dengan memperluaskan bantuan kepada kanak-kanak, orang tua, golongan miskin, golongan kurang upaya dan masyarakat Orang Asli.

Untuk memastikan tambang pengangkutan awam yang tidak membebankan rakyat, kerajaan telah mengekalkan harga diesel dan gas NGV bersubsidi kepada pengusaha pengangkutan awam. Gas memasak telah juga tidak dinaikkan. Selain daripada itu pemberian rebet tunai sebanyak RM150 kepada pemilik motosikal dan RM625 kepada pemilik kereta. Bagi membantu mengurangkan beban rakyat, kerajaan juga memberi subsidi petrol dan subsidi diesel

kepada 30 sen seliter dan ini dapat dinikmati oleh semua golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ini menunjukkan bahawa kerajaan prihatin dan juga memberi perhatian kepada golongan berpendapatan sederhana kerana mereka juga turut merasakan beban akibat daripada kenaikan harga minyak dan bahan makanan.

Dalam hubungan ini, jumlah bantuan minimum yang dinikmati oleh kesemua isi rumah sekurang-kurangnya RM200 dan boleh mencapai maksimum RM1,500 sebulan melebihi paras Pendapatan Garis Kemiskinan atau PGK.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu adakah apa-apa cadangan spesifik untuk melindungi pekerja yang dibuang kerja akibat kegawatan nampaknya akan berlaku dalam masa yang tidak lama lagi. Adakah cadangan-cadangan spesifik untuk membantu mereka yang dibuang kerja? Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Ada beberapa rancangan untuk mengekalkan ataupun meringankan beban-beban rakyat Malaysia yang akan dibuang kerja terutama sekali kita perhatikan di Singapura misalnya banyak pekerja-pekerja Malaysia yang mungkin akan kehilangan pekerjaan kerana situasi ekonomi di Singapura agak meruncingkan. Oleh itu kita ada beberapa program-program seperti membuat dalam bahasa Inggerisnya *employment opportunity* dari segi di pihak kerajaan agar terus dapat mengambil pekerja-pekerja baru supaya dapat kita mengelakkan daripada rakyat Malaysia kehilangan mata pencarian.

Banyak program-program latihan atau *reskilling* dengan izin, akan dibuat supaya dapat pekerja-pekerja Malaysia yang akan kehilangan mata pencarian dapat menyesuaikan diri untuk pekerjaan-pekerjaan yang dapat diagihkan untuk keselesaan mereka. Di samping langkah-langkah jangka pendek tersebut yang saya sebut tadi, kerajaan turut membuat perancangan jangka sederhana dan jangka panjang bagi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Ini termasuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan yang menjana pendapatan tinggi melalui konsep pembangunan wilayah koridor yang diharap akan menarik pelaburan tempatan dan asing.

Di samping ini, pelaburan dalam dan luar negeri akan terus digalakkan dengan meningkatkan liberalisasi dan mengkaji semula peraturan berkaitan bidang tugas Jawatankuasa Pelaburan Asing atau FIC...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Mohon penjelasan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya selesaikan perenggan ini. Peningkatan pelaburan seperti ini juga akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang boleh meningkatkan

pendapatan. Umpamanya sebanyak 5,000 peluang pekerjaan dijangka dapat diwujudkan di Iskandar Malaysia pada tahun 2009. Sila.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan Yang Berhormat Menteri masih berkisar kepada pelaksanaan program koridor. Saya minggu lepas kita mengikuti pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan keputusan kerajaan untuk mengkaji balik pelaksanaan beberapa skop dalam program koridor kerana masalah krisis kewangan global.

Jadi bagaimana sebenarnya dari segi jawapan itu boleh kita terima dari sudut mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Yang Berhormat Menteri, saya mohon diberikan penjelasan bagaimana sebenarnya krisis kewangan global ini memberikan kesan ke atas Malaysia dari sudut perdagangan, dari sudut *oil revenues* dengan izin, dari sudut *business activities*, dari sudut *growth rate*, dari sudut *employment and living standards* dan dari segi impak jangka panjang.

Ini semua memberi kesan kepada kualiti kehidupan rakyat, keupayaan mereka untuk bertahan dalam keadaan ini. Jadi ada sedikit paradoks dari segi jawapan bahawa masih bergantung kepada pelaksanaan program koridor ketika pengumuman Perdana Menteri mengatakan sudah dilangsaikan dan sebagainya. Sedangkan kita memang betul-betul menghadapi kesan daripada krisis ini. Terima kasih.

■ 2050

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih. Saya akan adakan, di dalam ucapan saya ini akan ada nanti paragraf berkenaan dengan koridor. Dari segi komen-komen Yang Berhormat berkenaan dengan impak krisis kewangan seperti saya telah katakan tadi, dari segi impak mikroekonominya akan diperjelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 4 hari bulan ini. Jadi tunggulah penjelasan impak kewangan dari segi jangka pendek. Dari segi penjelasan saya ini, saya akan menekankan isu-isu jangka sederhana dan jangka panjang, supaya kita dapat melindungi ekonomi kita atau pun dapat kita menjanakan ekonomi kita dengan lancar atau pun *growth* yang baik dari segi jangka pendeknya, jangka sederhana dan jangka panjang. Oleh itu saya harap saya dapat menjawab soalan Yang Berhormat berkenaan koridor nanti bila tiba ke perenggan berkenaan dengan koridor.

So, saya akan teruskan ucapan saya. Dalam usaha untuk membina keupayaan bagi meningkatkan pendapatan, kerajaan turut menyediakan kemudahan latihan dan peluang meningkatkan kemahiran melalui pelbagai institusi supaya rakyat memperoleh pekerjaan yang berpendapatan lumayan. Umpamanya institusi latihan dan kemahiran dijangka dapat melatih 130,00 peserta pada tahun 2008. Selain itu kerajaan juga menyediakan kemudahan menjalankan perniagaan melalui proses pemberian lesen yang lebih mudah oleh PBT dan pemberian kredit mikro kepada program Amanah Ikhtiar Malaysia, Tekun, Bank SME dan Bank Agro.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2008, AIM telah meluluskan pinjaman sebanyak RM2.7 bilion kepada hampir 200,000 peminjam. Sementara itu bagi tempoh Januari hingga September tahun ini, Tekun pula telah pun mengeluarkan pinjaman sebanyak RM236.6 juta kepada 17,000 peminjam. Dalam tempoh yang sama Bank SME telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM1.6 bilion kepada 908 peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati Dasar Ekonomi Baru, DEB masih merupakan topik yang cenderung ditimbulkan di Dewan ini.

Dr. Lo'Lo'Mohamad Ghazali: Minta laluan.

Tan Sri Amirsham bin Ismail: Ini jelas apabila Ahli-ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan membangkitkan isu mengenai semasa Perbahasan Bajet 2009 di Dewan yang mulia ini. Matlamat utama DEB iaitu mencapai perpaduan nasional masih lagi relevan dan telah dikekalkan dalam dasar-dasar pembangunan selepas DEB iaitu Dasar Pembangunan Nasional atau DPM, Dasar Wawasan Negara dan paling akhir Misi Nasional 2006.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada beberapa orang yang bangun Yang Berhormat. Yang mana satu?

Dr. Lo'Lo'Mohamad Ghazali: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin bertanya sedikit iaitu berkenaan dengan Tekun. Saya hendak mendapat maklumat sejauh mana trend pembayaran peminjam-peminjam Tekun itu balik kepada dana Tekun itu sendiri. Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Setakat ini saya tak dapat maklumat yang Tekun mempunyai masalah dari segi pembayaran balik peminjam-peminjam. Oleh itu saya tidak rasa adalah tertekan Tekun dari segi sumber kewangan untuk terus memberi pinjaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Selayang bangun Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi telah mengatakan kadar inflasi telah naik dan langkah-langkah yang diambil seperti membayar rebat kepada pemilik-pemilik motosikal dan kereta. Orang yang termiskin tidak mampu membeli motosikal dan kereta. Kadar inflasi naik oleh sebab harga minyak telah naik 70 sen sekali gus pada bulan Jun dan pada masa ini harga naik harga minyak telah turun USD 67 setong. Adakah kerajaan akan menurunkan lagi harga minyak dan kedua apa langkah yang diambil selain daripada mengadakan Giant dan *hypermarket* untuk mengurangkan harga barang-barang tetapi kepada orang miskin mereka tidak membeli barang-barang di *hypermarket* dan Giant apa langkah diambil supaya harga barang diturunkan. Minta penjelasan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Berkenaan dengan harga minyak seperti yang terhormat telah maklumkan bahawa kerajaan akan terus memantau harga pasaran dunia selama ini kita telah nampak penurunan harga minyak global. Kerajaan pun telah mengarahkan syarikat-syarikat

minyak atau pun telah menentukan penurunan harga minyak daripada RM2.70 pada tahap yang tinggi ke sekarang RM2.30.

Kerajaan telah pun memberi perjanjian bahawa ada terus pemantauan harga minyak ini dan akan dikaji tiap-tiap bulan malah penurunan yang baru ini kita tak tunggu pun sebulan. Kita tengok harga telah menurun dan Kabinet telah terus memberi penurunan harga minyak. Oleh itu sabarlah, mungkin dalam perbincangan Kabinet yang akan datang dapat Jemaah Menteri memutuskan lagi tentang keputusan harga minyak.

Berkenaan dengan penurunan harga barang. Kerajaan mengawal hanya beberapa sahaja harga barang sekarang ini, tidak lebih daripada enam barang yang dikawal harganya. Selain dari itu adalah mengikut harga pasaran. Kerajaan telah cuba beberapa kali dan membuat perundingan dengan berbagai-bagai pihak, peruncit-peruncit dan juga pengimport-pengimport supaya dapat kita memanfaatkan penurunan harga kepada rakyat. Oleh itu baru-baru ini dapat Menteri Perdagangan Dalam Negeri mendapat persetujuan dari beberapa *hypermarket* yang besar untuk menurunkan harga barang.

Selain dari itu kita sebagai pengguna harus menggunakan kuasa pengguna untuk menekan kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga supaya dapat peniaga menurunkan harga barang.

Saya sendiri sebagai seorang pengguna kalau saya dapat tahu bahawa sesuatu kedai itu mengenakan harga yang tinggi, saya lari ke kedai lain yang dapat memberi maklumat kepada kedai yang harga tinggi itu. Saya dapati bahawa dengan maklumat yang saya beri bahawa harga mereka terlalu tinggi dapat mereka menurunkan. Oleh itu kita tak boleh *under estimate* dengan izin penggunaan *power of the consumer*.

Yang Berhormat juga ada menyentuh tentang penurunan harga minyak atau pun subsidi harga minyak tidak dapat memberi manfaat kepada orang miskin kerana orang miskin tidak menggunakan kereta. Kita ada program-program lain untuk memberi manfaat kepada orang-orang miskin. Program-program bantuan sosial yang seperti yang saya beritahu awal tadi yang kerajaan menanggung daripada RM200 paling minimum ke RM1,500 sebulan itu adalah bantuan yang *direct* atau yang langsung diberi kepada orang miskin. Akan tetapi kerajaan juga tidak akan melupakan beban yang ditanggung oleh rakyat golongan menengah atau pun golongan berpendapatan rendah. Oleh itu akibat daripada kenaikan harga minyak kita harus memberi bantuan kepada golongan sasaran iaitu golongan menengah ini melalui rebat dan juga dengan memberi subsidi kepada harga minyak supaya dapat mereka mengelak dari beban kenaikan harga minyak global. Tuan Yang di-Pertua...

■2100

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Boleh saya teruskan nanti saya buka jalan lagi. Okey.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kesan dengan kenaikan harga minyak dan juga kenaikan harga barang ini. Memang yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa kerajaan telah pun menurunkan harga minyak tetapi penurunan itu pada kadar yang terlalu kecil. Kalau hendak dibandingkan dengan kenaikan yang begitu tinggi yang dinaikkan pada beberapa bulan yang lalu dengan kadar 78 sen seliter, tetapi bila naik 78 sen seliter kenaikan harga barang itu melambung tinggi.

Jadi, sudah tentu sukar bagi peniaga-peniaga ini untuk hendak menurunkan harga barang dalam keadaan penurunan itu terlalu kecil. Di sini juga kita melihat bahawa harga-harga barang kawalan kerajaan itu sendiri pun kita lihat bahawa kerajaan sendiri pun tidak dapat pastikan supaya kadar harga baru yang bersesuaian dengan harga minyak yang sudah pun turun itu dapat di turunkan. Sedangkan kalau saya katakan dari segi kedudukan harga minyak kita sekarang ini berada pada paras sewaktu tahun sebelum 1995.

Pada waktu 1995, pada waktu itu USD70 setong sedangkan harga sekarang ini tidak sampai USD70 setong. Lingkungan di bawah antara USD62 ke USD65 setong. Ini bermakna bahawa sepatutnya walaupun tidak dapat pada harga pada tahun 1995, tetapi sekurang-kurangnya kita dapat harga pada waktu kenaikan baru-baru ini iaitu RM1.92. Jadi, sekarang ini bagi saya seolah-olahnya kerajaan tidak bayar apa-apa subsidi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukuplah Yang Berhormat, sudah faham Yang Berhormat Menteri itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:... Kerajaan tidak bayar apa-apa subsidi kepada pengguna sebaliknya pengguna membayar subsidi kepada kerajaan. Jadi saya minta maknanya penurunan kali ini mestilah penurunan yang munasabah dengan kadar penurunan harga minyak daripada waktu naik itu lebih kurang USD65 ataupun USD67 sudah pun jatuh daripada harga yang asal itu.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Mungkin saya akan dapat membetulkan fakta. Sewaktu kita menaikkan harga minyak ke RM2.70 itu kita menggunakan harga minyak USD120 setong. Kita tidak mengubah harga minyak waktu harga minyak meningkat sampai USD147 setong, kita tidak gunakan itu. Jadi, oleh itu kalau dibuatkan perbandingan bahawa dulu USD147 setong sekarang turun ke USD70 setong turun 50% . Jadi kita harus dapat menikmati penurunan yang mendadak juga, itu adalah satu teori yang salah.

Walau bagaimanapun kerajaan tetap akan terus memberi manfaat penurunan harga minyak kepada rakyat. Penurunan harga minyak telah pun diberikan dan juga masih lagi ada elemen subsidi di dalam harga minyak sekarang ini. Subsidi yang 30 sen masih berada lagi

walaupun harga pam RM2.30. Kalau kita mengikut harga pasaran sewaktu kita membuat keputusan menurun kepada RM2.30 seharusnya RM2.60. Jadi maksudnya kerajaan masih lagi menanggung subsidi untuk meringankan beban rakyat.

Kita harap dengan penurunan yang kita alami untuk beberapa hari dalam minggu ini dapat juga Kabinet akan berbincang secepat mungkin kalau dapat kita memberi penurunan yang sewajarnya harga minyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar Thailand sebagai satu negara yang tidak mengeluarkan minyak. Pada hari ini minyak dijual di Thailand, Bangkok atau di Hadyai hanya RM2.20 seliter. Berbanding dengan Malaysia salah satu negara yang mengeluarkan minyak, harga minyak seliter lebih mahal dari Thailand. Boleh Yang Berhormat beri penjelasan kepada Dewan yang mulia ini mengapa harga sudah turun USD60 setong tetapi harga minyak tidak diturunkan serta-merta. Minta penjelasan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Kita ada masa untuk menentukan masa penurunan harga minyak bukan mekanisme dapat kita turunkan tiap-tiap hari. Jadi kita harus juga melihat dari segi peruncit-peruncit minyak ini pun. Kalau kita turunkan terlalu cepat ada juga protes daripada mereka kerana mereka akan mengalami kerugian kerana stok yang mereka ambil awal itu adalah daripada harga tinggi.

Jadi, kita harus mengambil kaedah menentukan setiap *stakeholder* tidak akan tersepit oleh sebab perubahan harga minyak ini. Saya kurang pasti berapa harga minyak di Thailand seperti Yang Berhormat tadi nyatakan, mungkin subsidi di Thailand ada lebih, tetapi subsidi di negara ini masih lagi 30 sen. Oleh itu, perbandingan juga adalah dari segi kualiti minyaknya. Kualiti setahu saya di Thailand kita memakai RON97, ada sekarang ini usul-usul kerajaan untuk menukarkan menggunakan RON95, kalau dapat kita gunakan RON95 mungkin dapat kita memberi manfaat harga rendah kepada pengguna-pengguna.

Itu kita masih lagi membuat kajian dan akan mendapat *feedback* daripada pengusaha-pengusaha motokar agar tidak akan memberi kesan kepada enjin-enjin motokar jika digunakan RON95 selain daripada RON97 yang masih digunakan sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, semua dasar ini dilaksanakan berasaskan falsafah pembangunan, pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama atau dengan izin, *growth with equity*. Bagi mencapai matlamat perpaduan nasional kerajaan telah mengekalkan dua strategi penting dalam dasar-dasar dan misi tersebut iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Bagi jangka masa panjang matlamat kerajaan dalam membantu bumiputera adalah untuk mewujudkan golongan usahawan bumiputera yang boleh bersaing di pasaran untuk memiliki

syarikat yang berdaya maju berdasarkan usaha mereka sendiri. Kerajaan sedar terdapat beberapa kekurangan dari segi keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar untuk mencapai matlamat DEB. Berikutan itu kerajaan sentiasa berusaha untuk mengkaji, menambah baik serta mengemas kini strategi dan mekanisme sedia ada di samping memperkenalkan strategi baru bagi meningkatkan keberkesanan dan meminimumkan ketirisan faedah yang bakal dinikmati oleh kumpulan sasaran.

Sebagai contoh kerajaan telah melaksanakan beberapa liberalisasi seperti pemilikan ekuiti dalam sektor perkilangan dan ICT. Di samping itu, kerajaan juga telah meningkatkan pemberian biasiswa kepada pelajar bukan bumiputera di bawah tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengambil pengambilan lebih ramai guna tenaga bukan bumiputera dalam sektor awam. Yang Berhormat Permatang Pauh seterusnya menyarankan agar Jawatankuasa Pelaburan Asing atau FIC dikaji agar daya saing ekonomi Malaysia meningkat. Untuk makluman Yang Berhormat peningkatan ekonomi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan

Tan Sri Amirsham A. Aziz: ...Dalam peringkat mengkaji peranan masa depan Jawatankuasa Pelaburan Asing antara lain FIC akan terus memberi penekanan meliberalisasikan sektor aktiviti ekonomi kecuali yang mempunyai kepentingan negara. Pendekatan ini adalah perlu sebagai persiapan negara untuk menghadapi pasaran global di samping mengukuh dan merangsang iklim pasaran tempatan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru akan secara berperingkat melalui proses liberalisasi. Jadi apakah ada diberi tempoh di mana dasar ini akan dimansuhkan tempoh, mesti ada satu tempoh untuk memastikan sasaran akan dicapai.

■2110

Jika tidak ada tempoh, ia sepanjang masa tidak akan mencapai sasarannya dan mungkin dalam perjalanan untuk mencapai sasaran, objektif Dasar Ekonomi Baru ini akan terkeluar. Jadi saya nak tahu, walaupun Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan tidak akan menghapuskan secara drastik tetapi menggunakan proses liberalisasi, apakah tempoh diberi? Itu persoalannya.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi sasaran Dasar Ekonomi Baru mengenai pengagihan ekuiti tetap diadakan bahawa 30% akan dicapai dalam tahun 2020. Bagi kaum India pula 13% dalam tahun 2020. Tempoh untuk mencapai sasaran ekuiti dari segi Dasar Ekonomi Baru adalah tahun 2020.

Selain daripada itu, liberalisasi berkenaan dengan membuat negara kita dapat bersaing dengan lebih gigih lagi akan terus dibuat untuk masa ini dan masa akan datang. Pelbagai perusahaan yang telah pun tidak diguna pakai lagi kegunaan FIC. Kebanyakan seperti perindustrian ICT seperti yang saya sebutkan tadi, perindustrian perkilangan yang besar juga sekarang ini tidak memerlukan penstrukturan ekuiti untuk mengembangkan. Ada FIC memberi

kelonggaran-kelonggaran untuk dapat kita menimbang dari segi pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan juga dapat meningkatkan persaingan negara dari segi mendapatkan pelaburan, baik di dalam negeri ataupun di luar negara. Boleh saya teruskan?

Seorang Ahli: Minta penjelasan tentang...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tak bagi jalan. Nanti saya berikan, banyak lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh minta jalan mengenai Dasar Ekonomi Baru?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Masih lagi dalam...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kali yang pertama saya berdiri, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Akan bagi kemudian tafi kata Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh, Dasar Ekonomi Baru...?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Okey, saya bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dasar Ekonomi Baru mengenai ekuiti 30% untuk bumiputera. Bukankah benar bahawa sebenarnya sasaran sudah dicapai? Lama sudah dicapai. Tentu Yang Berhormat tahu mengenai kontroversi tahun lalu, apabila ASLI ada membuat satu laporan bahawa mengikut perkiraan sebenarnya, kaum bumiputera sudah mencapai 46% lebih kurang mengenai ekuiti dan menimbulkan satu kontroversi. Ini tentulah dinafikan dan ditolak oleh pihak kerajaan dan EPU.

Satu masa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada buat jaminan bahawa kerajaan akan mengumumkan metodologi EPU, bagaimana boleh menunjukkan bahawa ekuiti bumiputera sebenarnya bukan 46% tetapi 19% ke 20%. Akan tetapi sungguhpun satu jaminan ada dibuat, sampai sekarang metodologi itu oleh EPU tidak diumumkan, sekarang di bawah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri. Kenapa EPU enggan mengumumkan metodologi? Adakah sebenarnya kalau EPU mengumumkan metodologi akan dilihat bahawa metodologi EPU itu tidak berasas, tidak profesional, tidak akademik kerana perkiraan ini tak betul.

Kedua, mengenai Dasar Ekonomi Baru. Tadi Yang Berhormat dalam jawapan kepada Yang Berhormat Batu Gajah, bukannya benar bahawa Dasar Ekonomi Baru sebenarnya untuk 20 tahun iaitu 1970 hingga 1990? Kenapa ini dilanjutkan tanpa satu perbahasan, satu persetujuan sepenuhnya daripada pihak MCA, GERAKAN, parti-parti komponen Barisan Nasional kerana mereka kata, mereka tak tahu. Bukankah ini lagi satu contoh di mana UMNO adalah buli parti-parti komponen Barisan Nasional?

Bukankah benar bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak boleh disamakan dengan Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan mengenai kedudukan khas untuk orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak, kerana Dasar Ekonomi Baru ialah melebihi daripada Artikel 153. Sebab itu cadangan memansuhkan Dasar Ekonomi Baru bukanlah satu cabaran kepada Artikel 153. Kalau cadangan untuk memansuhkan Dasar Ekonomi Baru ialah satu cabaran kepada Artikel 153, orang yang bersalah antara lain ialah Timbalan Perdana Menteri yang baru-baru ini kata bahawa Dasar Ekonomi Baru akan dimansuhkan berperingkat-peringkat. Adakah beliau mencabar hak Melayu? Tidak! Oleh kerana Dasar Ekonomi Baru ialah lebih daripada Artikel 153. Saya harap bahawa Yang Berhormat boleh maklumkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen khususnya Yang Berhormat Batu Pahat yang cuba untuk menyamakan Dasar Ekonomi Baru dengan Artikel 153 itu tak benar.! Ini tak bertanggungjawab, itu berbahaya, subversif kepada *Malaysia-Malaysian Buildings*.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya nak menjelaskan berkenaan dengan metodologi yang digunakan untuk menentukan kepentingan ekuiti dari segi bumiputera. Metodologi yang digunakan EPU adalah *simple*. Pertama, kita tak termasuk mengira syarikat-syarikat GLC. Syarikat-syarikat GLC yang pemilikannya ialah oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri, itu tak termasuk dalam golongan bumiputera. Kalau tiap-tiap pemilikan GLC atau hak Kementerian Kewangan adalah milikan rakyat Malaysia semuanya, bukannya untuk satu kaum sahaja. Itu berbeza dengan penggunaan metodologi yang digunakan oleh ASLI. ASLI mengambil kira semua GLC. Itu adalah satu metodologi yang salah.

Kedua, kita menggunakan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah sebelum itu, mengenai *point* pertama...

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tunggu saya habiskan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebelum itu, *before you go further, can we..., on the first point, short one, okay? Short one.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat fasihlah, pakar dalam perkara ini. Dia CEO Maybank. Dia *master of the subject*. Boleh? *Point* yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia minta izin Yang Berhormat. Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Kalau begitu, mengenai tidak ambil kira GLC, kenapa kalau GLC sekarang dijalankan sebagai syarikat-syarikat untuk memajukan kepentingan bumiputera dan bukan untuk kepentingan rakyat Malaysia? Bukankan perlu bahawa GLC dimajukan, diuruskan sebagai satu syarikat untuk semua rakyat Malaysia dan bukan satu kaum sahaja? Kalau itulah definisinya. Kalau tidak, bukankah ini *contradictory*?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Kita gunakan ekuiti. Ekuitinya ialah ekuiti kerajaan. Kerajaan Malaysia ialah kerajaan untuk semua rakyat. Jadi anggapan bahawa GLC digunakan hanya untuk satu kaum, itulah anggapan yang saya tak tahu dari mana Yang Berhormat dapatlah.

Yang kedua dari segi metodologinya, kita menggunakan dari segi *par value* kerana banyak syarikat-syarikat yang tidak disenaraikan di dalam bursa. Jadi kita gunakan *par value*. *Par value* ini tidaklah ada perubahan antara *market value* yang tiap-tiap hari kita akan alami. Oleh itu, metodologi yang digunakan memang digunakan konsisten daripada mula kita gunakan metodologi ini pada tahun 1970-an sehingga sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Par value* RM1, 40 tahun dahulu gunakan harga itu. Bukankah ini *fantastic scandalous outrages...*

Tan Sri Amirsham A. Aziz: *You can debate on* dari segi metodologi, tak ada metodologi yang betul atau salah, tetapi gunakan mana yang lebih kita rasa konsisten.

■ 2120

Dari segi mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru seharusnya tamat. Memang betul Dasar Ekonomi Baru sudah tamat tetapi yang kita jalankan sekarang ialah dasar-dasarnya seperti saya menguar-uarkan tadi bahawa kita hanya mengekalkan hanya dua strategi penting yang diambil daripada Dasar Ekonomi Baru iaitu dasar-dasar untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Apakah salahnya kita gunakan falsafah ini dan juga kita menggunakan *four strategies* iaitu strategi untuk membasmi pengiraan kaum dan untuk menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Itu pun adalah matlamat yang normal.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, tetapi *but the civil service* lebih *Malay* dari *Malaysian*, kenapa? *Worse and worse rather than Malaysian becoming more and more Malay service rather than a Malaysian civil service*. Bukankah ini *contradiction* lagi?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Meminta penjelasan, DEB. *Just a short point*.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: *Let me finish this thing*. Masa pun tidak berapa banyak. Okey. Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, lagi satu *point*. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak boleh disamakan dengan Perkara 153 dalam Perlembagaan. Adakah setuju?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya bukannya *expert* dengan isu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, *you are the CEO of Maybank*. *If you say you don't know, CEO that we have, no wonder the bank are in trouble. Please give me the answer...*
[Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: *I'm not dengan izin, I'm not an expert in constitutional issue.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Bolehkah Dasar Ekonomi Baru disamakan dengan *Article 153*?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Even that you don't know. How can you be standing here? You go to senate then. Go back to senate!*

Tan Sri Amirsham A. Aziz: *You can say what ever.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* ...akan tetapi *you tell me to answer this question.* Tidak boleh jawab soalan ini.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tadi Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri tadi sudah menjawab soalan ini. Telah menjawab tadi soalan ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No! Your answer! Cannot answer this question?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *You cannot force him to answer this question, Yang Berhormat.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tidak bolehlah macam tu, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, ya. Perkara 153 adalah luas dibincangkan tadi ketika Yang Berhormat Menteri menjawab, Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Permatang Pauh, Indera Mahkota dan Tuanan telah membahaskan kemiskinan. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, pendapatan garis panduan kemiskinan PGK yang digunakan sebenarnya dikemas kini setiap tahun bagi mengambil kira perubahan harga semasa dan ia juga telah mengambil kira perbezaan lokasi bandar dan luar bandar. Kerajaan faham dan prihatin terhadap bebanan yang ditanggung oleh golongan miskin dan berpendapatan rendah akibat tekanan harga.

Pihak kerajaan pada masa ini sedang menjalankan kajian untuk mendapatkan angka-angka terkini PGK dan kadar kemiskinan berdasarkan perubahan CPI semasa. Berasaskan hasil analisis penemuan tersebut kelak, kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk mengkaji semula secara lebih realistik tempoh sasaran membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat Marang, Gombak dan Sungai Siput, kerajaan semangnya memberi perhatian kepada usaha pembasmian kemiskinan dalam jangka panjang serta memastikan tiada golongan yang terpinggir. Kerajaan

telah memperkemas sistem pemantauan bagi memastikan pelaksanaan program dan kumpulan sasar dipantau sepenuhnya.

Ini termasuk melalui penubuhan kumpulan *focus group* di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Pada masa ini, unit pelan penyelarasan pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri juga dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia sedang memuktamadkan banci keluarga miskin dan miskin tegar yang akan menjadi asas kepada pangkalan data kemiskinan e-kasih. Untuk Ahli Yang Berhormat Marang, juga berdasarkan maklumat yang terkandung dalam e-kasih, ia adalah komprehensif merangkumi profil miskin dan miskin tegar termasuk dari segi umur, jantina, lokasi, program bantuan yang pernah diperolehi, jenis kecacatan dan sebagainya...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [*Bangun*]

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Berdasarkan maklumat berkenaan, agensi pelaksanaan dapat mengenal pasti ahli isi rumah yang produktif, yang boleh dikeluarkan dari kemiskinan serta warga tua, orang kurang upaya, ibu tunggal dan sebagainya yang memerlukan bantuan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Setakat ini, e-kasih telah mengenal pasti sejumlah 98,000 keluarga miskin dan miskin tegar yang akan diberi bantuan sewajarnya. Mengambil kira maklumat lengkap yang telah ada dalam e-kasih berkenaan, kerajaan berpandangan bahawa buat masa ini tidak ada keperluan untuk membuat kajian yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan dari segi sudut jangka panjang, apakah kerajaan menyediakan satu mekanisme kawalan kredit terhadap rakyat?

Kita lihat sekarang ini, akibat daripada kadar inflasi yang meningkat dan kenaikan harga barang, kadar penggunaan kredit adalah amat tinggi dalam masyarakat kita termasuklah pinjaman pendidikan, kenderaan, rumah, pinjaman along dan sebagainya sehingga hampir 80% pendapatan bayar untuk kredit. Jadi apa mekanisme kawalan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat kita tidak terus terbeban dengan arus kemiskinan akibat dengan fenomena yang ada sekarang ini.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Seperti yang saya beritahu tadi bahawa salah satu pelan jangka panjang untuk mengeluarkan rakyat daripada kemiskinan ialah memberi peluang perniagaan. Dengan peluang perniagaan, kita harus memberi kredit. Kredit yang diberi oleh pelbagai agensi mikro kredit adalah luas. Jadi sekarang ini tidak ada masalah atau peluang-peluang untuk orang miskin untuk mengakses atau mendapat kredit supaya dapat mereka menjalankan perniagaan.

Dari segi berapa banyak pinjaman ataupun pinjaman yang tidak akan membebaskan rakyat itu kita ada maklumat berkenaan dengan berapakah seseorang itu bertanggung dari segi

kredit. Oleh itu, syarikat-syarikat peminjam dapat memberi penentuan bahawa adakah orang yang akan meminjam ini berkemampuan untuk membayar balik kredit. Berkemampuan untuk membayar balik kredit adalah mustahak. Penting untuk pemberian kredit kerana pemberian kredit tujuannya adalah untuk memberi keselesaan kepada peminjam bukan untuk memberi kesusahan kepada peminjam. Oleh itu, saya tahu dulu sebagai seorang pegawai bank kita harus memberi pinjaman kredit yang tidak sewenang-wenangnya atau terus memberi beban kepada rakyat.

Jadi, itu adalah satu falsafah yang digunakan oleh setiap syarikat-syarikat peminjam. Yang Berhormat, memang benar secara mikronya jumlah peruntukan yang diagihkan khusus untuk kemiskinan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding kepada kemiskinan bandar. Sebagai contoh KKLW atau Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah agensi utama yang bertanggungjawab untuk program kemiskinan luar bandar merekodkan perbelanjaan sebanyak RM139 juta pada tahun 2007 berbanding dengan KPKT atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agensi utama yang bertanggungjawab untuk program kemiskinan bandar sebanyak RM19.9 juta pada tahun yang sama.

Walau bagaimanapun, perkiraan perbelanjaan sebenar untuk kemiskinan bandar akan meningkat berkali-kali ganda sekiranya semua kos termasuk kos melepas diambil kira ataupun *opportunity cost*. Contohnya program bantuan sewa rumah KPKT direkodkan sebagai RM124 sebulan bagi sebuah isi rumah. Mengikut harga pasaran nilai sebenar sewa rumah seperti di bawah Dewan Bandar raya misalnya di Kuala Lumpur adalah sekurang-kurangnya RM600 sebulan. Ini bermakna kerajaan menanggung kos melepas sebanyak RM476 sebulan.

Di samping itu, kerajaan juga memberi subsidi yang tinggi untuk menyediakan perumahan kepada golongan setinggan. Umpamanya kerajaan memberikan subsidi sebanyak RM114,000 bagi setiap unit rumah pangsa yang dijual kepada setinggan miskin sebanyak RM35,000 seunit di negeri Johor.

■ 2130

Mengenai pemberian subsidi oleh kerajaan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh yang didakwa tidak akan memberi kesan maksimum kepada orang miskin. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa pemberian subsidi merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat dalam menghadapi kesan daripada kenaikan harga keperluan harian seperti makanan, minyak dan sebagainya.

Kos sebenar yang ditanggung oleh kerajaan bagi memberi bantuan secara langsung kepada golongan sasaran agak tinggi. Antara program bantuan langsung ini adalah bantuan di bawah skim jaringan keselamatan sosial dengan nilai minimum seperti yang saya katakan tadi RM200 hingga RM1500 sebulan yang memberi faedah kepada 270 ribu orang penerima pada tahun 2007.

Kerajaan juga melaksanakan program bantuan kepada golongan nelayan miskin pantai sebanyak hampir RM1000 sebulan dengan bentuk subsidi petrol, wang tunai dan insentif pendaratan. Di samping itu sebanyak RM1 bilion ringgit setahun dibelanjakan untuk subsidi pertanian seperti baja, benih dan harga padi. Hampir RM40 juta dibelanjakan setiap tahun bagi menyediakan bantuan perumahan kepada golongan miskin tegar. Kerajaan juga mengambil berat terhadap bebanan yang ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah dan menengah yang dianggarkan berjumlah 3.3 juta keluarga. Sehubungan itu kerajaan memberi bantuan subsidi seperti subsidi petrol, diesel dan bantu meringankan beban akibat kenaikan harga minyak dan makanan.

Bagi makluman ahli Yang Berhormat Indera Mahkota, kerajaan telah mengguna pakai definisi golongan berpendapatan rendah iaitu mereka yang berpendapatan RM2000 ke bawah sebulan. Definisi mula diperkenalkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh yang demikian, tidak timbul isu yang mengelirukan dan memerlukan definisi yang baru.

Ahli Yang Berhormat Batu Pahat membangkitkan isu *Gini coefficient* Malaysia yang didakwa adalah lebih teruk jika dibandingkan dengan Indonesia dan Thailand. Kerajaan sememangnya mengambil perhatian dalam menangani isu ketidaksamaan pendapatan di kalangan penduduk di negara ini. Ini merupakan salah satu agenda utama kerajaan dan juga merupakan salah satu teras Misi Nasional iaitu menangani masalah ketidaksamaan isu ekonomi secara membina dan produktif. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, pekali Gini merupakan salah satu indikator dalam mengukur ketidakseimbangan pendapatan. Walau bagaimanapun bagi perbandingan antara negara ia nya perlu dibuat secara hati-hati kerana dalam keadaan sebenar adalah sukar untuk membezakan kedudukan agihan pendapatan antara negara. Ini kerana pendekatan yang diguna mungkin berbeza.

Sesetengah negara seperti Malaysia menggunakan pekali Gini berasaskan pendapatan, manakala sebahagian daripada negara seperti Rusia menggunakan perbelanjaan sebagai asas untuk mengukur pekali Gini. Kedua-dua pendekatan ini akan memberikan pekali Gini yang berbeza dan kedua-duanya adalah sukar untuk dibandingkan. Walaupun sesetengah negara menggunakan pendapatan sebagai ukuran kepada pekali Gini tetapi konsep dan definisi pendapatan yang digunakan mungkin berbeza yang boleh dihasilkan pekali Gini; yang tidak tepat dan dengan izin, *not directly comparable*.

Walaupun bagaimanapun dalam kes Malaysia apa yang lebih penting ialah hakikat bahawa corak agihan pendapatan telah bertambah baik. Maklumat terkini pada tahun 2007 menunjukkan pekali Gini mencatatkan 0.441 berbanding 0.459 pada tahun 1997. Berdasarkan kepada indikator lain seperti agihan pendapatan mengikut kumpulan, pendapatan ini juga didapati bertambah baik. Di mana bahagian pendapatan bagi golongan rendah dan menengah telah meningkat, ini juga menggambarkan ketidakseimbangan pendapatan Malaysia telah bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembangunan koridor pertumbuhan telah mendapat perhatian sebahagian besar Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Bajet 2009 ini. Ahli Yang Berhormat Pokok Sena, Wangsa Maju, Shah Alam dan Batu Pahat telah membangkitkan isu mengenai penumbuhan dan kemajuan pelaksanaan projek koridor pertumbuhan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun melancarkan lima pertumbuhan dan pelan induk setiap koridor berkenaan telah disediakan sebagai panduan kepada perancangan dan pembangunan koridor berkenaan.

Bagi projek-projek diterajui sektor awam dalam tempoh Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan bagi koridor pertumbuhan disediakan berjumlah RM10 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM0.9 bilion diperuntukkan kepada Iskandar Malaysia, RM1.6 bilion bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara, RM2.6 bilion untuk Wilayah Ekonomi Pantai Timur, RM2.5 bilion Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau SCORE, dan RM2.4 bilion untuk Koridor Pembangunan Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan koridor pertumbuhan ditubuhkan pada bulan Julai 2007, manakala peruntukan pembangunan baru sahaja diluluskan dalam bulan Julai 2008. Penyaluran peruntukan tersebut akan hanya dibuat dalam tahun 2009 iaitu sebanyak RM6.8 bilion, manakala bakinya dalam tahun 2010. Pecahan peruntukan bagi tahun 2009 adalah RM1.42 bilion untuk Iskandar, RM0.91 bilion untuk NCER, RM1.5 bilion bagi ECER, RM1.48 bilion bagi SCORE RM1.43 bilion SDC.

Peruntukan disediakan berasaskan permohonan dan kapasiti pelaksanaan oleh setiap pihak berkuasa koridor. Oleh itu sebahagian besar projek akan hanya dimulakan pada tahun 2009. Namun, bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek koridor pertumbuhan, pada tahun 2008, kerajaan telah menyalurkan peruntukan awal berasaskan permohonan pihak berkuasa koridor iaitu sebanyak RM300 juta kepada IRDA, RM45 juta kepada NCER, RM30 juta kepada ECER. Memandangkan Sedia atau Koridor Sabah belum ditubuhkan, manakala RECODA untuk Sarawak belum berfungsi penuh. Kedua-dua kerajaan negeri baru saja mewujudkan akaun amanah pada bulan Oktober ini, sebagai langkah interim bagi tujuan penyaluran peruntukan kepada HSDC dan SCORE.

Dari segi kemajuan pelaksanaan secara ringkasnya sejumlah 75 projek atau 34.9% daripada keseluruhan 215 projek dicadangkan kesemua koridor telah pun dimulakan kerja awalan seperti kerja-kerja ukur tanah, kajian *environmental impact assessment*, penyediaan tapak dan reka bentuk pada tahun 2008. Ini menunjukkan kerajaan tetap komited untuk meneruskan pelaksanaan projek-projek koridor supaya hasrat utama pelaksanaan projek koridor iaitu merapatkan jurang pembangunan dan seterusnya meningkatkan pendapatan dan taraf hidup dapat dicapai. Adalah tidak benar bahawa projek-projek koridor akan dikaji semula

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan berkenaan kemajuan program koridor. Saya nak menarik

perhatian Yang Berhormat Menteri kepada Koridor Utara supaya Dewan yang mulia ini boleh mendapat jawapan yang jelas daripada Yang Berhormat Menteri.

Pada awal tadi saya bangkitkan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan pelaksanaan projek di bawah program koridor ini yang terpaksa ditangguhkan kerana melibatkan kos yang besar. Itu penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, lebih seminggu yang lepas. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan bahawa kerja-kerja awal telah pun dijalankan terhadap sejumlah projek di bawah program koridor ini.

Kedah misalnya, antara program besarnya ialah di bawah sub topik *oil and gas*, misalnya ada Zon Industri Petroleum Kota Perdana, Tanjung Dawai, *Trans-Peninsular Petroleum Crude Oil*, *300km Pipeline Project*, *Merapuh Resources 200,000 barrels per day oil refinery project*, *pristine oil storage facilities SKS Refinery* dan segala macam. Saya boleh senaraikan banyak lagi. Saya tidak nak sentuh yang Kelantan, Sabah, Sarawak atau Iskandar, yang saya sebut tadi Yang Berhormat menteri yang mana dah jalan dah? Itu yang pertama.

Kedua, komitmen kerajaan dalam saya membaca pelan koridor ini, *master plan* dia ialah untuk mewujudkan iklim pelaburan yang sangat kondusif.

■ 2140

Sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa di Kedah sekarang satu kawasan Technology Park, Kulim yang sudah pun memasuki fasa keempat dan geran pembangunannya daripada Kerajaan Persekutuan tetapi fasa keempat yang sedang berjalan rancak sekarang ini satu sen pun daripada peruntukan geran pembangunan Kerajaan Pusat tidak turun lagi.

Ini sudah tentu bercanggah dengan komitmen mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif khusus untuk koridor utara. Dua perkara saya bangkitkan, mohon minta penjelasan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana soalan itu. Seperti saya katakan tadi di koridor utara, komitmen ataupun peruntukan untuk perbelanjaan awalan dari segi NCIA adalah hanya RM45 juta. Itu kebanyakan diguna sekarang ini untuk pelan-pelan sistem pengaliran di MADA. Nanti saya akan perjelaskan, ada persoalan berkenaan dengan MADA, yang lain-lain itu kita masih lagi menunggu komitmen daripada syarikat-syarikat swasta untuk menjalankan perniagaan-perniagaan ataupun untuk membuat pelaburan-pelaburan di NCIA.

Di Perbadanan NCIA tetap memberi tumpuan untuk menarik pelabur-pelabur ke NCIA. Dari segi Kulim Technology Park, ada perbincangan untuk dapat meningkatkan lagi *efficiency technology park* itu. Keputusan itu masih lagi belum dibuat, sekarang ini di peringkat perbincangan di peringkat *Cabinet Committee*. Ini satu perkara yang tetap akan memberi penekanan untuk menarik pelaburan asing walaupun mereka ada pelaburan ini akan diadakan di Kedah atau di Kulim Technology Park, tiada perbezaan di mana pelaburan yang akan ditarik, mana yang pelabur dapat memberi tumpuan untuk mendapat pelaburan kita akan beri sokongan dari segi itu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Menteri, saya mohon sedikit lagi celahan. Berkenaan dengan Kulim Technology Park. Isunya ialah, sekarang sudah masuk fasa keempat, fasa satu, dua, tiga cukup berjaya kerana prinsipal aktivitinya ialah dia buka prasarana pelaburan. So, pelabur datang tetapi apabila masuk fasa keempat yang sedang rancak berjalan, geran pembangunan daripada Kerajaan Pusat yang biasanya disalurkan kepada SEDC itu tidak sampai, satu sen pun belum sampai.

Rundingan antara Kerajaan Negeri khususnya Presiden Taman Teknologi dengan kementerian terbabit telah pun berjalan. Diberitahu di peringkat pegawai-pegawai tinggi, Ketua Setiausaha dan sebagainya tiada masalah tetapi sampai sekarang belum satu sen pun sampai kontraktor menggelupur, kerja berjalan kerja tidak dapat bayar kerana kegagalan menjelaskan komitmen dari segi geran pembangunan oleh Kerajaan Pusat untuk program ini.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Okey, saya ambil perhatian tentang ulasan dan dapat saya mengambil tindakan yang seterusnya supaya dapat pelaksanaan itu dijalankan dengan baik..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai koridor. Minggu lalu dalam mesyuarat *National Economic Council* di mana ada mesyuarat antara lain membuat keputusan untuk membatalkan atau untuk bekukan projek atau belian Eurocopter dan untuk mengurangkan mengkaji semula semua perbelanjaan program-program memandangkan krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara berikutan dengan global *economic depression* yang akan datang. Bagaimana kajian ini akan impak program-program, koridor-koridor ini? Adakah ini tidak akan melihat *downsizing* semua program koridor-koridor ini.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Yang Berhormat berkenaan dengan pandangan yang diberikan itu. Memang benar kerajaan sekarang telah mengkaji semula perbelanjaan projek-projek yang antaranya yang tidak akan memberikan kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Jadi dari segi secara amnya, projek-projek yang tidak memberikan manfaat langsung, *direct* kepada ekonomi seperti projek-projek yang menggunakan import yang besar mungkin akan ditangguhkan.

Jadi projek-projek yang akan menjana pertumbuhan ekonomi seperti pembinaan dapat menggunakan bahan binaan dalam negeri itu akan diteruskan. Jadi yang akan ditangguhkan ialah projek-projek yang menggunakan bahan import yang besar kerana ini tidak akan memberikan manfaat yang langsung kepada negara ini. Oleh itu antara projek-projek yang seperti pembelian Eurocopter itu adalah salah satu daripada projek-projek yang akan ditangguhkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh beri contoh-contoh yang lain?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Pembelian helikopter polis pun akan ditangguhkan untuk sementara waktu kerana ini pun kegunaannya adalah *import contain* nya terlalu banyak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pembelian lapan helikopter atau 34 helikopter?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Yang di MINDEF, *Ministry of Defence* ada lapan dan polis ada 21. So itu pun akan ditangguhkan untuk sementara waktu. Jadi projek-projek koridor akan memberi manfaat kepada rakyat, itu akan memberi manfaat, peluang pekerjaan, peluang perniagaan, itu akan diteruskan.

Jadi yang kita rancang RM10 bilion untuk Rancangan Malaysia Kesembilan akan diteruskan dalam perbelanjaan tahun 2009 ini. RM6 bilion akan diperuntukkan untuk menjalankan program-program yang dikenal pasti untuk kesemua koridor.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin tahu peluang-pelaung pekerjaan yang akan diwujudkan oleh koridor-koridor ini. Berapa peratus untuk pekerja tempatan dan berapa peratus untuk pendatang pekerja daripada luar?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Memang kita hendak beri pelaung kepada pekerja tempatan dan seperti saya beritahu tadi, untuk tahun 2009, IRDA ataupun Iskandar Malaysia akan memberi peluang pekerjaan kepada 5000 pekerja jadi peluang ini harus dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia. Kita sepatutnya mendapat faedahnya. Jadi itu memang tujuan kita belanja itu untuk memberi keselesaan atau pendapatan untuk rakyat Malaysia. Itu memang dipastikan. Pelaburan dalam projek-projek yang diterajui sektor swasta merupakan komponen ...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: *Can I* sambung ini. Komponen utama pembangunan koridor pertumbuhan. Oleh itu bagi menyediakan iklim pelaburan yang kondusif, kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal bagi menarik dan memudahkan para pelabur beroperasi di kawasan koridor. Program Promosi Koridor Pertumbuhan serta penyediaan pakej insentif dan dapat menarik kemasukan pelaburan tempatan dan asing ke kawasan koridor pertumbuhan terutamanya di Iskandar Malaysia sehingga 30 September 2008.

Nilai pelaburan yang telah diperoleh melalui perjanjian kontrak di seluruh koridor pertumbuhan berjumlah RM101 bilion. Sumber pelaburan ini adalah dari dalam dan luar negara.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat sudah mengatakan bahawa kerana koridor-koridor ini memberi manfaat kepada rakyat dengan sedemikian tidak akan mengurangkan peruntukan daripada pihak kerajaan. Di sini dengan tsunami ekonomi dunia, apakah akan terjadi misalnya Iskandar, itu daripada Singapura, daripada negara-negara Arab.

Apakah itu pelaburan sekarang misalnya di Iskandar adakah mereka sudah menarik balik pelaburan ini dan dari segi pendidikan misalnya berapa universiti daripada luar misalnya daripada England akan mengadakan kampus di Iskandar.

■ 2150

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Alhamdulillah kita punya tarikan pelaburan masih lagi menarik. Tak ada pelabur-pelabur yang telah berjanji untuk masuk dalam Koridor Iskandar Malaysia yang telah membatalkannya. Mereka akan terus menjalankan usaha-usaha pelaburan dan daripada segi universiti dari antarabangsa yang baru masuk ke Malaysia, saya tak ada maklumat itu. Saya ada pernah dengar yang bahawa *New Castle University* akan menjalankan perniagaan mereka di Malaysia tapi ini saya kurang pasti, ini saya tak dapat tahu dengan tepatnya maklumat ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat Kalabakan, Putatan, Kimanis dan Sepanggar telah membangkitkan isu mengenai peruntukan bagi SDC atau *Sabah Development Corridor* yang belum disalurkan serta projek-projek SDC yang belum dilaksanakan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada keseluruhan peruntukan koridor sebanyak RM10 bilion yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM2.4 bilion diperuntukkan untuk Sabah. Peruntukan ini telah pun diluluskan dan Kementerian Kewangan akan menyalurkan kepada SDC apabila proses kewangan yang terlibat dengan penyaluran peruntukan koridor ini dimuktamadkan.

Dalam hal ini, SDC belum lagi menubuhkan pihak berkuasa koridor bagi menerajui, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek mengenai SDC. Dalam pertemuan saya dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah pada 15 September, Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju untuk menubuhkan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah tersedia selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa tiada sebarang projek dilaksanakan di SDC adalah tidak benar sama sekali. Daripada jumlah 55 projek yang telah dicadangkan di bawah Koridor Sabah, sebanyak 15 projek telah pun dimulakan kerja-kerja awalan pada tahun 2008 seperti kerja-kerja ukur tanah, kajian *environmental impact assessment*, penyediaan tapak dan reka bentuk.

Antara projek berkenaan ialah projek khas tanaman baru getah di kawasan termundur di Semenanjung Benkoka, Pitas, Projek pembangunan menaik taraf kampung-kampung di Pulau Gaya, projek peningkatan kemudahan pelancongan di Tambunan dan Sabah *Agro Industry Presint* di Papar. Ahli Yang Berhormat Tuaran dan Sipitang membangkitkan isu mengenai penggerak utama pembangunan SDC dan masalah usahawan pelabur tempatan Sabah untuk kekal dalam pasaran kerana kos perniagaan yang tinggi akibat kekurangan kemudahan infrastruktur logistik dan perkhidmatan sokongan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengenal pasti penglibatan SEDIA sebagai agensi utama awam bagi menggerakkan pembangunan sosioekonomi di SDC bagi projek sektor awam.

Walau bagaimanapun, pemangkin sebenar kepada pembangunan semua koridor pertumbuhan termasuk SDC adalah sektor swasta menerusi pelaburan mereka dalam projek-projek tertentu. Di samping itu, kerajaan juga menyedari tentang perlunya menyediakan kemudahan infrastruktur logistik dan perkhidmatan sokongan bagi mengurangkan kos yang ditanggung oleh usahawan dan pelabur tempatan. Selain peruntukan tambahan khusus yang disediakan bagi meningkatkan infrastruktur asas dan logistik di Sabah seperti yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Bajet 2009, program pembangunan SDC juga telah disediakan peruntukan sewajarnya bagi kemudahan infrastruktur dan logistik. Program pembangunan SDC juga akan menyediakan insentif-insentif khusus yang dapat membantu mengurangkan lagi kos pelaburan dan operasi usahawan dan pelabur tempatan Sabah.

Ahli Yang Berhormat Sungai Siput membangkitkan isu berhubung dengan pelancongan kesihatan di NCER. Pelancongan kesihatan merupakan salah satu sektor yang diberi keutamaan dalam Pelan Induk NCER untuk dimajukan bagi mengoptimumkan penggunaan kemudahan infrastruktur yang sedia ada dan potensi di NCER terutamanya di Pulau Pinang dan Langkawi. Pembangunan pelancongan kesihatan di NCER akan diterajui oleh sektor swasta manakala kerajaan hanya terlibat dengan aktiviti mempromosi sektor tersebut dengan kos yang minimum. Walau bagaimanapun, inisiatif ini tidak akan menjejaskan perkhidmatan kesihatan yang disediakan kerajaan kerana cadangan pembangunan pelancongan kesihatan NCER akan menggunakan kemudahan rawatan serta pakar-pakar profesional dan terlatih di hospital-hospital swasta yang sedia ada.

Ahli Yang Berhormat Pendang juga membangkitkan isu berhubung dengan membaik pulih sistem saliran di kawasan MADA dalam NCER. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek pemulihan dan penambahbaikan sistem saliran di kawasan MADA merupakan antara projek utama sektor pertanian NCER khususnya untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi di kawasan tersebut. Daripada peruntukan sejumlah RM158 juta yang disediakan, NCIA telah menyediakan peruntukan awal sebanyak RM19 juta bagi tahun 2008 untuk memulakan projek ini. Kerajaan komited untuk meneruskan projek penambahbaikan sistem saliran di kawasan MADA bagi meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian di NCER.

Ahli Yang Berhormat Kapit, Lawas dan Mukah telah menyentuh isu berhubung dengan pelaksanaan program Pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau SCORE. Seperti yang saya nyatakan, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek pembangunan di kesemua koridor pertumbuhan yang telah dilancarkan termasuk projek-projek infrastruktur yang telah dirancang dalam SCORE. Malah bagi memastikan pelaksanaannya mengikut jadual, Kerajaan Negeri Sarawak telah pun memulakan kerja-kerja awalan bagi beberapa projek seperti pembinaan jalan akses ke tapak Empangan Murun dan Estet Perindustrian Samalaju supaya ianya dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat Paya Besar telah mencadangkan penubuhan satu koridor ekonomi FELDA agar setanding dengan koridor-koridor pertumbuhan yang lain. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan koridor ekonomi FELDA kerana FELDA merupakan satu gagasan pembangunan wilayah yang telah mencapai kejayaan yang cemerlang dan pendekatan ini tidak perlu diubah. Ahli Yang Berhormat Marang memohon penjelasan berhubung ketidakseimbangan pembangunan dan kemajuan industri antara kawasan Pantai Barat Semenanjung dan Pantai Timur dan Malaysia Timur. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tidak dinafikan bahawa terdapat tumpuan pelaburan oleh sektor swasta di kawasan Pantai Barat Semenanjung yang dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kewujudan infrastruktur dan kemudahan asas yang secara berbanding adalah lebih baik dan meluas di kawasan tersebut.

Menyedari hakikat tersebut dan bagi mencapai prinsip pengagihan pembangunan sosioekonomi yang lebih seimbang, kerajaan telah memainkan peranan penting untuk menarik lebih pelaburan ke Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, di bawah inisiatif Koridor Pertumbuhan, jumlah pelaburan sebanyak RM5.5 bilion telah berjaya ditarik di NCER, RM3.8 bilion di SDC dan RM50.1 bilion ke SCORE. Kerajaan telah mengambil inisiatif membangun dan menaik taraf pelbagai infrastruktur dan kemudahan asas seperti jalan perhubungan dan utiliti, pelabuhan dan lapangan terbang, pembangunan, kawasan perindustrian dan penyediaan pakej insentif bagi menggalakkan pelaburan swasta di kawasan tersebut.

Kerajaan juga akan terus melaksanakan program Pembangunan Usahawan dan Pakej Modal Perdagangan dan Perindustrian bagi menyediakan peluang kepada usahawan tempatan untuk terlibat dengan aktiviti yang menjana pendapatan. Di samping itu, kerajaan juga melalui agensi dan syarikat-syarikat kerajaan seperti Petronas, FELCRA dan FELDA telah membuat pelaburan langsung aktiviti yang berupaya menjana pendapatan yang tinggi, menyediakan peluang pekerjaan dan membangun industri dan perkhidmatan sokongan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada kira-kira dalam 13 muka lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh sambung esok Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya cadangkan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, saya cadangkan jawapan bertulis saja.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: ...Jawapan bertulis. Saya cadangkan jawapan bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh Yang Berhormat. Kita tunggu jam 10.00. Boleh Yang Berhormat, boleh diberi jawapan secara bertulis.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan hari ini ditangguhkan

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita tangguhkan, kita lihat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada di sini, tak ada menteri. Bolehkah sampai mesej kita mahu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri datang jawab, bukan Timbalan Menteri. Perkara penting, jenayah, *crime!*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Apa lagi? Tunggu esok sajalah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguh hingga pukul 10.00 pagi hari Khamis, 30 Oktober 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.00 malam.